



UCAPAN-UCAPAN
TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN HUSSEIN
1972

Diterbitkan oleh
Arkib Negara Malaysia
dengan kerjasama
Jabatan Perdana Menteri

DICETAK OLEH
IBRAHIM BIN JOHARI, P.I.S., KETUA PENGARAH PERCETAKAN
SEMANJUNG MALAYSIA, KUALA LUMPUR
1977

m
959.5052
ARH

M 719520

4 JAN 1995
Perpustakaan Negara
Malaysia

KANDUNGAN

	MUKA SURAT
PENDAHULUAN	1
PENJELASAN	3
SINGKATAN	4
 UCAPAN-UCAPAN:	
Ucapan Perdana Menteri di Pembukaan Kejohanan Badminton Belia di Stadium Negara, Kuala Lumpur pada 5hb Januari, 1972	9
Ucapan Perdana Menteri di Pembukaan Rasmi Per- sidangan Perwakilan CUEPACS di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada 6hb Januari, 1972	11
Ucapan Perdana Menteri di Pembukaan Rasmi Maktab Turus Angkatan Tentera Malaysia di Kementerian Pertahanan, Kuala Lumpur pada 8hb Januari, 1972	17
Ucapan Perdana Menteri di Upacara Pembukaan Rasmi Seminar Memperbaiki Semangat, Sikap dan Dedikasi di Instituti Teknologi MARA, Petaling Jaya pada 10hb Januari, 1972	21
Speech by the Prime Minister at the National Chamber of Commerce Dinner at Hotel Merlin, Kuala Lumpur on 14th January, 1972	27
Speech by the Prime Minister at the Opening of the International Conference on Malay Culture at Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur on 21st January 1972	31
Speech by the Prime Minister at the Opening Ceremony of the Complex of United Motor Works (M) Sdn. Berhad at Batu Tiga, Selangor on 22nd January, 1972	35

Speech by the Prime Minister at the Official Opening of the Twenty First Annual Conference of PATA at Parliament House, Kuala Lumpur on 31st January, 1972	39
Speech by the Prime Minister at the Opening of City Status and Enviro 2000 Exhibition at Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur on 1st February, 1972	45
Speech by the Prime Minister at the Opening of Bubble Car System and Orchid Display Centre at Bukit Nanas Tourist Complex, Kuala Lumpur on 2nd February, 1972	48
Ucapan Perdana Menteri di Pembukaan Rasmi Pusat Penyelidikan LKTP, Tekam, Temerloh, Pahang pada 3hb Februari, 1972	51
Speech by the Prime Minister at the Opening of FIFA Coaching Course at Dewan Tunku Chancellor, University of Malaya, Kuala Lumpur on 5th February, 1972	54
Speech by the Prime Minister at the Official Opening of the Seventh Conference of Governors of Central Banks of South-East Asia in Kuala Lumpur on 7th February, 1972	56
Speech by the Prime Minister at the Dinner of Fellows of the Royal College of Surgeons, Edinburgh at the Lake Club, Kuala Lumpur on 12th February, 1972	61
Speech by the Prime Minister at the Opening of the International Conference on South-East Asian Studies at Dewan Tunku Chancellor, University of Malaya, Kuala Lumpur on 23rd February, 1972 ...	64
Speech by the Prime Minister at the Opening of the Institution of Engineers (Malaysia)'s Symposium on "The Role of the Engineer in Environmental Pollution Control" at the Faculty of Economics and Public Administration, University of Malaya, Kuala Lumpur on 23rd March, 1972	69

Speech by the Prime Minister at a Dinner in Honour of the Hon'ble Mr. Lee Kuan Yew, Prime Minister of Singapore, at Sri Taman, Kuala Lumpur on 23rd March, 1972	73
Ucapan Perdana Menteri di Pembukaan Kongres Ekonomi Islam yang Kedua di Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur pada 7hb April, 1972 ...	75
Speech by the Prime Minister at the Dinner by the International Chamber of Commerce at Hotel Merlin, Kuala Lumpur on 7th April, 1972	83
Speech by the Prime Minister at the Official Opening of Carlsberg Brewery (M) Berhad at Shah Alam, Selangor on 15th April, 1972	89
Ucapan Perdana Menteri di Upacara Penyampaian Hadiah Karya Sastera tahun 1971 di Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur pada 15hb April, 1972	93
Ucapan Perdana Menteri di Pembukaan Kilang Nenas Kedua, Syarikat Kilang Nenas Tanah Melayu, di Pulau Sebatang, Johor pada 16hb April, 1972 ...	97
Ucapan Perdana Menteri di Upacara Pelancaran Rasmi Majlis Penasihat Kebangsaan mengenai Latihan Perusahaan di Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur pada 20hb April, 1972 ...	102
Ucapan Perdana Menteri di Upacara Perbarisan Pasukan Palang Merah di Padang Kelab Selangor, Kuala Lumpur pada 7hb Mei, 1972	110
Perutusan Perdana Menteri Sempena Hari Belia 1972 di Radio dan TV Malaysia pada 15hb Mei, 1972 ...	114
Ucapan Perdana Menteri di pembukaan Kilang Kulit-kraft, Petaling Jaya, Selangor pada 15hb Mei, 1972	119

Ucapan Perdana Menteri semasa Menggulung Perbahasan Mengucap Terimakasih di atas Titah Diraja di Dewan Rakyat, Kuala Lumpur pada 17hb Mei, 1972	123
Ucapan Perdana Menteri di Persidangan Perwakilan Jubilee Emas Persatuan Bekas Perajurit di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada 21hb Mei, 1972	140
Speech by the Prime Minister at the Official Opening of the First Ministerial Conference for the Development of Transport and Communications in South-East Asia at Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur on 22nd May, 1972	147
Speech by the Prime Minister and Minister of Foreign Affairs at the Second Meeting of the Preparatory Committee of Non-Aligned Countries at the Conference Room, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur on 23rd May, 1972	153
Speech by the Prime Minister at the Selangor Chinese Chamber of Commerce Dinner at Dragon Court, Hotel Merlin, Kuala Lumpur on 26th May, 1972 ...	158
Ucapan Perdana Menteri di Pembukaan Rasmi Mesyuarat Agung Tahunan Majlis Belia Malaysia, di Oditorium MARA, Kuala Lumpur pada 26hb Mei, 1972	161
Ucapan Perdana Menteri di Upacara Pelancaran Rasmi Social Security Scheme di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada 1hb Jun, 1972 ...	165
Ucapan Perdana Menteri di Majlis Jamuan Tahunan Persatuan Perkhidmatan Tadbir Malaysia (MCSA) di Dewan Jamuan Parlimen, Kuala Lumpur pada 3hb Jun, 1972	170

Ucapan Perdana Menteri di Istiadat Mengadap pada hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agung, di Istana Negara, Kuala Lumpur pada 7hb Jun, 1972 ...	175
Ucapan Perdana Menteri di Majlis Pembukaan Kima Sendirian Berhad, di Kajang, Selangor pada 10hb Jun, 1972	179
Speech by the Prime Minister at a Dinner of the Rt. Hon'ble William McMahon, the Australian Prime Minister, at Sri Taman, Kuala Lumpur on 12th June, 1972	183
Speech by the Prime Minister at a Dinner given in His Honour by Members of the Diplomatic Corps at Merlin Hotel, Kuala Lumpur on 17th June, 1972	186
Ucapan Perdana Menteri di Upacara Pelancaran ETV di Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur pada 19hb Jun, 1972	191
Speech by the Prime Minister at the Opening of the South-East Asian Amateur Golf Team Championship 1972, at the Royal Selangor Golf Club, Kuala Lumpur on 20th June, 1972	195
Ucapan Perdana Menteri di Upacara Merasmikan Bangunan Tambahan Baru Syarikat Utusan Melayu Malaysia Berhad, di Jalan Chan Sow Lin, Kuala Lumpur pada 22hb Jun, 1972	196
Ucapan Perdana Menteri di Perhimpunan Agung UMNO di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada 24hb Jun, 1972	202
Ucapan Perdana Menteri di Majlis Jamuan Institution of Engineers di Federal Hotel, Kuala Lumpur pada 30th Jun, 1972	227
Speech by the Prime Minister at the Opening of District 330 Annual Assembly at Banquet Hall, Federal Hotel, Kuala Lumpur on 1st July, 1972 ...	231

Ucapan Perdana Menteri semasa Melancarkan Kempen Keselamatan Jalan Raya Negara, melalui Radio dan TV Malaysia pada 3hb Julai, 1972	235
Ucapan Perdana Menteri di Upacara Pembukaan Rasmi Kilang Syarikat Malaysia Explosives Sdn. Bhd, di Batu Arang, Selangor pada 8hb Julai, 1972	239
Speech by the Prime Minister at the Opening Ceremony of the ILO/ECAFE Asian Symposium on Labour and Population Policies at Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur on 24th July, 1972	244
Ucapan Perdana Menteri di Majlis Pembukaan Rasmi Bangunan Teknik di Jalan Menteri, Kuala Lumpur pada 28hb Julai, 1972	249
Ucapan Perdana Menteri di Upacara Pembukaan Rasmi Pusat Pembangunan Masyarakat Sabah, di Kota Kinabalu, Sabah pada 31hb Julai, 1972	252
Ucapan Perdana Menteri di Istiadat Merasmikan Tugu Kenang-kenangan Bapa Malaysia, Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putera Al-haj, di hadapan Bangunan Urusetia, Kota Kinabalu, Sabah pada 31hb Julai, 1972	257
Ucapan Perdana Menteri merangkap Presiden UMNO di Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Agung USNO yang ke Tujuh, di Kota Kinabalu, Sabah pada 1hb Ogos, 1972	261
Speech by the Prime Minister at the Opening of the Seventh Malaysia-Singapore Congress of Medicine at the Auditorium of the General Hospital, Kuala Lumpur on 4th August, 1972	269
Perutusan daripada Perdana Menteri kepada Per-sidangan Odit pada 6hb Ogos, 1972	273

Ucapan Perdana Menteri di Majlis Pelancaran "Gerakan Pembaharuan" sempena Pembukaan Pesta Pembangunan Negeri Trengganu, di Dungun, Trengganu pada 6hb Ogos, 1972	277
Ucapan Perdana Menteri mengenai Gerakan Pembangunan melalui Radio/TV Malaysia pada 6hb Ogos, 1972	284
Ucapan Perdana Menteri di Upacara Merasmikan Pelancaran Perbadanan Kemajuan Peluncungan (Tourist Development Corporation) di Bilik Gerakan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Wisma Damansara, Kuala Lumpur pada 10hb Ogos, 1972 ...	288
Ucapan Perdana Menteri di Upacara Penutup Expo Pendidikan 1972 di Stadium Negara, Kuala Lumpur pada 12hb Ogos, 1972	293
Ucapan Perdana Menteri di Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Pusat Pertandingan Membaca Al-Quran tahun 1972, di Bilik Gerakan Perdana Menteri, Kuala Lumpur pada 14hb Ogos, 1972	298
Ucapan Perdana Menteri di Upacara Pelancaran Rasmi Tabung Pelaburan Perwira di Kementerian Pertahanan, Kuala Lumpur pada 14hb Ogos, 1972 ...	302
Speech by the Prime Minister at the Opening of WAY Asia Conference at the Auditorium of the University Kebangsaan, Kuala Lumpur on 14th August, 1972	304
Ucapan Perdana Menteri di Upacara Pelancaran Sistem Ejaan Baharu di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada 16hb Ogos, 1972	309
Speech by the Prime Minister at the Opening of the Inaugural Conference of the International Islamic News Agency (IINA) at the Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur on 16th August, 1972 ...	314

Ucapan Perdana Menteri di Pembukaan Rasmi Kilang Syarikat Mega Chemicals di Shah Alam, Selangor pada 19hb Ogos, 1972	319
Speech by the Prime Minister in his Capacity as President of Outward Bound Trust of Malaysia at the Annual General Meeting of the Trust, at Bangunan Getah Asli, Jalan Ampang, Kuala Lumpur on 28th August, 1972	322
Ucapan Perdana Menteri melalui Radio/TV Malaysia sempena Menyambut Ulangtahun Hari Kebangsaan yang ke Lima Belas pada 30hb Ogos, 1972	326
Ucapan Perdana Menteri di Upacara Pelancaran Rasmi Institiut Tadbiran Awam Negara, Petaling Jaya pada 1hb September, 1972	332
Ucapan Perdana Menteri di Upacara Pembukaan Rasmi Syarikat India-Malaysia Textiles Berhad di Mak Mandin, Seberang Perai pada 2hb September, 1972	339
Ucapan Perdana Menteri di Pembukaan Rasmi Persidangan Perwakilan MCA di Hotel Merlin, Kuala Lumpur pada 2hb September, 1972	343
Speech by the Prime Minister at the Opening of the Third Conference on the "Modernisation of Asia" at Dewan Sri Pinang, Pulau Pinang on 3rd September, 1972	349
Speech by the Prime Minister at the Opening of the Seminar on "The Role of Public Relations in the Implementation of the New Economic Policy" at Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur on 8th September, 1972	353
Ucapan Perdana Menteri di Upacara Penyampaian Hadiah Pertandingan Membaca Al-Quran Angkatan Tentera di Stadium Angkatan Tentera, Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur pada 20hb Oktober, 1972	362

Ucapan Perdana Menteri di Upacara Pembukaan Rasmi Pertandingan Membaca Al-Quran Peringkat Kebangsaan, di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur pada 24hb Oktober, 1972	365
Ucapan Perdana Menteri di Upacara Penutup dan Penyampaian Hadiah Pertandingan Membaca Al-Quran Peringkat Antarabangsa di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur pada 29hb Oktober, 1972	370
Ucapan Perdana Menteri melalui TV/Radio Malaysia Sempena Hari Raya Aidilfitri pada malam 6hb November, 1972	373
Ucapan Perdana Menteri di Pembukaan Pamiran Perusahaan Buku Antarabangsa di Stadium Negara, Kuala Lumpur pada 9hb November, 1972	377
Ucapan Perdana Menteri di Upacara Merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan yang ke Tjujubelas Bank Kerjasama, di Dewan Tunku Canselar, Universiti Malaya, Kuala Lumpur pada 11hb November, 1972	379
Speech by the Prime Minister at the Dinner given in His Honour by the National Chamber of Commerce at Lake Club, Kuala Lumpur on 15th November, 1972	384
Ucapan Perdana Menteri di Upacara Pembukaan Pamiran Lukisan Pemandangan di Balai Seni Lukis Negara, Jalan Ampang, Kuala Lumpur pada 17hb November, 1972	390
Speech by the Prime Minister at the Opening of the Seminar on Farm Mechanization in South-East Asia at the University of Science Malaysia, Penang on 27th November, 1972	393
Speech by the Prime Minister at the Dinner of the Federation of Malaysian Manufacturers at the Lake Club, Kuala Lumpur on 30th November, 1972 ...	399

Ucapan Perdana Menteri merangkap Pengerusi Majlis Penasihat Perpaduan Negara di Mesyuarat Majlis Penasihat Perpaduan Negara, di Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur pada 30hb November, 1972	403
Ucapan Perdana Menteri di Upacara Menyampaikan Diploma kepada Pegawai-pegawai Turus di Maktab Turus Tentera Kementerian Pertahanan, Kuala Lumpur pada 1hb Disember, 1972	408
Speech by the Prime Minister at the Official Launching of Bumiputra Merchant Bankers at the Harlequin, Hotel Merlin, Kuala Lumpur on 2nd Disember, 1972	411
Ucapan Perdana Menteri di Perhimpunan Majlis Kebangsaan Parti Perikatan di Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur pada 9hb Disember, 1972	413
Ucapan Perdana Menteri di Pembukaan Rasmi Persidangan Agung Kesatuan Guru-guru Melayu Malaysia Barat di Dewan Hang Tuah, Bandar Melaka, Melaka pada 16hb Disember, 1972	417
Ucapan Perdana Menteri di Pembukaan Rasmi Persidangan Perwakilan Tahunan ke Dua Puluh Satu Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (M.T.U.C.), di Dewan Persidangan Bangunan M.T.U.C., Petaling Jaya pada 19hb Disember, 1972	422
Ucapan Presiden UMNO merangkap Perdana Menteri di Perjumpaan Khas Ketua-ketua UMNO Mengenai Konsep Kerajaan Campuran Perikatan/Pas di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada 22hb Disember, 1972	427
New Year Message by the Prime Minister over Radio/TV Malaysia on 31st December, 1972	434 ✓

"Kaum belia yang berbilang kaum khasnya hendaklah menanamkan dan memupuk rasa kesedaran nasional yang bersandar pada tiga pokok kesedaran untuk kelangsungan hidup bangsa dan negara. Pertama—rasa sehaluan atau sense of belonging, kedua—rasa penyertaan bersama atau sense of participation dan ketiga—rasa tanggungjawab bersama atau sense of responsibility. Rasa kesedaran ini hendaklah dipupuk saing bersaing dengan amalan prinsip-prinsip Rukunegara yang merupakan daya pengikat bagi persatuan dan kesatuan bangsa Malaysia yang tahan sepanjang zaman."

TUN ABDUL RAZAK

Sempena Hari Belia 1972 melalui Radio dan TV Malaysia pada 11hb Mei, 1972.

PENDAHULUAN

Tahun 1972 merupakan tahun kedua Y.A.B. Tun Abdul Razak menjadi Perdana Menteri Malaysia. Ucapan-ucapan yang terkandung dalam siri ini adalah ucapan-ucapan beliau semasa menjadi Perdana Menteri. Sebahagian besar daripada ucapan-ucapan beliau dalam siri ini adalah berkenaan dengan ekonomi negara, perpaduan rakyat, ancaman komunis dan dasar luar Malaysia.

Sepanjang tahun 1972, berbagai langkah dan usaha telah dijalankan oleh Kerajaan dalam segenap bidang untuk mencapai matlamat "Dasar Ekonomi Baru". Kerajaan menjalankan berbagai langkah dalam Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975) dengan berpandukan kepada "Dasar Ekonomi Baru" untuk membasmi kemiskinan di kalangan rakyat dan mengurangkan perbezaan pendapatan di antara golongan yang berada dengan yang tidak berada. Projek-projek pembangunan di kawasan luar bandar jelas membayangkan hasrat Kerajaan untuk memberikan segala kemudahan kepada masyarakat desa yang selama ini jauh ketinggalan dalam segala bidang supaya mereka dapat sama mengecap nikmat pembangunan negara. Y.A.B. Tun Abdul Razak sedar yang jurang perbezaan ekonomi di antara penduduk bandar dan luar bandar amat jauh sekali. Masyarakat adil yang dicita-citakan oleh Kerajaan tidak akan tercapai jika sebahagian saja dari berjuta-juta rakyat Malaysia hidup dalam keadaan mewah, manakala sebahagian terbesar hidup dalam keadaan yang tidak sempurna.

Dalam tahun 1972 juga Y.A.B. Tun Abdul Razak telah melancarkan "Gerakan Pembaharuan" di Dungun, Trengganu yang bertujuan untuk mengemaskan dan memberi nafas baru kepada usaha-usaha dan pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan. Beliau tidak putus-putus menggesa seluruh rakyat menggunakan kesempatan yang disediakan oleh Kerajaan dan bergerak maju menghadapi cabaran-cabaran hidup dengan penuh keazaman, keyakinan diri dan kejujuran untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Y.A.B. Tun Abdul Razak selalu menekankan betapa pentingnya sifat saling mengerti dan hormat-menghormati di antara masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Masyarakat Malaysia, tegas beliau, hendaklah sentiasa bersatupadu untuk menjamin apa yang dicita-citakan oleh Kerajaan tercapai dengan penuh kejayaan. Perpaduan rakyat adalah penting dalam saat-saat menghadapi bahaya ancaman komunis, yang mana kalau tidak segera diatasi, mungkin menjejaskan usaha-usaha pembangunan negara.

Dalam bidang politik antarabangsa pula, Y.A.B. Tun Abdul Razak terkenal sebagai negarawan yang ulung dari wilayah Asia Tenggara. Dasar luar Malaysia yang bebas dan berkecuali telah dapat menarik perhatian dunia amnya dan rantau Asia Tenggara khususnya. Konsep perkecualian Asia Tenggara yang diterapkan dalam Deklarasi Kuala Lumpur 1971 pada amnya mendapat sambutan dan sokongan negara-negara dunia termasuk kuasa-kuasa besar.

Jika diteliti dari ucapan-ucapan Y.A.B. Tun Abdul Razak dalam tahun 1972, jelas membayangkan yang beliau mempunyai cita-cita besar dan murni. Cita-cita untuk menegakkan kedaulatan negara, kesejahteraan rakyat dan keamanan dunia. Setiap saat dalam hidupnya penuh dengan perjuangan—perjuangan untuk mengejar cita-cita yang murni dan ikhlas. Ketabahan, kesabaran dan ketokohan yang ada pada beliau merupakan kunci kejayaannya dalam menghadapi segala cabaran dan dugaan.

Di dalam usaha mengumpulkan ucapan-ucapan Tun Abdul Razak dalam tahun 1972 untuk diterbitkan dalam jilid ini banyak Jabatan Kerajaan telah dihubungi untuk mendapatkan teks penuh ucapan-ucapannya dan kerjasama yang diperolehi adalah sangat-sangat memuaskan. Arkib Negara ingin merakamkan penghargaan yang tinggi kepada semua Jabatan yang memberi bantuan dan khususnya Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Penejaran dan Jabatan Cetak Kerajaan.

25hb Mei, 1976.

PENJELASAN

Indeks

Ucapan-ucapan yang terdapat di dalam penerbitan ini adalah diterbitkan di dalam bahasa asalnya. Indeks untuk ucapan-ucapan ini adalah disediakan mengikut bahasa ucapan asalnya, iaitu indeks di dalam bahasa Malaysia untuk ucapan dalam bahasa Malaysia dan indeks di dalam bahasa Inggeris untuk ucapan dalam bahasa Inggeris.

Nombor Klasifikasi

Di atas tiap-tiap ucapan dan nota-nota ucapan diberikan satu nombor klasifikasi, misalnya, TR 3:4:72 untuk ucapan dan TR 1:1:72N untuk nota-nota ucapan. Ini adalah nombor klasifikasi Arkib untuk tiap-tiap ucapan asal dan nota-nota ucapan asal di dalam siri ini yang disimpan di Arkib Negara.

SINGKATAN

- ASA, Association of South East Asia
- ASEAN, Association of South East Asian Nations
- ASEAN-CCI, ASEAN—Chamber of Commerce and Industry
- BELIA 4B, Belia Berkhidmat, Bersatu, Bekerja, Belajar
- BERNAMA, Berita Nasional Malaysia
- CAFS, Chief of Armed Forces Staff
- CUEPACS, Congress of Unions of Employees in the Public and Civil Services
- DAP, Democratic Action Party
- EAC, East Asiatic Company
- ECAFE, Economic Commission for Asia and the Far East
- EEC, European Economic Community
- EPF, Employees Provident Fund
- ETV, Education Television
- EXIM BANK, Export Import Bank
- FAM, Football Association of Malaysia
- FAMA, Federal Agricultural Marketing Authority
- FAO, Food Agricultural Marketing Authority
- FELCRA, Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority
- FELDA, Federal Land Development Authority
- FIDA, Federal Industrial Development Authority
- FIFA, Federation International Football Association
- FIMA, Food Industry of Malaysia (Kumpulan FIMA Berhad)
- FMM, Federation of Malaysia Manufacturers

GPMS, Gabungan Pelajar-pelajar Melayu Semenanjung
IDC, Imperial Defence College
IINA, International Islamic News Agency
ILO, International Labour Organisation
IMATEX, India-Malaysia Textiles
ITI, Industrial Training Institute
ITM, Institute Teknologi MARA
KADA, Kelantan Agricultural Development Authority
KIMA, Kilang Kain MARA
KPGMS, Kesatuan Pergerakan Guru-guru Melayu Semenanjung
LKTP, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
LPN, Lembaga Padi dan Beras Negara
MADA, Muda Agricultural Development Authority
MARA, Majlis Amanah Rakyat
MARDI, Malaysian Agricultural Research and Development
Institute
MAS, Malaysian Airline System
MAYC, Malaysian Association of Youth Clubs
MBM, Majlis Belia Malaysia
MCA, Malaysian Chinese Association
MCSA, Malaysian Civil Service Association
MGA, Malaysian Golf Association
MIC, Malaysian Indian Congress
MMA, Malaysian Medical Association
MNI, Malaysian National Insurance
MPIB, Malaysian Pineapple Industry Board
MTUC, Malaysian Trade Union Congress

NCC, National Consultative Council
NISIR, National Institute of Scientific and Industrial Research
NITTCB, National Industrial Training and Trade Certification Board
NOC, National Operation Council
NSC, National Security Council
PAM, Persatuan Akitek Malaysia
PAS, Parti Islam SeMalaya
PATA, Pacific Area Travel Association
PCM, Pineapple Company of Malaysia
PEKEMAS, Parti Keadilan Masyarakat
PERCON, Pemas Construction (*lihat juga* PERNAS)
PERKIM, Pertubuhan Kebajikan Islam
PERNAS, Perbadanan Nasional Berhad
PERTAMA, Persatuan Wartawan Wanita Malaysia
PKPM, Persatuan Kebangsaan Pelajar-pelajar Malaysia
PPP, People's Progressive Party
PRG, Provisional Revolutionary Government
PTD, Pegawai Tadbir dan Diplomatik
RRI, Rubber Research Institute
SANYA, Pertubuhan Belia Kebangsaan Sabah
SCA, Sarawak Chinese Association
SEAMEC, South East Asian Ministers of Education Council
SEAMEO, South East Asian Ministers of Education Organisation
SEAP, South East Asia Peninsula
SEDC, State Economic Development Corporation

SENAMA, A whole sale company supplying provision to retailers
SIC, Sarawak Indian Congress
SITC, Sultan Idris Training College
SMR, Standard Malaysian Rubber
SNAP, Sarawak National Party
SOCSO, Social Security Organisation
SSC, State Security Council
SUPP, Sarawak United People's Party
UDA, Urban Development Authority
UMNO, United Malays National Organisation
UNDP, United Nations Development Programme
USNO, United Sabah National Organisation
UPKO, United Pasok Momugun—Kadazan Organisation
UMW, United Motor Works
UNESCO, United Nations Educational Scientific and Cultural
Organisation
WAY, World Assembly of Youth

UCAPAN PERDANA MENTERI DI PEMBUKAAN KEJOHANAN BADMINTON BELIA DI STADIUM NEGARA, KUALA LUMPUR PADA 5HB JANUARI, 1972

Tuan Yang Di pertua Persatuan Badminton Malaysia,¹ Y.B. Menteri-menteri, Saudara-saudara sekalian.

Terlebih dahulu, sukalah saya mengucapkan tahniah kepada Persatuan Badminton Malaysia atas usaha mereka mengadakan Kejuhanan Badminton Belia ini. Saya merasa kesempatan ini satu penghormatan yang istimewa kerana dapat memulakan tugas tahun baru 1972 ini dengan satu acara khusus bagi belia-belia. Kita sama-sama berharap ini akan membawa natijah yang baik bagi masa depan negara dalam mana kaum belia memainkan peranan penting di semua bidang kehidupan.

Kita baru saja menjadi tuan rumah kepada Sukan SEAP di mana belia-belia kita telah menunjukkan kehandalan serta menaikkan martabat negara di bidang sukan. Berbanding dengan performance di tahun-tahun yang lepas, kita boleh berbangga dengan kemajuan-kemajuan yang dicapai baru-baru ini. Belia-belia kita, baik lelaki mahu pun wanita, telah mencatatkan rekod-rekod yang gilang gemilang terutama di lapangan olahraga di samping itu membolot pingat-pingat emas dalam Badminton.

Saya mengambil peluang ini mengucapkan pujian dan terima-kasih kepada semua peserta kerana mengekalkan nama baik negara dan meninggikan prestige kita dengan kejayaan-kejayaan cemerlang itu.

Saudara-saudara sekalian,

Kejuhanan Badminton Belia ini adalah satu langkah yang bijak dalam usaha memperbaiki mutu permainan Badminton. Barangkali tentulah tidak perlu saya katakan bahawa Badminton adalah kebanggaan kita iaitu semenjak negara kita muncul sebagai juara Piala Thomas selama beberapa tahun.

¹ Y.B. Encik Mohd. Khir Johari.

Bagaimanapun, sudah menjadi kelaziman dalam hidup manusia, ada pasang dan surutnya. Boleh jadi semasa pihak-pihak lain berusaha dan bersungguh-sungguh memperbaiki serta meninggikan mutu permainan mereka, kita telah menjadi agak complacent yang mengakibatkan kehilangan Piala itu dari tangan kita. Ini menjadi satu pengajaran bagi kita semua.

Saya suka menegaskan di sini, meskipun saya telah berkata berkali-kali kita janganlah cepat berpuas hati—complacent—terutama dalam usaha-usaha mencapai objektif negara. Matlamat dan cita-cita kita masih jauh dan dari itu saya berseru kepada kaum belia khususnya supaya mereka sentiasa dalam keadaan siap sedia menghadapi semua cabaran.

Untuk tahun-tahun akan datang ini, Kerajaan sedang menyusun langkah-langkah yang tegas dalam mana tenaga belia akan dilatih dan digerakkan—mobilised—untuk memenuhi keperluan-keperluan di segala lapangan. Saya telah mengarahkan supaya kegiatan-kegiatan belia buat masa depan kelak ditumpukan kepada latihan-latihan yang bermakna serta melengkapkan mereka dengan kemahiran-kemahiran tertentu. Dengan demikian, mereka akan dapat mengambil peluang-peluang terbuka dalam bidang-bidang kegiatan ekonomi, samada pertanian, perniagaan atau perindustrian, mahupun menjalankan perusahaan sendiri.

Saudara-saudara sekalian,

Berbalik semula kepada Kejohanan Badminton ini, saya berharap dengan memberikan galakan-galakan seperti ini, kita akan melahirkan dan memupuk bakat-bakat baru yang boleh meninggikan prestige negara. Kita tidak harus bergantung kepada tokoh-tokoh lama yang ada, kerana satu hari mereka akan pergi dan mestilah diganti dengan bakat-bakat baru. Namun keahlian mereka dan pengalaman-pengalaman mereka yang masak itu patutlah pula diajar dan dipindahkan kepada angkatan baru yang diharap akan terus mengekalkan nama baik negara dan mereka sendiri.

Saya berharap Kejohanan Badminton Belia ini akan berjaya seperti yang dicita-cita dan dengan ini saya isytiharkan Kejohanan ini dimulakan.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI PEMBUKAAN RASMI PERSIDANGAN PERWAKILAN CEUPACS DI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KUALA LUMPUR PADA 6HB JANUARI, 1972

Saudara Pengerusi, Saudara-saudara sekalian yang hadir,

Terlebih dahulu sukaiah saya mengucapkan tahniah kepada CUEPACS kerana mengadakan sidang perwakilan biennial ini sambil itu mengucapkan berbanyak-banyak terimakasih kerana sudi menjemput saya untuk merasmikannya. Bahkan, mengingat bahawa kita masih berada dalam minggu pertama tahun 1973 ini, saya suka juga mengambil kesempatan ini mengucapkan Selamat Tahun Baru kepada anggota-anggota CUEPACS khususnya di seluruh negara.

Saya sungguh tertarik hati dengan susunan sidang perwakilan tahun ini yang dibuat secara Seminar dan saya difahamkan Ketua Setiausaha Negara akan turut mengemukakan kertaskerja pada Seminar ini. Pada fikiran saya, inilah satu cara yang patut dipuji kerana bukan saja memberi kesempatan kepada para perwakilan bertukar-tukar pendapat bahkan juga untuk mengkaji sesuatu masaalah dengan mendalam serta mencari penyelesaiannya. Dengan begini CUEPACS dapat memberi latihan yang berguna kepada ahli-ahlinya dan saya suka melihat contoh ini diturut oleh badan-badan lain supaya membantu rancangan-rancangan latihan yang dijalankan oleh Kerajaan.

Pada kesempatan ini, saya ingin menyatakan pujian dan penghargaan kepada CUEPACS, yang menggabungkan kesatuan sekerja dalam perkhidmatan awam, kerana berjaya melaksanakan kewajibannya dengan penuh tanggungjawab bukan saja kepada ahli-ahli gabungan tetapi juga kepada Kerajaan dan Negara. Tidak syak lagi, suasana harmoni dan ketenangan yang berkekalan sejak beberapa tahun ini membuktikan sikap rasional dan kematangan di kalangan pemimpinan CUEPACS dan ahli-ahli gabungannya. Bagi pihak Kerajaan, saya suka merakamkan ucapan terimakasih yang ikhlas kepada semua pihak yang berkenaan dan sambil berharap suasana ini akan terus kekal hendaknya.

Saudara-saudara sekalian,

Sepertimana kita maklum, suasana tenang serta hubungan baik antara majikan dan pekerja amatlah mustahak dipelihara untuk membolehkan Kerajaan mengekalkan pentadbiran yang cekap dan licin, terutama semasa negara sedang giat melaksanakan Rancangan Lima Tahun Kedua yang telahpun memasuki tahun ketiga pelaksanaannya. Saya ingin melihat rasa kesedaran yang sedalam-dalamnya di kalangan kakitangan Kerajaan memikul tanggungjawab mereka dengan penuh dedikasi supaya rakyat negara kita ini dapat menikmati kehidupan yang sempurna. Kejayaan kita mencapai matlamat-matlamat pembangunan bererti kemakmuran dan kebahagiaan hidup untuk semua.

I would like to remind you that as members of organised groups of citizens, you have an important role in ensuring the successful implementation of the Plan; and as civil servants, it is also your duty to implement the various projects which are embodied in the Plan. On the other hand, as citizens of our beloved country, you will undoubtedly benefit from its successful implementation and I would like to ask you to give your complete devotion and dedication to this all important endeavour. Everyone of us here has a stake in the economic and social projects and the political stability of our country. It must therefore be our resolve and determination, not only in this New Year but also in the years to come to play our part towards accomplishing the objectives we have set out to achieve.

Saudara-saudara sekalian,

Saya suka juga menyentuh sedikit perkara-perkara yang menjadi pokok perhatian CUEPACS berhubung dengan syarat-syarat dan peraturan-peraturan perkhidmatan kakitangan Kerajaan amnya. Berhubung dengan perkara ini, saya sedar bahawa sebarang penyemakan semula syarat-syarat dan peraturan-peraturan Perkhidmatan Awam tidak akan memberi kepuasan pada semua pekerja. Any general revision in the terms and conditions of service of employees in the Public Services cannot at the same time satisfy each and everyone. There will always be small groups who will find it hard to accept the new recommendations but this is inevitable.

Kerajaan sentiasa sedar betapa mustahaknya mempunyai perkhidmatan awam yang puashati atau contended supaya menjamin jentera pentadbiran yang cekap dan dinamis. Dengan tujuan inilah kita membentuk mula-mulanya Suffian Commission¹ dulu yang mana syor-syornya telahpun dilaksanakan. Suruhanjaya Suffian ini yang ahli-ahlinya terdiri dari pakar-pakar antarabangsa, pertama kali dalam sejarah perkhidmatan awam negara kita memberikan nisbah lengkap mengenai cabang-cabang perkhidmatan Kerajaan serta menggariskan beberapa dasar yang menentukan syarat-syarat perkhidmatan dan tangga gaji pekerja-pekerja Kerajaan. Pelaksanaan Suffian telahpun disusul dengan pelaksanaan Penyata Aziz² untuk perkhidmatan guru dan syor Sheikh Abdullah³ untuk anggota-anggota Angkatan Tentera.

Satu lagi Suruhanjaya Diraja iaitu Harun Commission⁴ sudahpun selesai mengkaji kedudukan gaji Badan-badan Berkanun dan Kerajaan Tempatan. Saya harap Penyata Suruhanjaya ini akan siap segera untuk dilaksanakan.

Saudara-saudara sekalian,

Seperti saya katakan tadi, penyata yang meliputi scope begitu luas sudah tentu tidak dapat memuaskan hati semua pihak. Bagaimanapun, pada pandangan Kerajaan sehingga pelaksanaan ini berjalan untuk beberapa lama, tidaklah wajar dibuat sebarang perubahan selagi Kerajaan belum dapat menimbang ataupun mengukur sebarang kelemahan yang timbul darinya supaya masalah itu dapat dikaji serta dihuraikan dari segala segi.

Saya rasa perlu mengingatkan bahawa pindaan di sana sini atau piece-meal revision tidaklah bijak buat masa ini kerana hanya akan menimbulkan keadaan kucar-kacir seperti di masa sebelum penyemakan dulu.

¹ Suruhanjaya Gaji untuk Perkhidmatan Awam di bawah pengerusian Y.A.B. Hakim Tun Suffian Hashim, 1970.

² Suruhanjaya Gaji untuk Perkhidmatan Guru di bawah pengerusian Y.B. Tan Sri Abd. Aziz Zain, 1971.

³ Suruhanjaya Gaji untuk Angkatan Tentera di bawah pengerusian Y.B. Tan Sri Sheikh Abdullah Sheikh A. Bakar, 1972.

⁴ Suruhanjaya Gaji untuk Kerajaan Tempatan dan Badan-badan Berkanun di bawah pengerusian Y.B. Hakim Tan Sri Harun Hashim, 1972, 1973.

Until such time when the revision has been implemented in every section of the public service and a reasonable time given for it to be in force, there should not be any major change in the present scheme of things. Only in this way will Government be in a position to gauge any shortcomings arising from the overall implementation and be able to deal with the problems in their true perspective. Any piece-meal revision of salary scales will only revert us to the chaotic situation that existed prior to the current revision.

I, therefore, ask you all as leaders of CUEPACS and the affiliated unions to appreciate and recognise this fact and to restrain any single unions from acting as pressure groups to attain revision of their salary scales irrespective of the consequences.

Saudara-saudara sekalian,

Saya suka menyatakan di sini bahawa Kerajaan sedangpun mengkaji some manifest anomalies yang timbul setelah pelaksanaan Penyata Suffian dan diharap satu penyelesaian akan dicapai tidak lama lagi.

Begitu juga peraturan sedang dibuat untuk menubuhkan semula Majlis Bersama atau Joint Council yang akan bertanggungjawab mengenai penyemakan tangga gaji dan syarat-syarat perkhidmatan di masa hadapan. Dalam hubungan ini saya dengan gembira mengumumkan bahawa setelah menimbang pandangan dan pendapat Staff Side, Kesatuan Sekerja dan Persatuan-persatuan, Kerajaan telah mempersetujui pembukaan tiga buah Majlis Bersama Kebangsaan atau National Joint Councils, satu bagi tiap-tiap Perkhidmatan Awam termasuk Perkhidmatan Pelajaran (Education Service), Perkhidmatan Polis (Police Service) dan Badan-badan Berkanun atau Statutory Bodies serta Local Authorities. Majlis ini akan mempunyai terms of reference masing-masing. Begitu juga akan dibentuk Joint Councils diperingkat Jabatan dan Kementerian untuk menyelenggarakan hal-hal yang berhubung dengan keadaan perkhidmatan diperingkat Jabatan dan Kementerian.

Saya berharap jentera perundingan yang baru itu akan dapat di bentuk dalam masa yang singkat ini. Tetapi hendaklah juga diingat bahawa perlulah mengambil masa sebelum kedua-dua pihak boleh duduk bersama untuk berunding sungguhpun Kerajaan akan berbuat sedaya upaya membentuknya dengan seberapa segera.

Saudara-saudara sekalian,

Dari apa yang saya huraikan tadi, tentulah dapat difaham bahawa Kerajaan sentiasa sedar akan kewajipan serta tanggungjawabnya sendiri dan sentiasa berikhtiar memelihara serta mengekalkan perkhidmatan awam yang contented sesuai dengan konsep masyarakat adil. Selagi kita bersedia serta sanggup bekerjasama dan berganding bahu kearah satu haluan, saya yakin kita akan berjaya mencipta masyarakat makmur bahagia dan aman sentosa. Saya ingin mengulangi seruan dan harapan supaya kita memperkukuh azam dan dedikasi dalam usaha membangun negara serta menjamin hari depan yang gemilang bagi semua.

Dengan kata-kata itu, saya dengan penuh sukacita merasmikan Sidang Perwakilan CUEPACS ini sambil berharap semoga persidangan ini mendapat penuh kejayaan.



Tun Abdul Razak bin Hussein melawat Perpustakaan Maktab Turus Angkatan Tentera Malaysia di Kuala Lumpur, pada 8hb Januari, 1972.

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)

**UCAPAN PERDANA MENTERI DI PEMBUKAAN
RASMI MAKTAB TURUS ANGGKATAN TENTERA
MALAYSIA DI KEMENTERIAN PERTAHANAN,
KUALA LUMPUR PADA 8HB JANUARI, 1972**

Yang Berbahagia General Tan Sri Ibrahim, Y.B. Menteri-Menteri,
Tuan-tuan Yang Terutama, Saudara-saudara sekalian.

Saya sungguh berbangga kerana dapat bersama-sama di sini pada hari yang bersejarah untuk seluruh angkatan tentera kita serta merasmikan pembukaan Maktab Turus Angkatan Tentera Malaysia ini.

Selama hampir-hampir lima belas tahun kita menjadi bangsa yang merdeka dan berdaulat, Kerajaan telah berusaha memperbesar serta memodenkan angkatan tentera kita kerana kita sedar di bahu merekalah terletaknya tanggungjawab mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara. Dalam hubungan ini, saya merasa betapa mustahaknya kita mempunyai sebuah Maktab Turus Angkatan Tentera seperti negara-negara yang lain. Maktab ini boleh disifatkan sebagai tingkat lanjutan dari Maktab Tentera Diraja yang ada sekarang ini di mana sejak beberapa tahun kita telah mengeluarkan calon-calon pegawai tentera yang terlatih untuk setiap cabang angkatan tentera—darat, laut dan udara.

Ladies and Gentlemen,

It is indeed a personal pleasure for me to be present on this auspicious occasion of the official opening of the Malaysian Armed Forces Staff College this morning. It's about five years ago when I suggested the idea of establishing our own Staff Officers College to meet the increasing needs of our Armed Forces for adequately trained officers at the middle ranks level. This need has become more urgent in the light of recent political developments in Asia particularly the South East Asian region. The time has come, therefore, that we as a nation, should be self-reliant in our defence and towards this end we have expanded the various branches of our armed forces and improved their capability to meet any circumstances.

I am very happy that the idea has now materialised and I am indeed grateful to everyone who has contributed his part towards the establishment of this College.

The establishment of the Malaysian Armed Forces Staff College is a logical course of development for us as a Nation, and in particular, for our Armed Forces. As we are all aware, the Government Staff Training Centre at Petaling Jaya was established in 1963 for the training of the various echelons of our Civil Service; the Royal Malaysian Police College at Kuala Kubu Baharu was established ten years earlier in 1953. It is therefore only logical that the Armed Forces, as a vital arm of the Government, should have a College of their own to provide the much needed training for their staff officers.

Ladies and Gentlemen,

Until today, we have been obliged to depend on our friends, from within and outside the Commonwealth, for the training of our officers at various levels. On behalf of the Government, I take this opportunity to thank them all, namely the United Kingdom, Australia, India, Pakistan, Indonesia, the United States and Canada.

However, it is not our intention to cease sending our officers overseas with the opening of our Staff College here. I sincerely hope that our friends would continue to provide these facilities at their Staff Colleges because I strongly believe that personal contacts at these Colleges would be beneficial in promoting good relations between our Armed Forces and the Armed Forces of the respective countries as well as strengthening the bond of friendship between our respective countries.

Besides, our Malaysian Officers could gain immense knowledge from the environment and experience obtained in the Staff Colleges overseas which otherwise could not possibly be obtained here in Malaysia.

The establishment of this Staff College would give our officers the opportunity to further their training in our own environment. I am especially happy to note that the syllabi at the College are planned and designed to meet our requirements and conforming

to our Malaysian environment, with emphasis on local geography and the social economic and political structures obtaining in this country.

There is no doubt that knowledge on non-military aspects of our country and Government is no less important to our military officers than expertise on military tactics and strategy. Such knowledge would certainly be beneficial to our officers so that they could better understand the work and problems of the other Government agencies with whom they have to work together in our overall efforts towards achieving the national objectives of national unity and economic well-being.

On the other hand, it is also essential that officers in the administrative and professional categories be acquainted with the working of the Military if the whole Government machinery is to function smoothly and effectively. This means that there should be a channel to facilitate exchanges of knowledge and experience between Civil Officers and the Military and one way of doing this is for the various training institutions to work closely together and plan a programme whereby Civil Officers could be given opportunity to attend courses run by a military institution and vice versa. I believe this Staff College will take the lead in fulfilling this worthy task. In this way, it is hoped that better and greater understanding and proper co-ordination could be achieved between Government Departments in implementing their tasks particularly relating to our national objectives.

I strongly feel that close rapport between the two arms of government—civil and military—is all the more desirable at the present phase of our national development. This has proved vital in times of Emergency, borne out of our experience during the NOC Administration.

It is for this reason that I have retained the arrangement and structure of the NSC and the SSC which worked out magnificently during the floods disaster early last year and quite recently. I wish to thank all those concerned for the meritorious service they have rendered to our country.

I am happy to note that all the Staff Members of this College are Malaysian officers who have had their training in well-known Staff Colleges of our friendly countries. In other words, we have had the

novel situation where knowledge and experience gathered by each one of them from such diverse places as Quetta and Fort Leavenworth; Cranwell and Bandung; Wellington and Queen's Cliff are applied to suit our Malaysian environment.

I understand that recently they have been on a study tour to Australia, India, New Zealand, the Republic of Vietnam, Singapore and the United States to learn some aspects relating to the running of Staff Colleges in those countries. I wish to thank the Governments concerned for making this study tour possible.

The present site of the Staff College is a temporary one. This temporary arrangement has been necessary in view of the urgency of establishing the College. I am, however, happy to announce that blueprints for the construction of a modern complex at a permanent site are on the drawing board. The Staff College will undoubtedly enhance the prestige of our capital city.

Being a newly established institution, this College will be faced with the challenge of setting and maintaining a high standard of training as well as establishing a reputation and excellent traditions of its own. I am confident that under the leadership of the first Commandant, Brigadier General Arul, the Staff and students of the College are not only capable of meeting the challenge, but will strive hard to raise the prestige of the College comparable to those well-established ones elsewhere. This is the challenge of the New Year 1972, and I, on my part, will keep a close watch on your progress.

Saudara-saudara sekalian,

Sekianlah saja pesanan saya sambil berharap semoga Maktab Turus Angkatan Tentera ini mencapai kejayaan-kejayaan gemilang di masa hadapan. Sekarang saya dengan sukacita mengisytiharkan Maktab ini dibuka dengan rasminya.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA
PEMBUKAAN RASMI SEMINAR¹ MEMPERBAIKI
SEMANGAT, SIKAP DAN DEDIKASI DI
INSTITIUT TEKNOLOGI MARA, PETALING
JAYA PADA 10HB JANUARI, 1972.

Tuan Pengerusi, Saudara-saudara sekalian,

Terlebih dahulu, saya ingin menyatakan ucapan terimakasih kepada para peserta semua atas kesediaan saudara-saudara menghadiri Seminar ini, dan terimakasih yang istimewa kepada saudara-saudara yang telah menyediakan kertaskerja untuk perbincangan Seminar selama tiga hari kelak.

Saya telah mengarahkan sendiri supaya diadakan Seminar yang khusus ini kerana kita sedang melangkah masuk ke satu babak yang penting dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Tahun pertama dalam jangka waktu Rancangan Malaysia Kedua baru saja selesai. Sungguhpun pada amnya, usaha-usaha yang dijalankan setakat ini bergerak maju dan memuaskan, mustahaklah kita sekarang menumpukan perhatian kepada masalah-masalah yang timbul dari pengalaman tahun pertama itu dan pengalaman kuasa-kuasa lampau dan memperbaiki kelemahan-kelemahan di mana terdapat. Dengan demikian, bolehlah kita menjamin kemajuan-kemajuan yang lebih sempurna sebagaimana yang dicita-citakan itu.

Saudara-saudara,

Seperti sedia dimaklum tujuan muktamad Dasar Ekonomi Baru ialah hendak menjadikan masyarakat negara ini, terutama sekali masyarakat Melayu dan Bumiputra, maju dan moden dalam ertikata yang sepenuhnya. Kita hendak mengubah masyarakat yang masih bercorak tradisional dan custom-oriented menjadi masyarakat dinamis dan economic-oriented seperti bangsa-bangsa yang sudah maju.

¹ Seminar ini ialah anjuran Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.



Tun Abdul Razak bin Hussein kelihatan sedang memerhatikan model Instituti Teknologi MARA yang akan dibina di Shah Alam, pada 10hb Januari, 1972.

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)

Saya yakin kita boleh melakukan perubahan ini beransur-ansur melalui proses-proses perkembangan sehari-hari dalam masyarakat. Yang amat penting sekali ialah mengembangkan nilai-nilai sistem baru—new system of values—dikalangan orang-orang kita yang membolehkan mereka menerima munafaat dari ilmu pengetahuan dan teknik-teknik moden. Selain dari itu, kita hendaklah mengembelikan tenaga manusia yang berlebihan dan menggunakan unsur-unsur kekayaan alam untuk pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat di samping meluaskan kemudahan pelajaran terutama dibidang sains dan teknologi.

Pada hemat saya, proses memodenkan masyarakat bukanlah hanya pada kulitnya sahaja bahkan sepatutnya lebih dari yang dilihat oleh mata saja. Hari ini radio boleh dikatakan alat perhubungan mass media yang mustahak disetiap rumah tetapi sebaliknya peti television masih merupakan satu kemewahan (luxury) kepada kebanyakan orang terutama rakyat di kampung-kampung. Kerajaan menyediakan rangkaian jalanraya di kampung-kampung supaya rakyat luar bandar lebih senang membawa hasil pengeluaran ke pasaran untuk mendapat harga yang baik dan dengan itu pendapatan yang lumayan. Yang pentingnya ialah pendapatan lumayan itu hendaklah dibelanja untuk perkara-perkara yang mustahak untuk keperluan sehari-hari yang lebihnya hendaklah disimpan untuk faedah masa hadapan dan tidak dibelanjakan untuk perkara-perkara mewah (luxury) yang tidak begitu mustahak. Umpamanya kecenderongan setengah-setengah pemuda di Kampung-kampung menukar motorcycle atau scooter baru apabila selesai musim padi tidaklah boleh dianggap satu kemajuan.

Dengan lain-lain perkataan, modernisation bermakna memilih jalan yang wajar bagi masyarakat kita, sesuai dengan keadaan-keadaan sekeliling, supaya dapat menggunakan sebaik-baiknya kemajuan ilmu pengetahuan sains dan teknologi yang terdapat hari ini.

Kita di Malaysia ini sungguh beruntung kerana negara kita dikurniai Allah dengan kekayaan hasil-hasil bumi serta tanah yang subur untuk berbagai jenis tanam-tanaman. Rakyat negara yang berbilang kaum, yang sebahagian besarnya golongan belia, merupakan kekayaan tenaga manusia yang mana kalau digembelikan dalam satu barisan yang bersatu padu membolehkan kita mencapai cita-cita nasional dengan sepenuhnya.

Tegasnya, kedudukan kita hari ini adalah penuh dengan potential-potential bagi mencapai matlamat negara dalam jangka waktu yang tidak begitu lama.

Saudara-saudara,

Bagaimana pun adalah diakui bahawa pada hari ini masih terdapat kelemahan-kelemahan dalam fabric masyarakat kita dan saya rasa mustahaklah kelemahan-kelemahan ini diatasi seberapa segera supaya mempercepatkan proses ke arah modernisation itu. Pada amnya, kelemahan-kelemahan ini berpunca dari hakikat masyarakat kita yang tradisional dan custom-oriented. Oleh itu nyatalah bahawa anak kunci bagi menghuraikan masaalah tadi ialah mengubah nilai-nilai hidup dan sikap orang-orang kita itu, mendesak mereka supaya berfikir serta bertindak dengan cara yang moden dan dengan itu dapat membina lembaga-lembaga ekonomi dan sosial yang moden pula.

Saya berharap Seminar yang akan berlangsung tiga hari ini akan mengkaji keseluruhannya serta merumuskan langkah-langkah yang patut diambil untuk mempercepatkan proses modernisation itu.

Saya bersetuju dengan pendapat ahli-ahli bijak pandai bahawa apa yang perlu ditanamkan di hati sanubari angkatan muda kita terutamanya ialah "motivation" dan sikap "achievement-oriented". Kita semua maklum bahawa orang tua-tua di masa dahulu tidak kurang hasrat dan cita-cita yang tinggi membaiki taraf hidup meskipun mereka tidak mengenal istilah ekonomi. Sebaliknya pepatah lama "rajin dan usaha itu tangga kekayaan" jelas membuktikan motivation mereka serta minat mencapai kejayaan dan kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.

Suasana hari ini menghendaki pengubahan cara pemikiran kita dalam menghadapi soal-soal hidup. Sikap baru yang dimaksudkan itu antara lain-lain kesediaan menerima idea baru serta cuba menjalankan cara-cara kegiatan ekonomi yang moden. Orang-orang kita hendaklah juga mempunyai daya pemikiran dan time-sense yang lebih mementingkan masa sekarang dan masa depan dan tidak khayal atau hanyut dengan masa yang sudah lalu.

Begitu pula dalam sebarang usaha yang dijalankan hendaklah dititikberatkan perancangan, organisasi dan kecekapan supaya usaha itu membawa hasil yang lebih bermakna. Kita hendaklah



Sementara kita berazam hendak mencapai kejayaan dalam bidang perdagangan dan perindustrian, sudah barang tentu kita tidak dapat mengelakkan masaalah-masaalah yang lazim timbul dan akibat-akibat buruk daripada perkembangan perindustrian. Dalam kita mengutamakan peranan sains dan teknologi untuk melengkapkan pekerja-pekerja angkatan muda dengan kemahiran dan di samping itu meningkatkan usaha membandaraiskan kawasan-kawasan luar bandar namun kita tidak dapat menghalang aliran belia-belie dari kampung mencari pekerjaan ke bandar-bandar. Kepada sebahagian belia-belie luar bandar kita, cara tradisional mencari rezeki daripada usaha-usaha pertanian tidak menarik lagi kerana terpengaruh oleh sinar-sinar lampu di bandar-bandar yang penuh dengan berbagai ragam kehidupan.

Dalam melaksanakan dasar hendak menyusun semula masyarakat Malaysia, kita boleh menggembelingkan tenaga belia-belie luar bandar dalam bidang pembangunan demi kepentingan perpaduan negara. Di samping meningkatkan pembangunan dalam sektor pertanian dan perusahaan luar bandar, kita hendaklah juga menjalankan rancangan-rancangan yang boleh meyalurkan tenaga baru itu kepada aliran hidup masyarakat perdagangan dan perindustrian. Dengan cara itu, kita berharap dalam masa yang agak singkat, bentuk atau structure penduduk-penduduk negara ini akan membayangkan keadaan penduduk berbilang kaum; bukan sahaja dari segi taburannya atau population distribution,

mahu pun jenis pekerjaan dan tugas-tugas ekonomi (economic functions) mereka bahkan juga dari segi peringkat-peringkat pekerjaan dan jenis mata pencarian.

Saudara-saudara sekalian,

Dari apa yang saya katakan tadi, maka jelaslah bahawa belia belia Melayu kita yang bakal menjadi pekerja-pekerja kilang, pejabat dan firma swasta, akan memerlukan panduan dan bimbingan, bukan untuk berjaya mencari nafkah hidup tetapi, yang penting sekali supaya dapat menguasai pengaruh-pengaruh alam sekeliling mereka dengan berpegang teguh pada nilai-nilai hidup menurut ajaran Islam.

Kita sama-sama maklum bahawa belia-belia memerlukan juga bimbingan untuk mengatasi pengaruh-pengaruh kebaratan yang tidak diinginkan dan konsep kebebasan yang melulu. Belia-belia sekarang merasa bebas daripada kawalan masyarakat (social control) dan meninggalkan tradisi-tradisi yang menghargai semangat bergotong royong, memandang surau dan masjid sebagai pusat membina akhlak dan kekuatan peribadi untuk menentang pengaruh-pengaruh yang merosakkan. Oleh kerana tiada bimbingan, mereka tidak lagi terikat kuat kepada kawalan sosial seperti adat resam masyarakat di mana orang tua-tua imam dan guru-guru memainkan peranan penting menjunjung kepentingan moral dan ugama Islam. Ini bolehlah dianggap sebagai korban menjejat kemodenan.

Keadaan ini tidak dapat dielakkan dengan wujudnya masyarakat yang dipengaruhi oleh kepentingan kebendaan amatlah mustahak belia-belia kita, baik yang di bandar atau pun di luar bandar, mendapat bimbingan yang sesuai dengan keadaan sekarang dan bukan dengan cara lama. Mereka memerlukan nasihat yang realistik dan tepat dengan keadaan hidup mereka iaitu mengenai percampuran, pergaulan, adat tertib dan pekerjaan mereka hari-hari. Hal-hal yang utama seperti masalah perumahan khususnya di kawasan-kawasan sesak atau dalam kelompok berbilang bangsa dan ugama, masalah-masalah perhubungan dan suasana hidup bandar mestilah diketahui masak-masak dan ditibangkan penuh-penuh sebelum menceburkan diri mereka dalam masyarakat perdagangan dan perindustrian.

Saya merasa perlu diluaskan peranan alim ulama bukan hanya di kawasan-kawasan yang bersuasana kampung bahkan juga di pusat-pusat kemajuan baru seperti rancangan-rancangan tanah serta di kawasan-kawasan di mana pengaruh-pengaruh sistem ekonomi kewangan memainkan peranan yang bertambah pesat. Bagi menghadapi ini, nyatalah kepada kita bahawa alim ulama memerlukan pengertian yang mendalam tentang sistem ekonomi yang beranika corak atau complex bersabit dengan perdagangan dan perindustrian supaya mereka berjaya mempengaruhi golongan belia yang sudah mula mempunyai identiti baharu akibat perubahan yang dibawa oleh penggunaan sains dan teknologi. Begitu juga kaum alim ulama akan memainkan peranan yang lebih positif, jika mereka dapat mengatasi keadaan yang berkembang dari kemajuan sains dan teknologi dan tidak semata-mata membuat teguran atau kecaman mengenai perkara-perkara itu tanpa memahami masaalah-masaalah itu dengan sempurna.

Saudara-saudara sekalian,

Masaalah-masaalah yang bersabit dengan masyarakat yang dipengaruhi oleh sistem ekonomi kewangan seperti masyarakat perdagangan dan perindustrian perlu difahami sedalam-dalamnya oleh golongan alim ulama supaya mereka memberikan bimbingan yang lebih berkesan untuk membolehkan rakyat mengecap kemewahan dari kemajuan itu sebagai makhluk Allah yang sempurna.

Saya bercadang membentuk satu badan yang terdiri dari golongan-golongan pentadbir dan ulama. Tugas utama badan ini ialah untuk meneliti masaalah-masaalah yang dialami oleh belia-belia Melayu yang semakin bertambah ramai masuk ke dalam sektor perdagangan dan perindustrian supaya belia-belia kita dapat dibimbing menurut landasan yang membawa keseimbangan antara kepentingan jasmani dan keistimewaan rohani.

Badan ini akan bertempat di Jabatan Perdana Menteri dan dianggotai oleh pakar-pakar daripada Majlis Ugama Islam Kebangsaan, Pusat Penyelidikan Islam, alim ulama, ahli-ahli dakwah Islam serta pentadbir-pentadbir yang ada hubungan dengan masaalah-masaalah perindustrian. Sebagai permulaan, badan ini akan menitikberatkan penyelidikan-penyelidikan mengenai pengaliran belia-belia luar bandar bekerja di kilang-kilang perusahaan dan

lain-lain di bandar-bandar. Saya yakin masalah yang kita hadapi itu dapat diteliti sedalam-dalamnya dan satu rancangan tindakan dapat disusun untuk dilaksanakan selanjutnya.

Dengan harapan agar Kongres ini akan menghasilkan rumusan-rumusan yang dapat menjadi panduan kepada Kerajaan dalam melaksanakannya untuk bangsa dan negara, saya dengan amat sukacitanya merasmikan Kongres ini.

SPEECH BY THE PRIME MINISTER AT THE
DINNER BY THE INTERNATIONAL CHAMBER
OF COMMERCE AT HOTEL MERLIN, KUALA
LUMPUR ON 7TH APRIL, 1972

Mr President, Fellow Guests, Ladies and Gentlemen,

I would like first of all, to thank you, on behalf of my wife and myself, for your kind invitation this evening. I would also like to thank you, Mr President, for your kind remarks and the pledge of confidence to my Government.

As we were told by Mr Wood just now, this occasion commemorates the 50th Annual General Meeting of the International Chamber of Commerce. Though this, like a charming lady, rather hides your real age as a Chamber, I am sure that this occasion must have given you satisfaction and a cause for celebration. The 50th milestone is significant in that it marks the half-way point in the century and signifies more than the half-way mark in respect of our life. In Government, fifty is the "age of majority", as only at that age can government servants exercise the option to retire from the harness of Government service. Many have taken advantage of this to go into the private sector and tonight I have not seen a more prosperous lot in our midst here.

The fifty years of existence of the International Chamber have been years filled with history and distinguished contribution to this country in almost every sphere of economic activity.

It is more than a co-incidence that I have also just celebrated my fiftieth birthday. Although as a Chamber of Commerce, you can look forward to years of steady progress and service to the people, as a Prime Minister my life is uncertain and dependent on the whims and fancies of the electorates and can be bowled out at any time. You kindly said that the Alliance boat will never run out of stream. However, in our democratic system, the Captain can be changed at any time. Whatever it is, it may be a good omen that both your Chamber and I are celebrating our fiftieth anniversary together and I do hope that we both can continue to serve the people and the country for at least another half century together.

At this fiftieth anniversary, I am sure you do look forward to an even longer period of active association with the growth and progress of Malaysia. On my part, I look forward of even more significant contributions from members of your Chamber towards the fulfilment of the objectives of the New Economic Policy, as embodied in the Second Malaysia Plan. It is with this in mind that I seek tonight to share with you some thoughts on how this might be done.

Today, we are engaged in a bold and new pattern of development, in an endeavour to bring about far-reaching changes in our society—to shape and integrate it into a united and viable Malaysian nation. Having launched the Second Malaysia Plan, we are now firmly set upon a voyage of destiny which will take the masses of Malaysians out of the debilitating clutches of poverty and out of the rather rigid compartments within which they live and work. This voyage, we know, will be an arduous one, in which skill and determination will be of critical importance. We also recognise that it may take a generation or more to reach our destination.

Ladies and Gentlemen,

As it must be obvious to all of us, the achievement of these goals will require a radical transformation of our economy and our society. The traditional and stagnant sectors of the economy, both in the urban and rural areas, will have to be revitalised into highly productive and dynamic activities in order to bring about higher levels of well-being for those Malaysians now dependent on them for a livelihood. In many cases, our development strategy and programmes must ensure a gradual phasing down of these activities so as to release workers from the poverty trap that they find themselves in.

In others, the benefits of modern science and technology and more efficient systems of management will have to be introduced to give vigour and thrust to traditional activities. The potentials for such changes are already evident from the miracles of the Green Revolution elsewhere and in our land settlement schemes. But, these will have to be widened in their impact to cover other parts of our vast agricultural sector. Industrial enterprises, service trades as well as other business activities, particularly the small-scale

operations, will also have to be touched by the wand of progress and change, in much the same way as the Green Revolution affects rural agriculture.

In all this, our concern for opening up opportunities for participation of Malaysia's many races in the benefits of development must be reflected. We cannot afford to suffer the backlash effects of the natural forces of growth, whereby only the most fortunately placed and the already entrenched sections of our population benefit from these changes, while large segments of the population are relegated to and remain in the hinterland as suppliers of raw materials and low income consumers. The viability and survival of Malaysian society depends very much on real opportunities being provided to all racial and social groups, and particularly those who are at present diadvantaged.

We will have to ensure that the Malays and other indigenous groups in our population see this as a real possibility for them. We will have to ensure the emergence of a community of entrepreneurs and businessmen among them, who participate on a par and confidently along with other Malaysian and foreign people, in our industrial and commercial scene. In other words, we want to create a truly multi-racial economy from a multi-racial population.

Ladies and Gentlemen,

The International Chamber has a special position as many of you operate businesses which span many parts of the globe and, in a number of cases, you would have seen the results created by imbalances in the process of growth. In some cases, you would have witnessed, silently and sometimes painfully, the chaos and disorder that comes in the wake of mal-distribution in opportunity, effort and income. You are, therefore, in the best position to appreciate the importance of what we are endeavouring to do here in Malaysia. If experience elsewhere is any guide, you would yourself find it of tremendous benefit, all round, to participate and help in this process of change and growth. On this basic imperative, I do not think we have any disagreement. I am confident that all of us are in wholehearted agreement.

What, then, is the positive role of the international business community in our development process? With your wealth of experience, and the familiarity that many of you have of the

Malaysian situation, you should be able to infuse into the development process the innovative technology, business acumen and management know-how that have created and sustained the enterprises that you operate. The advances that your enterprises have made must, and must be seen to spread to the other and indigenous sectors of the Malaysian economy.

Indeed, in the final count, it is in this area that the international community as a whole can make the most far-reaching contribution to economies and societies in developing countries. All too often, however, your enterprises have operated in "enclave" situation, with stark consequences to the remainder of the economy and society that you depend on.

It is obvious that in your collaboration with the local community in general and with local joint-venture partners, both private and public, an important by-product of that collaborate must be a net increase in the management and technical know-how and ability of Malaysians. In your management, employment and training philosophy, this necessity will have to be explicitly recognised. The socio-economic goals of spreading the benefits of development and of enabling those now with less opportunities to participate in the more modern and dynamic activities with which you are associated, will have to be a conscious frame of reference for your production and management systems.

I am happy to see the gradual emergence of such a recognition, particularly among the larger enterprises that operate here. There are tremendous opportunities and a very pressing need for you to increase your contribution to the success of such organisations as PERNAS and the various ventures undertaken by the various State Economic Development Corporations and other bodies.

Ladies and Gentlemen,

The restructuring of the Malaysian society and economy needs to take place in a dynamic setting, where investment and production grow at a rapid pace. In particular, the need is underlined for the manufacturing and modern commercial sectors to expand to take a pre-eminent place in the new activities that are promoted. Production of capital and intermediate goods, as well as further import-substitution of consumer goods, have to take on a stronger emphasis than in the earlier phases of our development. Equally

important, in the years ahead, production for exports of manufactured goods will have to grow at a much faster rate than in the past.

This is precisely the area in which you, as members of the International Chamber of Commerce, can play an active role. I am sure you are aware that this is also the area in which Government's package of incentives and assistance are being concentrated.

What I would like to stress here is the need for you, as owners and managers of enterprises which have multi-national operations and a wealth of experience and innovative ideas, to take stock of the specific areas in which you invest and the techniques of production you employ. With the vast natural resources that Malaysia has and the teeming numbers of youth coming into the labour market every year, a system of investment and production which does not take advantage of this abundance flies in the face of real opportunities and benefits offered in Malaysia. Clearly, techniques of production developed in countries where the resource situation is the reverse, must be modified to take into account these realities.

A capital-oriented technology of production, geared primarily to conditions in capital-rich countries, must impose burdens on us, not merely in the requirements for capital goods imports to sustain production, but also in throwing out the potentially most valuable resource we can offer to you—our young people, who have been increasingly well-educated and trained in many of basic skills you require.

We have structured our education and training programmes, and promoted an industrial environment, wherein our youths and workers become a valuable and productive input in production. More programmes, particularly for in-plant training, are being designed to ensure this. We have also re-designed our system of incentives to promote increased investments and greater use of our labour resources. Further changes can be examined in this system to enable this to happen.

The advantages and opportunities to use more Malaysian labour in the industrial sectors seem quite evident and I would urge you to seriously review your technology and techniques of production in this light. There must be avenues for significant improvement

in the relative factor proportions that the sector now employs. There must also be, with structural changes now taking place in the more advanced economies, for sizeable opportunities for Malaysia to undertake the production of finished and semi-finished commodities for export to these countries.

Mr President, Ladies and Gentlemen,

I must thank you all again for your kind indulgence in giving me a patient hearing. Having posed the situation, I invite you to enter into a dialogue with the Government to discuss these and other matters, so that we understand each other better and can resolve such problems as may exist or arise. In the phraseology of the Second Development Decade, let us work for a real partnership in matters of concern to all of us in the development process for the Malaysia's prosperity and progress.

SPEECH BY THE PRIME MINISTER AT
THE OFFICIAL OPENING OF CARLSBERG
BREWERY (M) BERHAD AT SHAH ALAM,
SELANGOR ON 15TH APRIL, 1972

Mr. Plaugmann, Mr. Schmith, Mr. Nielsen, Hon'ble Ministers,
Excellencies, Ladies and Gentlemen,

First of all, I would like to thank you, Mr. Plaugmann, for your kind words of welcome, and also to Mr. Schmith and Mr. Nielsen for their remarks and kind sentiments.

On behalf of my wife and also for myself, I must say how extremely delighted we are to have been invited on this memorable occasion and to officially declare open this new Brewery.

I would also like to enjoin in welcoming our visitors from overseas, especially to Mr Schmith and Mr Nielsen who have travelled all the way from Denmark to be with us today. The presence here of many other dignitaries and well-wishers is indeed a good augury for Carlsberg Brewery Malaysia Berhad, and is a handsome reward for the efforts which has gone into the meticulous preparation for this evening's ceremony.

Ladies and Gentlemen,

The Carlsberg Brewery marks another milestone in Malaysia-Danish Co-operation, in which two leading Danish trading organisations are playing a prominent role. The EAC has had long connections with this country and is active in several fields of import-export trade, besides having substantial interest in the plantation industry. Only recently, I understand, EAC together with Viking-Askim of Norway, has obtained Government approval for a \$15 million fashion footwear project.

Carlsberg, of course, is no stranger to Malaysian, having been introduced since 1912, and if the sale of Carlsberg beer is less brisk, it is certainly not because of quality. Perhaps, it is their sense of patriotism that make Malaysians stick to the Tiger and

Anchor. However, as Mr. Nielsen pointed out just now, it is time now for us to be proud of and to give support to our own Carlsberg Brewery.

I heartily welcome the establishment of Carlsberg Brewery in Malaysia, which, besides contributing to the general flow of investable funds into the country, brings with it accompanying benefits in the form of employment opportunities. With the establishment of three breweries today, Malaysians are privileged to have a wider choice of beers than most other countries with a much higher percentage of drinking public.

Ladies and Gentlemen,

I note with a great deal of satisfaction, the increasing flow of foreign investment into Malaysia. This is evidence of the greater confidence that the foreign investing community has in our investment climate, and the general economic and political stability that we now enjoy after the traumatic experience in 1969. Indeed, of late several companies of international repute have set up manufacturing plants covering very diverse fields. This bears witness to the ability with which we can absorb foreign investment and the growing efficiency of our public service and agencies in meeting the demands of foreign investors.

From the point of view of capital availability, Malaysia perhaps is not so dependent upon foreign capital as in the case of some other developing countries. However, industrialisation calls for more than the injection of investable funds. It requires the transformation of people, values, attitudes, motivations, and the acquisition of technical know-how and skills. Manpower will have to be developed and trained to construct plants and factories, to operate and maintain machinery and equipment. Modern production and management techniques must be introduced. In short, there must be created a modern industrialised society.

In our present context, this is the greatest contribution that foreign investment is making and will make to our economic development. Private foreign investment, besides bringing with it capital, also results in invaluable transfer of skills and technological know-how. Thus, the establishment of direct foreign investment by way of joint ventures with local counterparts, is

the surest way of transferring technical know-how and managerial skills and at the same time ensuring the proper training for the local people in modern production and industrial techniques.

This is precisely why we have placed strong emphasis on the joint venture concept of implanting private foreign investment. Of course, a 100% foreign owned company is just as effective in transferring the necessary technology and skills, but the joint venture concept has the advantage of providing the sense of participation and partnership for local entrepreneurs.

As you know, we in Malaysia have always adopted a very liberal attitude towards the admission of foreign capital much to the benefit of our industrial development. Every effort is made to encourage and promote foreign investment through the provision of fiscal incentives, infrastructure facilities, service and so on.

Of course, we do recognise and accept the fact that the underlying policy of national governments is not prompted by the same motivation as that of the private enterprise. While the latter normally abides by the rule of profit-motive, national governments on the other hand is concerned with the fulfilment of the ultimate national objectives. I am happy to observe that private investors in this country, both foreign and local, are reconciled to the government's policy, which is aimed towards a more balanced development of the country and a more equitable distribution of the nation's wealth among our people.

Ladies and Gentlemen,

Over the past years, we have achieved satisfactory progress in our industrialization programmes and we are now shifting the emphasis from the purely import-substitution types to the export-oriented types of industry. In this respect, multi-national organisations by virtue of their world-wide network, are able to play a prominent role especially in creating new markets and expanding the existing ones for manufacture products. We have here an abundance of human and natural resources which can be utilized efficiently in any modern industrial organisation.

During my visit to the United States last year, I stressed the point to potential investors that in extending their industrial ventures here, they would be able to benefit advantageously from

the relatively low-wage structure, as well as the reservoir of skilled manpower available in this country. This will place them in a position where they are able to compete effectively in the very competitive world market.

Ladies and Gentlemen,

Before I conclude, I would like once again to congratulate the officials and staff of Carlsberg Brewery Malaysia Berhad on the occasion of their red-letter day. I would also like to express the thanks and appreciation of the Government and people of Malaysia for the gift of an amphibious rescue vehicle to the Malaysian Red Cross Society.

I now have great pleasure in declaring open the Carlsberg Brewery (Malaysia) Berhad.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA
PENYAMPAIAN HADIAH KARYA SASTERA
TAHUN 1971 DI DEWAN TUNKU ABDUL
RAHMAN, KUALA LUMPUR PADA 15HB APRIL,
1972

Y.B. Encik Hussein,¹ Saudara-saudara sekalian.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada penulis-penulis yang karyanya telah terpilih untuk menerima hadiah karya sastra tahun 1971.

Saya sungguh-sungguh berharap bahawa pemberian hadiah kepada karya-karya terpilih yang akan dijalankan tiap-tiap tahun itu akan memberi galakan yang besar kepada para penulis kita. Galakan yang saya maksudkan di sini bukan saja untuk lebih giat menulis tetapi juga yang terutamanya menulis dengan lebih "serious" sehingga menghasilkan karya-karya yang semakin lama semakin tinggi mutunya.

Dalam zaman pembangunan ini, di mana berbagai-bagai perubahan berlaku amat cepat sekali dalam masyarakat maka banyaklah hal-hal yang memberi kesan kepada perasaan, kepercayaan dan pemikiran orang-orang kita. Semua peringkat dan golongan menghadapi cabaran untuk berubah sikap dan pandangan hidup. Oleh yang demikian, kaum penulis terpaksa menjadi "serious" untuk memahami pergolakan dan perkembangan yang hebat ini. Pandangan sambil lalu dan penciptaan karya yang didorong oleh perasaan melulu tidaklah akan besar artinya.

Saya mendapat tahu banyak penulis-penulis baru muncul dari semasa ke semasa, terutama penulis sajak dan cerita pendek. Tetapi sepanjang pengetahuan saya, sebanyak mana bertambahnya penulis baru demikianlah pula menghilangnya penulis yang muncul terdahulu daripada yang baru itu. Sehingga masa ini payah sekali kita hendak melihat penulis atau sasterawan kita yang tetap menulis hingga ke hari tuanya.

¹ Menteri Pelajaran Malaysia.

Salah satu sebabnya, saya rasa, penulis-penulis muda kita bila tiba masanya terpaksa melibatkan diri dengan pekerjaan-pekerjaan tertentu untuk kehidupan mereka masing-masing. Dan bila seseorang itu telah memegang sejenis pekerjaan, tak dapat tidak ia akan bertanggungjawab dengan tugasnya itu dan ia makin lama makin maju dalam pekerjaannya. Akhirnya ia mendapati dirinya terikat oleh pekerjaan yang begitu banyak dan tanggungjawab yang semakin lama semakin besar. Dengan yang demikian, kesempatannya untuk menulis menjadi bertambah kurang kerana, menurut faham saya, menulis karya-karya kreatif sama besar tanggungjawab dan sama "serious"nya dengan jenis-jenis pekerjaan yang lain juga. Inilah satu hal yang kurang menyenangkan hati saya di samping hal-hal lain yang tentu ada.

Saudara-saudara,

Saya berpendapat penulis yang berbakat sepatutnya mendapat kesempatan untuk menulis dengan "serious" terus-menerus, dan dapat hidup lumayan dengan pekerjaannya itu. Dia tidak harus terpaksa melibatkan diri ke dalam pekerjaan-pekerjaan lain yang akan mengganggu kesempatannya untuk terus-menerus berfikir, meneliti, belajar, mencari pengalaman dan menulis. Keadaan seperti ini belum pernah wujud di negara kita dan dengan kerana itu sudah banyak penulis-penulis kita yang berbakat di masa lalu hilang begitu saja.

Oleh sebab itu banyaklah masaalah yang harus kita hadapi pada masa ini dan masa akan datang untuk menimbulkan suatu keadaan atau pun suasana, di mana penulis-penulis yang berbakat dapat terus hidup sebagai penulis. Masaalah ekonomi, masaalah pelajaran, masaalah sikap gemar membaca karya seni di kalangan masyarakat adalah di antara hal-hal penting yang saya rasa harus kita hadapi.

Saya juga mendapat tahu bahawa di samping banyaknya jumlah penulis dan jumlah sajak serta cerita pendek dalam tahun 1971, ada tanda-tanda yang menunjukkan nilai penulisan agak merosot.

Dan yang lebih jelas merosotnya ialah bilangan novel yang diterbitkan. Ini pun, di antara lain, pada pandangan saya, disebabkan oleh masaalah-masaalah yang saya sebutkan tadi, yakni kekurangan kesempatan bagi penulis untuk menulis dengan "serious" supaya benar-benar mendalami tema karya mereka. Dengan lain

perkataan, kurangnya kesempatan bagi penulis-penulis yang sibuk mencari nafkah hidup untuk mengasah bakat mereka dengan menambah ilmu pengetahuan dan pengalaman.

Di samping itu, seperkara yang utama juga ialah kurangnya selera pembaca terhadap karya-karya sastra sehingga menyebabkan para penerbit tidak berani menerbitkannya kerana bimbang tidak ada pasaran yang memuaskan.

Sungguhpun demikian, kepada para penulis amnya dan badan-badan penulis khasnya, saya ingin menyatakan rasa penghargaan atas kegiatan mereka yang bergiat terus dalam keadaan apa pun, dan aktif bergerak memajukan kesusasteraan kita. Saya memberi jaminan bahawa fikiran mereka akan didengar dan cadangan-cadangan mereka yang munasabah dan membina akan diambil perhatian sepenuhnya.

Saudara-saudara,

Pada pertengahan tahun 1971 lalu, saya telah menubuhkan dua badan iaitu Penal Hadiah Sastra dan Penal Penasihat Sastra. Masing-masing badan ini bertanggungjawab langsung kepada saya. Saya berharap dengan cara demikian, saya dapat mengetahui sepenuhnya keadaan kesusasteraan kita, kemajuan atau kemundurannya, dari semasa ke semasa.

Saya amat berterimakasih kepada Tan Sri Ghazali Shafie,² Pengerusi Penal Hadiah Sastra, serta tiap-tiap seorang anggota Penal itu yang telah berkhidmat sepanjang masa mulai September tahun lalu hingga sekarang untuk menyemak dan menilai karya-karya sajak dan cerita pendek, yang begitu banyak jumlahnya. Demikian juga karya-karya novel dan drama yang diterbitkan dalam tahun 1971. Hasil dari usaha-usaha mereka itulah kita berhimpun di sini malam ini untuk mengetahui dan berkenal muka dengan penulis-penulis yang berjaya.

Saya juga berterimakasih kepada Encik Hussein Onn, Menteri Pelajaran, Pengerusi Penal Penasihat Sastra yang dengan kebijaksanaannya telah membolehkan Dewan Bahasa dan Pustaka menjadi pusat kegiatan pentadbiran Penal Hadiah Sastra dan juga menggunakan sedikit peruntukan wang Dewan itu untuk Hadiah Sastra tersebut. Terimakasih ini saya sampaikan juga kepada

² Menteri Penerangan dan Tugas-tugas khas.

Ketua Pengarah dan Lembaga Pengelola Dewan Bahasa kerana memanglah Dewan Bahasa dan Pustaka ditugaskan, antara lain, untuk memajukan kesusasteraan Malaysia.

Saudara-saudara,

Pada malam ini, saya telah juga menjemput orang-orang dari gulungan bukan penulis dengan maksud hendak menarik perhatian mereka itu, terutama para pegawai dan cerdik pandai, supaya memberi perhatian kepada kesusasteraan kita. Sudah sewajarnya tiap-tiap gulungan mana pun dalam masyarakat ini mengikuti perkembangan serta memberi penghargaan kepada kesusasteraan kita. Betapa tinggi sekali pun nilai kesusasteraan asing namun ia tidak mencerminkan kehidupan, cara berfikir, harapan dan hasrat cita-cita bangsa kita sendiri. Melalui kesusasteraan nasional kita dapat melihat dan merasa apa yang sebenarnya berlaku dalam masyarakat yang dialami dan dicita-citakan oleh bangsa kita. Bagi para pegawai dan cerdik pandai khususnya, saya rasa hal ini sangat penting kerana merekalah yang langsung berhadapan dengan tugas-tugas membangun bangsa ini.

Saya tidak bermaksud bercakap panjang dalam majlis ini. Lebih eloklah kesempatan ini kita gunakan untuk beramah mesra dan kenal mengenal. Dan sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada para penulis yang karyanya telah terpilih untuk tahun 1971.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI PEMBUKAAN KILANG NENAS KEDUA, SYARIKAT KILANG NENAS TANAH MELAYU, DI PULAI SEBATANG, JOHOR PADA 16HB APRIL, 1972

Tuan Pengerusi, Y.A.B. Dato' Haji Othman,¹ Y.B. Tan Sri Sardon,² Y.B. Encik Taib Mahmud,³ Encik Jamil Jan, Pengerusi FIMA, Saudara-saudara sekalian.

Saya sungguh gembira setiap kali saya berpeluang merasmikan pembukaan sebuah kilang perusahaan, kerana ibarat orang yang sedang mendirikan rumah terdirinya sebuah kilang baru bermakna kita maju setapak lagi kehadapan dalam usaha membangun ekonomi negara untuk kesejahteraan dan kemakmuran rakyat.

Baru kelmarin saya diberi penghormatan membuka sebuah Brewery di Shah Alam iaitu usaha bersama syarikat asing dengan pemodal Malaysia. Hari ini kegembiraan saya agak lebih istimewa daripada yang sudah-sudah kerana Kilang Pengetin Nenas ini adalah suatu projek yang hampir di hati saya dan membawa makna yang besar kepada rakyat di Pontian ini.

Saya amat terharu dengan sambutan meriah yang diberikan kepada saya dan rombongan sebentar tadi dan inginlah saya menyatakan ucapan terima kasih kepada semua mereka yang turut serta menyelenggarakan sambutan tadi.

Sebagaimana maklum, Syarikat Kilang Nenas Tanah Melayu (atau PCM) ini adalah dimodali sepenuhnya oleh Kerajaan dan sudah tentulah sekali Kerajaan mengambil berat akan maju mundurnya Kilang ini. Dalam context pembangunan negara, terutama Dasar Ekonomi Baru Kerajaan, perusahaan ini tidaklah dipandang semata-mata dari segi untung atau ruginya. Malahan, lebih jauh daripada itu, Kilang ini merupakan satu experiment yang julung kali dijalankan serta bukti yang Kerajaan sanggup melibatkan diri secara langsung dalam perindustrian di kawasan

¹ Y.A.B. Menteri Besar Johor.

² Y.B. Menteri Perhubungan Malaysia.

³ Y.B. Menteri Perusahaan Utama.

luar bandar, di mana hasil pertanian rakyat merupakan bahan mentah yang utama untuk diproses samada nenas atau lain-lain lagi.

Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru adalah satu commitment yang mesti dijayakan, kerana mengingat di kawasan luar bandar terdapat bukan sahaja tekanan pengangguran yang mendesak tetapi juga saluran-saluran pemasaran hasil mahsul masih belum teratur dengan sempurna. Saya ingin memberi jaminan bahawa Kerajaan akan terus menjalankan segala daya usaha supaya segala langkah dan usaha yang dijalankan itu mencapai sepenuh-penuh kejayaan.

Dalam hubungan ini Kerajaan telah menubuhkan berbagai-bagai badan seperti Lembaga Pemasaran Pertanian (FAMA); Instituti Penyelidikan Pertanian (MARDI); Lembaga Padi dan Beras Negara; Instituti Kajiteknik Makanan dan tidak berapa lama dulu dilancarkan Syarikat Perusahaan-perusahaan Makanan (FIMA). Badan-badan ini, sebagai agensi pembangunan negara, mempunyai peranannya masing-masing tetapi dengan tujuan-tujuan asasi yang sama, iaitu hendak meningkatkan kemajuan sektor pertanian dalam artikata yang sepenuhnya. Dengan adanya penyelarasan yang rapi, saya percaya hasil-hasil kerja dan penyelidikan badan-badan tadi akan mendatangkan sepenuh-penuh faedah kepada kaum petani khususnya dan kepada sektor perusahaan pertanian negara amnya.

Saudara-saudara sekalian,

Kita bersyukur kepada Allah yang menjadikan bumi kita ini kaya dan subur dengan berbagai jenis tanaman. Maka sebab itulah dari sejak zaman berzaman pertanian menjadi mata pencarian sebahagian terbesar daripada rakyat kita, iaitu kaum Bumiputera. Akan tetapi, oleh kerana kepentingan ekonomi penjajah yang berkuasa pada masa dahulu, hanya sektor pertanian yang tertentu sahaja diberi perhatian iaitu ladang-ladang getah dan kelapa sawit milik asing sedangkan bahagian-bahagian yang lain, tegasnya, kawasan-kawasan Melayu yang bergantung kepada padi dan buah-buahan, tidak begitu dihiraukan. Sekarang dengan adanya rancangan-rancangan yang tegas dan berkesan, kita telah maju jauh dalam pengeluaran padi dan beras sehingga hampir ke had kita tidak perlu lagi mengimpor beras dari luar negeri.

Tetapi saya nampak bidang pengeluaran buah-buahan masih ketinggalan. Di bidang inilah, saya rasa, para penyelidik dan perancang pertanian kita perlu melipatgandakan usaha supaya buah-buahan tempatan kita bukan saja diperbaiki kualitinya bahkan pengeluarannya hendaklah dibuat cara besar-besaran untuk pasaran dan industri. Kempen menggalakkan makan buah-buahan tempatan, saya percaya, tentulah akan lebih berjaya dan berkesan sekiranya buah-buahan mudah diperolehi dan juga bermutu dengan harga yang tidak berapa tinggi. Saya telah mengarahkan FAMA supaya dari semasa ke semasa kempen-kempen seperti itu hendaklah dinilai untuk mengukur sejauh mana kita telah berjaya. Bagaimanapun, yang lebih penting hari ini ialah supaya perusahaan menanam buah-buahan dapat dimajukan dengan lebih pesat dan teratur. Untuk memenuhi keperluan buah-buahan dijadikan bahan industri, ada baiknya kalau diadakan kawasan-kawasan pilihan bagi mengeluarkan jenis buah-buahan tertentu. Kita semua tahu di kawasan Pontain/Johor ini, disebabkan tanahnya gambut atau peaty soil merupakan kawasan bertanam nenas yang jaya di mana terdapat beberapa buah kilang memproses nenas termasuk kilang baru PCM ini. Saya difahamkan FIMA yang menjadi Syarikat Induk kepada PCM, dengan kerjasama Kerajaan-kerajaan negeri akan membuka kawasan-kawasan yang sesuai di Selangor dan lain-lain negeri untuk ladang nenas dan mendirikan perusahaan memproses selanjutnya.

Rancangan yang tersusun, meliputi lain-lain buah-buahan, akan membukakan lapangan yang lebih luas kepada pengusaha-pengusaha samada FIMA atau pun pihak swasta di samping memberi peluang pekerjaan kepada rakyat luar bandar. Oleh itu mustahaklah perusahaan bertanam buah-buahan ini dikaji secara mendalam, baik dari segi penghasilannya mahupun tentang penggunaannya. Barangkali elok juga ditinjau penggalakkan menanam semula buah-buahan yang sekarang dibuat secara sampingan menerusi Rancangan Tanam Semula Getah, boleh diubah supaya menjadi rancangan secara langsung yang teratur. Setakat ini, selain dari getah memang sudah ada beberapa badan khas untuk memajukan tanaman-tanaman tertentu seperti kelapa, nenas dan koko. Perusahaan bertanam nenas, umpamanya, diletakkan di bawah Lembaga Perusahaan Nenas Tanah Melayu atau MPIB, dan saya ingin melihat Lembaga ini berjalan pesat terutama di Johor ini.

Saudara-saudara sekalian,

Berkeanaan dengan Syarikat Kilang Nenas ini, saya berpuas hati dengan perjalanannya dan juga kemajuannya. Semenjak ditubuhkan lapan tahun yang lalu, Kilang ini telah dapat memenohi hasrat yang mendorongkan penubuhannya iaitu menampung nenas yang di tanam oleh pekebun-pekebun kecil dan memberi peluang-peluang pekerjaan. Ini dengan sendirinya merupakan bukti kecekapan, kejujuran dan di dedikasi pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja Kilang ini. Pembukaan Kilang kedua ini menandakan satu langkah kemajuan lagi dalam memenuhi tugas dan kewajipannya.

Saya suka mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada penduduk-penduduk di Pulau Sebatang ini dan di kawasan-kawasan sekitarnya kerana bukan saja mereka sekarang mendapat sebuah Kilang yang akan menampung pengeluaran nenas di sini, tetapi juga kerana inilah kilang besar yang pertama, berharga berjuta-juta ringgit, yang dibuka di bawah Dasar Ekonomi Baru kerajaan hendak membawa industri ke kawasan-kawasan luar bandar.

Sebagai pihak yang akan menerima munafaat daripada projek ini, mereka juga mempunyai tanggungjawab untuk memastikan supaya Kilang ini terus maju mencapai tujuannya. Kilang ini, sungguhpun dimodali sepenuhnya oleh Kerajaan, adalah sebenarnya sebuah Syarikat perniagaan. Perjalanannya dan pengurusan-nya mengikut lunas-lunas perniagaan yang lazim dan dengan sebab itu mestilah sedikit sebanyak menunjukkan keuntungan.

Oleh yang demikian, saudara-saudara juga hendaklah memandangnya tidak ubah seperti badan perniagaan lain. Malahan, sebagai hak Kerajaan, kilang ini adalah hak rakyat iaitu hak saudara-saudara juga. Maka itu adalah lebih-lebih wajar dan mustahak kita jaga bersama-sama dengan baik supaya jenteranya sentiasa berjalan lancar dan licin setiap masa. Sebarang kemajuan yang diperolehi tentulah akan berbalik faedahnya kepada saudara-saudara sendiri juga, lebih-lebih pula kerana hasil pengeluaran Kilang ini mencerminkan imej negara kita di luar negeri.

Saudara-saudara sekalian,

Dalam hubungan ini saya harap pekebun-pekebun kecil nenas di kawasan Pontain ini dan juga di tempat-tempat lain, hendaklah berusaha menanam serta menghasilkan nenas yang bermutu tinggi

untuk membekalkan Kilang ini. Kebun-kebun lama eloklah ditanam semula dengan jenis yang baik. Dengan demikian, saudara-saudara bukan sahaja memperolehi pendapatan yang tinggi tetapi Kilang baru kita ini akan dapat pula mengekalkan mutu penguatannya setanding dengan yang terbaik di dunia.

Saya menegaskan hal ini kerana mengingat tidak lama lagi kita akan menghadapi persaingan yang hebat di pasaran Eropah berikutan dengan kemasukan Britain ke dalam EEC dan juga di pasaran dunia. Peri mustahaknya kita mengawal dan mengekalkan mutu hasil-hasil pertanian samada getah, minyak kelapa sawit, nenas dan sebagainya adalah perkara yang patut di ambil berat oleh semua pihak. Kerajaan sedia memperuntukkan wang yang banyak untuk penyelidikan atau research pada semua peringkat supaya bidang perindustrian kita benar-benar mendapat munafaat dari kemajuan sains dan teknologi.

Pada hemat saya, masa depan untuk perusahaan memproses buah-buahan dan makanan sungguh cerah apabila MARDI dan Institiut Kajiteknik Makanan meningkatkan usaha-usaha penyelidikan mereka di bidang masing-masing. Kawasan-kawasan baru yang akan dibuka secara besar-besaran di Pahang, Trengganu dan Johor akan menghasilkan tanaman-tanaman baru di samping penternakan. Ini bermakna kita akan mengubah corak menjelma dari sebuah negara pengimpot barang-barang makanan seperti gula, susu, daging dan lain-lain menjadi negara yang betul-betul berkari bahkan boleh mengekspot barang-barang itu.

Saya tidak juga lupa mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Johor di bawah pimpinan Dato Haji Othman yang sentiasa memberikan kerjasama dan pertolongan dalam menubuhkan Kilang Kedua ini.

Akhir kata, saya sekali lagi menggesa PCM supaya terus mengekalkan daya usaha menjayakan Kilang ini menurut cara dan perusahaan yang tertentu, serta menunjukkan jalan kepada Kilang-kilang lain yang akan muncul kelak.

Dengan ini saya sukacita merasmikan pembukaan Kilang Kedua PCM Pulau Sebatang ini.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA
PELANCARAN RASMI MAJLIS PENASIHAT
KEBANGSAAN MENGENAI LATIHAN PER-
USAHAAN DI DEWAN TUNKU ABDUL
RAHMAN, KUALA LUMPUR PADA 20HB APRIL,
1972

Tuan Pengerusi, Y.B. Menteri-menteri, Tuan-tuan Yang Terutama,
Tuan-tuan sekalian,

Saya mengucapkan berbanyak-banyak terimakasih atas kehadiran tuan-tuan hari ini pada Pelancaran Rasmi Majlis Penasihat Perusahaan.

Penubuhan Majlis Penasihat ini, seperti yang dikatakan oleh Tuan Pengerusi tadi, mempunyai sejarah latar belakang yang bermula sejak tujuh belas tahun dulu. Hari ini semasa negara kita sedang melangkah masuk ke peringkat pembangunan perindustrian yang pesat, penubuhan Majlis ini saya rasa sangatlah mustahak kerana Majlis ini mempunyai peranan yang penting bagi memikirkan dasar mengenai latihan tenaga untuk bidang perindustrian yang kian meluas.

Kita semua maklum, setiap tahun sekolah-sekolah dari semua aliran di negara ini mengeluarkan semakin ramai tenaga manusia baru memasuki pasaran buruh atau labour market. Mereka ini bukan saja ingin mendapatkan pekerjaan dengan segera tetapi bagi pihak Kerajaan adalah menjadi tanggungjawabnya yang utama membukakan peluang-peluang pekerjaan untuk mereka itu. Sudah barang tentu kebanyakan mereka masih mentah dalam pengalaman dan oleh kerana itu memerlukan latihan-latihan tertentu untuk melengkapkan mereka dengan kemahiran-kemahiran yang perlu supaya mudah mendapatkan peluang pekerjaan di kilang dan sebagainya.

Majlis inilah yang saya harapkan merancang dan menyusun program latihan yang dikehendaki meliputi semua bidang kegiatan ekonomi.

Mr Chairman and Gentlemen,

I am indeed happy to have been given the honour of inaugurating the National Advisory Council on Industrial Training today.

The formation of this Council is both timely and necessary in view of the various problems of labour and employment that we are now facing. As we all know, the question of employment has an important and significant emphasis in our Second Malaysia Plan and the New Economic Policy. We must therefore gear ourselves to achieve the objectives and targets we have set for ourselves on this matter.

The problem of employment today is serious and will become a more serious one if no positive steps are taken to remedy the situation. In the first place, there was a shortfall in job-creation under the First Malaysia Plan and we now anticipate a more accelerated growth in labour force during the 70's. Our improved education system has also changed the education composition of this labour force; it has more years of education or in other words it is better educated than before. On top of this, there is also the need to provide job opportunities to meet the objectives of eradicating poverty and correcting the racial economic imbalance.

During the First Malaysia Plan period, labour force in West Malaysia increased by 15% between 1966-1970 but the rate of employment increased only by about 14% while unemployment had increased by 1½% to about 8% of the labour force. I need not emphasise that an increasing number of educated unemployed youths coupled with a slow rate of employment opportunities is not conducive to developing a strong and stable nation, especially against the background of an improving social and economic situation.

Gentlemen,

We know that employment opportunities cannot be increased to any great extent by activities in the agricultural sector which is characterised by low-productivity jobs and under-employment. The agricultural sector alone cannot absorb the increasing number of unemployed coming into the labour market every year. It is for this reason that we have given incentives to the establishment of various types and levels of industries as a means of diversifying our economy and, simultaneously, to provide more employment opportunities for our growing labour force.

However, with regard to employment in the industrial sector, the basic academic education provided by our schools has been found to be insufficient. This will have to be supplemented with certain

skills that require some period of training. It is in this context that industrial training has become significant and towards this end the Government has taken steps to establish various industrial training institutes and other training schemes.

One example is the Industrial Training Institute in Kuala Lumpur, administered by the Ministry of Labour and Manpower. Another of its kind will be ready in 1972 situated in Prai. At the same time, the Government has decided that vocational education be given an important place in our education system. There are now fifteen vocational schools in the country and six more will be completed before the end of this year.

Government's effort in providing industrial training is also being carried out by MARA. The MARA Vocational Institutes train students in the various skills while on-the-job training is also arranged at local workshops and firms. Advanced courses are given overseas. Courses in industrial skills are also provided by the National Youth Pioneer Corps at Dusun Tua.

However, in this vital field of training, we have to take into account the role of the private sector. In the past, the private sector had played a prominent role in industrial development activities especially in the field of manufacturing. Under the New Economic Policy, both the Government and the private sector have important and complementary roles to play. We expect the private sector to continue its dynamic growth while the Government will increase its participation especially to achieve the aims of creating a Malay commercial and industrial community.

Gentlemen,

It is clear, therefore, that the private sector has a new and more important role to play in industrial development under the Second Malaysia Plan and the New Economic Policy. Its complementary role to the public sector in this respect would require it to have full commitment and co-ordination with the objectives and activities of the Government. The situation, as it is now, is not really a satisfactory one, for while we may be aware of the general progress of private sector industries, there is lack of communication on the more basic and rudimentary working of these industries resulting in a lack of information on the capacity and requirements of the private sector in respect of industrial

activities. Somehow, there is still little co-ordination between the two sectors and after one year of implementation of the Second Malaysia Plan, the lack of progress here is indeed discouraging.

I would like, therefore, that this Council shall be the channel for communication between the public and private sectors. The Council can be the platform for dialogue among representatives of both sectors on the problems and requirements of industrial training and employment so that an integrated and co-ordinated effort can be made so as to achieve our national objectives.

I would expect also this Council to advise the Government on the modus operandi of overcoming the problems faced by both the sectors. There should be an integrated training programme which can provide skilled manpower for both the Government and private sectors. This could lead to an integrated system of employment recruitment and post-employment training. Thus there will be established a more proper system of employment and training which will ensure that the right type of skills are developed based on the requirements of both the sectors.

In short, you must ensure that what is produced by industrial institutes generally are employable skills. It is most undesirable to have a labour force of young men and women with skills which cannot find them employment.

In view of the over-riding objectives of achieving national unity, this Council bears additional responsibilities of correcting the racial imbalance in employment and occupational patterns. The Council should view this matter seriously in the context of industrial training and employment. In order to attain this objective, full commitment and participation will be expected from the private sector.

Gentlemen,

As in many other developing countries, the problem of youth—their education and training—is closely related to employment. Theoretically speaking, if the national objective of restructuring society and elimination of disparities in economic functions was upheld by all, then this problem concerning youths and employment will be of less significance. The Second Malaysia Plan indicates an acute shortage of blue collar workers every year up to 1975. At the moment, the I.T.I. passes out 600 from its

Preparatory Trade Course and 850 from its Apprenticeship Schemes. However, as the apprenticeship scheme is designed for those who are already employed, the demand for trained personnel can be met by other Government vocational training institutions.

I am really disappointed to know that some sections of the private sector have not been willing to employ these trained products. Rather, they have taken others—mostly untrained—into employment. I would like this Council to examine this matter deeply with a view to encouraging private firms to absorb them, not merely for the sake of their economic functions, but more important still, for the achievement of national unity.

To a certain extent private sector in the past has taken advantage of Government training facilities to meet their requirements for skilled manpower without due consideration to the problems of youth or the absorption of the trained products. Some sections of the private sector are known to recruit cheap, unskilled labour and got them trained through the apprenticeship scheme for their own benefit. This situation could be tolerated when Government training institutions were very limited. We simply cannot tolerate this now not only because more skills are needed by industry but also because Government training institutions have been producing more employable products than ever before.

Gentlemen,

Our success in creating a new Malaysian national identity depends on our willingness to accept radical changes and allow new forms of positive human inter-actions to permeate through all levels of the social structure, both in the rural and urban areas. We must cast aside the old concept of compartmentalising our people according to location and vocation. On the other hand, we must fully recognise their new spirit to improve themselves, their willingness to be pioneers and settle in new environments.

In recent years, there has been considerable migration of educated rural youths into the major towns in quest of higher education or to acquire better skills and employment. This has enabled the employment structure to improve slightly in terms of racial proportion and with planning this will accelerate the programme of restructuring the society.

In order to minimise any adverse effects of rural/urban migration, our emphasis must be on education, especially the training to equip our youths with the proper sense of social values and the skills derived from science and technology. Rural youths who aspire to commerce and industry must be given the opportunities to acquire vocational and technical education so that they will become assets to national economic growth and bring us a step nearer to the objective of national unity.

It is for this reason that new institutions such as the vocational institutes of MARA and the Dusun Tua Youth Pioneer Training Centre have been established.

Gentlemen,

I hope there should be no misgivings about the Government's programmes on industrial training by now. We have taken another step to improve the training facilities and standards of all public vocational institutions. The functions and activities of all these institutions are constantly being looked into by a co-ordinating committee of officials to ensure they meet the requirements of modern industrial society. Further, to ensure that sufficient scope and depth would be achieved to meet modern industrial needs, the National Industrial Training and Trade Certification Board (or NITTCB) was inaugurated late last year with representatives from Government Ministries, employers and employees organisations closely connected with industrial training as its members.

The former Central Apprenticeship Board System now operates under the NITTCB with modifications to suit present day requirements in apprenticeship training. At the same time, the NITTCB will also be promoting in-plant training schemes in industry, develop trade-instructor training programmes, establish trade testing and award certificates at various grades on a national basis.

It is also considered necessary for the purpose of advanced training, to insist upon certificates issued by an educational institution of the Government as the basic qualification. Thus, from this year the NITTCB will ensure that this principle will be strictly upheld in its apprenticeship training scheme. I am

sure this will be acceptable to all, in particular the private sector which, I hope, will also follow in respect of their own training schemes.

I am glad and encouraged to see that the membership of this Council consists of eminent representation of both the public and private sectors. I am confident that you will carry out conscientiously your new responsibility and help us to achieve the objectives of industrial development within the context of national unity.

On that note, Gentlemen, I am happy to inaugurate the National Advisory Council on Industrial Training.



Tun Abdul Razak bin Hussein berpakaian adat Bugis kelihatan sedang ikut serta dalam upacara memotong padi di Sulawesi, Indonesia pada 2hb Mei, 1972.

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA
PERBARISAN PASUKAN PALANG MERAH DI
PADANG KELAB SELANGOR, KUALA LUMPUR
PADA 7HB MEI, 1972

Tuan Pengerusi¹ Persatuan Palang Merah Malaysia, Saudara-saudara Anggota Pasukan Palang Merah sekalian.

Pada hari yang bersempena auspicious dan berbahagia ini, iaitu Hari Palang Merah Sedunia, saya turut bergembira dengan saudara-saudara sekalian merayakan hari ini. Sebagai Presiden Persatuan Palang Merah Malaysia, saya sungguh berbangga dengan kecekapan dan kecergasan yang dibuktikan pada perbarisan di hadapan kita ini.

Saudara-saudara,

Persatuan Palang Merah Malaysia dikenal umum sebagai satu-satunya pertubuhan sukarela yang aktif di negara kita. Pada saat-saat negara kita menghadapi kecemasan, khususnya semasa peristiwa banjir, Pasukan Palang Merah berada di barisan hadapan bersama-sama menjalankan tugas peri kemanusiaan. Begitu pula di masa-masa kecemasan lain yang berlaku dari semasa ke semasa ambulan Palang Merah memainkan peranan penting sebagai tambahan pada perkhidmatan kesihatan negara.

Bagi pihak Kerajaan, saya ingin menyatakan penghargaan negara kepada segala khidmat bakti yang saudara-saudara berikan itu.

Bagaimana pun, saya rasa peranan Palang Merah tidaklah seharusnya menunggu masa-masa kecemasan sahaja. Kita sepatutnya mempunyai rancangan jangka panjang untuk memenuhi keperluan masyarakat. Hari ini kita harus mengakui peranan yang dijalankan oleh Palang Merah hanya diketahui oleh sebahagian masyarakat saja.

Sudah perkara tentu, untuk meluaskan scope kegiatannya, Persatuan Palang Merah menghendaki bantuan kewangan yang lebih

¹ Tan Sri A. J. Woods.

banyak. Tetapi dalam hal ini saya percaya sokongan dari masyarakat ramai boleh didapati. Dengan sebab itu orang ramai mustahak diberi penerangan supaya mereka turut berbangga dengan Persatuan Palang Merah Kebangsaan yang akan berkhidmat untuk kepentingan dan kesejahteraan rakyat.

Oleh yang demikian, Persatuan Palang Merah menghadapi cabaran-cabaran yang besar pada masa depan. Kita tidak seharusnya berpuas hati dengan kerja-kerja kebajikan yang biasa dan hendaklah meluaskan scope tugas supaya Palang Merah benar-benar memberikan khidmat yang bermakna.

Saudara-saudara,

Tahun ini tema Hari Palang Merah ialah "Jambatan Peri Kemanusiaan" atau Humanity Bridge. Cita-cita yang ada dalam kata-kata ini hendaklah dijadikan satu kenyataan. Saya percaya saudara-saudara sekalian memahami penuh maksud kata-kata ini iaitu, sebagai anggota Palang Merah, kita merupakan jambatan yang menghubungkan dua pihak atau golongan-golongan yang menderita dan memerlukan pertolongan dengan golongan yang ingin menghulurkan pertolongan itu. Peranan ini boleh dijayakan oleh kerana sifat pertubuhan kita yang benar-benar bercorak kebangsaan, yang dianggotai oleh rakyat berbilang bangsa, ugama dan kebudayaan, mengatasi garis politik dan kelompok sosial, tetapi semata-mata didorongi oleh prinsip-prinsip peri kemanusiaan timbang rasa dan universaliti.

Saya percaya dengan adanya satu rancangan yang bersifat Nasional, Persatuan Palang Merah akan memberikan kesan yang lebih besar kepada masyarakat terutama dalam usaha membasmi penderitaan rakyat. Untuk menjayakan ini, mustahaklah saudara-saudara bersama menyertai kehidupan masyarakat negara kita terutama masyarakat luar bandar yang lebih memerlukan perkhidmatan. Satu rancangan bimbingan atau didikan mengelakkan kemalangan, pertolongan cemas dan lain-lain lagi yang mustahak diketahui oleh orang awam perlu dilaksanakan. Usaha ini bolehlah dijalankan secara sendiri atau pun dengan kerjasama badan-badan yang sedia ada di tempat-tempat itu umpamanya kelab-kelab belia, Perkumpulan Perempuan atau pun St. John. Yang penting diingat ialah supaya perkhidmatan Palang Merah benar-benar dilihat dan dinikmati oleh semua lapisan rakyat dan tidak hanya ditumpukan kepada penduduk-penduduk bandar sahaja.

Saudara-saudara,

Saya suka juga menyebutkan di sini iaitu melalui Persatuan Palang Merah, nama negara kita bertambah harum dan dipandang tinggi oleh dunia internasional. Awal tahun ini, semasa pergolakan di Bangladesh, Persatuan Palang Merah Malaysia telah diminta oleh International Red Cross menghantarkan program bantuan di sana. Hal ini tentulah menjadi kebanggaan kepada kita khususnya dan kepada negara amnya.

Bagaimana pun, saya rasa masih banyak yang dapat diusahakan oleh Persatuan Palang Merah untuk kebajikan rakyat. Langkah membuka sebuah Tadika atau Kindergarten untuk kanak-kanak dari keluarga yang kurang mampu adalah satu cara yang patut dipuji. Memandang pada semakin ramainya penduduk-penduduk kita yang tinggal di rumah-rumah pangsa, saya fikir usaha ini dapat diperluaskan supaya memberi munafaat kepada golongan kurang mampu itu.

Begitu juga, perhatian yang lebih berat hendaklah ditujukan kepada belia-belia kita. Kebanyakan belia-belia kita hari ini adalah lebih berpelajaran dan melalui latihan dan disiplin dalam Persatuan Palang Merah, mereka dapat memberi sumbangan besar kepada masyarakat. Oleh itu kesempatan yang lebih luas patutlah diberi kepada belia-belia kita supaya mereka dapat bersama-sama merancang serta membuat keputusan dalam hal-hal yang berkaitan dengan gerakan Palang Merah ini. Dengan memberikan mereka peranan yang bertanggungjawab, saya percaya belia-belia boleh menjadi jambatan penghubung antara jenerasi dan beserta mencari huraian terhadap masaalah rosak akhlak atau juvenile delinquency, drug-addiction dan sebagainya.

Dalam hal ini saya memuji langkah bersama di Selangor dan Pulau Pinang antara Palang Merah dan Kementerian Pelajaran melatih guru-guru supaya mengelolakan Unit Palang Merah di sekolah-sekolah. Langkah ini juga patut diluaskan ke negeri-negeri lain.

Saudara-saudara,

Akhir kata, saya meminta saudara-saudara meninjau kembali peranan Palang Merah dan memikirkan bagaimana pertubuhan ini boleh memainkan peranannya yang lebih dinamis di masa

depan. Sebagaimana yang kita maklum, Kerajaan lebih ingin melihat semangat berdikari atau self-reliance menjadi pegangan dan amalan seluruh masyarakat. Pertubuhan ini boleh menjadi agent yang cergas di dalam usaha menyebarkan semangat ini, terutama di lapangan pembangunan masyarakat dan dengan itu memberikan bantuan positif kepada Kerajaan untuk mencapai cita-cita mendirikan satu bangsa yang bersatu dalam negara aman damai, makmor dan bahagia.

PERUTUSAN PERDANA MENTERI SEMPENA HARI BELIA 1972 DI RADIO DAN TV MALAYSIA PADA 15HB MEI, 1972

Saudara-saudara kaum belia seluruh negara.

Hari ini kita menyambut Hari Belia 1972 iaitu kemuncak dari kegiatan-kegiatan Minggu Belia yang telah dilancarkan pada 9hb Mei, lalu.

Selama seminggu ini kaum belia di seluruh negara kita telah merayakan Minggu Belia dengan mengadakan berbagai cara kegiatan, yang pada amnya, menitikberatkan tema Belia Bersatu untuk Perpaduan dan Pembangunan Negara.

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dan pujian kepada Majlis Belia Malaysia yang telah memikul tanggungjawab mengaturkan serta menyelenggarakan acara-acara Minggu Belia.

Dari apa yang sama-sama kita saksikan, kegiatan-kegiatan Minggu Belia kali ini menunjukkan beberapa pembaharuan yang pasti membawa kesan-kesan baik kepada pergerakan belia amnya. Tidak syak lagi, dengan bertambah tingginya minat dan lebih-lebih pula dengan tumbuhnya sikap baru yang penuh kesedaran dan keinsafan itu, saya yakin semua rancangan yang disusun oleh Kerajaan untuk kaum belia akan dapat dijayakan sepenuhnya.

Saudara-saudara sekalian,

Peranan belia dalam context pembangunan negara telahpun diiktiraf oleh seluruh masyarakat dalam ertikata bahawa belia merupakan tenaga utama dalam usaha memodenkan masyarakat kita. Saya gembira sekali melihat adanya rasa tanggungjawab ini di kalangan belia sekarang.

Seperti yang kita sama-sama maklum, tuntutan untuk modenisasi ini lebih-lebih dirasakan dalam masyarakat luar bandar khususnya kaum Bumiputra yang memerlukan pembaruan sikap untuk menghadapi cabaran-cabaran zaman kemajuan ini. Tanpa adanya sikap

baru di kalangan mereka saya bimbang mereka akan tercicir dalam perlumbaan hidup, yang bermakna akan melambatkan pula proses penyusunan masyarakat sebagaimana yang dimaksudkan itu.

Oleh yang demikian, saya percaya belia-belia dengan penuh semangat baru akan menyambut cabaran ini dan membuktikan bahawa kaum belia adalah pelupur dalam pembinaan masyarakat Malaysia baru. Bagaimanapun, Kerajaan sedar bahawa sebagai persediaan untuk tahun-tahun akan datang, langkah-langkah tegas mestilah diambil bagi membina jenerasi muda supaya belia-belia kita benar-benar merupakan modernising force dalam erti-kata sepenuhnya.

Saudara-saudara sekalian,

Kerajaan sedar bahawa pembinaan jenerasi muda adalah salah satu tanggungjawab yang besar dalam melaksanakan dan meneruskan usaha-usaha pembangunan mengisi cita-cita kemerdekaan. Kaum belia sebagai tunas bangsa adalah harapan sebagai pewaris untuk menyambung dan meneruskan pelaksanaan rancangan-rancangan hari ini dan masa depan untuk kebahagiaan negara.

Seperti yang saudara-saudara ketahui, Kerajaan telahpun menyusun berbagai rancangan khas untuk membukakan kesempatan bagi kaum belia melatih diri dalam berbagai lapangan. Dengan adanya rancangan-rancangan latihan itu belia-belia akan dapat mengembangkan daya kemampuan masing-masing untuk berbakti kepada negara dan masyarakat sambil membaiki prospect hari depan mereka sendiri.

Saudara-saudara sekalian,

Dalam perutusan melancarkan Minggu Belia, Y.B. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menerangkan langkah strategi yang akan dijalankan oleh Kementerianya untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi kaum belia hari ini. Adalah jelas dari keterangan itu bahawa kaum belia khasnya dan jenerasi mudanya akan mewarisi hari depan yang cerah memandang pada prospect yang luas terbuka untuk mereka di masa hadapan. Bagaimanapun, saya ingin mengingatkan bahawa meskipun sebagai pewaris, kaum belia tidaklah patut mensifatkan diri mereka sebagai golongan teristimewa bahkan hanya merupakan sebahagian dari masyarakat serta mempunyai tanggungjawab yang sama kepada negara.

Kerajaan akan berbuat segala yang boleh membimbing dan menggerakkan jenerasi muda khasnya belia-belia hari ini untuk menjadi pewaris yang baik supaya dapat menyambung dan meneruskan usaha-usaha pembangunan hari ini membangunkan negara adil, makmur dan aman damai. Untuk tempoh beberapa tahun akan datang ini, kita mesti menumpukan seluruh azam dan tenaga untuk menjayakan rancangan-rancangan yang berlandaskan Dasar Ekonomi Baru. Kita sekarang mengejar waktu kerana kalau hasil usaha pembangunan itu tidak dapat dirasakan dan meninggikan taraf hidup golongan rakyat yang masih ketinggalan dalam tempoh masa yang tertentu pula, maka pasti akan timbul pergolakan-pergolakan sosial yang membahayakan kestabilan negara.

Kita maklum dan sedar tidak mungkin mengatasi segala kesulitan masyarakat sekali gus tetapi memerlukan pelibatan penuh atau total involvement masyarakat semua lapisan. Dalam era pembangunan ini, pergerakan belia tidaklah cukup hanya dengan berseminar atau berdialog saja, sebaliknya hendaklah melaksanakan apa-apa keputusan Seminar dan dialog itu dalam bentuk yang nyata serta membina. Sebagai tunas muda, saudara-saudara hendaklah bercita-cita tinggi serta bersedia dan sanggup menghadapi segala cabaran dengan hati yang cecal dan berani serta penuh didikasi kepada tugas dan kewajipan. Kata-kata sakti tidaklah begitu perlu kalau kaum belia kita menerima sebagai mission atau tugas suci mereka membina bangsa Malaysia kita ini menjadi bangsa dan negara besar dalam ertikata peranan dan sumbangannya kepada alam dan manusia.

Saudara-saudara sekalian,

Dalam keadaan perhubungan masa yang cepat menerusi sebaran am, kita terdedah kepada pengaruh-pengaruh luar dan tidak dapat mengelakkan masalah-masalah yang melibatkan kaum belia bencana kejangkitan nilai-nilai budaya asing yang tidak sesuai dengan keperibadian bangsa. Amalan-amalan negatif mudah sekali berjangkit di kalangan muda remaja terutama mereka yang tidak mendapat bimbingan rohani yang sempurna, dan mendorong ke arah segala macam angkara kejahatan. Oleh yang demikian, sayugialah kaum belia kita menegakkan keperibadian kita yang halus dan ramah-tamah serta sentiasa waspada terhadap gejala-gejala kerosakan akhlak atau moral decadance yang boleh menghancurkan negara.

Di samping menegakkan keperibadian bangsa, adalah penting menanamkan nilai-nilai hidup modern kepada jenerasi muda sebagai satu faktor mutlak untuk menjamin proses pembangunan berjalan terus menerus. Kaum belia yang berbilang kaum khususnya hendaklah menanamkan dan memupuk rasa kesedaran nasional yang bersandar pada tiga pokok kesedaran untuk kelangsungan hidup bangsa dan negara. Pertama—rasa sehaluan atau sense of belonging, kedua—rasa penyertaan bersama atau sense of participation dan ketiga—rasa tanggungjawab bersama atau sense of responsibility. Rasa kesedaran ini hendaklah dipupuk saing bersaing dengan amalan prinsip-prinsip Rukunegara yang merupakan daya pengikat bagi persatuan dan kesatuan bangsa Malaysia yang tahan sepanjang zaman.

Saudara-saudara sekalian,

Akhir kata, saya mengulangi lagi seruan semuga angkatan belia kita bersedia dari sekarang untuk memikul tanggungjawab apabila tiba saatnya kelak angkatan hari ini menyerahkan tugas pimpinan bangsa dan pembangunan negara kepada jenerasi baru. Kepercayaan pada kekuatan sendiri dan semangat tidak mudah menyerah hendaklah benar-benar menjadi darah daging kerana hanya dengan keyakinan dan semangat itu mereka akan mampu memupuk ketahanan nasional dan memelihara keutuhan negara.

Selamat malam.



Tun Abdul Razak bin Hussein kelihatan sedang memerhatikan kulit yang telah siap diproses di Kilang Kulitkraf, Petaling Jaya pada 15hb Mei, 1972.

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)

UCAPAN PERDANA MENTERI DI PEMBUKAAN KILANG KULITKRAFT, PETALING JAYA, SELANGOR PADA 15HB MEI, 1972

Yang Amat Berhormat Tun Dr. Ismail, Yang Berhormat Encik Ghafar Baba, Yang Terhormat Dif-dif, Saudara-saudara sekalian.

Saya terlebih dahulu mengucapkan berbanyak-banyak terimakasih kepada Encik Ghafar dan Dato Mustapha, atas jemputan mereka untuk merasmikan Kilang Kulitkraft ini.

Pembukaan Kilang ini, pada hemat saya, membawa makna yang besar kepada kita semua, khususnya kepada MARA, kerana ini merupakan first break-through dalam bidang perindustrian moden yang dikendalikan sendiri oleh MARA. Tambahan pula, kedudukan Kilang ini, iaitu di tengah-tengah kawasan perindustrian Petaling Jaya, tentulah mendatangkan kemegahan bukan saja kepada Kerajaan bahkan kepada seluruh rakyat khususnya kaum Bumiputra.

Seperti yang kita semua tahu, sebelum Merdeka dulu, ada beberapa orang sahaja kaum Bumiputra yang berkecimpung dalam lapangan menjual kulit dan membuat barang-barang daripada kulit. Kerja-kerja yang biasa dibuat oleh mereka adalah terhad kepada kerja-kerja menjual kulit-kulit mentah, membuat capal membuat patong-patong wayang kulit dan membaiki tapak-tapak kasut dan sepatu di penjuru-penjuru kedai dan di kaki-kaki lima.

Hari ini kita sama-sama merasa bangga, kerana kaum Bumiputra kita sudah boleh memproses kulit, sudah boleh membuat sepatu dan boot yang baik mutunya. Semua ini dibuat secara industri modern dengan bangunan kilang yang besar dan lengkap dengan jentera-jentera yang moden serta cara-cara pengeluaran yang teratur.

Hasil dari usaha ini, Pasukan Tentera kita sekarang berjalan dan berbaris dengan kasut-kasut buatan Kulitkraft. Pasukan-pasukan Polis Diraja kita berkawal dan meronda dengan kasut-kasut keluaran Kulitkraft. Pegawai-pegawai dan Kakitangan-kakitangan MARA dan Kulitkraft juga, bekerja dan menari dengan kasut-kasut buatan mereka sendiri, begitu juga sebahagian daripada orang ramai.

Saya tahu juga bahawa sahabat saya iaitu Yang Amat Berhormat Tun Dr. Ismail sangat gemar memakai sepatu-sepatu buatan Kulitkraft yang dibuat khas bertumit tinggi. Yang Berhormat Encik Ghafar Baba dan saya juga dapat bermain golf dengan sepatu-sepatu golf buatan Kulitkraft ini.

Saudara-saudara sekalian,

Projek ini menandakan satu tapak kemajuan bagi MARA amnya dan bagi seluruh Bumiputra khususnya. Ini adalah juga satu lagi kejayaan dasar Kerajaan kita untuk menambahkan bilangan Bumiputra dalam lapangan perdagangan dan perindustrian.

Dengan adanya Kulitkraft, pengusaha-pengusaha kulit mentah dari seluruh negeri dapat memasarkan kulit-kulit mentah mereka dengan mudah dan dengan harga yang berpatutan. Ini adalah satu pertolongan besar kepada pengusaha-pengusaha kulit dan saya harap mereka akan terus menerus bergiat dan meninggikan lagi mutu kulit-kulit mentah mereka.

Dalam hubungan ini, Kerajaan sedang mengaturkan langkah-langkah tegas untuk meningkatkan perusahaan penternakan masa hadapan. Saya telah mengarahkan Jabatan Haiwan supaya meninjau semula sistem pawah yang ada sekarang ini untuk menggalakkan orang-orang kampung berternak kerbau lembu secara besar dan tidak hanya satu dua ekor saja. Rancangan yang lebih besar sedang giat dilaksanakan di Perak, Johor dan Kelantan, dan projek yang lebih besar lagi akan dilaksanakan dalam Rancangan Pahang Tenggara.

Dengan meningkatkan penghasilan binatang ternak di negara kita, saya percaya Kulitkraft dan perusahaan-perusahaan yang seumpamanya tidak lagi akan bergantung pada sumber-sumber luar untuk bahan mentah kilangnya.

Saya difahamkan Kulitkraft dapat mengadakan peluang kerja untuk lebih kurang 300 orang pekerja termasuk executive staff. Ini bermakna Kulitkraft mengambil peranan dalam soal membuka peluang pekerjaan dan memberikan latihan-latihan kemahiran yang dikehendaki. Pekerjaan membuat kasut memerlukan pekerja-pekerja yang mahir dan cekap dan saya gembira Kulitkraft telah

dapat melatih belia-belia dalam lapangan kemahiran ini. Ini juga adalah membuktikan kepada kita semua bahawa kaum Bumiputra boleh menjalankan apa juga jenis perusahaan yang kecil dan besar apabila mereka diberi peluang dan mendapat bimbingan dengan sepenuhnya.

Kepada Pegawai-pegawai dan Pekerja-pekerja Kulitkraft, saya suka memberi nasihat bahawa mereka janganlah berpuas hati dengan kejayaan yang tercapai hingga hari ini. Mereka hendaklah berusaha dengan lebih giat dan tekun lagi dan mempelajari dengan lebih mendalam akan semua kerja-kerja yang ditanggung oleh mereka supaya dapat meninggikan mutu hingga boleh dapat mengekspot kasut-kasut pengeluarannya ke luar negeri. Kejayaan Kilang ini di samping yang lain-lain pasti dapat menjadi contoh dan perangsang kepada kaum Bumiputra meneroka lapangan perusahaan.

Saya sukacita mendengar bahawa Kulitkraft telah pun mula membuka kedai-kedai runcit menjual kasut-kasut di beberapa negeri dan akan membuka beberapa buah lagi di serata negara. Usaha ini akan membantu peniaga-peniaga yang ada dan dapat menambah lagi bilangan peniaga Bumiputra. Barangkali boleh juga ditinjau samada pemasaran kasut Kulitkraft ini boleh dijalankan melalui kedai-kedai Borong dan runcit yang diselenggarakan oleh Syarikat Permodalan di Pahang dan lain-lain.

Saya sukacita, pada kesempatan ini, memberi tahu Pegawai-pegawai dan Pekerja-pekerja Kulitkraft bahawa saya telah mengarahkan MARA supaya mengaturkan cara-cara untuk menjual saham-saham syarikat ini dan juga syarikat-syarikat MARA yang lain kepada pekerja-pekerjanya. Saya percaya inilah cara yang wajar dan dapat menggalakkan lagi pekerja-pekerja sesebuah syarikat itu berusaha dengan lebih tekun dan lebih bersungguh-sungguh kerana mereka sendiri mempunyai hak milik dalam syarikat-syarikat yang berkenaan.

Seperkara yang patut saya sebutkan di sini ialah sumbangan beberapa orang mengenai projek ini, khasnya kepada Encik Wan Abdul Hamid yang sekarang ini menjadi Pengurus Besar PERNAS, kerana beliaulah yang mula-mula membuat cadangan menubuhkan Kulitkraft ini. Pada masa itu beliau menjadi Pengarah Bahagian Perusahaan dan Perdagangan MARA.

Akhirnya, saya suka mengucapkan ribuan terimakasih kepada Pegawai-pegawai dan Kakitangan Kilang ini atas persediaan-persediaan yang dibuat untuk upacara pembukaan Kilang ini.

Saya dengan sukacita membuka Kilang Kulitkraft ini dengan rasminya.

UCAPAN PERDANA MENTERI SEMASA MENGGULUNG PERBAHASAN MENGUCAP TERIMA-KASIH DI ATAS TITAH DIRAJA DI DEWAN RAKYAT¹, KUALA LUMPUR PADA 17^{HB} MEI, 1972

Datuk Yang Dipertua,

Saya sukacita mengambil peluang ini untuk menjawab beberapa pandangan dan teguran yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak pembangkang dalam perbahasan mengucap terima-kasih terhadap titah Diraja.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu Hulu,² sebagai Ketua Pembangkang, nampaknya, tidak dapat mengemukakan apa-apa cadangan yang membina atau positif untuk ditimbangkan oleh Kerajaan. Saya nampak Ahli Yang Berhormat itu dengan sengaja telah menyalahafsirkan apa yang disebutkan dalam Rancangan Malaysia Kedua itu.

Kerajaan Perikatan sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab, yang praktik dan realist, hanya suka menyebut sesuatu yang difikirkan munasabah dan boleh dijayakan. Kita membuat anggaran 30% dari aktiviti-aktiviti perdagangan dan perusahaan dipegang oleh orang-orang Melayu dan lain-lain Bumiputra dalam masa dua puluh tahun ialah kerana ini angka yang munasabah. Kita telah menyatakan ini adalah sekurang-kurangnya yang kita cadangkan. Kalau kita boleh buat lebih dari itu, sangatlah elok. Kita berkehendakkan angka 30% ini untuk memberi gambaran kepada orang-orang Melayu bahawa mereka itu ada mempunyai bahagian yang berpatutan dalam lapangan perusahaan dan perniagaan.

Sungguhpun kita katakan tujuan kita menjalankan dasar ini ialah untuk mencapai perpaduan akan tetapi ini tidak bermakna kita terpaksa menunggu sehingga rancangan ini telah sempurna barulah perpaduan rakyat akan tercapai. Yang kita maksudkan ialah rancangan ini berjalan beransur-ansur dari setahun ke setahun dan sambil rancangan itu berjalan, kita harap perasaan rakyat akan berubah dan perasaan persefahaman dan saling mengerti bertumbuh meresap antara satu dengan lain.

¹ Dewan Rakyat ketiga penggal kedua.

² Y.B. Dato Haji Asri bin Haji Muda.

Kita hendaklah faham bahawa tiap-tiap satu benda yang wujud di dunia ini mestilah ada "element of growth" atau proses tumbuh-menumbuh—dari kecil menjadi sederhana dan seterusnya menjadi besar. Begitu jugalah perpaduan di kalangan rakyat—bermula sedikit-sedikit, kemudian bertambah kuat sehingga ia sebenarnya menjadi teguh dan erat dan kita dapat tubuhkan satu bangsa yang kuat dan bersatu padu.

Akan tetapi, Ahli Yang Berhormat itu tidak ada cadangan apa-apa bagaimana cara yang patut kita jalan untuk hendak menguatkan atau hendak menyegerakan tercapainya perpaduan di kalangan rakyat. Kalau beliau fikir dasar yang dijalankan oleh Kerajaan tidak betul atau menepati, apakah rancangan atau program yang lain yang difikirkan dapat dijalankan untuk mencapai matlamat perpaduan itu dengan cara yang lebih lekas dan berkesan?

Datuk Yang Dipertua,

Ahli Yang Berhormat itu berkata bahawa Kerajaan tidak tegas dalam usaha meninggikan Bahasa Malaysia dan penggunaan Bahasa Malaysia di tengah-tengah masyarakat. Beliau berkata kedudukan dan kedaulatan Bahasa Malaysia masih menjadi tanda tanya.

Saya hairan kenapa Ahli Yang Berhormat itu begitu terkebelakang fikirannya. Tentu beliau masih ingat tahun 1960/1965 dahulu, pada masa itu kita belum lagi menjadikan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Rasmi yang tunggal. Sekarang Bahasa Malaysia telah menjadi Bahasa Rasmi yang tunggal dengan kuatkuasa undang-undang seperti yang diterangkan dalam Perlembagaan kita. Jadi, masalah kedudukan dan kedudukan Bahasa Malaysia tidaklah timbul lagi.

Dalam majlis Dewan Rakyat ini pun, Ahli-ahli Yang Berhormat tidak boleh bercakap Bahasa Inggeris melainkan dengan izin Tuan Speaker. Jadi, Kerajaan telah memberi kedudukan kepada Bahasa Malaysia di tempat yang sebenar dan memberi kedaulatan sebagai Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Rasmi yang tunggal di negara kita. Saya tidak faham apakah lagi yang hendak dilayangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Saya tidak faham apakah tujuan hendak diadakan kempen Bulan Bahasa kerana apa yang dicita-cita itu telah pun wujud dan ada terletak di tempat yang sewajarnya.

Perkara yang mustahak diusahakan sekarang ialah memperkayakan Bahasa Kebangsaan kita itu supaya dapat digunakan dengan sepenuhnya dalam semua lapangan perusahaan dan pelajaran. Begitu juga kita patut mengadakan buku-buku dengan lebih banyak lagi dalam Bahasa Kebangsaan supaya dengan itu lebih ramai lagi rakyat di negara kita dapat mengetahui dengan mendalam dan menggunakan dengan sepenuhnya Bahasa Kebangsaan kita itu. Saya fikir tidak ada perkara yang Kerajaan hendak tegaskan dalam perkara Bahasa Kebangsaan ini kerana kita telah tegaskan perkara ini dengan kuatkuasa undang-undang dan Perlembagaan.

Ahli Yang Berhormat itu ada menyebut berkenaan masalah pelajaran dan katanya pelajaran tinggi dalam lapangan sains dan teknologi dan lain-lainnya tidak memberi faedah jika tidak ada nilai yang sempurna. Ahli Yang Berhormat itu berkehendakkan supaya dasar pelajaran disemak semula untuk diberi penilaian.

Di sini pun, saya tidak faham apa yang dimaksudkan oleh beliau itu. Tujuan kita mengadakan kemudahan-kemudahan pelajaran ialah kerana hendak memberikan latihan kepada anak-anak muda kita supaya menjadi warganegara yang berguna yang boleh menjalankan tanggungjawab mereka dengan sempurna.

Beliau juga ada menyebut berkenaan Universiti Islam. Saya suka menegaskan di sini Kerajaan tidak menolak cadangan menubuhkan Universiti Islam bahkan Kerajaan telah menerima dasar bagi mengadakan pelajaran dalam lapangan agama sehingga ke peringkat Universiti. Dengan sebab itu, Kolej Islam telah dijadikan fakulti Pengajian Islam di Universiti Kebangsaan. Ini bermakna mahasiswa-mahasiswa yang suka hendak menumpukan pelajaran dalam lapangan agama boleh mendapat kelulusan atau ijazah dalam lapangan agama yang sama taraf dan mutunya dengan ijazah-ijazah yang lain.

Akan tetapi, masalah yang dihadapi oleh Kerajaan ialah keutamaan atau priority bagi memenuhi kehendak-kehendak Kebangsaan kita. Kita mempunyai kelengkapan termasuk orang-orang yang berkelayakan bagi menjadi professor-professor dan pensyarah-pensyarah serta pentadbir-pentadbir di Universiti yang terhad.

Kerajaan suka hendak mengetahui apakah sebenarnya dikehendaki dari Universiti Islam itu. Adakah Universiti Islam itu hendak memberi pelajaran dalam lapangan agama semata-mata atau adakah Universiti Islam itu hendak mengajar juga ilmu-ilmu seperti Sains, Teknologi dan Sastera dan juga pelajaran-pelajaran yang lain seperti di Universiti Azhar di Cairo dan Universiti-universiti lain di negara-negara Islam? Kalau maksud hendak diadakan sebuah Universiti sama seperti Universiti Azhar di Cairo itu, tidakkah Universiti Kebangsaan boleh memenuhi kehendak-kehendak itu?

Kerajaan berpendapat mustahak dan perlu diberi didikan dalam lapangan agama kepada anak-anak kita dari mula mereka masuk sekolah sehingga ke sekolah tinggi dan terus ke Universiti. Dengan sebab itu, Kerajaan telah menjadikan Kolej Islam itu sebagai bahagian dari Fakulti Pengajian Islam dalam Universiti Kebangsaan.

Akan tetapi, sambil mempelajari hal-hal agama, anak-anak kita hendaklah juga diberi pelajaran dalam lapangan-lapangan lain supaya mereka itu boleh menjadi rakyat yang berguna, yang boleh menjalankan kehidupan mereka bukan saja untuk akhirat bahkan untuk dunia juga.

Pada pandangan Kerajaan, untuk sementara ini, dengan adanya Fakulti Pengajian Islam di Universiti Kebangsaan, dan juga Jabatan Pengajian Islam di Universiti Malaya itu adalah memadai dengan kehendak pada masa ini, kerana di Fakulti Pengajian Islam ini mahasiswa-mahasiswa yang hendak mengambil kelulusan dalam lapangan Theology atau agama boleh mengambil kelulusan itu dan dengan ini bolehlah menepati kehendak-kehendak kita iaitu mengadakan pensyarah-pensyarah, ketua-ketua agama, guru-guru agama dan lain-lain lagi yang mempunyai pelajaran tinggi.

Di samping itu, kita mestilah mengutamakan juga pelajaran dalam lapangan yang lain—lapangan kemajuan dunia supaya orang-orang Islam dapat mengambil bahagian yang sempurna dalam kemajuan negaranya sendiri. Sambil itu mereka mempunyai ilmu pengetahuan dalam lapangan agama untuk bekalan mereka di akhirat dan, seperti saya terangkan tadi, kalau mereka hendak specialise dalam lapangan agama, mereka boleh mengambil ijazah dalam lapangan agama.

Saya suka menegaskan bahawa Kerajaan terpaksa menentukan priority atau keutamaan. Kita sekarang terpaksa melengkapkan Universiti Kebangsaan dengan mengadakan pensyarah-pensyarah, guru-guru, professor-professor yang secukupnya. Jadi, perkara ini pun belum kita sempurnakan. Kalau kita hendak adakan satu lagi Universiti yang mempunyai tujuan yang sama, tentulah perkara ini kita tidak dapat sempurnakan pada masa ini.

Akan tetapi, kalau tujuannya hendak mengadakan Universiti Islam semata-mata untuk mengajar hal-hal agama, dan tidak hal-hal ilmu pengetahuan yang lain, ini adalah masalah yang baru. Kerajaan berpendapat perkara yang penting sekarang ialah kita mesti melaksanakan kehendak-kehendak kebangsaan rakyat kita iaitu memberi pelajaran dalam Bahasa Kebangsaan dalam ilmu-ilmu yang dikehendaki untuk mereka itu menjadi rakyat yang maju dan moden sambil menjunjung tinggi ilmu pengetahuan dalam lapangan agama untuk membuat ibadat kepada Tuhan. Universiti Kebangsaan adalah menepati kehendak ini dan tidak lama lagi saya harap Universiti Malaya, dengan menggunakan Bahasa Malaysia sepenuhnya akan dapat juga menepati kehendak-kehendak ini.

Jadi, saya harap janganlah rakyat dikelirukan lagi tentang hal ini. Bila tiba masanya kita fikir perlu mengadakan satu Universiti khas untuk mempelajari hal-hal agama, ini bolehlah kita timbangkan tetapi tidak ada suatu negara Islam pun yang saya tahu mempunyai Universiti khas untuk memberi pelajaran dalam hal agama saja, bahkan semua Universiti di negara-negara Islam memberikan pelajaran dalam berbagai cawangan ilmu termasuklah Theology atau agama sebagai satu cawangan untuk dipelajari oleh mahasiswa-mahasiswa. Inilah cara yang kita jalankan pada masa ini.

Datuk Yang Dipertua,

Saya fikir dalam menjalankan dasar Kerajaan, mustahaklah kita mengetahui haluan yang kita hendak tuju dan janganlah kita semata-mata bercakap, main sentimen yang boleh mengelirukan rakyat dan memberi bayangan-bayangan sahaja kepada rakyat.

Kita berkehendakkan orang-orang Islam menjadi warganegara yang berguna, maju dan boleh berfikir serta boleh mengambil bahagian yang sempurna dalam kemajuan negara, sambil menjalankan hukum-hukum Allah untuk bekalan akhirat. Inilah dasar

Kerajaan Perikatan dan tujuan Kerajaan Perikatan. Kalau tujuan Parti PAS hendak memberi ilmu kepada rakyat semata-mata untuk bekalan akhirat, itu saya kata adalah berlainan dan berbeza antara Kerajaan Perikatan dengan Parti PAS dan ini bukanlah menepati hasrat rakyat yang sebenarnya dan tidak menepati ajaran-ajaran Islam yang sebenarnya.

Ahli Yang Berhormat dari Batu³ menuduh bahawa "rakyat bukan Bumiputra dibeza-bezakan dalam peluang-peluang pekerjaan dengan Kerajaan dan juga pihak swasta. Beliau menandatangani oleh kerana rakyat bukan Bumiputra terdiri dari 43.2% dari jumlah penduduk negara ini, peluang-peluang pekerjaan dengan Kerajaan dan pihak swasta hendaklah seboleh-bolehnya mengikut peratus rakyat bukan Bumiputra itu."

Tuduhan Ahli Yang Berhormat itu sangat berat dan tidak berasas. Tidak ada perbezaan samasekali dalam mengambil pekerja-pekerja untuk perkhidmatan awam. Tiap-tiap seorang rakyat Malaysia mempunyai peluang yang sama untuk mendapat pekerjaan dengan Kerajaan kecuali dalam beberapa perkhidmatan yang dikenakan quota. Sebenarnya, kalau dilihat perangkaan untuk seluruh perkhidmatan awam, kita dapati bahawa kedudukan orang-orang Melayu adalah sebaliknya dari apa yang dituduh oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Di dalam pembahagian tenaga rakyat terlatih bagi perkhidmatan Bahagian Satu Kerajaan, jelas didapati keadaan tidak seimbang di antara pegawai-pegawai keturunan Melayu dan pegawai-pegawai bukan Melayu.

Pada tahun 1969, daripada 3,741 jawatan yang dipenuhi, pegawai-pegawai Melayu memenuhi 1,442 jawatan, iaitu 38.53%, manakala 2,801 jawatan atau 61.47% diisi oleh pegawai-pegawai bukan Melayu.

Keadaan tidak seimbang ini agak lebih buruk lagi bagi perkhidmatan-perkhidmatan teknikal dan professional. Kedudukan pegawai-pegawai keturunan Melayu dalam perkhidmatan-perkhidmatan jenis ini sangatlah menyedihkan seperti dalam perkhidmatan perubatan (6.4% sahaja Melayu), pergigian (11.7%), ahli kimia ubat (16.9%) akauntan (11.8%), haiwan (28.1%), pertanian (32.8%), jurutera mekanik (16.3%), jurutera awam (9.4%), jurutera

³ Y.B. Dr. Tan Chee Khoon.

letrik (16.4%), kajibumi (4.8%), laut (10%), hasil dalam negeri (15.5%) dan perangkaan (4.8%). Di setengah-setengah perkhidmatan pula seperti kajicuaca, kimia, muflis, amanah raya, penerbangan awam, tidak terdapat langsung pegawai-pegawai keturunan Melayu.

Di mana quota tidak diadakan, ada kalanya pegawai-pegawai Melayu tidak ada langsung dan di mana quota-quota dikenakan, bilangan pegawai-pegawai Melayu bukan saja tidak mencukupi tetapi lebih rendah bilangannya dibandingkan dengan pegawai-pegawai bukan Melayu.

Keadaan tidak seimbang juga didapati di kalangan guru-guru berijazah kepujian dan am, yang boleh mengajar mata-mata pelajaran sains dan hisab di sekolah-sekolah aliran Melayu dan aliran Inggeris.

Daripada 260 (Hisab tujuh puluh, Fizik lima puluh dua, Kimia enam puluh, Kajihayat empat puluh lapan dan Sains-sains lain tiga puluh) guru-guru berijazah kepujian yang boleh mengajar mata-mata pelajaran sains dan hisab, hanya empat puluh tujuh orang (Hisab sembilan belas, Fizik lapan, Kimia tujuh, Kajihayat enam, dan Sains-sains lain tujuh) ditempatkan di sekolah-sekolah aliran Melayu, manakala 213 orang lagi (Hisab lima puluh satu, Fizik empat puluh empat, Kimia lima puluh tiga, Kajihayat empat puluh dua dan Sains-sains lain dua puluh tiga) ditempatkan di sekolah-sekolah aliran Inggeris. Ini secara langsung mengakibatkan perbezaan tekanan mata pelajaran di antara kedua-dua aliran. Anak-anak bukan Bumiputra adalah mempunyai lebih luas peluang dan harapan bagi mengikuti mata-mata pelajaran sains dan hisab daripada sekolah-sekolah aliran Melayu.

Di lapangan swasta, ternyata sekali kurangnya pekerja-pekerja Melayu yang mahir. Dasar Kerajaan mengenai pekerjaan ialah supaya mencerminkan keadaan penduduk-penduduk yang berbilang bangsa di negara kita pada setiap tingkatan kemahiran dan juga dalam semua sektor ekonomi negara.

Pada amnya, dasar ini hanya dijalankan oleh setengah-setengah industri dalam mana Kerajaan memberikan bantuan ataupun mendapat kebenaran dari Kerajaan, umpamanya menerusi galakan-galakan taraf perintis, Employment Restrictions Act dan Immigration Act. Dalam pada itu pun, banyak kelonggaran yang diberikan dalam melaksanakan undang-undang tersebut.

Dalam industri taraf perintis, keadaan tak seimbang pada tingkatan professional, managerial dan teknikal, masih luas. Dalam lain-lain sektor ekonomi seperti pembenaan dan perlombongan, amalan yang berlaku sekarang, sepertimana Ahli Yang Berhormat itu sendiri maklum, masih berupa "closed-shop".

Seterusnya dalam industri yang bukan bertaraf perintis, Kerajaan tidak ada kuasa undang-undang untuk mengawal atau menguat-kuasakan dasar pekerjaan Kerajaan kecuali dengan cara pujuk atau desakan halus. Pada amnya aliran semua sektor ekonomi menunjukkan bahawa semakin kecil sesuatu perusahaan itu makin nyata hakikat personal ownership perusahaan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat⁴ membuat tuduhan antara lain-lain bahawa peluang pekerjaan dalam jawatan Kerajaan tidak diukur pada kecekapan seseorang tetapi menurut dasar perkauman. Beliau juga menuduh kecekapan perkhidmatan awam merosot serta adanya perbuatan memceras kakitangan dan melakukan kenaikan pangkat menurut sentimen perkauman dan pandang bulu atau nepotism.

Saya ingin menegaskan dalam Dewan yang mulia ini bahawa peluang pekerjaan adalah terbuka kepada semua rakyat Malaysia. Dalam perkhidmatan awam, pengambilan pegawai dan kakitangan adalah mengikut syarat-syarat dan peraturan perkhidmatan serta dikendalikan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang bebas. Terdahulu dari ini saya telah menyebut orang-orang Melayu/Bumiputra amat tinggi dalam urban sektor dan tidak seimbang dengan bilangan penduduk-penduduk urban Melayu. Lagi pula, saya ada bukti bahawa ramai belia-belia Melayu yang tamat latihan dari sekolah-sekolah vocational dan sebahagiannya tidak mendapat pekerjaan sebagaimana patutnya. Oleh itu, Kerajaan merasa perlu mengadakan langkah-langkah khas menyelaraskan usaha-usaha supaya menjamin belia-belia yang diberi latihan itu mendapat pekerjaan di bidang swasta.

Saya telah berkali-kali menegaskan bahawa kenaikan pangkat dalam perkhidmatan awam berdasarkan kelayakan dan kecekapan. Hanya apabila kedua-dua calun didapati sama-sama layak dan cepak maka keputusan diberi pada yang lebih kanan.

⁴ Y.B. Encik V. David.

Saya anggap tuduhan Ahli Yang Berhormat tentang adanya sentimen perkauman dan nepotism itu amat keterlaluan dan tidak berasas sama sekali. Bahkan kata-kata seperti itu adalah bahaya dan saya suka mengingatkan Ahli itu supaya berhati-hati di masa hadapan.

Mengenai teguran beliau bahawa sidang Parlimen hanya berupa "window dressing" untuk Kerajaan Perikatan, saya suka menyatakan bahawa Ahli-ahli Pembangkang suka benar bercakap seperti itu oleh kerana mereka tidak dapat memaksakan pendapat mereka kepada Dewan ini dan tidak mendapat sokongan dari rakyat. Bila mereka mendapat kuasa menerusi proses demokrasi, mereka sebaliknya merosakkan demokrasi kerana sebenarnya mereka hanya percaya pada prinsip-prinsip demokrasi di bibir mulut sahaja.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang⁵ bertanya tentang tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk mendapatkan kerjasama dari kakitangan-kakitangannya. Beliau mendakwa tidak ada jalan keluar untuk mencapai penyelesaian yang adil dan memuaskan serta menuduh yang Kerajaan tidak mahu merundingkan fantastic anomalies yang ditimbulkan oleh Suruhanjaya Suffian.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat itu, Kerajaan baru saja mengkaji semula jentera perundingan untuk seluruh kakitangan perkhidmatan Kerajaan. Kita semua tahu Majlis Whitley di masa lepas tidak berjalan dengan memuaskan bahkan pada hemat saya boleh mengancam industrial peace dalam negara. Masa itu tidak ada dasar yang tegas mengenai upah dan kerana itu setiap tuntutan yang dikemukakan semata-mata untuk menaikkan gaji. Perundingan-perundingan berjalan berlarut-larutan dan oleh kerana pertimbangan mengenai tuntutan gaji untuk sesuatu perkhidmatan dibuat secara *ad hoc* maka ini menimbulkan anomalies dalam perkhidmatan lain yang berkaitan.

Pada lazimnya, perwakilan staff side dimonopoli oleh Kesatuan yang besar-besar sahaja yang bergabung dengan CUEPACS.

Dari pengalaman masa lalu, hanya tuntutan Union besar-besar saja yang sampai kepada Majlis Whitley Kebangsaan dan biasanya berjaya. Sedangkan tuntutan union yang kecil tidak berpeluang mendapatkan pertimbangan Whitley Council.

⁵ Y.B. Encik Yeoh Teek Chye,

Oleh itu, sebagai langkah menyelesaikan kesulitan-kesulitan ini, Kerajaan telah pun mencadangkan satu cara procedure yang adil dan saya fikir memuaskan semua pihak, yang membolehkan pertimbangan pada bila-bila masa mustahak untuk menyemak tingkatan gaji dan juga syarat-syarat serta peraturan perkhidmatan dalam Kerajaan dan badan-badan berkanun.

Ahli Yang Berhormat dari Bangsar⁶ telah mencabar Kerajaan supaya membuat kenyataan tegas bagi membetulkan keadaan yang tidak seimbang di mana orang-orang bukan Melayu juga merasa terbahagi berpelang-pelang menurut jenis pekerjaan iaitu menjadi penjaja-penjaja, pekedai-pekedai, pedagang-pedagang kecil dan pengarah bank. Ahli Yang Berhormat itu meminta sekurang-kurangnya 30% dari pembangunan tanah diberi kepada orang-orang Bukan Melayu untuk menolak sangkaan bahawa orang Cina dan India hanya terdapat di bandar dan ladang-ladang getah saja.

Kerajaan telah menyatakan dengan jelas dalam Rancangan Malaysia Kedua hasratnya hendak menghapuskan kemiskinan dengan tidak mengira bangsa dan menyusun semula masyarakat bagi mengatasi keadaan berpelang-pelang menurut pekerjaan dan tempat tinggal masing-masing. Bagi mencapai matlamat serampang dua mata ini, Kerajaan sudah pun mengatur langkah-langkah strateji menurut keutamaan yang ditentukan.

Pada masa ini bandingan jumlah orang-orang Melayu dan Bumiputra dalam traditional rural sector amat tinggi iaitu 74%. Di sinilah terdapat rakyat yang miskin dan daif dengan pendapatan yang amat rendah berbanding dengan pekerja-pekerja urban sector. Lebih kurang 43% orang-orang bukan Melayu berada dalam urban sector berbanding dengan 16% orang Melayu, sedangkan pendapatan modern urban level pukul rata \$4,885 iaitu 400 kali ganda pendapatan traditional rural sector.

Bukanlah menjadi dasar Kerajaan menyusun semula masyarakat semata-mata menurut sukahati bahkan dengan tujuan dan maksud yang tertentu.

Maka itu apa yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat supaya dibuat inter-sectoral change adalah satu langkah yang mundur dan tidak mungkin diterima oleh rakyat yang dikatakan oleh Ahli itu kerana cadangan ini bermakna akan menurunkan

⁶ Y.B. Encik Goh Hock Guan.

pendapatan orang-orang bukan Melayu. Sebaliknya, dasar Kerajaan ialah menempatkan semula rakyat kedua-dua sektor ini supaya menjamin pembahagian pendapatan yang lebih adil dan saksama.

Mengenai dasar pembukaan tanah, saya ingin menegaskan tidak ada perbezaan menurut bangsa. Pelaksanaan dasar ini dapat dibuktikan dengan statistik yang jelas menunjukkan kedudukan hakmilik yang tidak seimbang terutama mengenai perusahaan tanaman ladang seperti getah, kelapa sawit, kelapa dan teh. Sebagai contoh, dari jumlah keluasan ladang getah (estate), tidak termasuk kebun-kebun kecil (small-holdings) dan ladang-ladang milik asing (foreign-owned estates), orang-orang Melayu/Bumi-putra memiliki 14,081 ekar saja atau (1%) berbanding dengan 726,770 ekar (48%) milik bukan Melayu. Bagaimanapun, untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, daripada jumlah lebih kurang 2.6 juta ekar kebun-kebun kecil getah (small-holdings) di negara ini, hanya 50% dimiliki oleh orang-orang Melayu/Bumi-putra, dan ini termasuklah kira-kira 148,000 ekar yang diusahakan oleh L.K.T.P.

Berpegang pada hakikat inilah Kerajaan memandangkan mustahak menjalankan rancangan besar-besaran di bawah FLDA, FELCRA dan sebagainya supaya keadaan tidak seimbang tadi dapat diatasi dengan cara yang adil dan saksama.

Ahli Yang Berhormat dari Padawan⁷ membangkitkan masalah kekurangan pegawai-pegawai yang berpengalaman dan pembangunan yang tidak seimbang di antara Negeri-negeri di Malaysia serta meminta supaya Kerajaan Persekutuan membantu bagi membaiki keadaan tidak seimbang itu dengan mengadakan kemudahan-kemudahan perhubungan serta punca-punca bekalan yang baik seperti yang dinikmati oleh rakyat di Malaysia Barat.

The important thing to remember is this: we must be specific and we must have stamina. We must put forward concrete proposals and ideas and we must apply ourselves to our tasks with sustained vigour and determination. We must not lose heart at the difficulties and temporary setbacks which we shall inevitably face. Instead we must be prepared to take the long view—but without at the same time losing our zeal, our persistence and our determination. We must hold fast to our principles and our objectives and we must work hard and work steadily over the years with a definite commitment and a clear sense of direction.

Gentlemen,

May I now, in concluding these remarks wish you well in the important deliberations that are ahead of you. May I also express the hope that in the brief time that you are with us here in Malaysia, you will have the opportunity to see something of our country and to enjoy a pleasant and relaxed stay.

And now, Excellencies, Ladies and Gentlemen, I have great pleasure in declaring open this Second Meeting of the Preparatory Committee of Non-Aligned Countries.

SPEECH BY THE PRIME MINISTER AT THE
SELANGOR CHINESE CHAMBER OF COM-
MERCE DINNER AT DRAGON COURT,
HOTEL MERLIN, KUALA LUMPUR ON 26TH
MAY, 1972

Y.B. Tan Sri Mohd. Tahir Tan,¹ Y.B. Menteri-menteri, Tuan-tuan dan Puan-puan.

Terlebih dahulu, saya hendak menyatakan perasaan terimakasih saya dan isteri saya kepada Yang Dipertua dan ahli-ahli Dewan Perniagaan Cina Selangor atas jemputan menghadiri Majlis Makan Malam yang permai ini.

Saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada Dewan ini yang telah meningkat umur enam puluh lapan tahun. Ini bolehlah dikatakan tempoh yang lama dan tidak syak lagi anggota-anggota Dewan ini mempunyai pengalaman yang matang dalam semua lapangan perniagaan dan juga perindustrian. Saya harap sempena dengan hari ulang tahun keenam puluh lapan ini, anggota-anggota Dewan ini akan membaharui sikap dan azam untuk memberikan khidmat yang bermakna kepada negara Malaysia.

Ladies and Gentlemen,

It would be a good thing on the occasion of an anniversary like this, for the members of your Chamber as of any organisation to make a reappraisal of your past performance and consider how best you can make your continued contribution to the well-being of our people and to the peace and stability of our country. In this context, I highly appreciate the renewed pledge for co-operation which your President expressed just now.

I am particularly happy to note that Government's New Economic Policy is now better understood, especially with respect to the restructuring of society and our policy to provide the less fortunate of our people with a more equitable share of the progress and prosperity of our country. This is a right and proper thing to do.

¹ Yang Dipertua Dewan Perniagaan Cina Selangor.

We must accept as a fact of life that ours is a multi-racial society and it would be dangerous to peace and stability of our country if our people continue to be compartmentalised according to trade and employment or confined to a particular habitat all their lives.

The Government has taken measures to ensure that for the future, all aspects of life should properly reflect our multi-racial population. We must altogether see that this objective is successfully achieved—for our own sake and for the sake of future generations.

In this connection, I have a special appeal to you all with regard to the employment of our youths who have been trained in vocational skills for industry.

The Government, in anticipation of the rising demand for skilled manpower, has been providing training facilities designed to fit our youths in our industries. For some reasons, the intake of these trained personnel has not met our expectation. Recently, I have directed the formation of the National Advisory Council on Industrial Training which I hope will see to it that this trained manpower is fully utilized both by the public and private sector. I hope this will work out satisfactorily.

I am in full agreement with Tan Sri Tahir regarding the need for regular consultation between the Malay Chamber and your Chamber, and for that matter, all the four Chambers with PERNAS and relevant Government Departments. I shall direct the Ministry of Trade and Industry to act on this matter expeditiously.

Ladies and Gentlemen,

Coming to the subject of essential foodstuff and the need to stabilise prices, I can assure you all that the Government will do everything possible to safeguard the interest of consumers, particularly the low-income group. The difficulty as we all know is that commodities like sugar are subject to international market fluctuation. However, the Government is actively considering the establishment of a Sugar Board which I hope will pursue the suggestion made just now.

On the question of rubber, I am gratified to note that the price is going up again and the situation is not as bad as is made out to be. Nevertheless, I fully endorse the suggestion that we should continue to do intensive promotion overseas.

Our Minister of Primary Industries² who visited a number of European countries recently is at present considering a number of proposals to ensure stability of the price of our primary commodities. In the meanwhile, we will continue to modernise the industry, assisting the small-holders in replanting and production of SMR which will fetch them better return for the efforts.

Ladies and Gentlemen,

Before I sit down, I would like once again, on behalf of my wife and myself, to thank the members of the Selangor Chamber of Commerce for their pleasant evening. I hope the Selangor Chamber will continue to prosper in the long years ahead.

Thank you.

² Y.B. Encik Abdul Taib bin Mahmud.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI PEMBUKAAN RASMI MESYUARAT AGUNG TAHUNAN MAJLIS BELIA MALAYSIA, DI AUDITORIUM MARA, KUALA LUMPUR PADA 26HB MEI, 1972

Saudara Pengerusi, Yang Dipertua Majlis Belia Malaysia,¹ Y.B. Dato Hamzah,² Saudara-saudara sekalian.

Terlebih dahulu sukaiah saya mengucapkan terima kasih atas kesudian saudara-saudara menjemput saya untuk merasmikan Perhimpunan Tahunan MBM petang ini.

Pada hemat saya, sidang ini membawa erti yang besar kepada belia-belia di seluruh negara kerana tidak dapat tidak saudara-saudara akan membuat beberapa keputusan penting yang melibatkan pergerakan belia, baik ahli-ahli gabungan sendiri mahu pun yang di luarnya.

Majlis Belia Malaysia sebagai badan yang menyatukan pergerakan belia besar dan kecil, mempunyai tanggungjawab yang berat memimpin dan mengarahkan belia menuju matlamat yang dicita-citakan. Saya rasa Majlis Belia ini sepatutnya memainkan peranan yang besar, bukan saja menyelaraskan kegiatan-kegiatan belia tetapi menggembeling seluruh tenaga belia yang bergabung di bawah panji-panjinya itu melaksanakan usaha-usaha pembangunan negara.

Saudara, baru beberapa hari yang lalu, saya dapat kesempatan berucap kepada belia-belia di seluruh negara bersempena dengan Hari Belia 1972. Hari ini saya berpeluang untuk bertemu muka dengan saudara-saudara pemimpin belia yang mewakili sebahagian terbesar daripada mereka yang masih di bangku sekolah, di maktab-maktab dan Universiti-universiti, juga yang sudah masuk dalam arena perjuangan hidup sebagai pemuda-pemuda tani, pekerja-pekerja kilang, pegawai-pegawai Kerajaan, business executives dan ahli-ahli politik.

Sukacita mendengar dari Saudara Anuar Ibrahim belia-belia telah mengadakan banyak dialog-dialog disusun dan diikuti dengan action dan activities yang membina.

¹ Y.M. Tuanku Abdullah ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman.

² Y.B. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Dalam pesanan kepada belia-belia, saya telah memberikan garis-garis dasar yang saya rasa patut dijadikan panduan mereka dan di samping itu saya menegaskan peranan utama belia sebagai modernising force dalam membangun masyarakat Malaysia baru.

Saya menggunakan istilah modernising force itu dengan pengertian bahawa dalam keadaan kita mengejar waktu hendaklah sentiasa bergerak cergas di baris hadapan, memimpin dan membimbing anggota-anggota masyarakat sekelilingnya ke arah tingkatan hidup yang lebih maju dan sempurna.

Dengan ini bermakna setiap belia bakal pemimpin hendaklah terlebih dahulu melengkapkan diri dengan kebolehan dan kemahiran pimpinan atau leadership skill. Hanya dengan kebolehan dan kemahiran ini, barulah dapat dia memandu dan membimbing anggota masyarakat sekelilingnya menjayakan matlamat-matlamat pembangunan.

Sebaliknya, tanpa kebolehan dan kemahiran tentulah dia tidak akan dapat memenohi tugasnya sebagai modernising agent sedangkan dia sendiri masih memerlukan bimbingan pula.

Saudara-saudara sekalian,

Negara kita sungguh beruntung kerana pada satu-satu peringkat dalam sejarah kebangkitan nasional kita, golongan belia yang penuh bersemangat patriotism dan rasa tanggungjawab tampil kemuka menyahut cabaran zaman. Sejarah perjuangan kemerdekaan membuktikan hakikat ini dalam mana golongan belia memainkan peranan besar memelopuri gerakan kemerdekaan, bahkan rela berkorban mempertahankan keamanan negara dan kedaulatan bangsa. Apakala tercapai kemerdekaan lima belas tahun dahulu golongan belialah tampil ke depan untuk memikul tanggungjawab yang berat mengendalikan pentadbiran negara dan menentukan arah haluannya mengisi cita-cita kemerdekaan.

Rasanya tidak perlu saya berpanjang lebar kerana perkara-perkara yang penting telah pun saya katakan dengan jelas pada kesempatan terdahulu itu. Kerajaan sedar betapa mustahaknya kita membina jenerasi muda dan golongan belia sebagai pewaris untuk menyambung pelaksanaan rancangan-rancangan hari ini dan masa depan. Hidup kita di dunia ini adalah ibarat roda yang sentiasa berputing. Hari ini jenerasi saya memikul tanggungjawab

memimpin negara. Dalam tempoh sepuluh atau selawat-lewatnya dua puluh tahun lagi, jenerasi saya akan berlalu dan jenerasi saudara-saudara pula akan mengambil alih tanggungjawab itu.

Inilah sebabnya saya menarik perhatian saudara-saudara supaya menitikberatkan masaalah pemimpinan dan persediaan untuk memberikan pimpinan yang dihendaki oleh masyarakat pada sesuatu waktu.

Dalam hubungan ini, Majlis Belia Malaysia mempunyai tugas-tugas tertentu. Sebagai kemuncak dari pergerakan belia kebanyakan anggota MBM adalah tokoh-tokoh pemimpin negara dalam sifat saudara-saudara mengetuai badan-badan belia kebangsaan seperti MAYC, Belia 4B, GPMS, PKPM, SANYA dan lain-lain lagi. Kedudukan saudara-saudara mendapat iktiraf yang tinggi dalam taraf saudara-saudara sebagai anggota Majlis Perundingan Belia Negara, yang boleh disifatkan sebagai Parlimen Belia.

Jadi, nyatalah saudara-saudara mendapat kepercayaan penuh dari Kerajaan untuk menasihah serta membantu Kementerian yang berkenaan memperkemaskan pergerakan belia amnya supaya mereka dapat memberikan sumbangan positif kepada negara dan kepada mereka sendiri. Inilah inti dari konsep functional leadership yang saya harapkan dari saudara-saudara menjalankannya bagi memenuhi kehendak negara dan aspirasi rakyat.

Saudara-saudara sekalian,

Kita sama-sama maklum, Kerajaan melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sentiasa berusaha dan berikhtiar memenuhi kehendak-kehendak belia. Di masa-masa yang lalu, pertubuhan-pertubuhan belia lebih banyak mengharapkan bantuan Kerajaan daripada berusaha untuk berdikari. Saya bersyukur melihat adanya perubahan sikap di kalangan belia-belia hari ini dan secara beransur-ansur rasmi "dependent" atas mengharapkan bantuan semata-mata sudah mula berkurangan dan berganti corak. Semakin banyak nampaknya badan-badan belia yang ingin berdikari tetapi bagaimanapun mereka masih pada peringkat permulaan memerlukan bantuan untuk "launching off" menjayakan sesuatu projeknya.

Seperti saya katakan, Kerajaan akan terus membantu gerakan belia tetapi hendaklah ada inisiatif di kalangan belia itu sendiri menunjukkan response dan menjalankan tindakan-tindakan yang

bermunafaat kepada gerakan mereka dan juga masyarakat. Inilah perkara yang saya harap dipanjangkan oleh Majlis Belia ini kepada badan-badan gabungan. Dengan adanya blueprint seperti yang dikatakan itu yang akan disalurkan tindakan pelaksanaannya kepada badan-badan gabungan, saya percaya tentu lebih banyak lagi kejayaan yang akan tercapai.

Sungguh pun tenaga kekuatan MBM sebenarnya terletak pada badan-badan gabungan, tidaklah seharusnya kegiatan MBM hanya timbul semasa Minggu Belia saja atau pun sewaktu merayakan lawatan rombongan belia luar negeri. Hubungan antara bangsa memang dianggap penting tetapi saya suka melihat focus tumpuan kegiatan belia hendaklah lebih diutamakan untuk kehendak-kehendak dan keperluan-keperluan masyarakat kita sendiri. Rational mewujudkan MBM bukanlah hanya untuk ikut serta dalam kegiatan WAY bahkan untuk negara.

Saudara-saudara sekalian,

Saya menganggap Perhimpunan saudara-saudara hari ini sungguh penting, bukan dalam ertikata meluluskan resolution-resolution yang hangat atau perebutan pucuk pimpinan MBM. Tetapi yang amat penting saudara-saudara fikirkan ialah menentukan arah haluan gerakan belia negara dalam tahun-tahun akan datang.

Saudara-saudara bukan saja mendukung mandat dan kepercayaan dari pertubuhan masing-masing tetapi pada hakikatnya mandat kepercayaan dari belia seluruh negara kita ini. Oleh yang demikian, saya mengharapkan hasil-hasil yang besar dari Perhimpunan ini, mengatasi segala resolution yang rasanya tidak berkait dengan kepentingan belia hari ini (dan menumpukan sepenuh usaha dan tenaga pada kemajuan dan kepentingan belia pada masa akan datang). Keputusan inilah yang sama-sama kita tunggu.

Dengan itu, saya sukacita merasmikan Perhimpunan Majlis Belia 1972, dan saya ucapkan selamat bersidang.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA PELANCARAN RASMI SOCIAL SECURITY SCHEME DI DEWAN BAHASA DAN PUS- TAKA, KUALA LUMPUR PADA 1HB JUN, 1972

Tuan Pengerusi¹, Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat², Yang Berhormat Menteri-menteri, Tuan-tuan Yang Terutama, Saudara-saudara sekalian.

Terlebih dahulu, saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat kerana menjemput saya ke upacara pelancaran Social Security Scheme pagi ini dan seterusnya merasmikannya.

Saya suka juga pada kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada Kementerian beliau, khasnya kepada Social Security Organisation ini, atas usahanya meletakkan Malaysia antara negara-negara yang mempunyai Sekim Keselamatan Sosial. Sepertimana dimaklum Social Security Scheme ini, di dalam bentuk atau lain, telah pun berjalan dalam lebih kurang 120 negara di seluruh dunia.

Oleh itu, kita di Malaysia tentulah berasa bangga kerana Malaysia dapat menyertai negara-negara tersebut dan membawakan faedah-faedah Keselamatan Social kepada rakyat.

Sepertimana kita maklum, Social Security Scheme adalah satu alat yang penting bagi menjamin industrial peace. Bagi negara yang sedang membangunkan industri, Social Security Scheme merupakan faktor utama untuk mengekalkan economic growth serta menggalakkan productivity yang lebih tinggi.

Dengan berpegang pada social justice bagi faedah semua pihak, maka kejayaan Sekim ini menghendaki commitment serta perasaan tanggungjawab bersama dari Kerajaan, Majikan dan juga di pihak kaum pekerja.

¹ Encik Abdul Kadir bin Talib.

² Y.B. Tan Sri V. Manickavasagam.

Saudara-saudara sekalian,

Hari ini sungguh bersejarah bagi kita semua kerana Social Security Scheme ini mula dilancarkan. Peristiwa ini sudah pasti membawa natijah yang baik pada masa Kerajaan sedang ber-sungguh-sungguh melaksanakan Rancangan Malaysia Kedua yang bertujuan mencapai perpaduan negara dengan menghapuskan kemiskinan sambil mempercepatkan penyusunan semula masyarakat.

Sebagaimana yang kita semua tahu, Dasar Ekonomi Baru Kerajaan bertapak kepada economic growth yang pesat, membuka peluang-peluang pekerjaan yang lebih luas kepada rakyat serta menambahkan sumber-sumber pembangunan untuk negara.

Dalam pada kita menumpukan daya usaha untuk mencapai matlamat-matlamat pembangunan ekonomi, mustahaklah kita menjamin adanya keadilan sosial atau social justice dalam cara pembahagian pendapatan dan peluang-peluang pekerjaan yang makin bertambah itu dengan cara yang lebih adil dan saksama. There should be equitable sharing of income growth and also in the increasing opportunities or employment.

Pada keseluruhannya, Rancangan Malaysia Kedua melibatkan investment berjumlah \$15,000 juta sehingga tahun 1975 untuk kedua-dua sektor awam dan swasta. Tidak syak lagi, matlamat utama Rancangan ini hendaklah dicapai dengan sepenuhnya oleh kerana hari depan bahkan survival kita sebagai sebuah negara yang progressive dan bersatu padu bergantung kepada kejayaan itu.

Dalam konteks inilah saya sungguh sukacita bahawa kita berjaya melancarkan Social Security Scheme hari ini. Kita sedar dan faham betapa pentingnya rancangan ini dalam perkembangan ekonomi negara dan juga kesannya kepada social policy negara. Sebenarnya, dalam beberapa negara yang maju, Social Security Scheme mempunyai tempat yang penting menentukan dasar-dasar ekonomi dan sosial negara-negara itu.

Faedah yang nyata mengenai Social Security Scheme ini ialah sebagai faktor utama untuk mendorong high rate of economic growth. Selain daripada peranannya dalam pembahagian pendapatan yang adil berdasarkan prinsip perpaduan negara—iaitu memberi mengikut kemampuan dan mengambil mengikut keperluan (give according to your needs) Scheme ini membawa effect

yang nyata ke atas pengeluaran iaitu hasil daripada tenaga kerja seseorang. Jelasnya, peranan Social Security Scheme adalah penting kepada ekonomi negara kerana menyediakan serta mengekalkan human capital sebagai salah satu sumber ekonomi negara.

Saudara-saudara sekalian,

Faedah-faedah lain dari Social Security Scheme di samping mempengaruhi kemajuan ekonomi, juga membawa kesan baik kepada dasar kesihatan dan kebajikan negara. Semua wang yang terkumpul dari Sekim ini disalurkan untuk mendirikan Social Security hospitals dan juga sebagai tabung bantuan kewangan untuk Pusat-pusat Latihan kakitangan perubatan. Begitu juga Pusat-pusat Kebajikan Masyarakat terutama pusat-pusat pemulihan akan mendapat munafaat dalam bentuk bantuan wang kepada pekerja-pekerja cacat yang dirawat di sana.

Dalam bidang perindustrian, Social Security Scheme merupakan satu anugerah kepada pihak majikan kerana, sebagaimana yang sedia dimaklum, Social Security akan menggalakkan kestabilan tenaga buruh dalam satu-satu perusahaan.

Tambahan pula, pekerja-pekerja yang mempunyai keyakinan dan harapan serta merasa selamat terhadap hari depan mereka menjadi asset kepada majikan-majikan kerana mereka akan berusaha dengan lebih tekun dan productive lagi. Tidak syak lagi, Social Security Scheme ini berupa indirect investment kerana mendorong kemajuan ekonomi yang positif dengan menambahkan lagi kecekapan pekerja-pekerja serta meningkatkan productivity mereka.

Selain dari pertimbangan-pertimbangan ekonomi dan sosial yang dikatakan tadi, Social Security Scheme mempunyai role yang lebih penting dalam menggalakkan dan menjamin kesihatan dan kebajikan pekerja-pekerja amnya.

Akta Keselamatan Sosial yang diluluskan oleh Parlimen ialah untuk munafaat kaum pekerja andaikata mereka mendapat kecederaan semasa menjalankan tugas masing-masing. Rawatan perubatan dan bantuan wang tunai yang disediakan dalam Sekim ini menjamin bahawa seseorang pekerja dan keluarganya akan mendapat bantuan tetap di masa ia dalam kesusahan di samping mendapat rawatan perubatan percuma sehingga ia sembuh kembali.

Tegasnya, Social Security Scheme ini boleh dianggap sebagai Piagam atau Charter yang menjamin masa depan yang lebih selamat dan lebih baik bagi kaum pekerja dan keluarga mereka.

Saya fikir inilah satu bukti yang nyata bahawa Kerajaan Perikatan mengambil berat tentang kebajikan rakyat termasuk kaum buruh. Kerajaan akan berusaha seberapa yang boleh supaya Sekim ini berjalan sepenuhnya untuk membawa kebajikan dan kesenangan kepada golongan yang berpendapatan rendah—low income group.

Saudara-saudara sekalian,

Bagaimana pun, saya ingin mengingatkan kaum pekerja bahawa Kerajaan tidak memberikan satu-satu keistimewaan tanpa menghendaki tanggungjawab dari pihak yang menerimanya. Dalam hal ini, tanggungjawab dan kewajipan saudara-saudara ialah memberikan khidmat yang terbaik supaya negara mendapat munafaat dari daya usaha saudara-saudara. Harus diingat bahawa kejayaan Social Security Scheme ini bergantung kepada kerjasama, sokongan dan penyertaan semua pihak yang berkenaan iaitu Employers, Workers, Medical Profession dan Kerajaan melalui Social Security Organisation.

Oleh yang demikian, saya sukacita mendapat tahu bahawa pihak majikan yang menanggung beban kewangan dalam Sekim ini memberikan sokongan mereka sepenuhnya. Saya juga gembira iaitu private medical practitioners memberikan sokongan mereka kepada Sekim ini. Tanpa penyertaan yang sepenuhnya dari kedua pihak ini, tentulah tidak mungkin kita melancarkan Sekim ini dalam tempoh yang begitu singkat.

Saya suka mengambil kesempatan ini mengucapkan terimakasih kepada semua pihak iaitu—majikan, pekerja, medical profession dan SOCSO—atas rasa persefahaman, dedikasi dan sokongan penuh yang mereka tunjukkan itu.

Sesungguhnya, Social Security Scheme ini adalah satu contoh kerjasama yang paling baik antara sektor swasta yang diwakili oleh pihak majikan dan sektor awam yang diwakili oleh SOCSO demi kepentingan kaum pekerja khususnya dan negara amnya.

Akhir kata, saya suka mengingatkan kepada semua bahawa kita hanya ada 1,270 hari lagi untuk menjayakan Rancangan Malaysia Kedua. Masa tidak menunggu kita lagi. Oleh itu, adalah mustahak

bagi kita semua, sama ada ahli-ahli politik, kakitangan-kakitangan Kerajaan, Majikan-majikan, dan Pekerja-pekerja, memahami matlamat-matlamat dan objektif-objektif Kerajaan dan melibatkan diri sepenuhnya dalam proses perubahan masyarakat dan pembangunan negara yang sedang berlaku sekarang ini. We must all regard this as a mission which must be successfully achieved.

Inilah satu cabaran yang mesti kita hadapi, peluang yang mesti direbut dan tanggungjawab yang mesti dipikul bersama. Dengan mula berjalannya Social Security Scheme ini membuktikan kesedaran di kalangan sebahagian besar rakyat—kaum majikan dan pekerja—melibatkan diri mereka sebagai rakan sepakat mengejar kemajuan untuk mereka dan untuk negara. Ini adalah suatu tanda yang baik bagi masa depan kita.

Saudara-saudara sekalian,

Saya dengan sukacitanya mengisytiharkan dengan rasminya pelancaran Social Security Scheme ini dan berharap rancangan ini akan mendapat sepenuh-penuh kejayaan.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS
JAMUAN TAHUNAN PERSATUAN PER-
KHIDMATAN TADBIR MALAYSIA (MCSA)
DI DEWAN JAMUAN PARLIMEN, KUALA
LUMPUR PADA 3HB JUN, 1972

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung¹ dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agung.

Ampun Tuanku.

Patik mohon bersama-sama dengan pacal-pacal ahli Persatuan Tadbir Malaysia menjunjung kasih yang amat sangat di atas kesudian Ke bawah Duli Tuanku berdua berangkat menghadiri Majlis Jamuan Tahunan ini.

Sebagaimana sembah Yang Dipertuanya tadi, Majlis ini diadakan setiap tahun dan kini sudah menjadi tradisi kepada Persatuan ini. Oleh yang demikian, keberangkatan Duli Tuanku berdua buat kali yang pertama adalah satu peristiwa yang amat besar maknanya kepada pacal-pacal itu semua di samping tambah menyerikan Majlis malam ini.

Ampun Tuanku,

Patik memohon izin untuk meneruskan ucapan kepada para hadirin sekalian.

Saudara Yang Dipertua, saudara-saudara sekalian,

Saya berserta isteri saya mengucapkan berbilang-bilang terimakasih atas jemputan saudara-saudara menghadiri majlis tahunan yang permai ini. Buat diri saya sendiri, saya merasakan kehadiran di sini seperti "old boy" dan saya harap saudara-saudara akan menganggapnya demikian pula.

Seperti yang dikatakan oleh Yang Dipertua tadi, perkhidmatan tadbir merupakan key service dalam pentadbiran negara kita hari ini. Selain dari tugas-tugas mengendalikan jentera pentadbiran di

¹ D.Y.M.M. Tuanku Abdul Halim Muadzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah.

Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan dan Pejabat-pejabat Negeri, sekarang bertambah pula key post yang perlu diisi dengan tertubuhnya Badan-badan Berkanun dan Lembaga-lembaga Ekonomi Negeri di seluruh negara.

Semua ini menghendaki bukan saja pegawai-pegawai yang cekap dan berkaliber, tetapi khusus mengenai badan-badan yang menjalankan usaha-usaha perniagaan dan perusahaan seperti SDC, amatlah mustahak badan-badan itu mempunyai pegawai-pegawai executive yang sungguh-sungguh berminat dan berkesan kepada masyarakat.

Berkenaan dengan cadangan mengenai procedure kenaikan pangkat itu, saya rasa Tan Sri Syed Zahiruddin pun ada di sini dan beliau bolehlah memikirkan perkara tersebut bila cadangan itu dikemukakan dengan rasmi kepada Kerajaan.

Saya sedar adanya perasaan seperti yang dikatakan oleh Yang Dipertua itu dan ini patutlah kita perhatikan bersama-sama supaya mengelakkan perkara ini timbul hingga melibatkan kecekapan perkhidmatan. Setakat yang saya lihat, kenaikan pangkat dibuat dengan adil dan saksama, tetapi memandang juga pada keadaan-keadaan tertentu pada sesuatu masa.

Bagaimanapun, saya suka menegaskan kepada saudara-saudara sekalian di sini bahawa dalam menimbang kenaikan pangkat pegawai-pegawai, mereka hendaklah memenuhi beberapa syarat selain dari kecekapan dan tempoh perkhidmatan—merits and seniority. Syarat yang mustahak juga, pada hemat saya, ialah mereka hendaklah mempunyai qualities of leadership and personality bagi membolehkan mereka memberi pimpinan kepada orang-orang di bawah jajaan mereka jika mereka hendak menduduki jawatan yang kanan dalam perkhidmatan awam.

Saya suka tegaskan sekali lagi, seperti saya telah kerap kali terangkan, iaitu academic qualifications will only give you a start in life. If you want to get on, you must have something more than that—personality, powers of leadership and ability to get on with other people. All these cannot be obtained in the office alone. You must mix with other people and take part in activities outside your office hours.

As you know, even in a football team, when we select the Captain of the team, we do not necessarily select the best player but we select a person who could keep the team together and give leadership. In the same way in the Public Service, if you want to go to the top jobs, you must show that you have the personality and power of leadership and the ability to get work done from others.

Saudara-saudara sekalian,

Dengan sebab itulah saya selalu tegaskan sangatlah mustahak pegawai-pegawai bercampur gaul di antara satu dengan lain dan juga dengan cekap menghadapi masalah-masalah di lapangan baru itu.

Saya sentiasa memerhatikan apabila saya melawat ke negeri-negeri supaya executive cadres ini betul-betul menyesuaikan diri mereka dengan tugas-tugas baru itu yang menghendaki approach yang jauh berbeza dari tugas-tugas di Kementerian ataupun di Pejabat-pejabat Daerah.

Bagaimanapun, matlamat yang hendak kita tuju itu adalah sama. Pada amnya kedudukan sekarang ini adalah memuaskan. Tetapi, saya rasa masih ada "room for improvement" yang mana boleh dibuat kalau mereka yang berkenaan sentiasa memerhatikan dan mempelajari business professionalism dari rakan-rakan mereka yang sememangnya di lapangan itu. Mereka juga hendaklah sentiasa alive to the problems pada setiap masa, apa lagi urusan-urusan perdagangan tidak mengenal batasan waktu.

Saya fikir tidak ada sebab kenapa kita tidak boleh berjaya di lapangan baru itu selagi kita ada minat dan inisiatif serta sanggup menghadapi cabaran-cabaran. Saya gembira melihat pada kejayaan setengah-setengah bekas pegawai PTD atau pun yang dipinjamkan sementara kepada badan-badan perusahaan dan sebagainya, dan saya harap ini akan menjadi dorongan kepada pegawai-pegawai lain terutama yang muda-muda. Hanya janganlah hendaknya mereka terus meminta disarakan "in national interest" sebagai inducement!

Saudara-saudara sekalian,

Saya sukacita mendengar dari Yang Dipertua tadi berbagai-bagai kegiatan yang dijalankan oleh MCSA dalam masa setahun ini. Tidak syak lagi, lawatan-lawatan sambil belajar itu banyak faedahnya kepada kita, sekurang-kurangnya untuk membandingkan dan

mengukur cara dan standard pentadbiran yang terdapat di negara-negara jiran. Kerana kita tidak boleh menganggap segala yang ada pada kita itu baik belaka; bahkan kadangkala ada yang dapat kita pelajari dari orang lain pula.

Bagaimanapun, saya fikir rancangan ke Taiwan itu lupakanlah saja dan buat masa ini tak payahlah pergi jauh-jauh benar ke Tokyo atau Peking. Memadailah dengan negara-negara jiran tetangga kita yang dekat dan cubalah pelajari dengan mendalam satu-satu jurusan yang khusus seperti Community Development atau pun Adult Education atau pun bidang Kesenian dan Kebudayaan, dan banyak bidang-bidang lain lagi. Semua pengalaman ini tentulah dapat kita sesuaikan dengan kehendak-kehendak negara kita. Tentang bantuan Kerajaan, kalau dikehendaki, saya bersedia menimbangkannya.

Saudara-saudara sekalian,

Tadi Yang Dipertua ada juga menyentuh tentang bangunan Club. Memang saya sendiri seringkali menarik perhatian pegawai-pegawai amnya supaya masuk jadi ahli mana-mana Club yang ada di Ibukota ini. Seperti yang dimaklum, Kerajaan telah pun memberikan beberapa kemudahan kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang ingin menjadi ahli Lake Club iaitu bantuan Entrance Fee separuh bayaran. Hanya saya berasa dukacita sedikit sambutan dari pegawai-pegawai Kerajaan tidaklah sebagaimana yang diharapkan.

Buat sementara waktu, saya rasa lebih baiklah kita ramaikan Club yang ada, di mana kita dapat bertukar-bertukar fikiran bukan saja sama rakan-rakan PTD bahkan dengan para Executive dan golongan professional swasta baik tempatan mahu pun orang-orang asing. Kesempatan ini memberikan kesegaran fikiran dan outlook, yang mana boleh membantu pegawai-pegawai menimbang dan membuat sesuatu keputusan dengan lebih knowledgeable dan objective lagi.

Tinggal lagi, kalau betul-betul ada minat dan kesungguhan saudara-saudara semua hendak mempunyai bangunan sendiri, saudara-saudara berusahalah mengumpulkan wang dulu dan bolehlah saya timbangkan bagaimana Kerajaan dapat membantu usaha itu kelak.

Tetapi saya bimbang, sedangkan Lake Club di mana ada disediakan banyak facilities seperti dining dan bar di samping permainan squash dan kolam berenang, tidak banyak pegawai-pegawai yang menjadi ahli dan tidak begitu sangat digunakan oleh pegawai-pegawai yang menjadi ahlinya. Apa lagi sebuah bangunan Club yang terbatas ahlinya kepada pegawai-pegawai saja mungkin menjadi white elephant saja kelak.

Kepada pegawai-pegawai muda yang baru masuk berkhidmat khususnya, saya suka mengulangi nasihat supaya mereka mendekati rakan-rakan yang lebih tua dalam pergaulan di luar pejabat. Dengan demikian, barulah esprit de corps benar-benar terjalin antara sesama pegawai, muda dan tua, dan bersama-sama kita boleh memberi perkhidmatan yang lebih cekap dan pihak-pihak yang lain di luar masa pejabat. Dengan kesediaan dan kemesraan pegawai-pegawai itu bergaul dengan semua peringkat, maka dapatlah mereka mengukur tentang kebolehan mereka itu memberikan pimpinan dan panduan bukan saja kepada pegawai-pegawai di bawah jagaan mereka bahkan juga kepada masyarakat.

Inilah sebabnya saya menggalakkan pegawai-pegawai memasuki Club ataupun pertubuhan supaya memberikan mereka peluang meluaskan lengkungan pergaulan mereka setiap hari.

Saudara-saudara sekalian,

Pada kesempatan ini, saya hendak mengulangi lagi apa yang saya katakan dua hari yang lalu iaitu kita hanya ada 1,270 hari untuk melaksanakan Rancangan Malaysia Kedua. Kita mengejar waktu sedangkan waktu tidak menunggu kita.

Sebagai ahli Politik, saya bertanggungjawab kepada rakyat yang mengharapkan kejayaan rancangan-rancangan ini. Tetapi pula, sebagai Chief Executive, saya terpaksa memerah tenaga saudara-saudara bukan saja untuk menjamin kejayaan Rancangan Malaysia Kedua bahkan juga menjamin survival saya dan Kerajaan.

Bagaimanapun, saya percaya harapan saya kepada saudara-saudara itu tidak akan dikesiwakan dan bersama-samalah kita berusaha untuk mencapai matlamat-matlamat yang ditentukan itu.

Sekianlah saja pesanan saya kepada saudara-saudara sekalian dan untuk penutupnya saya mendoakan mudah-mudahan MCSA ini terus maju jaya untuk berbakti kepada negara dan masyarakat.

Ampun Tuanku.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI ISTIADAT
MENGADAP PADA HARI KEPUTERAAN
DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA
BAGINDA YANG DI PERTUAN AGUNG, DI
ISTANA NEGARA, KUALA LUMPUR PADA
7HB JUN, 1972

Mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Al-Sultan Tuanku Abdul Halim Muadzam Shah ibni Al-Marhum Sultan Badlishah, Yang Dipertuan Agung Malaysia.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun.

Pada hari yang berbahagia ini, patik dengan perasaan penuh hormat dan takzim menyembahkan ucapan setinggi-tinggi tahniah terhadap Kebawah Duli Tuanku bagi pihak Kerajaan dan rakyat Malaysia bersempena dengan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Patik juga mengambil sempena Hari yang berbahagia ini untuk mengulangi ikrar taat setia patik dan ahli-ahli Jemaah Menteri, Pegawai-pegawai Kerajaan, Anggota-anggota Pasukan Keselamatan dan seluruh rakyat Malaysia terhadap Kebawah Duli Tuanku.

Ampun Tuanku,

Zaman pemerintahan Duli Tuanku adalah bermula serentak dengan zaman pembangunan mengikut Dasar Ekonomi Baru. Semenjak dasar itu di terima oleh Parlimen dalam bulan Julai yang lalu, langkah-langkah telah dibuat oleh Kerajaan Tuanku bagi mengadakan asas-asas untuk menjayakan projek-projek yang disusun dalam Rancangan Malaysia Kedua.

Lembaga Padi dan Beras Negara telah ditubuhkan. Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) telah dilancarkan. Lembaga Kemajuan Perikanan dan Syarikat Perusahaan Makanan Malaysia (FIMA) telah diwujudkan. Semua Perbadanan-perbadanan ini adalah bertujuan bagi mencapai matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru itu di samping badan-badan yang ada seperti MARA, PERNAS dan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri.

Dalam bidang pembukaan tanah pula, Kerajaan Tuanku telah menyusun rancangan tanah secara besar-besaran di Pahang Tenggara, di Johor Tenggara dan di Trengganu Tengah. Kerajaan berharap dengan terlaksananya rancangan-rancangan itu dan juga rancangan-rancangan perindustrian lainnya, rakyat Kebawah Duli Tuanku akan dapat menikmati taraf hidup yang lebih tinggi.

Langkah-langkah sedang diambil untuk menyusun semula masyarakat supaya cara hidup sebahagian besar rakyat yang dikatakan kais pagi makan pagi ditukar menjadi cara hidup moden yang berlandaskan ekonomi kewangan. Dengan demikian, rakyat dipercayai akan dapat menikmati kehidupan yang moden, teratur dan sempurna.

Ampun Tuanku,

Sungguhpun Negara masih lagi menghadapi ancaman musuh disempadan antara Malaysia dan Thailand dan di Sarawak, kedudukan keselamatan pada keseluruhannya adalah sentiasa terkawal di bawah pemerintahan Duli Tuanku. Pasukan-pasukan Keselamatan sedang menjalankan gerakan besar-besaran untuk menghapuskan musuh-musuh negara itu dan dengan kerjasama rakyat yang taat setia, telah mendapat kejayaan-kejayaan yang memuaskan. Adalah harapan Kerajaan Tuanku dalam masa yang tidak lama lagi seluruh negara akan kembali kepada suasana aman dan tenteram seperti sediakala.

Ampun Tuanku,

Pada waktu ini dasar luar negeri Kerajaan Tuanku yang tegas, bebas dan berkecuali telah mendapat penghormatan yang semakin luas dari negara-negara dunia termasuk kuasa-kuasa besar. Gagasan Pengecualian Asia Tenggara diterima penuh oleh negara-negara jiran sepertimana yang termaktub dalam Deklarasi Kuala Lumpur dan dianggap oleh negara-negara yang bersahabat sebagai satu langkah positif untuk membawa serta mengekalkan keamanan dan kestabilan dunia rantau ini.

Perkembangan-perkembangan dalam hubungan antarabangsa di masa akhir-akhir ini iaitu lawatan Presiden Nixon ke China dan juga ke Soviet Union baru-baru ini adalah tanda-tanda yang menunjukkan berkurangnya ketegangan antara kuasa-kuasa besar.

Adalah harapan dan doa patik-patik sekalian supaya peristiwa-peristiwa ini bukan saja akan menghapuskan ketegangan dunia tetapi juga akan mewujudkan keamanan dan kerjasama di antara kuasa-kuasa besar yang tak dapat tidak akan memberi munafaat besar kepada manusia seterusnya.

Ampun Tuanku,

Patik suka menyatakan bahawa semua rancangan-rancangan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Tuanku dalam bidang ekonomi, sosial dan pelajaran adalah bertujuan untuk memberi kehidupan yang lebih sempurna kepada rakyat jelata sekalian supaya mereka dan keturunan akan datang dapat hidup dalam keadaan aman dan sentosa dalam negara yang dicintai ini.

Akhirnya, patik berdoa kehadiran Allah Subhanahu Wataala mudah-mudahan Allah melanjutkan usia Tuanku dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agung, sentiasa berada dalam keadaan sihat walafiat kekal bersemayam di atas takhta Kerajaan negara Malaysia ini.

Demikianlah sahaja persembahan patik pohonkan ampun beribu-ribu ampun jua.



Tun Abdul Razak bin Hussein kelihatan sedang melawat Kilang Syarikat KIMA Sdn Berhad, di Kajang, Selangor pada 10hb Jun, 1972.

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS
PEMBUKAAN KIMA SENDIRIAN BERHAD,
DI KAJANG, SELANGOR PADA 10^{HB} JUN,
1972

Y.B. Encik Ghaffar¹, Y.B. Menteri-menteri, Tuan-tuan Yang
Terutama.

Saya sungguh gembira kerana hari ini kita bersama-sama
menyaksikan setapak lagi kemajuan dalam usaha Kerajaan
menyusun semula masyarakat dengan membawa industri ke
kawasan luar bandar.

Kilang kain MARA atau KIMA yang ada di depan kita ini
adalah bukti yang nyata bahawa Kerajaan berazam hendak men-
capai matlamat yang dicita-citakan menurut Dasar Ekonomi
Baru.

Saya mengambil peluang ini mengucapkan tahniah dan pujian
kepada MARA atas iniativanya menubuhkan Syarikat ini, dan
seterusnya kepada Textile Corporation of Malaysia kerana dengan
kerjasama yang diberikannya itu Kilang KIMA ini berjaya di-
dirikan dan memulakan pengeluarannya hari ini.

Saudara-saudara sekalian,

Sepertimana yang diterangkan kepada kita tadi, tugas utama
KIMA ialah sebagai pembekal kain putih atau bleached untuk
kegunaan Pematik-pematik, melalui Perbadanan Pemasaran
Batik. Selama ini kain-kain putih itu diimpot dari negeri-negeri
luar iaitu Jepun dan Pakistan. Oleh itu dengan mula berjalannya
perusahaan ini, kita tidak perlu lagi mengimpot kain siap tetapi
kapas untuk benang saja, dan dengan demikian menjimatkan
foreign exchange.

Inilah munafaat yang nyata dari perusahaan ini selain dari
peluang pekerjaan kepada hampir-hampir 600 orang pekerja buat
masa ini. Saya faham angka ini akan meningkat 1,000 orang apa-
bila full production kelak.

¹ Y.B. Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar

Sebagai sebuah industri yang moden, peluang pekerjaan yang diberikan itu amat besar maknanya dalam bidang memberi latihan teknik dan kemahiran untuk membentuk masyarakat perindustrian atau industrial community menggantikan masyarakat tani.

Sejarah negara-negara yang maju seperti United Kingdom memberikan contoh yang nyata kepada kita tentang peranan masyarakat Lancashire Cotton Mills mempelupuri perubahan sosial yang dikenal dengan Industrial Revolution pada abad ke lapan belas dulu. Negara kita hari ini menghendaki perubahan-perubahan yang fundamental kalau orang-orang kita hendak maju setanding dengan negara-negara yang moden di dunia.

Pada hemat saya, cita-cita ini tetap akan tercapai apabila kita berjaya menurunkan 80% orang-orang kita dalam traditional rural sector kepada angka yang lebih wajar, dengan menaikkan kadar dalam modern industrial sector. Inilah objective kita mengenai penyusunan semula masyarakat yang saya harap dapat dilaksanakan dalam tempoh yang seberapa singkat.

Saudara-saudara sekalian,

Kerajaan sedang menjalankan segala upaya bukan saja untuk meluaskan bidang perindustrian ini tetapi di samping itu menjamin keadaan bekerja yang lebih baik bagi kaum buruh. Baru-baru ini saya telah melancarkan Social Security Scheme yang boleh disifatkan sebagai payong kepada kaum pekerja amnya kerana melalui Sekim ini pekerja-pekerja yang cacat cedera semasa bertugas akan mendapat bantuan wang di samping rawatan percuma. Rancangan EPF memang sudah berjalan lama dan melalui usaha-usaha Kesatuan Sekerja, saya faham pekerja-pekerja berjaya mendapatkan kemudahan-kemudahan dan munafaat lain.

Akan tetapi, saya harap kaum pekerja janganlah menganggap segala kemudahan ini satu hak mutlak mereka tanpa menghendaki tanggungjawab dipihak mereka pula. Sebagaimana kaum majikan dikenakan tanggungjawab tertentu, begitu pula kaum pekerja hendaklah menunaikan kewajipan yang ditentukan untuk mereka. Di samping memberikan perkhidmatan yang baik dan menjaga disiplin kerja, mereka sepatutnya berhati-hati membuat satu-satu tuntutan dalam context keperluan masyarakat dan negara.

Kita hendaklah memandang jauh kedepan dan tidak semata-mata mengikut cara hidup yang kurang berdisiplin. Umpamanya, baru-baru ini ada timbul bantahan setengah-setengah pekerja mengenai kerja malam atau night-shift yang dianggap oleh setengah-setengah tidak wajar bagi kaum wanita Malaysia. Sifat seperti ini tidak akan membawa kita ke arah kemajuan apa lagi kalau dilihat dalam perkhidmatan-perkhidmatan lain seperti jururawat di hospital-hospital dikehendaki bertugas pada sebelah malam.

Saya seringkali menegaskan iaitu kalau orang-orang kita hendak saing bersaing dengan orang-orang lain, mustahaklah kita mengubah sikap dan menyesuaikan diri dengan kehendak-kehendak zaman moden ini. Kepada pekerja-pekerja di sini khususnya, saya suka mengingatkan mereka supaya menjalankan kerja masing-masing dengan tekun dan cermat, sambil meninggikan mutu pekerjaan mereka untuk mencapai kadar productivity yang lebih tinggi.

Pekerja-pekerja hendaklah berusaha mencari kemahiran terutama dalam industri seperti KIMA ini yang banyak membuka peluang-peluang bagi pekerja-pekerja meningkatkan daya kemahiran dalam satu-satu lapangan. Dengan cara mengembangkan kemahiran ini turun-temurun, tidak syak lagi akan terbentuk industrial community yang cekap dan bersikap progressive di kalangan orang-orang kita.

Saudara-saudara sekalian,

Menurut rencana, Kilang KIMA ini kelak akan meluaskan pengeluarannya kepada kain-kain yang bermutu termasuk printed cotton dan juga polyester/cotton material. Jadi, selain dari memenuhi keperluan negara, kilang ini mempunyai export potential yang cerah. Saya percaya orang-orang kita tentu merasa megah dengan menggunakan kain-kain tenunan negara sendiri dan tidak menjulang kain buatan luar negeri.

Hari ini textile industri semakin luas dan kilang-kilang makin bertambah. Ini saya rasa membuka kemungkinan bagi menjalankan usaha menanam kapas sebagai salah satu langkah agricultural diversification. Negara-negara jiran kita seperti Indonesia dan Thailand ada menjalankan penanaman kapas. Oleh itu saya suka mengarahkan MARDI membuat penyiasatan supaya usaha menanam kapas ini, kalau didapati sesuai, boleh dibuat secara besar-besaran untuk menambah sumber-sumber pengeluaran.

Saudara-saudara sekalian,

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin mengucapkan ber-banyak-banyak terimakasih kepada Y.B. Encik Ghaffar dan juga Y.B. Dato Mustapha Jabar atas jemputan kepada saya dan isteri saya petang ini. Saya ingin juga mengucapkan terimakasih kepada kakitangan dan pekerja-pekerja KIMA yang telah berpenat lelah mengaturkan upacara petang ini dan sudah sepatutnya pula mereka berbangga kerana bersama-sama meraikan hari yang bersempena ini.

Dengan itu, saya sukacita merasmikan pembukaan Kilang KIMA ini dan berdoa semoga usaha ini akan mencapai sepenuh-penuh kejayaan.

SPEECH BY THE PRIME MINISTER AT A
DINNER IN HONOUR OF THE RT. HON'BLE
WILLIAM McMAHON, THE AUSTRALIAN
PRIME MINISTER, AT SRI TAMAN, KUALA
LUMPUR ON 12TH JUNE, 1972

Mr. Prime Minister, Excellencies, Gentlemen.

It gives me great pleasure indeed, on behalf of the Government and people of Malaysia, to extend to you, Mr. Prime Minister and to members of your party, a very warm welcome to our country.

I am sorry, however, that this, your first official visit to Malaysia, since you assumed the high office, should be so brief. Nevertheless, we have had a very fruitful and constructive meeting this morning and I hope that you will find the rest of your stay here both pleasant and rewarding.

Mr. Prime Minister, both my wife and I are also sorry that your gracious lady cannot be with you on this journey. However, we understand the reason and we rejoice with you at the happy event that is to take place soon.

Mr. Prime Minister, both our countries have been good steady friends for a long time. We have been so, despite the expanse of waters which separates us, because of the many ideals and interests which we share—whether it be in our long and established association within the Commonwealth or in our experience of co-operation in the Colombo Plan and in defence matters or in our commitment to the democratic process and democratic values.

Above all, I think there is a shared feeling of vibrancy and vitality between our two peoples who are informal, relaxed and unostentatious, but who are at the same time determined to build peaceful and prosperous societies for ourselves and to contribute to the building of similar societies in our region.

Mr. Prime Minister, as a small Nation in this somewhat turbulent region of Southeast Asia, we in Malaysia have repeatedly expressed our commitment to a policy of peace and prosperity at home, and the promotion of goodwill, understanding and friendship with our neighbours and other countries abroad. It is with

this sense of concern for the peace, security and economic well-being of the region that my Government together with the Governments of Indonesia, the Philippines, Singapore and Thailand has taken the initiative of issuing what has now come to be known as the Kuala Lumpur Declaration.

There is no doubt in my own mind that Malaysia and Australia, as two countries who have been allies for so many years, have a mutual interest in providing the conditions that would make for peace and progress in this region. Over the years, Australia has given much in men, money and material for the defence of this region and it is, therefore, as much in Australia's interest as it is in Malaysia's to ensure peace and security in Southeast Asia.

The Kuala Lumpur Declaration is a first step—an important first step—which the five Southeast Asian countries have taken along the difficult road towards keeping this region safe from the conflicts which have plagued us for so long. There is no doubt that it is in Australia's enlightened self-interest to keep this region safe and secure and it is in that spirit, Mr. Prime Minister, that I commend that Kuala Lumpur Declaration to you.

Let me say here, Mr. Prime Minister, that we in Malaysia will never forget the sacrifices and assistance which Australia has given us in the defence of Malaysia and of the values that we have in common. We have been allies in war and in peace and it is my hope that, as Malaysia, together with other Southeast Asian countries, embarks on this new venture to ensure our security and our stability, Australia will view our efforts with sympathy and with understanding.

Mr. Prime Minister, from defence I turn to development which is another area of mutual interest to both our countries. As Malaysia strives towards development and progress, we have learnt over the years to value our ties with Australia more and more. Your Government has extended technical and financial assistance and has generously provided places in Australian universities and other institutions of higher learning for thousands of our students.

Mr. Prime Minister, since our Independence some fifteen years ago, Australia has sent three extremely able, sympathetic and distinguished High Commissioners to us here in Kuala Lumpur. But the good name of Australia has been enhanced even more

widely, if I may put it that way, by the thousands of Ambassadors that you have in this country who have studied in Australia and by those Australians who have worked with us here in our development programmes.

May I take this opportunity to thank the Australian Government and the Australian people for their warm understanding and genuine appreciation of the needs of developing countries such as Malaysia.

Mr. Prime Minister, looking to the future, I believe that there are fresh possibilities of co-operation between our two countries, namely in the fields of trade and investment.

As you are aware, Malaysia has embarked on an ambitious Second Five-Year Development Plan which has important and wide-ranging economic and social objectives to cement unity in our multi-racial nation by restructuring our society and by eradicating poverty.

As the Second Malaysia Plan gathers momentum, there is ever increasing scope for the private sector in terms of trade and investment to play its part which would not only bring benefits to itself but which would also contribute to the success of the Plan. In these ways—through inter-governmental co-operation, through trade and through investment—I am confident that Australia and Malaysia will continue to be true partners in development in the decade of the seventies.

Finally, Mr. Prime Minister, on behalf of the Government and people of Malaysia, may I take this opportunity to reiterate our good-will and good wishes to Australia and to her people.

And now, Excellencies and Gentlemen, I invite you to rise and join with me to drink a toast to the good health of the Prime Minister of Australia, Mr. McMahon, and to the Government and people of Australia.

SPEECH BY THE PRIME MINISTER AT A
DINNER GIVEN IN HIS HONOUR BY
MEMBERS OF THE DIPLOMATIC CORPS
AT MERLIN HOTEL, KUALA LUMPUR ON
17TH JUNE, 1972

Your Excellency the Dean of the Diplomatic Corps,¹ The Hon'ble Deputy Prime Minister,² Your Excellencies, Ladies and Gentlemen.

It gives my wife and myself a rare pleasure to be present on what we regard as a unique occasion for both of us.

I would like, Mr. Ambassador, to thank you and your colleagues for your kind invitation to this enjoyable and pleasant evening. I would also like to thank you, Mr. Ambassador, for the gracious remarks that you made about me and about our country. They say praise is like smoking. It is alright so long as you don't inhale. However, after the very pleasant and charming way in which you expressed yourself, I find it very hard not to inhale.

Your Excellencies,

In the odd moments when I contemplate and compare our respective professions, I have wondered whether I envy you or not. Sometimes I think I do, for your profession combines in a very happy way the advantages of many professions. You are part-politician, concerned with the exciting issues of war and peace, of development and of progress—but without the hurly-burly of the political arena, so that you can have, as President Kennedy once put it, the lofty appearance of statemen who realise that they will never have to plead their cause before the people.

You are also part-scholar, but without the boring necessities of footnotes, and part journalist without the need to meet artificial dead-lines, and part-lawyer without quite having to deal with the more extravagant of human foibles.

¹ Tan Sri Hussein Fatany, Ambassador of Saudi Arabia.

² Y.A.B. Tun Dr. Ismail bin Dato Abdul Rahman.

Then there are the many coloured balloons of your profession—the distinctions, the honours, the exemptions and the immunities which, I must say, are very nice things to have and which make you such mysterious and romantic figures in the popular imagination.

And so, perhaps, Your Excellencies, I do envy you, and yet I sometimes think that whereas my profession—politics—has been called the art of the possible; yours, diplomacy—can be said to be the art of the impossible. Not only do you have to practise the gentle art of painting truth in different colours—that, perhaps, is not an art exclusive to your profession—but it is often your business to do and say the nastiest things but in the nicest way, and having proved your adversary completely wrong, seek to secure his forgiveness for it.

So, Your Excellencies, perhaps we are better as we are and that I should stick to my profession while congratulating you on yours. And, in any case, there are common grounds between us. If I may take an analogy from the dinner we have just had, we should both be good makers of salad for the problem we face is entirely the same—namely, to know exactly how much oil we must put with our vinegar.

Mr. Ambassador, as you rightly said, diplomacy is a very ancient craft and you, its practitioners, are the heirs to a proud tradition. Of course, things are very different from the days of Genoa, Venice and Milan. And yet, if this occasion is anything to go by, certainly the art and practice of diplomacy has not changed in the manner you have observed it.

The Venetian Ambassadors may have left their wives behind but I cannot help harbouring the suspicion that it was not so much that they were forbidden but that they forbade their wives to accompany them lest their freedom and their affairs be somewhat curtailed. If the real reason was that wives would gossip, how do we explain the presence of wives now? Are we to understand that over these last five hundred years the probability that wives would gossip has lessened nowadays? This is a delightful thought. However, it still appears to be a very unlikely possibility. A more probable reason is that these last five hundred years have seen a definite shift in the balance of power from the male to the female.

Your Excellencies,

It is difficult for anyone to talk on diplomacy without getting around to quoting Sir Henry Wotton's celebrated, or notorious, definition of a diplomat as "an honest man sent to lie abroad for the good of his country" and it would be a pity tonight to violate a tradition so firmly established. And yet it was the same Sir Henry who gave the advice, for which unfortunately he received no publicity, that "An Ambassador to be serviceable to his country should always speak the truth". To be truthful, reliable, calm, patient—these and other characteristics which have been held as the essential qualities of a good diplomat—remain as important today as there have ever been, despite the enormous changes which have taken place in the arena of international relations in which you play your part.

It is inevitable, however, that today when the skies are so crowded with Foreign Ministers, not to mention Prime Ministers and Presidents, flying here and there to meet their counter-parts, there should be some misgivings about the relevance and significance of the profession of diplomacy.

For my part, I believe that these misgivings are entirely misplaced. As a Foreign Minister, let me assure you that the order you represent will not become obsolete simply because nothing can ever replace the value of having a competent man right on the spot who lives and breathes the air of the country to which he has been sent. Marvellous as modern technology is in making the world a much smaller place than was once thought to be, it is a very far removed, and unlikely ever to rival, the miracle of man. Machines, after all, will not wine; certainly they do not dine and most certainly they cannot replace the application of intelligence, foresight and sensitivity to human affairs, which is at the heart of your craft.

Your Excellencies,

The Foreign Ministership, being but one of my responsibilities, I am quite aware of the fact that I may not be as easily accessible to you as I would like to be. However, I take comfort in the knowledge that you are able in reaching me to reach these areas of interests all at once for which I am responsible, killing three birds with one stone, which in my view, is not an unreasonably bad bargain.

Your Excellencies, you can rest assured that officers of my Ministry will continue to extend every possible assistance and courtesies to you and your Missions. We accept you as our friends and offer you whatever assistance we can in the performance of your duties. We are as much concerned that the Governments you represent should be as well informed as possible of our policies, our intentions, our pre-occupations, our hopes and our aspirations. We look to you to be Malaysian Ambassadors of goodwill to your Governments as indeed you are the Ambassadors of your Governments to us. I believe our dealings with each other have been characterised over the years by harmony, good-will and mutual understanding. May this state of affairs long continue to be so.

So, Your Excellencies, as Malaysia's Ambassadors of Goodwill and your countries' Ambassadors to us, as our very good friends, my wife and I thank you and your good ladies for your gracious hospitality this evening and for honouring us so kindly in this way.

And now, Ladies and Gentlemen, may I invite honoured guests present to join me in a toast to the Dean and Members of the Diplomatic Corps and their ladies.



Tun Abdul Razak bin Hussein kelihatan sedang melancarkan dengan rasminya Rancangan Pendidikan melalui televisyen di Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur pada 19hb Jun, 1972.

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA
PELANCARAN ETV DI DEWAN TUNKU
ABDUL RAHMAN, KUALA LUMPUR PADA
19^{HB} JUN, 1972

Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri,¹ Y.B. Menteri Pelajaran,² Y.B. Menteri-menteri, Tuan-tuan Yang Terutama, saudara-saudara sekalian.

Saya amat berbangga kerana dapat bersama-sama pada peristiwa bersejarah ini untuk melancarkan Perkhidmatan ETV atau Pendidikan menerusi TV untuk negara kita.

Saya sendiri menaruh perhatian besar kepada bidang pelajaran dan sentiasa mengikuti perkembangannya. Ini bukan saja oleh kerana saya pernah menjadi Menteri Pelajaran beberapa tahun yang lampau tetapi juga kerana insaf peri mustahaknya pelajaran dan latihan tenaga rakyat dalam pembangunan negara dan untuk memperbaiki taraf hidup rakyat.

Pelancaran Perkhidmatan ETV hari ini menandakan setapak lagi kemajuan dalam melaksanakan sistem pelajaran kebangsaan. Kalau kita memandang ke belakang, tentu kita masih ingat betapa terhadnya alat-alat pengajaran yang terdapat pada masa itu, terutama sekali di sekolah-sekolah kampung atau di bandar-bandar kecil. Jadi tidak hairanlah kalau rotan dianggap sebagai salah satu alat utama kepada setengah guru-guru.

Syukur Alhamdulillah, sekarang ini keadaan di sekolah-sekolah kita telah jauh berubah. Pelajaran bukan sahaja telah berkembang dengan luasnya menurut sistem yang dipadankan untuk kehendak negara, tetapi juga dengan perkembangan itu terdapat teknik-teknik baharu dalam pengajaran. Walau pun demikian, dengan tututan pelajaran yang semakin meningkat, terdapat pula berbagai-bagai masalah seperti sekolah-sekolah yang penuh sesak, kekurangan guru-guru yang berkelayakan dan sebagainya.

¹ Y.A.B. Tun Dr Ismail bin Dato Abdul Rahman.

² Y.B. Dato Hussein Onn.

Saya berpuas hati bahawa Kementerian Pelajaran berusaha menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapinya dengan ber-sungguh-sungguh dan penuh azam. Dalam menggunakan teknik pengajaran, kita berbangga dengan kejayaan Perkhidmatan Siaran Radio ke Sekolah-sekolah yang telah berjalan lebih dari dua puluh tahun. Pagi ini kita bersama-sama menyaksikan permulaan cara yang termoden di zaman sains dan teknologi iaitu pelancaran Perkhidmatan ETV sebagai alat menyampaikan pengetahuan.

Tidak syak lagi, Perkhidmatan ini, di samping Perkhidmatan Siaran Radio yang ada sekarang ini, akan membawa faedah-faedah pembaharuan ini ke seluruh tanah air hatta terpencil sekalipun dalam bandar dan luar bandar.

Saudara-saudara sekalian,

Perkhidmatan ETV tentulah dapat memainkan peranan utama untuk melaksanakan dengan lebih berkesan kehendak-kehendak Rancangan Malaysia Kedua, khasnya setakat yang mengenai pelajaran dan latihan.

Matlamat-matlamat utama Rancangan Malaysia Kedua mengenai pelajaran dan latihan ialah hendak menyatukan sistem pelajaran bagi mencapai perpaduan negara dan memperluaskan rancangan-rancangan pelajaran dan latihan untuk memenuhi keperluan-keperluan negara mengenai tenaga rakyat.

Untuk mencapai matlamat-matlamat ini adalah mustahak kita memperbaiki mutu pelajaran berasaskan kepada Sains dan Teknologi moden supaya setanding dengan mutu pelajaran negara-negara yang sudah maju.

Saudara-saudara sekalian,

Sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran tadi, Perkhidmatan ETV ini ialah untuk memberi keutamaan bagi memperbaiki terutamanya pengajaran Sains dan Ilmu Hisab dan untuk melengkapkan pengajaran di bilik darjah supaya matlamat-matlamat negara dicapai dengan sepenuhnya.

Oleh itu saya sangat gembira adanya emphasis kepada mata pelajaran Sains dan Ilmu Hisab dalam sistem Pelajaran hari ini. Zaman kita ini melihat kemajuan sains dan teknologi yang amat mengagumkan. Manusia bukan saja menjelajah ruang angkasa

tetapi sudah pun berjaya sampai ke bulan dan bersiar-siar di muka bulan. Kita di Malaysia tentulah tidak mahu ketinggalan dalam perlumbaan ilmu pengetahuan.

Teknologi pelajaran hari ini berubah dengan pesatnya, dan oleh itu amatlah penting bagi Kementerian Pelajaran mengikuti perkembangan ini kerana kalau tidak Sistem Pelajaran kita akan ketinggalan zaman.

Bagaimanapun, bukanlah maksud saya approach cara lama itu tidak mempunyai nilai. Sebenarnya apa yang dimaksudkan ialah supaya kita meneliti segala pembaharuan dan kemajuan teknologi yang terbaharu untuk menolong menyelesaikan berbagai-bagai masalah pelajaran dan meninggi mutunya.

Kita berkehendakkan terutama sekali dalam bidang pelajaran supaya pentadbir-pentadbir, guru-guru dan orang ramai khususnya yang boleh menerima pendapat-pendapat dan fikiran-fikiran baharu, yang berani melaksana pembaharuan dan memberi penilaian secara terus terang untuk mencapai matlamat-matlamat yang telah ditetapkan.

Melalui ETV dan dengan teknik-teknik yang lebih maju dari semasa ke semasa, kita akan menjalankan usaha-usaha yang berpanjangan untuk mencari cara-cara baharu dan yang lebih baik supaya dapat mengadakan sistem pelajaran yang sempurna.

Saudara-saudara sekalian,

Kita sama-sama maklum, belia adalah asset atau harta negara yang paling berharga. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab semua pegawai di Kementerian Pelajaran dan juga Guru-guru memastikan supaya peruntukan tahunan untuk pelajaran yang sekian banyak itu dibelanjakan dengan sebaik-baiknya supaya investment di bidang pelajaran menghasilkan keuntungan yang sewajarnya.

Untuk projek ETV ini khususnya, Kerajaan telah menguntukkan wang yang banyak dengan penuh keyakinan bahawa perkhidmatan ini akan meningkatkan pembangunan pelajaran dalam semua jurusan. Oleh itu, mereka yang bertanggungjawab menerbitkan rancangan-rancangan ETV hendaklah memastikan bahawa guru-guru dan murid-murid dapat menggunakannya dengan bijak

dan berkesan. Dengan itu kita dapat menjamin perkhidmatan ini memberikan setinggi-tinggi faedah sambil memenuhi matlamat-matlamat pendidikan negara.

Saya sungguh berbesar hati Projek ETV ini dilaksanakan dalam tempoh segera walaupun banyak kesulitan yang dihadapi untuk menjayakannya. Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pelajaran, Kementerian Penerangan dan Kementerian Perhubungan kerana adanya semangat dedikasi dan kerjasama yang rapat antara mereka untuk melancarkan Perkhidmatan yang kompleks ini dan dalam masa yang paling singkat.

Saya sudah kerap kali menyatakan mustahaknya kerjasama yang rapat antara Kementerian-kementerian dalam melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan negara. Kerjasama seperti ini amatlah perlu kerana tidak ada satu Kementerian yang boleh berusaha secara sendirian untuk melaksanakan projek-projeknya. Dengan adanya penyelarasan yang cekap, segala masaalah dalam melaksanakan projek-projek akan dapat diatasi dengan penuh kejayaan.

Saya akan mengikuti perkembangan ETV ini dengan minat, kerana saya ingin melihat perkhidmatan ini berkembang lebih luas kemudian hari kelak. Rancangan ini hendaklah diluaskan ke Malaysia Timur juga. Besar pula kemungkinan rancangan ini digunakan untuk faedah kelas-kelas kemajuan Masyarakat dan barangkali juga untuk "Universiti Terbuka" pada masa akan datang.

Saudara-saudara sekalian,

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Bank Dunia kerana membantu usaha ini, kepada Kerajaan United Kingdom menerusi "Centre for Educational Development Overseas" kerana memberikan kemudahan kursus-kursus latihan, kepada UNDP kerana memberikan "fellowships" dan rancangan-rancangan latihan, dan badan-badan lain di luar dan di dalam negeri atas sumbangan-sumbangan dan bantuan untuk menjayakan Projek ETV di Malaysia.

Sekarang saya dengan sukacitanya merasmikan Perkhidmatan ETV ini dengan harapan rancangan ini akan memberikan seberapa banyak faedah kepada jenerasi muda di bangku-bangku sekolah hari ini dan di masa akan datang.

SPEECH BY THE PRIME MINISTER AT THE
OPENING OF THE SOUTHEAST ASIAN
AMATEUR GOLF TEAM CHAMPIONSHIP
1972, AT THE ROYAL SELANGOR GOLF
CLUB, KUALA LUMPUR ON 20TH JUNE,
1972

Y.A.B. Tun H.S. Lee¹, Hon'ble Ministers, Excellencies, Ladies and Gentlemen.

I wish to thank you, Tun, and members of your Organising Committee for inviting me to declare open the 1972 Putra Cup Championship Meet.

It is indeed a great pleasure for me, on behalf of the Government and people of Malaysia, to welcome so many prominent golfers from neighbouring countries who are here with us today. We in Malaysia are naturally proud to be this year's hosts and I am sure the President of the MGA and his Committee are making the best arrangements for this important occasion.

I have always been of the view that sports has made very significant contribution not only in the maintenance of goodwill and understanding between people but also in the promotion of closer relation between nations. This is evident from the very objective of the Meet which, as I understand it, is to foster friendship and sportsmanship among our peoples of Southeast Asia.

There is no doubt that this objective has been successfully achieved, for besides our five ASEAN nations, we also have our friends from Burma and Hongkong. This does indeed reflect the close co-operation that exists between the participating countries through all these years.

During the next few days, Kuala Lumpur golfers and golf enthusiasts will be afforded a treat of brilliant display by some eminent golfers of this region.

I would like to wish every member of the participating teams a very pleasant and enjoyable stay in our Capital City.

Finally, may I wish each and everyone of you success and may the best man win!

¹ Yang Dipertua Persatuan Amateur Pasokan Golf Asia Tenggara.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA
MERASMIKAN BANGUNAN TAMBAHAN BARU
SYARIKAT UTUSAN MELAYU MALAYSIA BER-
HAD, DI JALAN CHAN SOW LIN, KUALA
LUMPUR PADA 22^{HB} JUN, 1972

Yang Berbahagia Dato Hussein Noordin,¹ Ahli-ahli Lembaga Pengarah, Y.B. Menteri-Menteri, Tuan-tuan Yang Terutama, Saudara-saudara sekalian.

Saya berasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala di atas limpah kurniaNya kerana dapat bersama-sama dengan saudara-saudara pada petang ini untuk menyaksikan kemajuan dan kejayaan yang telah dicapai oleh Syarikat Utusan Melayu—sebuah Syarikat Kebangsaan yang tulin dan ulung di Negara kita ini.

Kita telah bersama-sama mendengar ucapan Pengerusi Jawatan-kuasa Pembinaan Bangunan Tambahan Baru Utusan Melayu tentang kemajuan yang telah dicapai oleh bahagian ini. Selepas ucapan ini saya dan rakan saya, Tun Dr. Ismail akan diberi taklimat tentang kemajuan dan rancangan pembangunan Utusan Melayu di masa hadapan. Mengikut berita-berita yang saya dengar Utusan telah mencapai satu kemajuan dan kejayaan yang cemerlang dalam masa lima tahun yang lepas.

Sama ada benar atau tidak berita itu saya akan dapat tahu sedikit masa lagi. Tetapi, kerana yakin kepada berita itu, biarlah saya dahulu-dahulu lagi mengucapkan tahniah kepada pihak Lembaga Pengarah dan Kakitangan Utusan di atas kejayaan-kejayaan yang cemerlang itu.

Sesungguhnya, saya berasa sangat bangga dan megah kerana Lembaga Pengarah Utusan Melayu telah sudi menjemput saya untuk merasmikan Bangunan Tambahan Baru Utusan Melayu ini. Saya mengucapkan kepada mereka ribuan terima kasih di atas penghormatan dan keyakinan Pengarah-pengarah terhadap diri saya khasnya, dan kepada Parti dan Kerajaan yang saya pimpin amnya.

¹ Pengarah Urusan Syarikat Utusan Melayu Sdn. Bhd.

Saudara-saudara sekalian,

Pada 30hb Mei lepas, umur Utusan Melayu masuk tiga puluh empat tahun. Sepanjang ingatan saya, belum pernah lagi dalam sejarah persuratkhabaran Melayu, sebuah akhbar Melayu hidup begini lama.

Inilah sejarah yang diukir oleh Utusan Melayu, sebuah perusahaan Melayu yang seratus peratus dikendalikan dan diusahakan sendiri oleh orang-orang Melayu dengan modal yang begitu sedikit. Utusan Melayu diasaskan pada 29hb Mei, 1939, dengan modalnya sebanyak \$12,290. Hari ini Utusan Melayu telah berjaya menjadi sebuah perusahaan yang maju dan berkembang hingga modalnya yang dibayar sekarang berjumlah \$2.6 juta dan sahamnya yang berharga seringggit satu, mengikut Pasaran Saham MARA hari ini, berharga, jualan \$1.35 dan belian, \$1.25 satu saham.

Pada tahun 1939, Utusan Melayu dipunyai oleh 542 ahli saham tetapi sekarang ini adalah kepunyaan 7,967 ahli-ahli saham yang tinggal di seluruh pelusuk Malaysia termasuk juga yang tinggal di Singapura.

Maka menjadi tanggungjawab saudara-saudara yang mewarisi pusaka ini daripada penaja-penaja dan pangasas-pengasas Syarikat ini yang sekarang menjadi pusaka orang-orang Melayu, menjaga supaya perusahaan ini kekal menjadi satu institusi, satu lambang kebolehan dan kemampuan, anak-anak Melayu untuk berdikari.

Saya suka menegaskan pada hari ini rahsia kemajuan dan perkembangan Utusan Melayu dari dahulu hingga sekarang yang saya fikir patut sangat diketahui oleh rakyat Negara ini khasnya orang-orang Melayu.

Rahsia itu ialah ketabahan hati untuk berdiri atas kaki sendiri, semangat pengorbanan untuk berjasa kepada bangsa, tanah air dan agama, kegigihan untuk mengatasi tiap-tiap rintangan kerana hendak menunjukkan kepada dunia bahawa bangsa Melayu juga mampu menjalankan perusahaannya sendiri dengan tenaganya sendiri.

Saya yakin kalaulah tidak dengan semangat ini, Syarikat Utusan Melayu tidak dapat berdiri dengan megahnya pada hari ini, bahawa Syarikat ini tidak berkembang dari sebuah bangunan kedai

tiga tingkat di Queen Street dan kemudiannya di Cecil Street di Singapura hingga menjadi satu industri yang menjadi kemegahan kita sekalian.

Tiap-tiap institusi mempunyai sejarahnya sendiri, baik ia parti politik seperti UMNO atau pun sebuah perusahaan seperti Utusan Melayu. Saya tidaklah pada hari ini hendak menghuraikan sejarah itu tetapi biarlah saya tegaskan di sini bahawa Utusan Melayu lahir dari semangat kebangsaan orang-orang Melayu dan ia tegak berdiri sekarang hanya setelah ia melalui bermacam-macam dugaan dan ujian, berbagai-bagai rintangan, halangan dan setelah ia mengalami berbagai kepayahan dan kesulitan yang wujud sendiri atau yang diadakan oleh setengah-setengah pihak yang tertentu, baik dari dalam atau luar.

Utusan Melayu tidak tegak berdiri secara tiba-tiba dan secara mendadak begitu sahaja. Zaman-zaman permulaannya ialah zaman-zaman yang penuh dengan derita, penuh dengan kepayahan dan penuh pengorbanan tiap-tiap pekerjanya.

Saudara-saudara sekalian,

Inilah yang patut selalu menjadi ingatan dan kesedaran tiap-tiap pekerjanya sekarang dari Dato' Hussein di atas ke serendah-rendahnya dan kerana Utusan Melayu telah melalui zaman-zaman yang pahit dan maung, yang pedih dan pilu, maka ia tentulah mempunyai satu sejarah yang gilang gemilang.

Sejarah inilah yang mesti dipertahankan dan dipelihara baik-baik oleh saudara-saudara sekarang dan mereka yang akan berkhidmat dengan Utusan Melayu di masa-masa hadapan.

Sejarah itu terjalin erat dengan perjuangan kita untuk menebus kemunduran kita untuk mencapai kemerdekaan, untuk menjadi satu bangsa yang bermaruah dan dihormati oleh dunia.

Tradisi itu bersambung sekarang kerana kita masih dalam perjuangan hendak mengisi kemerdekaan dan kedaulatan kita. Nasionalism yang mendorong penaja-penaja dan pengasas-pengasas Utusan Melayu dahulu hendaknya mendorong saudara-saudara dalam menunaikan tugas dan kewajipan saudara-saudara sekarang dan di masa akan datang.

Pada masa dahulu, kita belum merdeka; kalau kita hendak maju, kita mesti bekerja dan berusaha dengan tenaganya sendiri.

Tidak ada siapa pun yang mahu menolong kerana tidak ada siapa yang boleh menolong. Dengan yang demikian, terpaksa mereka bekerja lebih kuat, lebih gigih dan lebih tekun.

Muga-muga sejarah Utusan Melayu ini akan memberi perangsang dan dorongan kepada perusahaan-perusahaan orang Melayu dalam bidang-bidang lain. Perusahaan-perusahaan Bumiputra yang lain hendaklah dijayakan kerana kejayaan dan kemajuan yang dicapai akan mencerminkan pelaksanaan yang jaya bagi Dasar-dasar Kerajaan Perikatan untuk menolong mereka yang miskin dan daif.

Saudara semua, khasnya Ahli-ahli Perniagaan, Bankers Pengusaha Melayu seperti Tengku Razaleigh atau "mini capitalist" seperti Wan Hamid, hendaklah menjaminkan yang perusahaan-perusahaan dan perniagaan-perniagaan Bumiputra maju, berkembang dan sentiasa dapat kejayaan. Inilah sebesar-besar sumbangan, kerjasama dan khidmat saudara-saudara dan pemimpin-pemimpin Bumiputra, kepada Kerajaan dan kepada perkembangan ekonomi dan perpaduan Negara.

Dengan kejayaan seperti yang diharap itu maka tercapailah cita-cita Kerajaan memberi tempat yang sempurna dalam perekonomian Negara kepada rakyat Bumiputra. Selain daripada peranan Kerajaan, saudara-saudara dan rakyat Bumiputra sendiri mestilah menyahut cabaran-cabaran pihak Kerajaan dengan jujur dan dinamis kerana tanpa perkongsian tenaga dan tindakan positif dari ketiga pihak yang terlibat nescaya kita tidak akan dapat mengisikan Dasar Ekonomi Baru kita.

Saudara-saudara sekalian,

Sekarang keadaan telah berubah. Kita sudah merdeka dan berdaulat. Tetapi kita masih terpaksa berjuang kerana walau pun kita telah merdeka, masalah kita, masalah melenyapkan jurang ekonomi yang membezakan rakyat dalam bandar dengan rakyat luar bandar belum selesai lagi.

Dengan perubahan ini bererti pula peranan suratkhbar harus berubah harus disesuaikan dengan keadaan. Tetapi, satu hakikat tidak berubah, iaitu hakikat bahawa tiap seorang dari kita, mestilah bekerja dengan amanah, dengan tekad yang bulat dengan semangat yang gigih mahu memajukan diri kita, perusahaan kita bangsa dan Negara kita.

Satu hakikat lain ialah peranan Utusan Melayu masih tetap se-
bagai lidah umat Melayu tetapi dalam konteks yang baru. Dalam
zaman kita sedang membentuk satu bangsa yang bersatu padu,
dalam zaman kita sedang menumpukan semangat cintakan sains
dan teknologi. Peranan surat khabar terutama sekali surat khabar
seperti Utusan Melayu, amatlah penting sekali.

Utusan Melayu mestilah ikut mempelupuri perjuangan men-
capai cita-cita ini, iaitu bersama-sama mendidik dan membentuk
jiwa dan pandangan hidup baharu di kalangan masyarakat Melayu
khasnya dan masyarakat Nasional amnya, bersama-sama ikut
berusaha membentuk satu masyarakat baharu yang cintakan sains
dan teknologi, satu bangsa yang terjalin erat dengan semangat
Rukunegara, satu masyarakat yang dinamis dan progresif.

Ini bererti mereka yang mengendalikan Utusan Melayu mestilah
mengerti dan memahami tugas-tugas dan tanggungjawab mereka
dalam konteks yang baharu ini. Saudara-saudara tidaklah diminta
berkorban lebih daripada yang patut. Tetapi apa yang diminta dan
diharapkan sangat dari saudara-saudara ialah pengertian dan
kesedaran yang penuh terhadap tanggungjawab dan kewajipan
saudara-saudara dalam zaman yang kita sedang hadapi sekarang
dan di masa akan datang.

Saudara-saudara sekalian,

Inilah yang patut menjadi pegangan saudara-saudara sekarang,
iaitu menjadikan Utusan Melayu dan Kumpulan Akhbar-akhbar
dan penerbitan-penerbitannya pelupur perjuangan mengubah
fikiran dan pandangan hidup umat Melayu yang tradisional kepada
pandangan hidup yang moden, mempelupuri perjuangan menjamin
perpaduan dan persatuan antara berbagai-bagai kaum dan go-
longan dalam masyarakat berdasarkan semangat Rukunegara.

Dasar Ekonomi Baru dan Rukunegara ialah asas untuk kita
membangun satu zaman baharu untuk bangsa dan negara kita di
masa hadapan. Inilah insurance, inilah benteng, untuk menghadapi
cabaran-cabaran sekarang dan di masa hadapan.

Dalam menghadapi challenges ini, kita memerlukan pengem-
belingan tiap tenaga—pimpinan politik, kebudayaan sosial, pakar-
pakar ekonomi, buruh dan petani dan tidak kurang pentingnya
kaum wartawan dan kaum penulis.

Wartawan-wartawan termasuklah Wartawan Melayu, berada dalam keadaan yang "unique" kerana mereka ialah golongan yang paling banyak memerlukan dorongan untuk mencapai kemajuan dan mereka boleh mendorong masyarakat untuk bercita-cita tinggi dan menterjemahkan hasrat rakyat menjadi kenyataan. Maka wartawan haruslah memegang peranan sebagai pembimbing, sebagai pendorong selain daripada menjadi pejuang dan pentafsir zamananya.

Saudara-saudara sekalian,

Saya berdoa kepada Allah mudah-mudahan Allah cururkan kemajuan yang lebih gilang gemilang lagi kepada Utusan Melayu pada tahun-tahun ke hadapan dan juga kepada bangsa dan negara kita.

Dengan doa dan harapan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Bangunan Tambahan Baru Utusan Melayu ini.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI PERHIMPUNAN AGUNG UMNO DI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KUALA LUMPUR PADA
24HB JUN, 1972

Saudara Pengerusi,¹ Ahli-ahli Majlis Kerja Tertinggi, Para perwakilan sekalian.

Saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan taufik dan hidayahNya kita berkumpul sekali lagi pada hari yang bersejarah ini. Kita berkumpul di sini untuk mengadakan Perhimpunan Agung UMNO yang kedua semenjak Demokrasi Berparlimen dipulihkan, dan inilah juga Perhimpunan Agung yang pertama diadakan di bawah Perlembagaan UMNO yang baru.

Perhimpunan kita ini sekali lagi membuktikan dengan jelas akan kejayaan UMNO—perpaduan yang kukuh, kesediaan untuk berkorban dan keyakinan bahawa kita akan dapat menjamin masa depan yang cemerlang untuk kita dan keturunan kita.

Para perwakilan sekalian,

Kita berhimpun di sini untuk menyambungkan perjuangan UMNO di atas landasan yang telah dibina dengan kukuh dua puluh enam tahun yang lalu, dalam konteks Malaysia yang baru dan sedang berkembang maju. Bagi mencapai maksud itu maka para perwakilan yang menghadiri Perhimpunan Agung khas tahun lepas yang mempunyai pandangan jauh telah membuat beberapa pindaan kepada Perlembagaan, Parti, antaranya mulai tahun ini, para perwakilan akan memilih Ahli-ahli Majlis Tertinggi untuk menyandang jawatan selama tiga tahun. Saya yakin pindaan-pindaan tersebut khasnya tentang perlanjutan masa berkhidmat pucuk pimpinan tertinggi ini akan melahirkan pemimpin yang lebih berdedikasi, yang jujur dan penuh taat setia kepada Parti.

Para Perwakilan sekalian,

Saya sukacita melaporkan bahawa pengaruh dan prestige UMNO dan, melaluinya, Perikatan, sedang meningkat tinggi dari hari ke hari. Keputusan-keputusan pilihanraya kecil di peringkat Parlimen

¹ Tan Sri Nik Ahmad Kamil.

ataupun Negeri sangatlah memuaskan. Sehingga ini kita hanya kalah di Tumpat Barat sahaja. Namun begitu, undi kita telah meningkat banyak berbanding dengan tahun 1969 dulu. Di sini saya terimakasih kepada kedua-dua ahli dan pekerja-pekerja terutama pemuda dan wanita.

Begitu juga saya sukacita dan bersyukur ke hadrat Tuhan kerana baru-baru ini ramai bekas ahli-ahli UMNO telah rujuk kepada Parti dan ramai pula ahli-ahli Parti Pembangkang terutama sekali dari PAS, yang telah masuk menjadi ahli UMNO, ataupun berpaling menyokong UMNO.

Kita menerima mereka itu dengan senang hati dan sebagai ahli-ahli UMNO mereka mempunyai hak yang sama seperti ahli-ahli yang lama menurut Perlembagaan UMNO. Selagi mereka taat dan setia kepada Perlembagaan dan kepada pucuk pimpinan Parti, mereka boleh bebas bergerak dalam sebarang aktiviti-aktiviti UMNO.

Tetapi sukaiah saya memberi ingatan kepada pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli UMNO supaya berhati-hati menerima orang-orang UMNO secara beramai-ramai kerana sudah tentu ada di antara mereka itu berbuat demikian disebabkan berbagai tujuan—ada yang baik dan semestinya ada pula yang tidak baik. Saya harap kita pandai-pandailah memilih mana satu intan mana satu kaca.

Para perwakilan sekalian,

Adalah menjadi kenyataan semenjak Kerajaan kita menjalankan Dasar Ekonomi Baru dan Rancangan Malaysia Kedua dan semenjak adanya pimpinan-pimpinan baru dalam Parti dan Kerajaan, sokongan dari rakyat terutama rakyat Bumiputra dan rakyat Malaysia amnya makin meningkat. Sokongan yang luas dan sedang berkembang dari rakyat ini mempunyai satu erti sahaja iaitu dasar Parti kita menepati hasrat dan memenuhi kehendak-kehendak rakyat khasnya ahli-ahli dan penyokong-penyokong kita yang tinggal di luar bandar. Parti-parti lawan tidak mendapat sokongan begitu kerana dasar mereka tidak diterima oleh rakyat.

Para perwakilan sekalian,

Kekuatan kita di Malaysia Barat dan juga Parti-parti seperjuangan kita di Sabah dan Sarawak telah membolehkan kita membentuk Kerajaan-kerajaan Campuran di Sarawak, iaitu Perikatan

dengan SUPP pada mulanya, kemudian itu di Pulau Pinang dengan Gerakan dan akhirnya dengan PPP di Perak. Ketiga-tiga Kerajaan Campuran ini memberi makna yang besar kepada perpaduan negara dalam identiti baru.

Kejayaan kita membentuk Kerajaan Campuran itu ialah oleh kerana dasar kita berdiri tegak dan tegas atas kepentingan rakyat dan Negara. Kita telah bersetuju membentuk Kerajaan-kerajaan Campuran kerana Parti-parti yang bersahabat dengan kita itu menerima dasar-dasar kita khasnya Dasar Ekonomi Baru. Atas dasar itulah kita mengadakan Kerajaan Campuran supaya mengukuhkan lagi perpaduan rakyat dari berbagai kaum dan untuk kestabilan politik dalam Negara. Ini memudahkan kita untuk mengembelikan tenaga rakyat bagi melaksanakan Dasar Ekonomi Baru dan Rancangan Pembangunan Malaysia Kedua.

Para perwakilan sekalian,

Tentulah menjadi tandatanya apakah sebabnya Kerajaan Campuran ini tidak diperluaskan lagi supaya benar-benar mencapai perpaduan bulat dalam Negara, pada hal hujjah-hujjah yang mewujudkan tiga Kerajaan Campuran itu sangatlah munasabah dan praktikal.

Sebenarnya, kita dalam UMNO khasnya dan Perikatan amnya suka hendak bekerjasama dengan sebarang Parti lawan yang sanggup bekerjasama dengan kita.

Baru-baru ini ada ura-ura hendak mengadakan kerjasama di antara kita dengan Parti PAS di Kelantan. Saya telah tegaskan kita tidak menolak sebarang usaha ke arah ini demi kepentingan negara dan kemajuan rakyat khasnya rakyat di negeri-negeri yang kurang maju seperti di Kelantan, Trengganu dan Kedah.

Para perwakilan sekalian,

Selain dari PAS hanya tinggal tiga Parti sahaja dalam Parlimen yang berada di luar Coalition, iaitu DAP, Pekemas dan SNAP. DAP tetap tidak dapat diterima oleh UMNO kerana ia adalah sebuah Parti chauvinis yang menjalankan dasar perkauman. Lagi pula, taat setia mereka kepada Negara amat diragukan kerana nampaknya mereka tidak mempunyai kemegahan menjadi rakyat Malaysia. Mereka mencari setiap peluang terutama sekali di luar

negeri untuk memutar belitkan dasar-dasar Kerajaan, memburukkan Kerajaan dan negara sendiri serta merendahkan-rendahkan kebolehan dan kekuatan rakyat.

Tetapi syukurlah kita bahawa perbuatan-perbuatan buruk mereka itu dikutuk oleh golongan terbesar rakyat Malaysia yang cintakan keamanan dan harmoni memandang dari keputusan pilihanraya kecil Ulu Selangor baru-baru ini. Dan kini ramai pemimpin-pemimpin moderate dan penyokong-penyokong DAP termasuk dua Naib Presiden dan dua anggota Majlis Kerja Tertinggi telah keluar dari Parti itu.

Pergolakan dalam DAP akhir-akhir ini membuktikan dengan jelas apa yang kita katakan selama ini bahawa pemimpin-pemimpin DAP bercita-cita merebut kuasa dengan meniupkan api perkauman dan berselindung di bawah slogan "Malaysian Malaysia".

Tidak syak lagi, perpecahan dalam DAP akan terus meleburkannya oleh kerana pucuk pemimpinnya adalah dalang chauvinism. Mereka enggan mengakui kenyataan dan hakikat politik (real politic) Malaysia selepas Peristiwa 13 Mei, dan sudah pasti mana-mana Parti yang enggan mengakui hakikat ini akan hanyut dalam peredaran zaman.

Pekemas nampaknya sukar hendak menjadi sebuah Parti yang benar-benar bercorak nasional. Namun begitu, kita hendaklah mengawasi gerak gerinya setiap masa.

SNAP adalah Parti yang bercorak daerah dan sebarang Parti yang bercorak demikian tidak akan berkembang lama atau ke seluruh negara.

Para perwakilan sekalian,

Saya kesal adanya segolongan kecil rakyat di negara ini yang masih lagi meniupkan api perkauman. Ada setengah-setengah Parti lawan mengatakan kononnya pihak Pembangkang tidak mempunyai kesempatan bergerak disebabkan adanya undang-undang yang menekan kebebasan mereka iaitu Akta Menghasut khasnya. Ini tidaklah benar sama sekali. Kalau undang-undang itu menyekat mereka untuk bergerak maka sudah tentulah rakyat akan bersimpati dengan mereka kalau benar mereka itu bergerak kerana hendak membela rakyat. Tetapi, akta dan undang-undang yang ada tidak menyekat mana-mana Parti kalau dasarnya dan rancangan perjuangannya menepati kehendak dan hasrat rakyat.

Parti politik yang menggunakan issue-issue bahasa, kebudayaan dan berbau perkauman tidak mempunyai dasar yang sesuai dan menepati pada kenyataan hidup masyarakat kita sekarang. Rakyat mahu mengecap kemakmuran; rakyat mahu mencapai kemajuan untuk menyesuaikan diri mereka dalam zaman sains dan teknologi; rakyat mahu hidup rukun damai; mahu negaranya mencapai kedudukan yang setimpal dengan tarafnya sebagai negara yang merdeka dan berdaulat, peranan yang berguna dalam hubungan serantau dan juga di dunia sebelah sini.

Para perwakilan sekalian,

Kita mestilah selalu mengawasi taktik-taktik Parti Pembangkang. Walau bagaimana halus atau licin sekalipun taktik-taktik mereka untuk meniupkan racialism dan chauvinism mereka, kita mestilah menghadapinya dengan tindakan-tindakan politik dan ekonomi yang tegas. Sebagai parti pemerintah, kita harus berusaha supaya sokongan yang diberi oleh rakyat kepada kita itu diperkukuhkan dan diperkuat dari masa ke semasa.

Seperti saya katakan tadi, dasar kita khasnya Dasar Ekonomi Baru diterima penuh oleh rakyat, sebagai dasar yang adil bagi semua pihak, dasar untuk melenyapkan masalah kemiskinan samada di kampung-kampung lama atau di kampung-kampung baru. Dasar urbanisasi kita atau dasar membandarkan orang-orang luar bandar adalah sesuai dengan kenyataan hidup dalam negara kita. Falsafah negara kita iaitu Rukunegara menepati kehendak rakyat dari berbagai golongan untuk hidup rukun damai. Parti-parti lawan tidak dapat menyangkal kebenaran atau kejujuran Parti dan Kerajaan kita.

Para perwakilan sekalian,

Rancangan-rancangan pembangunan yang sedang dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kedua yang berlandaskan Dasar Ekonomi Baru adalah bertujuan hendak memberi taraf hidup yang tinggi dan sempurna kepada rakyat di negara kita khasnya kepada mereka yang sekarang dalam keadaan miskin dan daif. Kita sedar bahawa harapan atau expectation rakyat sangat besar terhadap kehasilan rancangan-rancangan ini tetapi kita harus juga sedar bahawa kejayaan rancangan-rancangan Kerajaan ini sangatlah bergantung kepada tanggungjawab dan sambutan rakyat jelata sendiri.

Rakyat jelata mustahaklah diberi pengertian dan kesedaran yang jelas bahawa tanggungjawab diri mereka, tidak semata-mata kepada Kerajaan. Rakyat mestilah faham bahawa mereka janganlah semata-mata berharap tetapi mestilah bertindak mengisi harapan mereka sendiri. Kemajuan dan kemakmuran negara tidak datang bergolek ke atas riba kita bahkan mestilah diusahakan bersama oleh rakyat dan Kerajaan. Rakyat mestilah berani bersama-sama menyingsingkan lengan menggerakkan rancangan-rancangan ini yang pada akhirnya ialah untuk kebaikan dan kesejahteraan hidup mereka.

Begitu juga pelaksanaan segala rancangan-rancangan kita memerlukan readjustment dalam pemikiran rakyat. Tanpa perubahan dalam pemikiran, kita tidak dapat menghadapi cabaran-cabaran hidup di hadapan kita. Dunia di sekitar kita beredar dan berubah dengan cepat. Kalau kita tidak sanggup menyesuaikan diri kita dengan perubahan dunia yang begitu cepat sekarang, kita akan ketinggalan di belakang dan kita akan tercicir oleh zaman.

Para perwakilan sekalian,

Masanya telah sampai bagi kita semua merebut peluang-peluang untuk kemajuan Bangsa dan Negara kita. Kita tidak boleh menangguhkan lagi masa untuk berusaha dan berikhtiar untuk menebus kemunduran kita. Kita telah lama menunggu dan dahaga kepada perubahan-perubahan. Sekarang peluang-peluang adalah terbuka dengan luas. Oleh itu wajiblah kita mencurahkan segala usaha dan tenaga untuk merebut peluang-peluang itu untuk kebahagiaan hidup kita dan keluarga kita serta bagi kemajuan Bangsa dan Negara.

Para perwakilan sekalian,

Saya ingin menegaskan lagi keazaman Kerajaan dalam menjalankan langkah dan usaha untuk memenuhi hasrat dan cita-cita rakyat supaya benar-benar memberi makna kepada matlamat negara yang merdeka dan berdaulat. Rancangan Malaysia Kedua yang berlandaskan Dasar Ekonomi Baru sedang dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh dengan erti kata bahawa pada kejayaan Dasar Ekonomi Baru itulah bergantungnya masa depan hatta wujud matinya "survival of Malaysia" sebagai bangsa yang bersatu padu. Oleh sebab itulah saya dan rakan-rakan saya dalam Kabinet sangat-sangat mengambil berat dan sentiasa mengawasi

pelaksanaan projek-projek yang disusun dalam Rancangan Lima Tahun ini supaya benar-benar mencapai dan memenuhi matlamat-matlamatnya.

Untuk menjayakan Dasar Ekonomi Baru ini, Kerajaan telah pun menubuhkan beberapa buah badan-badan seperti Pernas, Lembaga Padi dan Beras Negara, Lembaga Pembangunan Bandar, atau UDA, Lembaga Kemajuan Perikanan dan Lembaga Pemasaran Ikan, Syarikat Perusahaan Makanan atau FIMA, Lembaga Pemasaran Kelapa dan lain-lain. Hari ini boleh dikatakan semua negeri-negeri mempunyai Lembaga Kemajuan Ekonomi atau SEDC yang bertugas mempergiatkan kemajuan perdagangan dan perindustrian di negeri masing-masing.

Salah satu langkah yang amat mustahak untuk menjaga taraf hidup rakyat ialah menjamin bekalan barang-barang keperluan sehari-hari supaya tetap sentiasa ada dan dengan harga yang berpatutan iaitu dengan menjalankan perniagaan borong dan juga perniagaan runcit.

Saya telah mengarahkan Pernas supaya menjalankan perniagaan borong barang-barang keperluan termasuk juga barang-barang dari negara China dan membekalkan barang-barang ini ke Negeri-negeri, sementara Kerajaan Negeri telah diarah menubuhkan syarikat-syarikat untuk mengendalikan perniagaan borong dan runcit di peringkat negeri dan daerah.

Ini sudah pun mula bergerak seperti yang dijalankan oleh Pernas dan Senama di Selangor; Syarikat Permodalan dan Perusahaan Pahang; Sergam Sendirian Berhad Johor; Penida Sendirian Berhad Perak; Syarikat Beben Trengganu; Serba Sendirian Berhad Kedah; Syarikat Tenaga Baru dan Syarikat Kelana di Negeri Sembilan. Saya harap tidak lama lagi setiap negeri akan mempunyai syarikatnya masing-masing dan barang-barang keperluan rakyat dijual dengan harga yang berpatutan. Selain dari itu, saya harap di kampung-kampung juga akan diadakan kedai-kedai runcit dikendalikan oleh penduduk-penduduk kampung sendiri. Dengan ini bukan saja penduduk-penduduk kampung mendapat latihan dan kemahiran dalam lapangan perniagaan bahkan dapat mengendalikan barang-barang keperluan sendiri.

Sementara itu saya inigin melihat Pernas dan syarikat-syarikat anaknya menumpukan kegiatan-kegiatan kepada langkah-langkah yang memberi faedah secara langsung untuk rakyat. Syarikat

Insuran Pernas atau MNI telahpun berjalan dengan memuaskan dan saya harap tidak lama lagi Syarikat Cement di Johor Tenggara akan mula bergerak supaya memberi peluang-peluang pekerjaan baru. Begitulah saya harap Syarikat-syarikat Permodalan Negeri dan SEDC mengambil bahagian secara langsung dalam perusahaan-perusahaan dan perniagaan untuk membuka peluang-peluang pekerjaan yang lebih banyak kepada rakyat.

Kerajaan meletakkan harapan yang tinggi kepada Pernas, SEDC dan badan-badan lain untuk memenuhi matlamat-matlamatnya dalam jangka waktu yang singkat. Perhimpunan kita hari ini bersama-sama menyuarakan hasrat rakyat yang meletakkan harapan penuh kepada mereka untuk menjamin masa depan yang cerah kepada Bumiputra.

Kita juga haruslah faham jika kemajuan awal yang dicapai mereka tidak sebagaimana yang diharapkan kerana badan-badan ini mengalami kekurangan pegawai-pegawai terlatih, pegawai-pegawai mahir dan professional. Oleh sebab itu, sebagaimana akan saya terangkan kelak, Kerajaan, badan-badan separa Kerajaan dan Pernas akan mengambil pegawai-pegawai dagang atau expatriate professional untuk mengisikan kekosongan itu. Jika tidak, kemajuan pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negara tidak akan berjalan secepat yang dikehendaki.

Satu perkara lagi yang saya perlu nyatakan di sini ialah oleh kerana badan-badan ini bercorak swasta maka mereka menghadapi persaingan yang hebat di medan private sector dan perlulah setengah rancangan-rancangan mereka itu dirahsiakan dahulu sebelum dihebahkan untuk pengetahuan umum. Badan-badan ini juga dianjurkan supaya bertindak dengan menjadikan keuntungan sebagai motive dan dasar ini hendaklah difaham oleh kita semua.

Melalui UDA, yang masa ini sedang menumpukan usahanya di bandar besar iaitu Kuala Lumpur dan Pulau Pinang, kita akan berusaha untuk melaksanakan langkah menyusun semula masyarakat dengan menjamin kadar penyertaan orang-orang kita yang wajar dalam perniagaan dan perindustrian moden.

Lembaga Padi dan Beras Negara bukan saja bertugas untuk menjamin harga padi yang berpatutan untuk petani-petani kita tetapi juga mengawal harga beras yang wajar bagi pengguna-pengguna. Di samping itu, sebagai langkah jangka panjangnya, LPN akan membantu kaum tani supaya dapat memiliki tanah

sawah yang ekonomik atau economic holding dan dengan ini mereka boleh betul-betul bergantung hidup pada usaha bersawah dengan jaminan pendapatan yang sewajarnya. Tidak syak lagi dengan berjalannya MADA di Kedah dan KADA di Kelantan, masa depan petani-petani akan bertambah cerah.

Kaum nelayan kita yang selama ini dalam keadaan daif dan miskin akan dapat mengubah corak hidup mereka setelah Lembaga Perikanan mulai melaksanakan rancangan-rancangan kelak. Seperti dimaklum, cara lama menangkap ikan sudah tidak sesuai dengan zaman kita ini dan hanya dengan menggunakan teknik-teknik moden, barulah kaum nelayan dapat menjamin taraf hidup yang lebih baik untuk mereka dan keluarga mereka.

Meskipun matlamat kita ialah hendak menurunkan peratus rakyat yang berada dalam rural traditional sector, buat beberapa lama ekonomi negara akan bertapak pada sektor pertanian. Jadi kita mestilah berusaha meluaskan scope perindustrian yang berdasar kepada sumber-sumber tanaman dalam negeri dengan menambah sumber yang ada sekarang.

FIMA, yang ditubuhkan khusus untuk perindustrian makanan, akan meluaskan lagi perusahaan kilang nenas, di samping meneroka lapangan baru, seperti perusahaan biji gajus dan buah-buahan tempatan.

Rancangan besar-besaran yang sedang disusun untuk tiga kawasan baru di Pahang Tenggara, Trengganu Tengah dan Johor Tenggara di samping Jengka Tiga Segi melibatkan pembukaan hampir-hampir lima juta ekar tanah. Berbagai-bagai projek industri dan pertanian sedang diatur dalam ketiga-tiga rancangan ini, termasuk juga projek penternakan lembu untuk susu dan daging. Saya telah juga mengarahkan MARDI supaya menyiasat kemungkinan menanam kapas untuk textile industri kita yang semakin meluas hari ini. Dan tentu ada banyak lagi kemungkinan menghasilkan tanaman secara besar-besaran seperti tebu, jagong dan lain-lain untuk memenuhi keperluan negara.

Para perwakilan sekalian,

Semua rancangan yang dijalankan sekarang adalah bertujuan membuka peluang-peluang baru kepada rakyat, memberikan mereka dan keluarga mereka jaminan hidup yang lebih baik dengan mengubah corak hidup "Kais pagi makan pagi" kepada

corak monetary economy atau dengan pendapatan wang yang tetap. Ini seterusnya membolehkan mereka menyertai lapangan industri dengan melaburkan wang simpanan dalam bentuk membeli saham atau pun melalui Amanah Saham Mara.

Berikut dengan kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh Amanah Saham MARA, maka MARA sedang merancangkan kompleks kewangan untuk meluaskan lagi scope atau bidang penyertaan orang-orang Melayu dalam kegiatan-kegiatan sistem kewangan moden. Dalam rancangan ini, MARA tidak lama lagi akan membentuk sebuah Badan Amanah Pelaburan atau Investment Trust yang akan membeli saham Syarikat-syarikat perusahaan-perusahaan yang berkembang di dalam ekonomi Negara. Inilah cara yang nyata dan berkesan bagi orang-orang kita mendapatkan bahagian yang wajar dalam ekonomi negara di samping merasai dan menambah hakmilik dalam perusahaan-perusahaan. MARA juga sedang merancangkan Pasaran Saham yang lebih luas daripada apa yang telah dijalankannya sekarang supaya dapat memberi peluang yang lebih luas kepada orang-orang kita mendapat munafaat dari perniagaan saham melalui Pasaran Saham itu.

Peluang pekerjaan yang diadakan menerusi Rancangan Malaysia Kedua untuk tahun pertama adalah memuaskan. Berdasar pada angka peserta-peserta baru EPF, tidak kurang dari 100,000 pekerjaan dapat diadakan dalam tahun 1971 untuk memenuhi matlamat 120,000 pekerjaan setahun. Dengan itu kita dapat membendung kadar pengangguran setakat 7.6%. Saya yakin apabila semua pioneer industri yang telah kita luluskan mulai berjalan kelak, matlamat peluang-peluang pekerjaan akan dapat dicapai.

Tetapi, serentak dengan itu juga, Kerajaan memandang mustahak mengadakan rancangan-rancangan latihan kemahiran untuk mengisi keperluan industri dengan membanyakkan Pusat-pusat Latihan seperti yang dijalankan oleh MARA, Kementerian Buruh, Kementerian Pertanian dan Kementerian-kementerian lain. Kementerian Pelajaran sedang berusaha mengadakan sekolah vokesyнал dan teknikal dengan lebih banyak di seluruh negara. Latihan-latihan ini diselaraskan oleh suatu Lembaga Penyelarasan supaya tiap orang yang akan mendapat latihan membolehkan mereka itu bekerja di kilang-kilang dan di Jabatan-jabatan Kerajaan. Di samping itu kaum pekerja diberikan jaminan yang lebih baik

dengan mengadakan Social Security Scheme atau Sekim Keselamatan Sosial yang akan diluaskan ke seluruh negara yang menjamin pekerja-perkerja dapat bantuan dan rawatan jika mereka tercedera. Begitu juga kita sentiasa mengadakan kemudahan-kemudahan yang sewajar bagi pekerja-pekerja kita dan peluang-peluang bekerja bagi belia-belia lepasan sekolah-sekolah Menengah dan Pusat-pusat Pengajian Tinggi.

Para Perwakilan sekalian,

Apa yang saya katakan tadi hanya merupakan kemajuan setakat ini yang dapat kita usahakan. Tidak syak lagi langkah-langkah Kerajaan itu akan dilipatgandakan pada tahun-tahun akan datang supaya benar-benar dapat memenuhi tuntutan hasrat rakyat dan saya yakin Allah akan memberkati usaha-usaha kita itu.

Mengenai Rancangan Pahang Tenggara khususnya, kita boleh membayangkan perubahan-perubahan yang akan berlaku di kawasan itu dalam tempoh satu jenerasi. Penduduk-penduduknya yang seramai hanya 60,000 hari ini akan bertambah tujuh kali ganda menjadi 500,000 orang, mendiami tiga puluh enam bandar-bandar baru menjelang tahun 1990. Kawasan 3,000 batu persegi yang kebanyakannya hutan sekarang ini akan berubah menjadi ladang-ladang getah dan kelapa sawit, kawasan-kawasan bandar dengan kemudahan-kemudahan moden bagi masyarakat perindustrian dengan rangkaian jalan-jalan rayanya.

Gambaran yang sama akan berlaku di kawasan Johor Tenggara yang mempunyai potential besar dalam sektor perindustrian moden dan juga pelancungan dengan sebuah pelabuhan baru di Pasir Gudang. Hari ini pun kita boleh menyaksikan kemajuan-kemajuan Rancangan Jengka di mana tapak bandar baru sedang pesat dibangunkan di tengah-tengah kawasan ladang kelapa sawit dan mempunyai timber industrial complex yang terbesar di dunia sebelah sini. Begitu juga saya harap kemajuan yang seperti ini akan dapat dicapai di Kawasan Trengganu Tengah.

Para perwakilan sekalian,

Memandang pada peluasan rancangan-rancangan ekonomi hari ini, sedangkan negara masih kekurangan tenaga pegawai-pegawai yang berpengalaman maka sangatlah mustahak pada peringkat ini kita mendapatkan tenaga-tenaga pakar dari luar negeri. Saya ingin saudara-saudara memahami hakikat ini dan menyokong dasar Kerajaan mengenai pengambilan tenaga-tenaga dari luar untuk

membantu kita menjayakan rancangan-rancangan negara. Kita telah melihat buktinya yang nyata melalui pinjaman tenaga guru dari Indonesia, doktor-doktor dari Mesir, Filipina, Korea dan tidak lama lagi dari Burma. Langkah ini dirasakan perlu untuk mengatasi kekurangan tenaga-tenaga itu, terutama di kalangan Bumiputera, sehingga kita dapat mengadakan sendiri kelak.

Bagaimanapun, mengenai pengambilan tenaga-tenaga pakar untuk projek-projek besar, dasar kita ialah meminta bantuan negara-negara yang tidak mempunyai kepentingan cara langsung supaya dapat mengawal kepentingan kita sendiri. Pakar-pakar Kanada dan Belanda masa ini bertugas di Pahang. Saya juga bercadang meminta pakar-pakar dari negara-negara kecil yang telah maju seperti Denmark, Sweden, Norway dan Yugoslavia, negara-negara yang sesuai dengan dasar luar negeri kita yang tidak terikat kepada mana-mana pihak, kita akan membuka kerjasama ekonomi kepada negara-negara Eropah Timur termasuk Soviet Union.

Seperti saya katakan tadi, langkah ini ialah sementara, kita dapat mengadakan tenaga-tenaga pakar kita sendiri dalam beberapa tahun akan datang. Ini sedang pun dijalankan dengan menghantar pegawai-pegawai kita untuk latihan post-graduate di Universiti-universiti di Amerika Syarikat, United Kingdom, Netherlands dan sebagainya. Saya berharap saudara-saudara memberikan pandangan yang sempurna kepada langkah-langkah ini.

Para perwakilan sekalian,

Selain daripada Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan hendak menseimbangkan kedudukan ekonomi di kalangan rakyat supaya dapat kita mencapai perpaduan yang kuat dan kukuh. Kerajaan adalah juga menjalankan dasar-dasar yang lain untuk memberi identiti atau keperibadian kepada rakyat di negara kita yang merdeka dan berdaulat.

Dalam usaha memberikan kedaulatan dan tempat yang sempurna kepada Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan, kita telah mendapat kejayaan yang memuaskan. Pemakaian Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Pengantar telah mula berjalan pada tingkatan primary di semua sekolah dan akan dilaksanakan pada semua tingkatan menengah menjelang tahun 1980. Saya berharap langkah-langkah yang tegas akan diambil oleh Kementerian Pelajaran dan

Dewan Bahasa dan Pustaka untuk mengeluarkan buku-buku teks dalam Bahasa Malaysia yang bermutu tinggi dalam semua mata pelajaran dan buku-buku bacaan umum dan buku-buku rujukan khususnya.

Dewan Bahasa dan Penal Hadiah Sastera akan diarah untuk menggalakkan lagi penulisan dalam bidang Sains, Ekonomi, Sejarah, Teknologi, Biography dan ilmu-ilmu pengetahuan yang lain dalam tahun-tahun tujuh puluhan. Selain dari Hadiah Sastera yang ada sekarang, pada masa akan datang hadiah akan diberi untuk buku-buku dan penulisan berkenaan Sains, Teknologi, Ekonomi dan lain-lain lagi. Sangatlah mustahak kita mempunyai buku-buku ini di semua peringkat pelajaran kalau kita berkehendakkan rakyat negara kita mempelajari dan menggunakan Bahasa Malaysia seluas-luasnya dan dengan cukup mendalam.

Kerajaan berazam hendak meneruskan usaha-usaha bagi memperluaskan penggunaan Bahasa Malaysia dalam semua cawangan pentadbiran dan perdagangan. Saya sukacita melihat banyak papan-papan tanda di kedai-kedai dan bangunan-bangunan perniagaan dan kilang-kilang perusahaan yang ditulis dalam Bahasa Malaysia tetapi ini pun masih boleh diperbaiki.

Akan tetapi saya dukacita kerana masih ada lagi pihak-pihak tertentu yang belum lagi mengambil langkah bagi mendaulatkan Bahasa Kebangsaan. Oleh itu, saya berharap mereka akan melaksanakan dasar Kerajaan ini dengan seberapa segera yang boleh. Adalah menjadi tanggungjawab setiap rakyat Malaysia mengguna dan mendaulatkan Bahasa Kebangsaannya sendiri dan mereka hendaklah berasa megah menggunakan Bahasa Kebangsaan itu.

Saya berharap mereka sedar akan tanggungjawab masing-masing sebagai rakyat Malaysia terhadap Bahasa dan Negara. Saya berharap pihak-pihak yang belum lagi menggunakan tulisan Bahasa Malaysia di papan-papan tanda perniagaan-perniagaan dan perusahaan mereka akan berbuat demikian dengan seberapa segera yang boleh.

Para perwakilan sekalian,

Kerajaan adalah menjunjung tinggi perkhidmatan yang cemerlang dan pengorbanan terus menerus yang diberikan oleh perajurit-perajurit kita bagi mempertahankan kedaulatan Bangsa dan Negara. Dengan sebab itu, Kerajaan telah dan akan mengambil apa jua langkah-langkah yang difikirkan perlu dan mustahak untuk

menjaga dan memelihara kepentingan mereka dan anak isteri mereka. Syor-syor Jawatankuasa Menyemak Tangga Gaji Baru bagi anggota-anggota tentera sekarang berada dalam pertimbangan Kerajaan dan saya harap cadangan-cadangan Jawatankuasa itu dapat diisytiharkan tidak berapa lama lagi. Saya percaya tangga gaji baru itu akan mendapat sambutan yang sewajarnya dari perajurit-perajurit kita.

Begitu juga berkenaan dengan bekas-bekas perajurit, langkah-langkah telah diambil bagi menyediakan latihan-latihan bagi mereka yang hendak berhenti dari perkhidmatan tentera—Latihan yang cukup masa bagi membolehkan mereka itu mendapat kemahiran bagi memulakan kehidupan baru samada dengan swasta ataupun bersendirian. Saya telah memberi arahan bahawa tiap-tiap orang perajurit yang dikehendaki menamatkan perkhidmatannya mestilah diberi latihan supaya mereka mendapat pekerjaan yang tertentu. Kita tidak mahu mereka itu balik ke kampung-kampung dengan tiada pekerjaan. Rancangan-rancangan tanah disediakan dan akan diperluas untuk mereka yang suka hendak menjalankan perusahaan pertanian. Begitu juga peluang-peluang bekerja dengan Kerajaan dan juga Swasta adalah diberi keutamaan kepada mereka. Saya harap perajurit-perajurit akan memberi kerjasama kepada Kerajaan untuk menjayakan rancangan-rancangan yang bertujuan semata-mata memberikan pertolongan kepada mereka. Begitu juga saya bersyukur kerana Persatuan Bekas-bekas Perajurit adalah memberi kerjasama yang sangat memuaskan kepada Kementerian Pertahanan untuk menjaga kepentingan bekas-bekas perajurit.

Pada hari ini, saya sukacita mengumumkan Kerajaan telah ber-setuju hendak menambahkan pembayaran sagu hati yang diberi kepada balu-balu atau waris-waris perajurit yang gugur dan mereka yang cedera parah yang membawa kecacatan langsung (permanent disablement) semasa bertugas iaitu dari \$2,000 kepada \$5,000. Haruslah diingat sagu hati ini adalah satu pemberian khas Kerajaan selain daripada pencen dan sagu-sagu hati tetap yang sudah ditentukan oleh undang-undang.

Para perwakilan sekalian,

Selain daripada usaha-usaha kita memperkembang dan memperkuat ekonomi kita maka mustahaklah juga kita mengambil langkah-langkah untuk mengukuhkan kedudukan masyarakat kita

serta membentuk keperibadian bangsa. Jika kita ingin menjadi bangsa yang maju, moden dan dihormati oleh bangsa-bangsa lain, maka mustahaklah segala aspek hidup kita—sistem sosial, perbuatan dan amalan kita sehari-hari mencerminkan rasa peri kemanusiaan dan moral yang tinggi.

Baru-baru ini Kerajaan telah melantik satu Jawatankuasa untuk menimbangankan pindaan kepada Undang-undang mengenai Nikah Cerai bagi orang-orang yang bukan Islam. Penyata Jawatankuasa itu sedang ditimbangankan dan Kerajaan berharap tidak lama lagi undang-undang itu dapat dikemukakan kepada Parlimen.

Begitu juga baru-baru ini saya telah mengesyorkan kepada Majlis Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia supaya melantik satu Jawatankuasa bagi menyemak Undang-undang Pentadbiran Syariah terutama sekali yang menyentuh aspek nikah cerai orang-orang Islam, sesuai dengan kehendak ugama Islam yang sebenarnya.

Kita tahu Ugama Islam membenarkan lelaki berkahwin lebih dari satu, sehingga empat orang isteri sahaja. Tetapi kebenaran beristeri lebih dari satu itu disertakan dengan syarat yang ketat, iaitu mustahaklah lelaki itu sebagai suami bersifat adil, zahir dan batin.

Akan tetapi, saya dukacita bahawa kebenaran di sisi Ugama Islam itu dipandang ringan oleh setengah-setengah kaum lelaki hingga mereka mencuaikan tanggungjawab mereka kepada anak isteri dan menggunakan kuasa menceraikan isteri tanpa perasaan timbang rasa atau peri kemanusiaan. Pada hal, perlulah kita semua menganggap nikah kahwin sebagai institusi atau ikatan yang mustahak dan penting serta dipandang serious bagi masyarakat.

Oleh itu, saya fikir peraturan-peraturan yang ada sekarang ini patutlah disemak supaya dapat diketatkan dan perbuatan yang tidak adil yang menjatuhkan maruah bangsa kita dan merendahkan Ugama Islam yang maha suci di mata pihak-pihak yang lain dapat diberhentikan.

Saya tidak bertujuan hendak menyekat mereka yang mampu dari segi ekonomi dan kesihatan berkahwin lebih dari satu—kalau mereka itu boleh menyempurnakan nafkah isteri dengan sempurna zahir dan batin. Akan tetapi hendaklah hak lelaki itu digunakan

dengan rasa peri kemanusiaan. Begitu juga kalau terpaksa menceraikan isteri, mestilah dengan syarat-syarat yang tertentu dan masa hadapan anak isteri mestilah dipertimbangkan sehalus-halusnya. Saya fikir perkara ini mestilah dipandang serious supaya maruah dan nama baik umat Islam dipelihara menurut ajaran-ajaran Islam yang sebenarnya. Saya harap apabila Jawatankuasa ini selesai menyediakan syor-syornya, perkara ini akan dipersembahkan kepada Majlis Raja-raja untuk dipertimbangkan.

Para perwakilan sekalian,

Berhubung dengan usaha-usaha mengukuhkan kedudukan masyarakat kita, maka termasuklah juga soal kedudukan guru-guru Ugama yang memikul tugas membimbing akhlak dan moral anak-anak kita iaitu bakal jenerasi muda masa hadapan.

Saya bersimpati dengan rayuan mengenai kedudukan mereka itu, terutama guru-guru ugama di sekolah-sekolah rendah yang tidak termasuk di dalam pertimbangan Suruhanjaya Aziz.

Saya telah meminta Kerajaan-kerajaan Negeri menyelesaikan perkara ini dengan melaksanakan Laporan Aziz bagi guru-guru ugama dan memberi pertimbangan kepada mereka yang telah lama berkhidmat supaya disamakan kelulusan Thanawi IV dengan SPM sebagai jawatan "Penyandang" bagi mereka itu, supaya mereka mendapat gaji sama dengan guru-guru yang lulus SPM juga. Syarat yang memerlukan SPM untuk guru-guru ugama seperti yang dikehendaki oleh Laporan Aziz patutlah dikenakan kepada guru-guru yang baharu diambil sahaja.

Saya percaya Kerajaan-kerajaan Negeri akan menyempurnakan permintaan ini, untuk memelihara moral dan kedudukan guru-guru ugama kita.

Mengenai guru-guru yang berijazah, kedudukan mereka sedang ditimbang oleh sebuah Suruhanjaya yang dihantar khusus untuk menyelidiki Universiti-universiti dan Pusat-pusat Pengajian Tinggi di Asia Barat baru-baru ini. Saya percaya laporan Suruhanjaya ini akan memberi kepuasan hati kepada semua yang berkenaan.

Ini semua menunjukkan bahawa kita sangat memandang berat kepada kedudukan Ugama Islam sebagai satu tenaga penggerak untuk pembangunan masyarakat Malaysia Baru.

Para perwakilan sekalian,

Satu lagi perkara yang baru-baru ini hangat dibincangkan dalam akhbar-akhbar ialah cadangan hendak menyamakan cuti umum di seluruh negara. Pada masa ini cuti umum di lima buah negeri iaitu Kelantan, Trengganu, Kedah, Perlis dan Johor adalah pada hari Khamis dan Jumaat yang berlainan dengan cuti umum di negeri-negeri lain dan Kerajaan Pusat. Perkara ini telah dibincangkan beberapa kali dan telah pun dibahaskan dalam Parlimen pada tahun 1960 dengan teliti dan usul di atas perkara ini telah ditolak. Oleh itu, pada fikiran saya eloklah keadaan yang ada sekarang ini tidak diubah dan saya fikir Kerajaan-kerajaan Negeri pun tidak bersetuju perkara ini diubah oleh sebab-sebab yang tertentu.

Para perwakilan sekalian,

Sekarang saya suka berpaling kepada dasar luar negeri. Semenjak Kerajaan baru ditubuhkan pada bulan September 1970. Kerajaan kita telah menjalankan dasar luar negeri yang tegas, bebas dan berkecuali. Melalui dasar ini, kita telah meluaskan persahabatan kita dengan semua negara tidak kira apa juga sistem pentadbiran dan fahaman politik mereka. Sekarang kita telah diterima sebagai anggota kumpulan Non-Aligned dan baru-baru ini Persidangan Jawatankuasa Persediaan bagi mesyuarat Non-Aligned Countries atau Negara-negara Berkecuali telah diadakan di Kuala Lumpur. Ini adalah menunjukkan bahawa sungguhpun kita baru menjadi anggota Non-Aligned Movement kita adalah dihormati oleh kumpulan negara-negara ini.

Begitu juga kita telah mengemukakan dasar Perkecualian Asia Tenggara. Cadangan kita ini telah diterima baik bukan saja oleh negara-negara jiran bahkan oleh negara-negara sahabat yang lain di seluruh dunia.

Pada bulan November tahun lalu, Persidangan Menteri-menteri Luar ASEAN telah diadakan di Kuala Lumpur untuk menimbang-kan perkara ini dan hasil dari persidangan itu ialah Perisytiharan atau Deklarasi Kuala Lumpur yang menzahirkan keazaman negara-negara ASEAN, iaitu Indonesia, Thailand, Filipina, Singapura dan Malaysia untuk menjadikan Asia Tenggara ini "zone of peace" bebas dan berkecuali.

Sekarang usaha-usaha sedang dijalankan untuk menerangkan konsep itu dengan lebih mendalam kepada negara-negara yang lima itu dan juga negara-negara lain di Asia Tenggara. Cadangan kita ialah kawasan Asia Tenggara yang mengandungi sepuluh negara-negara kecil termasuklah Vietnam Utara, Vietnam Selatan, Republik Khmer, Laos, Burma dan lima Negara ASEAN, dijadikan kawasan bebas dan berkecuali dan kebebasan dan pengecualian ini hendaklah diakui dan dihormati oleh ketiga-tiga Kuasa Besar dunia, iaitu Amerika Syarikat, Soviet Union dan Kominis China.

Saya sukacita selepas Deklarasi Kuala Lumpur itu dipersetujui, saya telah dapat peluang berunding dengan Perdana Menteri Laos, Putera Souvana Phouma dan juga Perdana Menteri Burma, General Ne Win. Kedua-dua pembesar itu telah menerima konsep Pengecualian ini. Dengan itu saya berharap konsep ini dapat dipersetujui oleh negara-negara ASEAN dan negara-negara lain di Asia Tenggara dan seterusnya kita akan mengemukakan kepada Kuasa-kuasa Besar untuk dipersetujui dan dihormati oleh mereka.

Para perwakilan sekalian,

Kita dukacita kerana keadaan rantau ini masih bergelora dan api peperangan di Vietnam masih menyala dengan hebatnya. Akan tetapi, kita bersyukur kerana baru-baru ini kita melihat dua peristiwa yang maha penting dalam pergolakan politik dan perhubungan antarabangsa—iaitu lawatan Presiden Nixon ke Republik Rakyat Cina dan ke Soviet Union. Nyatalah perbincangan kemuncak yang diadakan dengan kedua-dua negara itu dapat mengendurkan suasana tegang perhubungan kuasa-kuasa besar.

Kita mengalu-ngalukan perkembangan ini dan sungguhpun persidangan-persidangan kemuncak itu belum dapat membawa keamanan di Asia Tenggara dan mengendurkan ketegangan di Asia Barat, tetapi persetujuan Kuasa-kuasa Besar untuk berdialog dan membincangkan masaalah dunia tidak dapat tiada membawa makna yang besar kepada keamanan dan ketenteraman pada masa akan datang.

Begitu juga perubahan dalam perhubungan antara super-powers tidaklah bermakna bahawa peperangan nuklear atau konfrantasi di antara mereka itu tidak akan berlaku. Kemungkinan ini belum-lah dapat diduga. Akan tetapi, nyatalah bahawa satu proses telah bermula untuk mengadakan hubungan baik dan persefahaman

antara kuasa-kuasa yang akan memberi dunia kita masa depan yang aman dan cerah. Kita berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wataala mudah-mudahan usaha-usaha perundingan kemuncak seperti ini akan diteruskan untuk keselamatan manusia dan keamanan dunia.

Para perwakilan sekalian,

Berkaitan dengan dasar luar kita yang tegas dan konsep kita untuk menjadikan Asia Tenggara ini kawasan aman, bebas dan berkecuali, mustahaklah kita dan negara-negara lain di rantau ini menjamin bahawa kita mempunyai kekuatan untuk berdiri di atas kaki sendiri untuk mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan kita. Inilah satu syarat mutlak yang mesti ditunaikan kalau kita berkehendak negara-negara luar khasnya kuasa-kuasa besar menghormati kita.

Begitu juga negara-negara Asia Tenggara mestilah mengadakan kerjasama yang rapat antara satu dengan lain untuk kepentingan bersama dan saling membantu bagi kemajuan dan kemakmuran bersama. Dengan tujuan inilah kita berusaha sungguh-sungguh menguatkan bidang kerjasama serantau atau regional co-operation dan kita sukacita usaha-usaha kita itu bersama-sama dengan Indonesia, Thailand, Singapura dan juga Filipina mendatangkan hasil yang memuaskan. Pada hari ini, ASEAN sebagai pertubuhan serantau telah bertambah maju dan kukuh, menghadapi masa depan dengan penuh keyakinan.

Para perwakilan sekalian,

Ada lagi satu perkara yang telah menimbulkan tanda tanya di Persidangan Parlimen baru-baru ini. Satu puak pembangkang yang tertentu telah menimbulkan beberapa soalan berkenaan masaalah Selat Melaka. Perkara Selat Melaka ini adalah terang dan nyata dan, pada fikiran saya, ia tidak menjadi satu masalah sebab kita dan Indonesia hanya menuntut hak-hak kita sebagai negara yang berdaulat dan merdeka, dihormati oleh negara-negara asing, besar dan kecil. Indonesia dan Malaysia telah menuntut iaitu kawasan perairan kita diperluaskan daripada tiga kepada dua belas batu. Ada negara-negara lain yang telah membuat tuntutan yang sama seperti Mesir, India dan Algeria. Dengan sebab itu sebahagian daripada Selat Melaka telah menjadi kawasan perairan Indonesia dan Malaysia. Menurut amalan antarabangsa kawasan perairan

sesebuah negara itu tidaklah boleh dijadikan kawasan antara-bangsa dan yang demikian Indonesia dan kita menentang cadangan hendak menjadikan Selat Melaka itu Perairan International.

Akan tetapi, kita mengakui untuk menghormati "innocent passage" atau "lalu lintas secara aman dan jujur" dan begitu juga lalu lintas kapal-kapal perang asalkan mereka itu memberi tahu kita terlebih dahulu menurut amalan antarabangsa. Kita tidak mencadangkan hendak menghadkan "lalu lintas secara aman dan jujur" oleh kapa-kapal semua negara akan tetapi oleh sebab setengah-setengah tempat di Selat Melaka itu cetek maka kapal-kapal besar yang berat lebih dari 200,000 tan tidak dapat dibenarkan melalui Selat Melaka kerana dibimbang berbuat demikian sangat merbahaya.

Para perwakilan sekalian,

Kita sedang menjalankan perundingan secara mendalam mengenai perkara ini dengan Indonesia dan Singapura dan kita akan menentukan keputusan dan sikap kita yang muktamad. Saya patut tegaskan di sini bahawa Indonesia dan Malaysia mempunyai hak menjaga Selat Melaka itu supaya ia tidak dirosakkan oleh minyak yang tumpah dari kapal-kapal minyak yang boleh dan akan merosakkan dan membinasakan ikan-ikan dan pantai-pantai di kedua buah negara. Jika ini berlaku maka ini juga tentu akan memusnahkan mata pencarian beribu-ribu nelayan Malaysia dan Indonesia.

Para perwakilan sekalian,

Saya telah bercakap dengan panjang lebar berkenaan dengan kedudukan politik di dalam dan luar negeri, dasar-dasar Kerajaan kita dan membayangkan harapan dan hasrat kita semua pada masa akan datang. Keamanan dan ketenteraman negara ini adalah bergantung kepada kekuatan dan kebolehan Kerajaan kita menadbirkan negara dan menjamin keamanan dan keharmonian rakyat. Kerajaan Perikatan adalah didukung oleh UMNO bersama-sama dengan rakannya, M.C.A. dan M.I.C. Oleh itu, mustahaklah kita sentiasa menjamin kekuatan Parti kita.

Saya telah sebutkan sebentar tadi sokongan terhadap Parti kita telah meluas dan ini sangatlah membanggakan, akan tetapi saya harap saudara-saudara sekalian janganlah berpuas hati dan mustahaklah saudara-saudara bersama menolong menjayakan rancangan-rancangan Kerajaan untuk mempopularkan lagi Parti kita.

Mustahaklah kita semua—pemimpin-pemimpin Parti—menjalankan tugas masing-masing dengan penuh tanggungjawab dan benar-benar serious. Dalam Perhimpunan Agung tahun yang lalu, saya telah menerangkan dengan panjang lebar bahawa pandangan dan sikap rakyat sekarang telah berubah. Mereka lebih matang dan lebih mengetahui alam di sekeliling mereka. Mereka tidak boleh lagi menerima cakapan-cakapan apa lagi syarahan-syarahan kita dengan bulat-bulat sahaja. Mereka boleh menyemak dan menganalisa segala perkara. Oleh sebab perubahan sikap rakyat ini kita juga mestilah berani dan secara serious mengubah sikap kita.

Saya telah memberi arahan supaya mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Kerja Parti di peringkat Bahagian dan Cawangan hendaklah diadakan seberapa kerap yang boleh, lebih baik, pada tiap-tiap bulan sekali, dan minit-minit mesyuarat hendaklah dihantar ke Ibu Pejabat bagi pengetahuan Ibu Pejabat dan saya sendiri. Dengan ini saya akan dapat mengetahui samada mesyuarat-mesyuarat benar-benar diadakan dan samada Bahagian-bahagian dan Cawangan-cawangan telah menjalankan tugas mereka masing-masing. Saya dukacita menyatakan bahawa sebilangan kecil sahaja yang telah menghantar minit-minit mesyuarat yang mereka adakan. Saya harap perkara ini dapat dibetulkan dengan seberapa segera yang boleh. Saya telah terangkan sekian kali sebagai Presiden UMNO, saya bertanggungjawab menjaga kekuatan Parti dan memerhatikan jentera Parti berjalan dengan baik dan sempurna. Begitu juga saudara-saudara ahli-ahli UMNO bertanggungjawab menjaga dan mengawasi pemimpin-pemimpin tertinggi menjalankan tugas mereka dengan jujur dan ikhlas.

Kekuatan UMNO bergantung kepada tiap-tiap orang ahlinya—bergantung kepada kesanggupan mereka menjalankan tanggungjawab mereka itu dengan jujur dan sempurna. Ketua-ketua Parti di semua peringkat—peringkat kebangsaan, negeri, bahagian dan cawangan—mempunyai tanggungjawab yang sama. Saya telah juga memberi arahan semua wakil-wakil rakyat mestilah melawat kawasan masing-masing dan berjumpa dengan pengundi-pengundi. Saya telah meminta mereka itu menghantar keterangan-keterangan dalam borang yang pendek menerangkan masa lawatan, tempat yang dilawati, masaalah-masaalah dan sambutan rakyat. Ini adalah untuk membolehkan saya mengetahui yang wakil-wakil rakyat sebenarnya menjalankan tugas mereka.

Para perwakilan sekalian,

Sebagai pemimpin yang saudara-saudara telah meletakkan kepercayaan untuk memimpin Parti kita, adalah menjadi tanggungjawab saya yang penting menjaga nama baik dan image Parti. Seperti saya terangkan tadi, sikap rakyat telah berubah. Rakyat tidak akan menerima wakil-wakil rakyat yang tidak sanggup menjalankan tugas mereka dan berdamping dengan rakyat.

Rakyat telah memilih wakil-wakil mereka dengan kepercayaan yang wakil-wakil itu akan menjaga kepentingan mereka; datang menziarahi mereka dari masa ke masa untuk mengetahui kesulitan-kesulitan hidup mereka. Pada masa-masa akan datang, rakyat tidak akan menerima wakil-wakil yang tidak menjalankan tugas mereka dan tidak melawat kawasan-kawasan pilihannya.

Kita tidak akan meletakkan calon di mana kawasan pun seorang yang tidak dapat di terima oleh rakyat. Masanya sudah lewat bagi kita semata-mata hendak bergantung kepada nama baik Parti atau pengaruh Parti untuk menjamin kemenangan dalam pilihanraya-pilihanraya. Saya tahu apabila sampai dekat pilihanraya, banyak rombongan-rombongan yang datang hendak berjumpa dengan saya, Timbalan Presiden atau Ketua-ketua Tertinggi Parti. Oleh itu saya terpaksa menerangkan di sini bahawa sama ada seseorang itu akan dicalunkan untuk bertanding dalam pilihanraya-pilihanraya akan datang bergantung pada kebolehan kejujurannya menjalankan tugasnya dengan sempurna menurut kehendak-kehendak rakyat.

Para perwakilan sekalian,

Saya telah katakan tadi kalau kita ingin UMNO terus mempunyai pengaruh dan tenaga, maka kita semua pemimpin Parti mestilah sanggup menunaikan tanggungjawab dengan penuh. Kita mestilah sanggup berkorban dan menjaga nama baik Parti serta meluaskan pengaruh Parti setiap masa.

Saya sendiri berani berikrar di hadapan saudara-saudara sekalian yang saya sanggup dan sedia berkorban usaha, fikiran dan tenaga bahkan jiwa saya untuk kepentingan Parti, Bangsa, Ugamma dan Negara asalkan saudara-saudara juga berani dan bersedia menyahut seruan ini dan bersama-sama menjalankan tanggungjawab masing-masing dengan penuh minat dan dedikasi.

Hanyalah dengan kita semua sanggup membulatkan tenaga punyai pengaruh yang sebenar-benar dikehendaki dan barulah Negara kita dapat ditadbirkan dengan baik dan sempurna supaya terjamin kemajuan dan kemakmuran pada kita dan keturunan kita.

Oleh sebab kita mempunyai cita-cita yang mulia dan tinggi, dan kerana banyak lagi tugas-tugas penting yang belum kita laksanakan, maka sangatlah mustahak kita memperkuat Parti kita, mengukuhkan jentera UMNO ini. Segala tenaga dan kekuatan ahli-ahli UMNO—Pemuda dan Wanita hendaklah disalurkan untuk usaha-usaha yang berfaedah dan memberi munafaat kepada bangsa dan negara. Parti kita mestilah bergerak menurut landasan-landasan yang ditentukan, mengikut peraturan dan disiplin.

Disiplin tidaklah bererti membatasi kebebasan seseorang ahli, Pemuda atau Wanita untuk bertindak dan bersuara. Disiplin hanya sekadar bererti mengenakan aturan-aturan tertentu supaya tindakan seseorang itu disalurkan sesuai dengan dasar-dasar dan cita-cita perjuangan Parti dan Negara dan menurut aturan-aturan yang ditentukan.

Dasar UMNO ialah pragmatism; UMNO adalah sebuah Parti yang praktikal—perjuangannya sentiasa sesuai dengan aliran zaman. Selagi kita tunduk kepada prinsip ini dan berubah mengikut tuntutan zaman, maka selama itulah UMNO akan terus disokong bukan saja oleh Bumiputra tetapi rakyat Malaysia yang ingin melihat Negara ini terus maju dan rakyatnya hidup dalam suasana muhibbah dan aman damai.

Dalam usianya selama dua puluh enam tahun, UMNO telah menjadi juara perjuangan kebangsaan—memberi kedaulatan kepada Negara, kepada Bahasa Kebangsaan kita dan juga Ugama Islam. UMNO telah mempelupuri kebangkitan rakyat dan membawakan kemajuan dalam semua bidang serta mengembalikan perasaan megah atau "pride" kepada Bangsa Melayu.

Saya harap kita dapat meninggikan lagi taraf ekonomi, pelajaran dan sosial rakyat Negara kita khasnya kaum Bumiputra dengan membesarkan lagi kaum entrepreneur atau pengusaha-pengusaha Bumiputra, membentuk masyarakat perindustrian dan golongan professional melalui pelajaran dan latihan secara besar-besaran.

Kita akan terus mengadakan berbagai-bagai rancangan pembangunan untuk kebahagiaan hidup rakyat dan kestabilan Negara. Tetapi, seperti saya katakan diawal ucapan saya tadi, bahawa rancangan-rancangan ini hanya akan berjaya sepenuhnya jika ada penyertaan dari pihak rakyat dengan jujur dan ikhlas. Di sinilah letaknya peranan besar Parti kita iaitu mendorong dan menggalakkan rakyat supaya menyokong kita dalam pilihanraya-pilihanraya, menyokong dan mengambil bahagian penting dalam rancangan-rancangan Kerajaan yang sama hebat dengan sokongan yang mereka zahirkan pada tiap-tiap pilihanraya di negara kita ini.

Sesungguhnya tidak ada satu masa terdahulu dari kini yang membukakan sebegitu besar peluang dan harapan kepada rakyat Bumiputra untuk mencapai kemuncak kejayaan dan kebahagiaan. Tetapi, seperti kata pepatah Arab, masa adalah ibarat sebilah pedang—jika kita tidak menggunakannya dengan mengambil kesempatan yang terbuka sekarang ini, maka ia akan memusnahkan kita.

Tegasnya, peluang seperti juga waktu, tidak menunggu sebarang orang; kalau tidak digunakan, kita akan tercicir. Maka terpuanglah kepada kita sama ada hendak merebut peluang-peluang yang diadakan oleh Kerajaan itu atau kita lepaskan peluang-peluang itu begitu saja. Kita sekarang mempunyai peluang yang sebaik-baiknya untuk mendirikan satu asas yang kukuh bagi kemakmoran dan kebahagiaan hidup kita, Bangsa dan Negara. Kalau tidak kita akan ketinggalan. Oleh sebab itu kita mestilah bekerja kuat berlipat kali ganda lagi untuk mendapatkan satu taraf hidup yang sempurna, yang sesuai dengan tuntutan zaman sains dan teknologi.

Para perwakilan sekalian.

Perubahan sosial dan ekonomi semestinya mengambil masa yang panjang, tetapi Kerajaan mestilah terus berusaha sebagaimana juga rakyat Bumiputra sendiri mesti terus meluaskan penyertaannya dalam usaha-usaha Kerajaan itu. Saya yakin dan percaya dengan inayah Tuhan dan kesedaran yang ada dan sedang berkembang di kalangan sebahagian besar rakyat Bumiputra sekarang khususnya belia-belia dan anak-anak kita di bangku sekolah, kita dan jenerasi

akan datang akan mempunyai semangat, ketabahan hati dan dedikasi untuk menghadapi cabaran-cabaran dan mengatasi cabaran-cabaran itu dengan sempurna dan jayanya.

Dengan harapan dan semangat inilah, saya sudahi ucapan saya dengan menyeru para perwakilan sekalian supaya bersama-sama memikir dan merancang usaha-usaha bagi mengisikan segala kekosongan yang masih ada dalam kehidupan kita dan Negara kita yang dikasihi ini.

Sekianlah sahaja, saya ucapkan berbanyak terima kasih—selamat bersidang dan maju jaya!

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS
JAMUAN INSTITUTION OF ENGINEERS DI
FEDERAL HOTEL, KUALA LUMPUR PADA
30HB JUN, 1972

Tuan Pengerusi,¹ Y.B. Menteri, Tuan-tuan dan Puan-puan.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang-bersang terimakasih atas kesudian tuan-tuan menjemput saya dan isteri saya di majlis Jamuan Makan Tahunan Institution of Engineers ini.

Saya amat menghargai penghormatan yang tuan-tuan berikan kepada kami berdua sebagai tetamu khas Majlis ini selama tiga tahun berturut-turut.

Jadi, saya berdua hanya berdoa dan berharap semoga Institution of Engineers Malaysia ini terus maju dan mencapai kejayaan-kejayaan yang gemilang di masa hadapan.

Tuan-tuan dan Puan-puan,


Sebagai layman, tidaklah apa yang dapat saya nasihatkan tuan-tuan mengenai soal-soal professional. Bagaimanapun, tuan-tuan sendiri mengetahui Kerajaan sekarang sedang melaksanakan dengan penuh azam *Blueprint for Tomorrow* iaitu asas-asas yang kukuh untuk negara pada tahun-tahun akan datang.

Sebahagian terbesar dari pelaksanaan ini melibatkan tuan-tuan sebagai professional kerana seluruh infrastructure untuk perkembangan ekonomi dan sosial memerlukan public works planning yang benar-benar mencerminkan hasrat dan cita-cita kebangsaan.

Dalam hubungan inilah saya rasa tuan-tuan dikehendaki mengambil peranan yang sepenuhnya. Public works planning in its theoretical sense is visionary. In a practical sense, it is a response to a need and the blueprint and road map to the future.

Dalam tempoh beberapa tahun ke hadapan ini, negara kita akan mengalami perubahan-perubahan besar yang sayugianya menghendaki perancangan-perancangan yang teratur menurut waktu.

¹ Encik J. G. Daniel.



Tun Abdul Razak bin Hussein kelihatan sedang berucap di Majlis Makan Malam Instituti
Kejuruteraan di Federal Hotel, Kuala Lumpur pada 30hb Jun, 1972.

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)

Tambahan penduduk negara dalam masa satu decade akan datang mendesak kita sekarang memikirkan priorities menghadapi perubahan-perubahan itu. As population grows and our society becomes more complex, numerous and conflicting demands for improvements will arise. Thus the concept of planning and its implementation certainly bears an important influence on the future well-being of the nation.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Saya sungguh gembira kerana hari ini Kerajaan mendapat sepenuh sokongan dan kerjasama dari Institution of Engineers ini, baik yang di dalam Kerajaan mahu pun di bidang swasta.

Memandang pada banyaknya projek-projek besar yang sedang dan akan dilaksanakan dalam beberapa tahun ini, dan memandang pada kekurangan tenaga Jurutera di Jabatan Kerjaraya sekarang, saya telahpun mengarahkan supaya Jabatan ini mengkaji lagi kemungkinan meluaskan peluang bidang swasta menjayakan projek-projek yang besar itu. Saya percaya dengan pembahagian kerja-kerja ini, kita akan dapat memenuhi target pembangunan sambil memberi kepuasan kepada semua pihak.

Begitu juga saya ada berkata baru-baru ini dasar Kerajaan meminta bantuan tenaga-tenaga ahli (expert assistance) dari negara-negara luar yang tidak ada vested interest supaya matlamat-matlamat kita tercapai sepenuhnya.

Ini sudah pun dibuat sekarang dan sambil itu Kerajaan akan terus mengutamakan Syarikat-syarikat Perunding atau Consultants tempatan untuk membantu menjayakan projek-projek rancangan kita. Saya percaya dasar Kerajaan mengenai bantuan tenaga luar difaham dan mendapat sokongan Institution of Engineers ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Saya sukacita melihat kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh pertubuhan ini khasnya Symposium on Pollution yang berlangsung tidak lama dulu. Tuan-tuan sebagai ahli-ahli professional adalah turut sama bertanggung jawab terutama dalam hal-hal yang melibatkan kepentingan negara dan rakyat.

Saya suka mengambil kesempatan ini menyatakan tahniah dan penghargaan kepada Presiden lama, Encik Abu Zarim, atas khidmatnya yang cemerlang selama memegang jawatan. Seterusnya saya mengucapkan tahniah kepada Encik Daniel, Presiden baru dan berharap semoga di bawah pimpinannya Institution of Engineers ini akan menempahkan kejayaan-kejayaan baru dalam berbakti kepada negara dan masyarakat.

Before I sit down, I would like to invite all fellow guests here to raise and drink a toast to the Institution of Engineers.

SPEECH BY THE PRIME MINISTER AT
THE OPENING OF DISTRICT 330 ANNUAL
ASSEMBLY AT BANQUET HALL, FEDERAL
HOTEL, KUALA LUMPUR ON 1ST JULY,
1972

Mr. President, Rotary Club of Pudu, Dr. Walter Rintoul,
District 330 Governor, Rotarians, Excellencies,

Ladies and Gentlemen,

It is both a pleasure and privilege for me to be with you all here this morning and to have the honour of declaring open the 38th Assembly of Rotary International District 330.

I would like to extend our warm welcome to distinguished Rotarians from neighbouring countries which make up District 330 of Rotary International. Many of you probably might have been in Kuala Lumpur before and thus not unfamiliar with our surroundings. However, I wish all of you, particularly those who are visiting us for the first time, a very pleasure stay in our Capital.

We in Malaysia are naturally proud that you have chosen Kuala Lumpur as the venue of this August Assembly. I heartily congratulate the Pudu Rotary Club, which I understand has only a membership of thirty-five in all, for accepting the responsibility of being host to this Assembly.

Ladies and Gentlemen,

Many of you have travelled here from far and near, representing more than 2,000 members from sixty-seven Rotary Clubs. In fact, District 330 is probably unique in the sense that it covers seven countries in the region whereas other Rotary District are usually of several clubs formed within one single country.

You have come to this Assembly with a common intention i.e. of seeking a full and open understanding on a variety of issues, both involving as well as affecting the relationship among the peoples of this region. It is a fortunate co-incidence that three of the member countries of District 330, namely Thailand, Singapore and Malaysia are also members of ASEAN. This fact alone,

besides the fact that we are inheritors of a common social and cultural heritage, binds us together in a common future and common destiny.

Ladies and Gentlemen,

In this context, the Governments of the region are committed to national development particularly in the pursuit of better well-being, peace and stability. However, the success of Government's efforts is heavily dependent on the response from the people and their sincere co-operation in order to achieve the national objectives.

It is important, therefore, that the people should not only understand their role but should be prepared to play their role sincerely and meaningfully, be it on an individual basis or on a collective basis. This contribution will certainly add to the whole sum of the nation's achievement.

Collectively, through ASEAN and other regional organisations, the countries in this region have worked closely together in various fields of endeavour. ASEAN particularly is gaining strength and we sincerely hope that in the years to come, it will be an important and strong organisation which could serve for the benefit of countries in this region.

Individually, each country strives to develop itself in its own ways. Obviously, each country in the region has its own problems in national development. In Malaysia, our major problems stem from economic and social factors—the over-riding need to promote national unity.

In a country such as ours where the people are of diverse races with different social and cultural background, the task of national unity is indeed formidable. But I can say that with the co-operation of the people, we have made satisfactory progress.

We have embarked on a bold attempt to accelerate the achievement of national unity. We have launched the Second Malaysia Plan and through the New Economic Policy, which is embodied in the Plan, we hope to eradicate poverty among all races, to restructure the society in order to correct the racial economic imbalance through the modernisation of rural life, and a rapid and balanced growth of urban activities.

In short, we are earnest in our endeavour to develop our country to provide a better living for our people of all races so that they will live harmony and prosperity.

I have no doubt that your Movement can play a significant role in the nation's development effort. The most important requisite in national development is a sense of unity and belonging, which in turn instils faith and generates motivation in the individual to contribute his part to achieve the common aspiration.

The Rotary Movement projects this faith and motivation among its members to render service, over and above that expected of the individual in society. The Rotary ideal "Service Above Self" fully testifies the strength of your common faith in humanity and your love for your fellowmen. What better way is there to describe your Movement than that is most aptly summed up in the definition as "the experience of men of different faiths, different opinions and different nationalities, growing in fellowship wherever they may be". You require no better testimony.

Ladies and Gentlemen,

In the context of the region, Rotary District 330 covers a sizeable area of Southeast Asia which has a population of well over 200 million. Motivated by your common ideal, the movement has succeeded in no small way in bringing together so many men of different faiths and different languages, binding together men of business, the professions and in public office who believe in goodwill, in fairness and social justice. These are ideals which are so important for all of us today where our people are so fully involved and committed to national development.

It is a matter of concern to us that in some countries, namely South Vietnam, Laos and the Khmer Republic, the situation for development is not obtained because of the conflict. We hope that peace and stability will be restored as soon as possible so that the people can earnestly pursue their normal life again and provide the basic framework for their future well-being.

Ladies and Gentlemen,

Within the framework of regional co-operation, the Government finds the task of promoting goodwill and human understanding a formidable one. Yet Rotarians seemed to have achieved this

simply by applying your 4-Way test in all undertakings. Perhaps this is something for the Governments to learn, but unlike the Rotary, it is not always possible for Governments to apply the 4-Way test because of other considerations.

As leaders in your respective fields in life, not only do we hope to obtain your expertise in mobilising our people but also to play a leading role in whatever project undertaken by Government. I am sure this aspect of your work will be given special attention during your deliberations. At the same time, I hope you will also go back with greater international understanding and goodwill after your brief stay in our country.

Ladies and Gentlemen,

Having said all that, it is now my pleasant duty to declare open this Assembly of Rotary International District 330 and I wish you all success in your deliberations.

UCAPAN PERDANA MENTERI SEMASA MELANCARKAN KEMPEN KESELAMATAN JALAN RAYA NEGARA, MELALUI RADIO DAN TV MALAYSIA PADA 3HB JULAI, 1972

Saudara-saudara sekalian,

Malam ini kita memulakan peringkat pertama kempen Keselamatan Jalan Raya Negara bagi tahun 1972. Kempen ini yang diselenggarakan oleh Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia berlangsung hingga akhir bulan Ogos ini.

Tahun ini kita memilih tema "Keselamatan Jalan Raya, Amalan Rukunegara." Saya fikir ini kena benar pada tempatnya untuk mengingatkan seluruh rakyat kepada Rukunegara sebagai panduan hidup setiap hari. Dengan mengamalkan keselamatan jalan raya dan mengikut peraturan-peraturan lalu lintas bermakna kita menghormati undang-undang iaitu salah satu dari prinsip-prinsip Rukunegara.

Tujuan utama kempen ini ialah supaya pengguna-pengguna jalan sentiasa mematuhi peraturan-peraturan lalu lintas dan panduan Jalan Raya atau Highway Code. Saya fikir amatlah mustahak pengguna-pengguna jalan raya sentiasa mengamalkan tata tertib dan bersikap halus serta berdisiplin demi keselamatan diri mereka dan orang-orang lain. Tegasnya, pengguna-pengguna jalan raya sama ada mereka memandu motokar atau berjalan kaki hendaklah waspada dan berhati-hati dan cuba sedapat-sedapatnya mungkin mengelakkan dari berlakunya apa-apa yang boleh membawa kemalangan jalan raya.

Saudara-saudara,

Peri mustahaknya Kempen ini dapat diukur dari statistik kemalangan jalan raya di negara kita. Semenjak tahun 1955, seramai 130,797 orang telah menjadi mangsa kemalangan jalan raya, di antara mereka seramai 9,810 orang telah terbunuh. Tahun lalu angka ini meningkat kepada 14,344 cedera dan 1,548 mati berbanding dengan 12,704 dan 579 pada tahun 1970. Ini sangatlah mendukacitakan.

Saya berasa sedih kerana walau pun berbagai-bagai aktiviti telah diadakan oleh Kerajaan mengenai pelajaran keselamatan jalan raya, pembaikan jalan dan kejuruteraan disamping tindakan undang-undang, namun kadar kematian dan kecederaan masih meningkat. Ini jelas membuktikan bahawa masih ramai lagi pengguna-pengguna jalan raya yang tidak mematuhi peraturan-peraturan lalu lintas. Tentulah kita semua bersetuju bahawa keadaan yang sia-sia itu tidak boleh dibiarkan berterusan.

Seperti diketahui, kemalangan jalan raya berlaku oleh beberapa sebab. Jika diteliti sebab-sebab itu jelaslah bahawa lebih 80% dari kemalangan berpunca dari kesalahan-kesalahan manusia, iaitu pengguna-pengguna jalan raya sendiri. Dengan itu nyatalah bahawa sekiranya semua pengguna-pengguna jalan raya mengamalkan sikap berhati-hati, maka tentulah banyak dari kemalangan-kemalangan itu dapat dielakkan. Tidak payahlah saya menerangkan dengan panjang lebar hanya saya suka menyatakan antara sebab-sebabnya ialah tidak lain dari memotong dengan cuai, memandu kenderaan terlalu laju dan tidak bertimbang rasa kepada orang lain.

Sebenarnya memandu atau menunggang kenderaan tidaklah semudah yang kita fikirkan. Jika kita ada alat untuk menguji kuasa pemikiran manusia semasa mereka memandu motokar umpamanya, nescaya dapat ditentukan betapa banyak konsentrasi fikiran yang diperlukan. Oleh sebab itu patutlah semua orang beringat dan berfikir semasa berada di jalan-jalan raya.

Saudara-saudara,

Salah satu dari projek-projek besar dalam Rancangan Malaysia Kedua ialah membina dan memperbaiki jalan-jalan raya untuk kemudahan pengangkutan dan juga untuk menyenangkan lalu lintas. Sementara langkah-langkah ini dilaksanakan, patutlah semua pengguna jalan raya memikirkan keselamatan diri mereka sendiri dan juga keselamatan orang-orang lain. Oleh itu mustahaklah pengguna-pengguna jalan raya sentiasa mematuhi peraturan-peraturan jalan raya dan bekerjasama dengan pihak-pihak berkuasa yang berkenaan untuk mengelakkan perbuatan atau kelakuan yang boleh menyebabkan kemalangan.

Selama tempuh kempen ini berjalan, pengguna-pengguna jalan raya akan diberi nasihat berkenaan berbagai-bagai aspek keselamatan jalan raya. Ini akan dibuat menerusi alat-alat sebaran

'am Kerajaan dan juga akhbar-akhbar. Berbagai-bagai kegiatan akan diadakan oleh Majlis-majlis Negeri dan Daerah seperti perhimpunan ramai, pamiran, tayangan filem, permainan lalu lintas, pertunjukan kereta remuk, pertunjukan kemalangan jalan raya secara olok-olok, mengadakan papan-papan tanda dan syarahan-syarahan umum. Saya harap semua orang akan turut serta menyaksikan kegiatan-kegiatan ini.

Saya suka menyeru semua pengguna-pengguna jalanraya supaya berikrar bahawa mereka tidak akan mengenghari undang-undang lalu lintas, dan akan menjadi pengguna-pengguna jalan raya yang sentiasa berdisiplin dan berhati-hati bukan sahaja untuk hari ini atau esok bahkan pada setiap masa. Kepada pemandu-pemandu kenderaan berat saya menyeru mereka supaya mematuhi had laju yang dikenakan ke atas kenderaan-kenderaan mereka dan had laju yang dikenakan dalam bandar. Janganlah semata-mata mengambil kesempatan kerana kenderaan mereka yang besar itu. Janganlah membawa muat lebih dan jagalah kenderaan dalam keadaan yang baik setiap masa.

Saudara-saudara,

Saya rasa amatlah mustahak bagi kita mendidik kanak-kanak berkenaan keselamatan jalan raya. Kanak-kanak yang dilatih sejak dari kecil akan menjadi pengguna-pengguna jalan raya yang tertib di masa hadapan. Saya gembira bahawa Majlis Keselamatan Jalan Raya menggalakkan sekolah-sekolah supaya menubuhkan Kelab Keselamatan Jalan Raya untuk murid-muridnya, dan hingga kini sebanyak 1,320 buah sekolah telah menubuhkan Kelab Keselamatan Jalan Raya. Saya fikir sekolah-sekolah yang masih belum menubuhkan kelab baiklah berbuat demikian juga semasa kempen ini.

Begitu juga guru-guru mestilah selalu memberi syarahan-syarahan keselamatan jalan raya untuk faedah murid-murid. Walau pun beberapa minit sahaja tiap-tiap hari, kanak-kanak akan sentiasa ingat akan kewajipan mereka yang mana memberi faedah kepada diri mereka sendiri dan negara.

Saya ingin sekali lagi mengingatkan orang ramai bahawa Kerajaan akan berbuat sedaya upaya bagi menjadikan jalan-jalan raya kita selamat. Tetapi Kerajaan juga berharap kepada semua supaya memainkan peranan masing-masing untuk mengurangkan angka

kematian dan kecederaan di jalan raya. Sentiasalah ingat cogan kata "Keselamatan jalan raya ialah keselamatan tuan-tuan dan keselamatan jalan raya bergantung kepada tiap-tiap seorang".

Saya mengambil peluang di sini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia dan juga Majlis Keselamatan Jalan Raya Negeri serta Jawatankuasa-jawatankuasa Keselamatan Jalan Raya Daerah di atas usaha-usaha mereka mengadakan kempen tahun ini. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada pertubuhan-pertubuhan sukarela, firma-firma, media-media seranta Kerajaan, akhbar-akhbar dan orang-orang perseorangan di atas bantuan mereka di dalam serba serbinya untuk menjayakan kempen ini.

Dengan ini saya dengan sukacitanya merasmikan pelancaran Kempen Keselamatan Jalan Raya Negara tahun 1972.

Selamat malam.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA
PEMBUKAAN RASMI KILANG SYARIKAT
MALAYSIA EXPLOSIVES SDN. BHD, DI BATU
ARANG, SELANGOR PADA 8HB JULAI, 1972

Tuan Pengerusi, Y.B. Menteri-menteri, Tuan-tuan Yang Terutama,
Saudara-saudara sekalian.

Saya mengucapkan berbanyak-banyak terimakasih kepada Tuan Pengerusi serta Lembaga Pengarah Syarikat Malaysia Explosives Sdn. Bhd, kerana sudi menjemput saya merasmikan pembukaan kilang syarikat yang baru siap.

Inilah kilang pertama seumpamanya di tanah air kita dan saya sungguh gembira kerana ianya melambangkan kejayaan besar bagi negara kita dalam usaha mencapai matlamat pembangunan. Penubuhan kilang ini membolehkan kita setapak demi setapak mencapai matlamat berdikari atau "self reliance" dari segi pembekalan bahan-bahan keperluan bagi pertahanan negara.

Tidak syak lagi, apabila pengeluaran syarikat ini lancar kelak, Malaysia tidak lagi akan bergantung kepada negara-negara luar untuk bekalan peluru bagi senjata-senjata kecil yang digunakan oleh pasukan keselamatan kita. Dan di samping itu dapat menjimatkan foreign exchange sebanyak lebih kurang \$5 juta setahun.

Saudara-saudara sekalian,

Penubuhan kilang ini menandakan satu peringkat lagi kejayaan kita dalam bidang perindustrian moden dalam ertikata ianya merupakan salah satu perusahaan "high precision" di negara ini. Langkah ini amatlah penting dalam usaha kita menguasai strategic industry terutama dalam keadaan suasana politik international hari ini.

Sumbangan sektor perindustrian dalam pembangunan negara sangatlah mustahak dan akan kian meningkat di masa-masa akan datang. Hingga kini, berbagai-bagai usaha telah dijalankan oleh Kerajaan untuk menggalakkan pelaburan modal khususnya di lapangan pengilangan dan pembuatan. Kebanyakan barang-barang

keperluan yang dahulunya diimpot sekarang dapat dibuat sendiri sementara keluaran-keluaran perusahaan utama yang dahulunya diekspot secara mentah sekarang diproses terlebih dahulu sebelum diekspot.

Bagaimanapun, pendirian Kerajaan mengenai pembangunan perindustrian tidaklah ditujukan semata-mata kepada pasaran tempatan atau import substitution sepertimana dahulu. Kerajaan sedar bahawa perkembangan perindustrian yang pesat dan berterusan hanya dapat dicapai melalui langkah-langkah dinamis yang melangkaui batasan perindustrian daripada sempadan negara. Untuk masa hadapan, bidang perindustrian yang export-oriented akan lebih diutamakan, iaitu kedua-dua lapangan agro-based industries dan juga lapangan electronics. Ini pula memerlukan sikap dan approach yang baru, baik di pihak Kerajaan mahupun di kalangan swasta.

Ekspot tidak seharusnya dianggap semata-mata sebagai jalan keluar atau outlet untuk barang-barang baki yang tidak dapat ditampung oleh pasaran tempatan. Sebaliknya bidang ekspot seharusnya dianggap sebagai satu cabaran terbuka kepada pengusaha-pengusaha tempatan dan juga luar negeri.

Saudara-saudara sekalian,

Berpaling semula kepada Syarikat Explosives Malaysia, projek ini ialah joint venture di antara pihak swasta dengan Kerajaan. Kerajaan telah membiayai sebanyak \$2.6 juta iaitu lebih kurang 52% daripada jumlah modal sebanyak \$5 juta. Bakinya pula di biayai oleh sebuah syarikat tempatan iaitu Syarikat Permodalan Kebangsaan Berhad dan Lembaga Urusan dan Tabung Haji bersama-sama dengan dua syarikat asing iaitu Oerlikon Machine Tool Works Buhle dari Switzerland dan Dynamit Nobel A. G. dari Jerman Barat.

Inilah satu bukti lagi menunjukkan kerjasama berat antara pihak swasta dengan Kerajaan dalam pembangunan perindustrian. Adalah menjadi dasar Kerajaan sekarang mengambil bahagian yang aktif dalam penubuhan industri iaitu menyertai projek-projek perindustrian yang strategic seumpama ini di samping mempelupuri perindustrian di kawasan luar bandar yang tidak begitu menarik kepada pihak swasta.

Saya diberi tahu Oerlikon Machine Tool Works Buhrle dan Dynamit Nobel A. G. adalah syarikat pembuat peluru yang terkemuka di dunia, dan menjadi kongsi dan pembekal pengetahuan teknik kepada syarikat ini. Dengan adanya bantuan dan nasihat teknik ini, saya yakin syarikat ini dapat mengusahakan pengeluaran senjata-senjata api untuk kelengkapan angkatan tentera kita.

Kita maklum bahawa perusahaan membuat senjata api dan peluru adalah satu proses yang rumit, kerana bukan sahaja ianya memerlukan pengetahuan teknologi yang tinggi, mesin-mesin yang moden dan efisien, malahan juga tenaga pekerja yang terlebih cekap dan mahir. Sungguhpun pada masa ini, kegiatan-kegiatan-nya terhad kepada membuat peluru-peluru dari bahan-bahan yang diimpot dan semi processed, saya yakin syarikat ini akan terus berkembang dan menambahkan aktiviti-aktiviti pengeluarannya dalam masa yang singkat untuk meliputi semua jenis peluru.

Saudara-saudara sekalian,

Seperti saya katakan awal tadi, adalah mustahak Kerajaan mengambil langkah ini supaya membolehkan kita berdiri atas kaki kita sendiri bagi mempertahankan kedaulatan negara kita. Begitu juga kita sentiasa mengambil langkah untuk memperlatakan tentera-tentera kita dengan alat-alat moden supaya mereka itu dapat menjalankan tugas-tugas mereka dengan sempurna.

Sambil memperkuat angkatan pertahanan kita, kita telah juga mengambil inisiatif mengemukakan konsep pengecualian rantau ini yang dikenal sebagai Deklarasi Kuala Lumpur sebagai jalan yang sebaik-baiknya bagi mengekalkan keamanan dan kestabilan dunia sebelah sini khasnya di wilayah Tenggara Asia ini. Akan tetapi adalah menjadi syarat penting dalam melaksanakan dasar ini supaya setiap negara mempunyai kemampuan dan keazaman mempertahankan kedaulatan negaranya dan wilayah ini supaya keutuhan dan kedaulatan kita sentiasa dihormati oleh negara-negara besar.

Begitu juga kita mejalankan dasar luar negeri yang suka hendak berbaik-baik dengan semua negara khasnya negara-negara jiran kita supaya dengan kerjasama itu kita bukan sahaja dapat menjaga keselamatan dan kedaulatan kita bersama bahkan dapat menjamin yang kita semua sentiasa berada dalam keadaan aman dan stable.

Jadi, kilang ini bolehlah disifatkan sebagai satu langkah permulaan dalam usaha melengkapkan angkatan tentera kita dengan senjata-senjata moden bagi pertahanan negara, supaya menjamin tercapainya objective itu.

Suasana politik international hari ini menunjukkan tanda-tanda yang membawa harapan cerah bagi keamanan dunia. Hasil-hasil pertemuan kemuncak atau summit meeting antara pemimpin-pemimpin negara super-powers dengan lawatan Presiden Nixon ke Peking dan baru-baru ini ke Moscow membayangkan harapan mengenai penyelesaian dan perdamaian di Vietnam. Baru-baru ini kita melihat perkembangan-perkembangan yang sungguh menggalakkan antara Korea Utara dan Republik Korea yang mula merundingkan langkah-langkah bagi penyatuan semula wilayah yang sekian lama terbahagi dua itu.

Jadi kesimpulannya negara-negara super-powers memandang penting kepada mengekalkan detente ini serta bersetuju bahawa negara-negara yang berlainan ideologi hendaklah co-exist demi keamanan dan for the future of mankind.

Saudara-saudara sekalian,

Berbalik kepada soal perindustrian, saya suka melihat lebih banyak lagi dispersal of industries ke bandar-bandar kecil dan sederhana supaya dapat mengurangkan perbezaan aktiviti ekonomi yang boleh menimbulkan keadaan tidak seimbang di dalam masyarakat. Kerajaan sedar adanya faktor-faktor penarik di kawasan-kawasan bandar dan di kawasan-kawasan yang telah pun maju. Oleh kerana itu industri di bandar-bandar kecil mungkin tidak mendatangkan faedah-faedah ekonomi yang sepenuhnya kepada investors tetapi sebaliknya memberikan sumbangan sosial yang besar kepada negara.

Saya amat sukacita melihat bahawa Kilang Syarikat Explosives Malaysia ini didirikan di kawasan Batu Arang ini. Penubuhan kilang moden ini akan membawa kemajuan besar dalam pembangunan kawasan ini. Yang lebih penting lagi, penubuhan kilang ini di kawasan luar bandar menyangkal pendapat bahawa perusahaan-perusahaan moden sukar ditubuhkan di kawasan-kawasan luar bandar kerana ketiadaan tenaga kerja yang mahir dan sebagainya.

Saya sukacita juga kerana Syarikat ini sudi menyahut seruan Kerajaan untuk memberikan peluang-peluang pekerjaan kepada bekas-bekas perajurit kita yang telah banyak menyumbangkan khidmat bakti mereka kepada negara dan tanah air.

Sebelum mengakhiri kata, saya mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang berkenaan atas keraian petang ini. Saya berharap semua syarikat ini berkembang dengan pesatnya dan mempelbagaikan pengeluarannya di samping memberi latihan kemahiran kepada bilangan pemuda yang lebih ramai.

Dengan ini, saya dengan segala sukacitanya merasmikan pembukaan kilang Syarikat Malaysia Explosives Sdn Bhd ini.

Terimakasih.

**SPEECH BY THE PRIME MINISTER AT THE
OPENING CEREMONY OF THE ILO/ECAFE
ASIAN SYMPOSIUM ON LABOUR AND
POPULATION POLICIES AT DEWAN TUNKU
ABDUL RAHMAN, KUALA LUMPUR ON 24TH
JULY, 1972**

Mr. Chairman, Y.B. Tan Sri Manikavasagam,¹ Hon'ble Ministers, Excellencies, Distinguished Delegates, Ladies and Gentlemen.

It is a pleasure for me to be here this morning to declare open the ILO-ECAFE Symposium on Labour and Population Policies in Asia.

I should like to thank the organisers, namely the International Labour Organisation and ECAFE for this honour and for having chosen Kuala Lumpur as the venue for this important meeting.

To the distinguished participants gathered here, I wish them Selamat Datang and I sincerely hope that your stay in our Capital will be both fruitful and memorable.

Needless to say, a gathering such as this is highly valued, for it affords us an opportunity to make use of the ILO's unique tripartite structure.

Ladies and Gentlemen,

For the next few days, you will be discussing one of the most complex and challenging human problems facing us in the Second Development Decade (1970-80) and after. In this regard, no preventive measures can be taken as the problem is already with us. Children born during the past two decades, who constitute about half the total population of the Asian Region, have already begun to enter the labour force in increasing numbers.

It may be possible, however, through family planning programmes and activities, to reduce the number of children brought into this crowded world, but those who are already born must be provided with food, clothing, housing, medical facilities, education

¹ Y.B. Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat.

and training and adequate job opportunities. Every single day there are born in this region 25,000 more young human beings who have to be fed and educated, to be trained both in mind and body so as to fit them for employment later. The magnitude of the problem can be gauged if we realise that in every two seconds, a second baby is born somewhere between Korea and Iran. This means that by the end of the day today, the countries have to put into active service three more trained doctors, five more trained nurses, ten more midwives, 750 new classrooms, and 750 new trained teachers—all these by midnight, tonight.

According to U.N. projections, the world population is expected to double itself by the turn of the century with more than three people out of four living in the developing countries. On the other hand, the biologists say that the earth is already overpopulated in relation to available resources and the requirements of a reasonably satisfying existence.

It is, therefore, imperative that peoples and governments must take a new look at the problem of population with a view toward enhancing the quality of life. Until recently, population limitation has been considered neither possible nor desirable by some countries and there is still tendency to avoid the issue even in the face of abundant evidence that very large numbers of people could not be supported.

Ladies and Gentlemen,

Our concern with growing population problem stems from the fact that each year an increasing number of men and women are entering the employment market. Until recently, economists tended to regard unemployment as a symptom of under-development which would disappear as development proceeded. If this were in fact so, it would be sufficient to concentrate on promoting rapid economic growth and development, and employment could look after itself.

But, this is not in fact the case. On the contrary, countries that are undergoing rapid economic growth without population control are still faced with increasing unemployment. Therefore, it can safely be said that rapid growth rates hinder economic development and our efforts to support a growing population are bound to result in much more stress and strain.

Talking of our own experience in Malaysia, the rapid economic progress today will be meaningless tomorrow if we do not devote our efforts simultaneously to check the prevailing high rate of population growth. It is therefore clear that the time has come for us to take stock of our resources, reappraise our national objectives, give serious thought to the optimum population size. With the passage of time, both technological change and cultural evolution will inevitably change the optima. Therefore, all governments, including eventually a world governmental body, must be ready to encourage appropriate population trends just as we now intervene in attempts to produce desired economic trends.

In other words, the size of the human population has to be brought under control. The number of children that couples may have will not simply be the number of children they desire to have but will take into account the children's future well-being as well as the social and physical environmental factors. In order to achieve population control, we will have to bring about extraordinary changes in human attitudes—in the attitude of our people. These changes will inevitably trouble men's minds: changing people's views on birth control is one of the greatest challenges facing humanity.

Ladies and Gentlemen,

The implications of population growth in a number of fields are not generally recognised. In fact, the entrants to the labour market for the next fifteen years are already born and that no family planning policy can make any difference to the number of unemployed for that period. To a certain extent, the new entrants will be absorbed in vacancies created in existing jobs by deaths and retirements, but with improved health and expectation of life, there is a gradual increase in the working life which thereby reduces the rate of absorption. Taking these and the population growth into account, new jobs have to be created for roughly half to nearly two-thirds of the new entrants. However, we know that most countries are incapable of steadily creating jobs at this rate and this naturally leads to mounting unemployment.

It is, therefore, some satisfaction to see that the Resolution on the Second U.N. Development Decade adopted with effect from 1st January 1971, expressly requires each country to formulate its

demographic objectives within the framework of its national development plan and specified a growth target not only a GNP growth rate of 6% per annum but also a per capita rate of 3.5% representing a doubling of average income per head in the course of two decades. The Resolution also expressly includes a number of social goals beginning with significant reduction of unemployment and under-employment and ending with involvement of youths and women in the development process.

Ladies and Gentlemen,

Perhaps the greatest hazard to Asian population and the future of Asian societies today lies in the permanent inclination to see and struggle with immediate crises rather than to alter the outgoing process that underline the crises. Nowhere is this more true than in population. The neglect of the problems of reducing the population inflows is perhaps the greatest of the demographic hazards of the "seventies". It is therefore clear that neither the miracle of the green revolution, nor the recent technological break-through has succeeded in removing the need for a population policy in Asia.

In this context, I should like to mention Japan's success in reducing its birth rate rapidly after World War II. An important feature in the spread of family planning during the last two decades was the introduction of Industry-based programmes specifically designed for workers and their families with the co-operation of employers and trade unions. The concomittant result is the decline in birth rate and the rapid fall in induced abortions. The social policy which was promoted through massive educational and communications programmes, very strongly discourages having a family with more than two children.

We in Malaysia are somewhat fortunate in having started off well with our Family Planning programme. We have the National Family Planning Board looking after our population problem and this Board is directly under my portfolio. We have been very realistic right from the start of our programme. With our urbanisation project and with the keen support of all in the form of direct involvement extending supplementary and complementary efforts to the Board, the national family planning programme has made substantial contribution in governmental efforts towards economic progress.

Ladies and Gentlemen,

I am particularly happy and gratified that ILO should put its efforts in organising this Symposium because this will provide an opportunity to policy-makers and planners, employers and trade unionists to exchange information, knowledge and experience with regard to inter-relationship between population problems, on one hand; and labour, economic and social development problems, on the other.

More specifically, this will bring into focus the unity of efforts by the various groups to find ways and means of overcoming problems in industrialised sectors and labour groups—in terms of family planning—which will bring about social justice, economic advancement and the improvement of human life in this—our vital part of the world.

With these remarks, Ladies and Gentlemen, I have great pleasure in declaring the Symposium open.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS
PEMBUKAAN RASMI BANGUNAN TEKNIK
DI JALAN MENTERI, KUALA LUMPUR
PADA 28HB JULAI, 1972

Tuan Pengerusi, Dif-dif Terhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan.

Saya berasa bangga kerana diberi penghormatan untuk merasmikan pembukaan Bangunan Kesatuan Perkhidmatan Teknik yang dikenal sebagai Bangunan Teknik Malaysia Barat ini.

Saya mengucapkan tahniah kepada pihak Kesatuan kerana sanggup mendirikan bangunan yang begitu indah, yang merupakan batu tanda penting dalam sejarah Kesatuan ini sejak ditubuhkan dua puluh dua tahun dulu.

Bangunan baru ini sudah tentu dapat memenuhi hasrat ahli-ahlinya yang berjumlah kira-kira 2,500 orang, di samping melambungkan semangat kerjasama dan hubungan erat di kalangan ahli-ahli Kesatuan di masa lepas.

Sebagai salah satu Kesatuan Kebangsaan yang terdiri dari kakitangan Kerajaan, saya gembira melihat ahli-ahli Kesatuan daripada golongan pegawai dan bawahan dapat menunjukkan perpaduan dan keazaman sehingga berjaya mendirikan sebuah bangunannya sendiri. Saya berharap Kesatuan ini akan terus mengekalkan perpaduan dan harmoni di masa hadapan.

Setiap pertubuhan perlu mempunyai bangunannya sendiri untuk mengurus pentadbiran dan menjalankan aktiviti-aktivitinya. Bangunan yang lengkap ini akan memberi serba kemudahan kepada ahli-ahli Kesatuan untuk mempergiatkan lagi usaha-usaha mereka di semua lapangan. Saya faham salah satu daripada tugas-tugas Kesatuan ini ialah membela hak dan kepentingan ahli-ahlinya. Tetapi sukalah saya menarik perhatian tuan-tuan supaya janganlah bangunan ini menjadi lambang untuk kegiatan Trade Union semata-mata. Adalah mustahak juga Kesatuan ini mempergiatkan aktiviti-aktiviti dalam lapangan lain-lain seperti sukan dan sosial dan apa-apa aktiviti yang memberi faedah kepada masyarakat dan negara.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Kesatuan ini mempunyai sejarah yang agak lama iaitu semenjak Trade Unionism mula bergerak di negara ini selepas Peperangan Dunia Kedua. Pada awal sejarahnya, Kesatuan ini hanya bertujuan memperjuangkan tangga gaji dan mendapatkan layanan-layanan yang lebih baik bagi pekerja-pekerja teknik dalam Perkhidmatan Awam pada masa itu. Pemimpin-pemimpin Kesatuan yang penuh dedikasi seperti mendiang Encik G. Leo banyak berusaha untuk memperbaiki nasib pekerja-pekerja teknik dari berbagai Jabatan Kerajaan. Jadi, tuan-tuan sungguh beruntung kerana mendapat pemimpin-pemimpin yang jujur dan berkebolehan dari dahulu hingga sekarang. Dari sejarah Kesatuan jelaslah bahawa pemimpin-pemimpinnya lebih menitikberatkan kepentingan ahli-ahlinya dan menjadikannya lebih terkenal dan dihormati.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Saya suka menyentuh sedikit mengenai hubungan Kesatuan dengan Rancangan Malaysia Kedua. Seperti kita sedia maklum, Rancangan ini telah memasuki pertengahan tahun kedua dan hanya tinggal 1,245 hari saja lagi. Sokongan dan kerjasama dari semua pihak sangatlah perlu untuk menjamin kejayaan Rancangan ini sepenuhnya.

Saya percaya ahli-ahli Kesatuan ini boleh memainkan peranan penting dalam Rancangan tersebut oleh kerana corak pekerjaan tuan-tuan yang khusus teknikal sangat perlu untuk melaksanakan projek-projek pembangunan kita. Memandang kepada luasnya scope pembangunan yang akan dijalankan dalam beberapa tahun ini, maka lebih banyak lagi pekerja-pekerja mahir dan iktisas yang diperlukan. Saya menggesa Kesatuan ini supaya menekankan kepada ahli-ahlinya agar lebih berdisiplin dan jujur dalam menjalankan tugas-tugas mereka.

Begitu juga Kesatuan ini boleh memberi tunjuk ajar kepada penduduk-penduduk luar bandar memandangkan usaha pembangunan yang begitu banyak di kawasan luar bandar yang memerlukan ramai pekerja-pekerja teknikal. Dengan cara ini, penduduk luar bandar akan dapat mengubah cara mereka berfikir dan mengambil sikap baru dengan tujuan membaiki kehidupan mereka supaya sejajar dengan kemajuan sektor moden.

Tidak payahlah disebut bahawa pekerja-pekerja mahir dalam bidang teknik sangat diperlukan oleh negara supaya terus meningkat maju selaras dengan kehendak-kehendak zaman sains dan teknologi sekarang ini. Kerajaan telah menyambut baik pendapat-pendapat Kesatuan dengan menitikberatkan lapangan teknikal dan penyelidikan supaya sejajar dengan kehendak zaman. Sebuah Kementerian yang bertanggungjawab dalam hal ini telah diadakan dan beberapa buah sekolah dan maktab seperti Institut Teknologi Kebangsaan dan Politeknik Ungku Omar telah didirikan dengan tujuan menambahkan lagi tenaga teknik untuk negara kita. Kementerian-Kementerian lain juga ada terlibat dalam usaha ini seperti Pusat Latihan Perusahaan di bawah Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dan Instituti Teknologi Mara.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Saya mengambil peluang ini menyatakan penghargaan saya kepada Kesatuan yang terdiri dari pegawai-pegawai dan kakitangan dari berbagai Jabatan Kerajaan yang telah banyak memberi sumbangan kepada pembangunan negara. Saya berharap tuan-tuan akan terus menjalankan aktiviti-aktiviti Kesatuan dengan baik dan memberi perhatian berat terhadap kepentingan negara.

Saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Kesatuan dan juga ucapan berbilang terimakasih kerana persiapan-persiapan yang meriah dan istimewa pada petang ini.

Dengan ini saya mengisytiharkan Bangunan Teknik ini dibuka dengan rasminya.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA
PEMBUKAAN RASMI PUSAT PEMBANGUNAN
MASYARAKAT SABAH, DI KOTA KINABALU,
SABAH PADA 31HB JULAI, 1972

Y.A.B. Tun Datu Haji Mustapha¹ dan Toh Puan, Y.B. Menteri-
menteri dan Pembantu-pembantu Menteri-menteri, Saudara-saudara
sekalian.

Terlebih dahulu, sukalah saya mengucapkan berbanyak-banyak
terimakasih di atas penghormatan dan sambutan meriah yang
telah diberikan oleh Kerajaan dan rakyat Negeri Sabah kepada
saya beserta rombongan saya semenjak tiba di sini pagi tadi.

Seterusnya, saya ingin menyatakan penghargaan kepada Y.A.B.
Tun Mustapha atas penghormatan bagi saya merasmikan pem-
bukaan bangunan Pusat Pembangunan Masyarakat yang indah ini.

Semenjak lawatan saya yang terakhir tahun sudah, saya per-
hatikan banyak perubahan yang telah berlaku di sekitar Kota
Kinabalu ini iaitu kemajuan-kemajuan di bidang pembangunan.
Ini jelas sekali membuktikan kejayaan-kejayaan besar yang dicapai
oleh Kerajaan Negeri Sabah di bawah pimpinan Ketua Menterinya
yang dinamis, Y.A.B. Tun Datu Haji Mustapha.

Saudara-saudara sekalian,

Saya sangat tertarik hati dengan langkah tegas Kerajaan Negeri
Sabah mengadakan sebuah Jabatan khas bagi mengendalikan dan
melaksanakan rancangan-rancangan Pembangunan Masyarakat-
nya. Bahkan setahu saya, Sabah merupakan Negeri yang pertama
yang telah menubuhkan sebuah Jabatan seperti Pusat Pempa-
ngunan Masyarakat ini khusus bagi maksud Pembangunan
Masyarakat.

Pandangan yang jauh dan positif ini patutlah menjadi contoh
tauladan kerana Pembangunan Masyarakat adalah satu konsep
dan strategi yang sangat penting di dalam sebuah Negara yang
sedang membangun. Ini seperti kata Y.A.B. Tun Datu Mustapha
sebenar tadi, segala rancangan Pembangunan Negara tidak akan

¹ Y.A.B. Ketua Menteri Sabah.

memberi erti yang sepenuhnya dan mendatangkan seberapa besar munafaat sekiranya tidak ada penyertaan rakyat sendiri dalam semua bidang pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan itu.

Kita telah melancarkan rancangan-rancangan Pembangunan Masyarakat dengan teratur semenjak tahun 1962 mengikut strategi dan konsep yang sesuai dengan kehendak-kehendak Negara. Sebenarnya rancangan Pembangunan Masyarakat menjadi sebahagian daripada Rancangan Pembangunan Negara dan Luar Bandar kita dan ini adalah disebabkan oleh kejayaan sistem Buku Merah yang menyatukan tindakan semua pihak yang menjalankan tugas-tugas Pembangunan sama ada jentera-jentera Kerajaan atau pun swasta.

Rancangan Pembangunan Negara kita dilaksanakan dengan berperingkat-peringkat sebanyak empat peringkat; pertamanya, mengadakan sebanyak-banyak infra-structure bagi kepentingan rakyat, manakala peringkat keduanya menitikberatkan peranan rakyat sendiri supaya menghasilkan setinggi-tinggi munafaat daripada usaha-usaha itu.

Walau bagaimanapun, Pembangunan Masyarakat adalah satu proses yang berubah mengikut keadaan daripada satu masa ke satu masa. Bagi Negara kita Peristiwa Mei 13 yang masih tidak luput dari ingatan telah memberikan kita kesempatan untuk memandang kebelakang kepada corak masyarakat yang harus kita cipta. Sebagai sebuah Negara yang rakyatnya terdiri dari berbagai suku bangsa; berbagai ikatan ugama dan kebudayaan, segala usaha dalam semua bidang Pembangunan Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan haruslah ditumpukan kepada kehendak-kehendak Perpaduan Negara kerana dengan adanya perpaduan inilah maka kita dapat mewujudkan masyarakat yang benar-benar kukuh dan progresif.

Saudara-saudara sekalian,

Saya rasa peranan Pembangunan Masyarakat dalam rangka mewujudkan Perpaduan Negara amatlah penting sekali. Pembangunan Masyarakat hendaklah diarahkan kepada matlamat ini menerusi kegiatan-kegiatan yang dapat memberikan kesan kearah memperbaiki serta menyeimbangkan perbezaan ekonomi dan sosial rakyat kita yang berbilang bangsa.

Saya ingin mengambil kesempatan pada hari ini untuk mengingatkan kepada mereka yang terlibat dalam pelaksanaan Rancangan Pembangunan Masyarakat di Negeri ini dan terutamanya kepada Ketua-ketua Jabatan Kerajaan bahawa segala Rancangan cuma akan berjaya sekiranya dan penyelarasan yang kemas di dalam segala usaha-usaha yang dilaksanakan itu.

Kita faham ada jabatan-jabatan Kerajaan yang menjalankan usaha-usaha dan rancangan-rancangannya melalui perkhidmatan-perkhidmatan lanjutan. Usaha-usaha yang dijalankan secara berseendirian sudah barang tentu tidak akan membawa kepada kesan-kesan yang memuaskan. Apa yang dikehendaki ialah supaya usaha-usaha tersebut diselaraskan secara "co-ordinated approach" oleh semua pihak yang bersangkutan. Malahan segala Rancangan Pembangunan Negara kita akan gagal sekiranya usaha-usaha tersebut tidak disusun dengan semangat "Team-work" dan bekerjasama ini.

Sebenarnya, perkara ini sudah berulang kali saya sebutkan dan saya mengambil perhatian berat atasnya. Dalam hubungan ini saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Sabah yang telah mengambil tindakan membentuk sebuah Jawatankuasa Pembangunan Masyarakat Negeri di dalam rangka Jawatankuasa Tindakan Negerinya bagi maksud menyelaraskan dan menyatukan segala dasar dan pelaksanaan Rancangan-rancangan Pembangunan Masyarakatnya istimewa sekali usaha-usaha Kerajaan.

Saya berharap Pusat Pembangunan Masyarakat ini sendiri akan dapat memainkan peranan yang penting sebagai Jabatan yang boleh menyelaraskan segala kegiatan-kegiatan Pembangunan Masyarakat dikalangan Jabatan-jabatan Kerajaan atau separuh Kerajaan, Badan-badan Belia, Pertubuhan-pertubuhan dan Badan-badan Sukarela bersama-sama dengan rakyat menerusi Jawatan-jawatan Kuasa Kemajuan Kampung.

Selain dari itu, saya ingin juga menegaskan bahawa kejayaan Pembangunan Masyarakat berpunca dari Pimpinan yang dinamis dan progresif istimewa sekali dikalangan Pemimpin-pemimpin Masyarakat diperingkat-peringkat bawah dan di kawasan-kawasan luar bandar. Tindakan Kerajaan Negeri Sabah untuk mengadakan berbagai latihan bagi meninggikan mutu Pimpinan dikalangan Pemimpin-pemimpin Masyarakatnya di Kampung-kampung dan dikalangan Belia-belia serta Ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan

Kampung adalah satu langkah yang positif. Saya juga tertarik hati dengan usaha-usaha Kerajaan Negeri Sabah memperbanyakkan kursus-kursus Tata Rakyat dan Latihan-latihan dalam bidang Pembangunan Masyarakat kepada Pemimpin-pemimpin Masyarakat dan pegawai-pegawai Kerajaan.

Begitu juga pembentukan barisan PELUPOR PEMBANGUNAN MASYARAKAT di Negeri Sabah ini adalah satu strategi yang baru dalam bidang Pembangunan Masyarakat bagi mendatangkan rasa tanggungjawab dan kesedaran dikalangan Pemimpin-pemimpin Masyarakat dan Pemimpin-pemimpin Belia terhadap masyarakatnya sendiri tanpa memikirkan faedah untuk dirinya sendiri.

Saudara-saudara sekalian,

Sebagaimana yang saya sebutkan tadi, proses Pembangunan Masyarakat berubah mengikut keadaan dan kehendak Negara dari satu masa ke satu masa. Memandang kepada kehendak inilah maka beberapa hari yang lalu satu Seminar berkenaan dengan Pembangunan Masyarakat telah diadakan di Kuala Lumpur yang dihadiri oleh pegawai-pegawai tinggi Kerajaan daripada berbagai Kementerian, Badan-badan Berkanun, Badan-badan Belia untuk bersama-sama membincangkan masalah-masalah dan kehendak-kehendak Pembangunan Masyarakat.

Saya difahamkan bahawa Pusat Pembangunan Masyarakat ini sendiri telah diminta menyediakan kertaskerja mengenai pelaksanaan rancangan-rancangan Pembangunan Masyarakat di Sabah bagi Seminar tersebut. Saya sendiri memandang berat kepada perkara ini dan sedang menunggu akan rumusan-rumusan yang dicapai pada Seminar tersebut untuk dikaji supaya segala Rancangan Pembangunan Masyarakat di Negara kita dapat diperkemaskan lagi seimbang dengan kehendak-kehendak Negara kita pada hari ini.

Mungkin pada satu masa kelak, pihak Kerajaan Negeri Sabah akan dapat menyelenggarakan Seminar Pembangunan Masyarakat dengan adanya sebuah pusat yang sebegini indah dan lengkap. Saya percaya ramai pegawai-pegawai yang terlibat dalam rancangan-rancangan Pembangunan Masyarakat dari Negeri-negeri lain di Malaysia yang ingin memerhatikan usaha-usaha Pembangunan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Sabah ini untuk dijadikan contoh tauladan negeri mereka sendiri.

Saudara-saudara sekalian,

Sekadar inilah sahaja ucapan saya dan saya sekali lagi mengucapkan terimakasih kepada Kerajaan dan rakyat Negeri Sabah ini atas penghormatan yang telah mereka tunjukkan. Saya berdoa semoga segala cita-cita Kerajaan Negeri Sabah melaksanakan Rancangan-rancangan Pembangunan Negerinya akan berjaya demi kepentingan kita bersama.

Saya dengan rasa penuh syukur dan sukacitanya merasmikan Pembukaan Pusat Pembangunan Masyarakat Negeri Sabah ini.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI ISTIADAT
MERASMIKAN TUGU KENANG-KENANGAN
BAPA MALAYSIA, Y.T.M. TUNKU ABDUL
RAHMAN PUTERA AL-HAJ. DI HADAPAN
BANGUNAN URUSETIA, KOTA KINABALU,
SABAH PADA 31HB JULAI, 1972

Saudara Pengerusi Majlis, Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra¹ Al-Haj, Bapa Malaysia dan Tun Sharifah Rodziah, Y.A.B. Tun Datu Haji Mustapha dan Toh Puan Hajjah Rahma, Y.B. Menteri-menteri dan Pembantu-pembantu Menteri, Dif-dif yang terhormat.

Saudara-saudara sekalian,

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izinNya saya dapat datang bersama-sama menghadiri peristiwa bersejarah pada petang ini.

Disamping itu, sukalah saya menyatakan perasaan setinggi-tinggi terimakasih kepada saudara saya, Y.A.B. Tun Datu Haji Mustapha kerana memberi saya penghormatan sekali lagi pada upacara ini.

Semasa lawatan saya ke mari tahun sudah, saya merasa bertuah kerana diberi penghormatan meletakkan batu asas dan mengisytiharkan projek Tugu Kenang-kenangan kepada Bapa Malaysia dan pemimpin kita yang dikasihi, Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

Majlis hari ini merupakan kemuncak dari kehairahan hati kita semua terutama kepada rakyat di Sabah ini. Lebih-lebih pula dengan adanya Y.T.M. Tunku hadir bersama-sama dengan kita pada upacara pembaktian Tugu ini sebagai tanda penghargaan abadi daripada rakyat Malaysia di Sabah atas jasa-jasa beliau yang tidak ternilai kepada bangsa dan negara.

Sesungguhnya peristiwa hari ini mengandungi makna yang amat besar dalam sejarah Negeri Sabah khasnya dan Malaysia amnya kerana inilah pertama kali rakyat mana-mana bahagian Malaysia menunjukkan rasa penghargaan yang begitu tinggi kepada penganjur ulung dan Bapa Kemerdekaan Malaysia yang kita kasihi itu.

¹ Perdana Menteri Malaysia, 1957-1970.

Sebenarnya, Tugu Kenang-kenangan ini hanyalah simbolik sahaja kerana pada pendapat saya tidaklah dapat kita menilai jasa dan sumbangan Y.T.M. Tunku sebagai patriot dan nasionalis Malaysia. Semuanya itu akan diukir dengan tinta emas dalam sejarah tanahair kita untuk menjadi pengajaran kepada jenerasi akan datang.

Meski pun beliau tidak dapat lagi menumpukan masanya dan turut bersama-sama kita dalam pergolakan politik tanahair, namun tidaklah kecil khidmat dan jasa beliau menegakkan syiar Islam yang maha suci dan secara tidak langsung mengharumkan nama Malaysia. Tugas beliau sebagai Setiausaha Agung Sekretariat Islam adalah satu bakti suci dan juga pengorbanan; namun berkat ketabahan, keazaman dan kejujuran hati beliau, dan dengan izin Allah, tanggungjawab yang berat itu dapat dilaksanakan dengan penuh kejayaan.

Dua minggu lagi, satu projek beliau yang penting iaitu Islamic International News Agency akan dilancarkan penubuhannya di Ibu Negara Kuala Lumpur dan kita turut berbangga kerana Malaysia menjadi tuan rumah kepada pertemuan yang penting itu. Kita mendoakan semuga Tunku mencatatkan kejayaan-kejayaan yang lebih besar dalam tempuh perkhidmatannya di Jeddah itu.

Dalam konteks yang lebih luas, saya rasa Tugu ini juga melambangkan cita-cita kemerdekaan negara kita Malaysia yang telah diperjuangkan oleh rakyat dengan penuh tabah dan semangat keperwiraan. Kenang-kenangan kita dibawa kembali kepada detik-detik sejarah semasa kita mula-mula berjuang menuntut kemerdekaan dari penjajah, dan kemudian menghadapi berbagai cabaran yang mana dengan izin Allah dapat kita atasi. Dari itu juga, kita mendapat inspirasi bagi menghadapi zaman baru ini sambil membaharui azam kita untuk mencapai kejayaan yang lebih cemerlang pada masa hadapan.

Saudara-saudara sekalian,

Saya berasa amat terharu melihat semangat bakti rakyat Malaysia di Sabah dan rasa keikhlasan mereka mengurbankan wang ringgit untuk mendirikan tugu Kenang-kenangan Bapa Malaysia ini. Sukalah saya mengambil peluang ini menyatakan

setinggi-tinggi tahniah kepada mereka sambil berharap semoga Tugu ini disifatkan sebagai lambang hasrat perpaduan rakyat di Sabah ini khasnya dan di seluruh Malaysia amnya.

Peristiwa hari ini juga adalah menjadi petunjuk dan pengajaran bagi orang ramai terutama kepada jenerasi muda. Mereka hendaklah faham sebenarnya bahawa kemerdekaan negeri-negeri di Malaysia Timur iaitu Sabah dan Sarawak ialah hasil dari perjuangan rakyat kedua-dua negeri itu sendiri. Nyatalah bahawa hasrat suci itulah yang mendorong rakyat berjuang hingga kemerdekaan Sabah dalam Malaysia ini menjadi kenyataan.

Tetapi, tidaklah dilupakan bahawa perpaduan rakyat di Sabah menuntut kemerdekaan adalah berkat bimbingan dan ketuaan yang jujur dan ikhlas dari pemimpin-pemimpin Sabah dan Sarawak sendiri dan di sini khasnya sukalah saya mencatatkan nama saudara kita, Y.A.B. Tun Datu Haji Mustapha.

Tidak siapa yang boleh menafikan bahawa beliau adalah penganjur dan pemimpin besar dalam perjuangan menuntut kemerdekaan bagi negeri Sabah ini. Saya percaya saudara-saudara sekalian dan rakyat Sabah seluruhnya menghargai penuh jasa-jasa dan khidmat bakti beliau itu yang kekal dalam sejarah negara kita. Sungguh tepatlah saudara kita Tun Datu Haji Mustapha diberi gelaran "Bapa Kemerdekaan Sabah dalam Malaysia". Dan dengan yang demikian, amatlah wajar pada satu masa kelak rakyat Sabah membalas jasa bakti Y.A.B. Tun itu dan mengenangkan pengorbanan dan perkhidmatannya dengan mengadakan satu tugu untuk beliau pula.

Saudara-saudara sekalian,

Hari ini kita boleh berbangga kerana kita telah berjaya menyatupadukan rakyat yang berbilang keturunan, terutama sekali rakyat Bumiputra yang berasal dari satu rumpun bangsa. Di mana-mana jua rakyat Malaysia adalah sama dan tidak ada perbezaan antara rakyat yang bermastautin di Malaysia Timur dengan yang bermastautin di Malaysia Barat.

Namun, kita wajiblah memelihara dan memperteguhkan kestabilan yang wujud pada masa ini supaya dapat kita mencapai kemakmuran, keamanan dan kebahagiaan hidup buat kita hari ini dan untuk jenerasi-jenerasi akan datang. Saya memberi jaminan kepada rakyat Malaysia di Sabah ini bahawa Kerajaan Pusat

sentiasa menitikberatkan dan memelihara hak-hak kebebasan sosial antara rakyat Malaysia seluruhnya dengan tidak membezakan Malaysia Timur atau Barat.

Perpaduan rakyat adalah satu syarat mutlak kerana tidak dapat dinafikan bahawa rancangan-rancangan Kerajaan tidak dapat dilaksanakan dengan jayanya sekiranya perpaduan rakyat terancam dan keselamatan negara tidak terjamin.

Kita bersyukur kepada Allah kerana Sabah adalah bebas dari ancaman Komunis militant hari ini. Bagaimanapun, kita mestilah sentiasa waspada akan pengaruh-pengaruh buruk dari anasiran-anasir anti-nasional yang cuba meretakkan dan memecahkan perpaduan rakyat. Dengan terdapatnya kestabilan ekonomi dan dengan terjaminnya keselamatan negara, kebahagiaan dan kemakmuran hidup rakyat akan berkekalan.

Berkat adanya hubungan baik antara Kerajaan Negeri dan Pusat, saya dapati segala-galanya berjalan dengan baik dan inginlah saya merakamkan ucapan terimakasih yang tidak terhingga kepada semua pihak, khasnya kepada Y.A.B. Tun Datu Mustapha. Saya penuh yakin Y.A.B. Tun dan rakan-rakannya akan terus menjalankan usaha-usaha pembangunan Sabah dengan penuh tanggungjawab dan didikasi.

Saya juga sukacita semasa lawatan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung dan Raja Permaisuri Agung baru-baru ini, rakyat di Sabah telah memberikan sambutan yang sungguh meriah serta menunjukkan taat setia dan kasih sayang kepada Seri Paduka Baginda berdua. Dengan lain perkataan, rakyat di mana-mana jua menjunjung tinggi prinsip-prinsip Rukunegara.

Saudara-saudara sekalian,

Bagi mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri dan rakyat Sabah kerana memberi setinggi-tinggi penghormatan kepada Bapa Malaysia kita dengan membina Tugu Kenang-kenangan ini. Saya dengan nama Allah yang Amat Pemurah dan Pengasih, mengisytiharkan pembaktian Tugu Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Bapa Kemerdekaan Malaysia, sebagai kenang-kenangan kepada jasa beliau yang akan kekal zaman berzaman itu.

UCAPAN PERDANA MENTERI MERANGKAP
PRESIDEN UMNO DI MAJLIS PEMBUKAAN
RASMI MESYUARAT AGUNG USNO YANG
KETUJUJUH, DI KOTA KINABALU, SABAH
PADA 1HB OGOS, 1972

Saudara Pengerusi, Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dan Tun Sharifah Rodziah. Y.A.B. Tun Datu Haji Mustapha dan Toh Puan Hajjah Rahma, Ahli-ahli Majlis Tertinggi USNO, Para perwakilan dan saudara-saudara sekalian.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dapat bersama dengan saudara-saudara pagi ini dan di atas penghormatan tinggi yang diberi kepada saya untuk merasmikan Mesyuarat Agung USNO yang ke tujuh ini.

Hari ini adalah suatu hari yang berbahagia—hari jadi Y.A.B. Tun Mustapha. Bagi pihak sekalian yang hadir, saya mengucapkan selamat kepada Tun. Mudah-mudahan Allah cururkan rahmatNya ke atas Tun dan dipanjangkanNya umur—sihat—dan kuat untuk terus memimpin Sabah dan USNO pada beberapa tahun yang akan datang.

Sesungguhnya saya merasa bertuah kerana diberi peluang berucap di Perhimpunan Ahli-ahli USNO yang begitu ramai dari seluruh negeri Sabah. Saya mengucapkan setinggi-tinggi terimakasih kepada saudara kita Yang Dipertua USNO, Y.A.B. Tun Datu Mustapha, kepada Ahli-ahli Majlis Tertinggi dan ahli-ahli USNO di atas penghormatan ini dan atas keyakinan dan taat setia mereka yang tidak berbelah kepada Malaysia dan juga rasa kasih mesra serta semangat persaudaraan kepada UMNO dan kepada diri saya sendiri.

Semenjak saya memegang pimpinan UMNO baharu tiga kali sahaja saya mendapat penghormatan yang tinggi seperti ini iaitu merasmikan Mesyuarat Agung sebuah Parti Politik. Pertama kali, setelah mengambil alih jawatan Perdana Menteri daripada Y.T.M. Tunku, saya telah diberi penghormatan merasmikan Persidangan

Agung MCA yang pertama kali diadakan setelah Parlimen dipulihkan. Kali kedua ialah merasmikan Persidangan Agung UMNO yang ke dua puluh tiga buat kali pertamanya sebagai Presiden UMNO pada 24hb Jun yang lalu; dan ketiganya ialah hari ini.

Oleh yang demikian, saya menganggap ini adalah hari yang paling bersejarah pada diri saya khususnya, dan UMNO amnya, kerana penghormatan merasmikan Mesyuarat Agung sebuah Parti Politik yang begitu kuat, dinamis dan affluent seperti USNO ini. USNO adalah salah sebuah Parti Siasah yang ulung dalam negara kita sekarang dan saya berdoa muga-muga tempat utama dan mulia ini dapat dikekalkan selama-lamanya.

Saudara-saudara sekalian,

Majlis hari ini mempunyai erti yang sungguh besar dalam perkembangan politik dan pengukuhan negara kerana perhimpunan ini menjalinkan ikatan persaudaraan yang kuat, yang menjamin perpaduan dan kemesraan di kalangan rakyat Bumiputra dari Padang Besar di Perlis hinggalah ke Pulau Banggi di Sabah.

Di mana-mana juga kita berada, kita semua, sebagai rakyat Malaysia, hendaklah yakin dan merasakan diri kita sebagai anggota satu keluarga. Apa jua kesenangan yang dinikmati atau kesusahan yang dirasakan oleh Kuala Lumpur mestilah juga dirasakan di Kota Kinabalu, Kuching, Alor Star dan tempat-tempat lain. Persaudaraan dan perpaduan yang kukuh di kalangan rakyat sudah wujud dan menjadi sehati seperti kata pepatah: "Cubit paha kanan, paha kiri pun sakit juga".

Sebenarnya, perasaan persaudaraan dan perpaduan yang kukuh sudah pun ada, dan baiklah kita bersama-sama memupuk perasaan sayang dan taat kepada Negara atau semangat patriotism kita. Semangat persaudaraan, perpaduan dan patriotism yang telah dijalin dengan pembentukan Malaysia bertambah nyata kerana rakyat sedar sifat-sifat ini mestilah diperkuatkan lagi. Tanpa perasaan dan sifat-sifat tadi, adalah sukar bagi kita hendak mempertahankan keutuhan Negara.

Majlis kita ini tambah berseri kerana adanya bersama-sama kita pada hari ini, Y.T.M. Tunku Abdul Rahman, Bapa Malaysia. Sungguhpun beliau telah menarik diri dari medan politik, minat

dan interestnya kepada kita sentiasa teguh. Tunku masih kuat dan beliau sentiasa memberi perhatian yang berat kepada perjuangan kita dan kepada masa hadapan Malaysia.

Kepada beliau, kita semua menyatakan penghargaan yang tidak terhingga di atas jasa, pengorbanan dan pimpinan jujur yang tidak ada tolok banding yang beliau berikan kepada Negara. Saya sendiri banyak berhutang budi kepada Tunku. Saya berdoa kepada Allah mudah-mudahan Allah lanjutkan usia Tunku hidup dalam keadaan aman sentosa, penuh bahagia dan sihat walafiat.

Saudara-saudara sekalian,

Perhimpunan hari ini adalah satu perhimpunan yang agung yang pernah diadakan di Kota Kinabalu. Saya tidak ingat satu masa lain di mana begini ramai pemimpin-pemimpin Malaysia berhimpun, bertukar-tukar fikiran dan beramah mesra dengan rakyat di bawah bumbung yang sama.

Kita datang beramai-ramai menyertai suasana meriah Mesyuarat Agung Parti USNO yang ke tujuh ini dan kita berhimpun beramai-ramai merayakan ulang tahun yang ke sepuluh Parti USNO—Parti yang ulung dan yang tunggal di Sabah ini. Kita berkumpul di Kota Kinabalu kerana hendak melihat sendiri akan kejayaan dan kemajuan yang telah dicapai oleh rakyat dan Kerajaan Sabah di bawah pemimpin dinamis saudara kita, Tun Datu Mustapha.

Pada saat yang berbahagia ini, saya dengan sukacita, bagi pihak pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli UMNO dan Perikatan seluruh Malaysia, mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada USNO sempena hari ulangtahun yang kesepuluh. Begitu juga kepada saudara saya, Tun Datu Mustapha di atas pimpinannya yang cergas dan cemerlang serta penuh inspirasi dalam tempoh yang sama dan seterusnya kepada ahli-ahli USNO di atas perpaduan yang telah mereka capai sehingga Sabah dapat mewujudkan sebuah Kerajaan yang adil, kuat, dan stabil, dan rakyatnya dari berbilang bangsa hidup aman dan makmur dan bahagia.

Saudara-saudara sekalian,

Saya tidaklah hendak menghuraikan sejarah USNO kerana saya yakin saudara-saudara sendiri lebih mengetahuinya. Tetapi sukalah saya tegaskan di sini bahawa USNO lahir dari semangat kebangsaan rakyat Bumiputra Sabah dan perasaan cintakan kemerdekaan

melalui Malaysia. USNO tegak dengan gagah sekarang setelah melalui bermacam-macam dugaan, cabaran, dan ujian dari golongan-golongan yang tertentu, baik dari dalam mahu pun dari luar, tetapi syukur Alhamdulillah, semua dugaan dan cabaran itu telah dapat diatasi.

Kehadiran saudara-saudara ahli USNO begini ramai membuktikan dengan jelasnya akan kejayaan USNO dan saudara-saudara menjaga keutuhan dan perpaduan Parti dan juga kesediaan serta kesanggupan saudara-saudara menyambung perjuangan USNO, menjunjung tinggi prinsip-prinsip Rukunegara dan cita-cita Negara Malaysia yang kita kasihi.

Marilah kita bersama-sama bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wataala atas hidayahNya, memandu kita dalam segala usaha dan perjuangan Negara Malaysia, perjuangan Parti kita—Perikatan, UMNO dan USNO di masa-masa yang lampau dan sekarang jua. Berkat petunjukNya kita akan melihat kejayaan-kejayaan lagi pada masa akan datang. Oleh itu, bersama-samalah kita berikrar serta membaharui azam dan tekak untuk mencapai kejayaan yang lebih cemerlang dan berbakti kepada bangsa, negara, agama dan Parti di masa-masa hadapan.

Saudara-saudara sekalian,

Ikatan tali persaudaraan dan ideoloji antara UMNO dan USNO sudah lama terjalin. Hubungan di peringkat Parti, ahli-ahli perseorangan dan pemimpin-pemimpin tinggi sangatlah rapat. UMNO mendapat kerjasama yang baik dari USNO dan Yang Dipertuannya, Tun Datu Mustapha. Saya suka menegaskan pada hari ini bahawa UMNO sentiasa bersedia berkerjasama dengan USNO untuk mewujudkan perhubungan yang lebih erat lagi. UMNO menganggap USNO dan Parti Bumiputra/Pesaka di Sarawak sebagai "first cousins" atau saudara sepupunya kerana UMNO tidak mempunyai adik atau abang—tetapi ada "pupu" di Sabah dan Sarawak, serta sahabat-sahabat karib dan kawan—sahabat-sahabatnya ialah MCA dan MIC. Kawan-kawannya ialah SUPP, PPP dan Gerakan.

Saudara-saudara sekalian,

Saya rasa sudah kena tempatnya pada hari ini saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada bekas pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli UPKO, khasnya kepada sahabat

saya, Tan Sri Mohd. Fuad Stephens, Dato Haji Ghani Gilong dan pemimpin-pemimpin yang lain, kerana dengan usaha dan pengorbanan mereka, pengukuhan negara dan perpaduan rakyat Bumiputera dapat dilaksanakan. Tan Sri Mohd. Fuad Stephens telah bersetuju membubarkan UPKO dan dengan itu semua ahli-ahli Bumiputera dapat berada dalam sebuah Parti sahaja iaitu USNO. Kejujuran dan pengorbanan Tan Sri Mohd. Fuad Stephens dan perjuangannya bagi menubuhkan Malaysia patutlah diingati di dalam sejarah Negeri Sabah. Langkah ini telah memperkuatkan perpaduan di kalangan rakyat Sabah.

Perpaduan ini membolehkan Kerajaan Sabah dan Kerajaan Pusat menumpukan sepenuh usaha dan tenaga kepada kemajuan dan pembangunan Sabah dan kebahagiaan rakyatnya tanpa menghabiskan banyak masa, tenaga dan fikiran percuma kerana berpolitik sama sendiri. Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Sabah semata-mata hendak memberikan rakyat Malaysia dari semua bangsa dan ugama satu pemerintahan yang cekap, bersih, jujur, kuat dan stabil serta taraf dan nilai-nilai hidup yang sesuai dengan tuntutan zaman, sebagai rakyat negara yang merdeka dan berdaulat.

USNO mempunyai cita-cita yang tinggi dan pemimpin agungnya, Tun Datu Mustapha, juga mempunyai cita-cita yang tinggi. Oleh kerana banyak lagi tugas-tugas penting yang belum kita laksanakan di Sabah dan di peringkat Negara, maka mustahaklah USNO terus diperkuatkan lagi dengan mengukuhkan jentera pentadbiran dan meningkatkan kegiatan politiknya. Segala tenaga, fikiran dan tenaga ahli-ahlinya—pemuda dan wanita hendaklah disalurkan kepada usaha-usaha yang benar-benar memberi munafaat kepada bangsa dan Negara.

Mana-mana Parti pun jika hendak maju dan hendak mengekalkan kedudukannya serta meluaskan pengaruhnya, mestilah bergerak menurut landasan-landasan yang ditentukan, mengikut dasar, peraturan dan berdisiplin.

Disiplin tidaklah bererti membatasi seseorang ahli, pemuda atau wanita untuk bertindak dan bersuara. Tetapi, ia hanya sekadar mengenakan aturan-aturan tertentu supaya tindakan seseorang itu disalurkan sesuai dengan dasar-dasar dan cita-cita perjuangan Parti dan negara bukan cita-cita seorang sahaja atau satu puak

sahaja. Dengan adanya disiplin yang teguh, segala tindakan akan dapat dilancarkan dengan licin yang akan menjamin kejayaannya.

Saudara-saudara sekalian,

Negeri Sabah sangat beruntung kerana mendapat pemimpinnya seorang nationalist tulen yang jujur dan dinamis seperti Tun Datu Mustapha. Beliau banyak mengorbankan tenaga, fikiran dan harta bendanya, untuk menegakkan USNO dan Kerajaan Perikatan di Sabah. Beliau telah banyak berjasa kepada bangsa, ugama dan tanahair; jasa beliau kepada negara tidaklah dapat ternilai. Hari ini bukanlah "Testimonial Day" untuk beliau tetapi tidaklah terlalu jika saya katakan Tun Datu Mustapha adalah seorang pejuang kebangsaan dan pemimpin politik yang tegas, berani, jujur dan taat setia, yang sukar bandingannya.

Kejayaan Sabah dan USNO hari ini adalah kejayaan beliau dan rakan-rakannya. Hari ini seluruh rakyat Bumiputra bersatu padu di bawah bendera USNO, Kaum Cina menerusi SCA dan Kaum India melalui SIC, juga memberikan sokongan yang penuh kepada beliau dan kepada Kerajaan yang dipimpinnya. Saya fikir sebaik-baik tanda penghormatan dan penghargaan yang dapat kita berikan kepadanya ialah bagi saudara-saudara mengukuhkan lagi perpaduan rakyat di Sabah dengan memberikan sokongan yang tidak berbelah bagi kepadanya.

Saudara-saudara sekalian,

Kerajaan Perikatan Sabah dan Pusat sedar betapa tingginya cita-cita dan hasrat rakyat kita yang berbilang bangsa berkehendakkan kemajuan dan kebahagiaan. Kita sedang menjalankan berbagai ikhtiar dengan seberapa daya untuk memperbaiki taraf hidup rakyat terutama sekali mereka yang tinggal di kawasan-kawasan yang mundur dan berjauhan. Proses memodenkan Negara dan bangsa akan berjalan dengan giatnya di bawah Rancangan Malaysia Kedua.

Perjuangan saudara-saudara di sini sama dengan perjuangan rakyat Bumiputra yang lain dalam Malaysia. Dalam sebarang perjuangan, saudara-saudara mempunyai sahabat di Malaysia Barat kerana UMNO menyokong perjuangan USNO. Kita telah berikrar akan sehidup semati dalam Malaysia dan tidak payahlah

lagi kita membaharui ikrar itu pagi ini kerana kita telahpun bersumpah dengan nama Allah atas "Commitment" kita bersama terhadap Negara Malaysia yang kita cintai ini.

Saudara-saudara,

Dengan perpaduan yang kukuh di kalangan rakyat Bumiputra, dan dengan kerjasama rakyat lain, kita akan mewujudkan satu bangsa Malaysia yang bersatu padu, yang gagah dan makmur. Negara kita akan menjadi sebuah Negara yang dihormati oleh semua kuasa di rantau kita ini khasnya dan di dunia amnya.

Saudara-saudara sekalian,

Kekuatan USNO sepertilah juga kekuatan UMNO terletak pada peranan kita memperjuangkan cita-cita dan hasrat rakyat. Dengan sebab itu, Ketua-ketua Parti dan ahli-ahlinya mestilah sentiasa berdamping dengan rakyat. Jika kita menyeleweng dari cita-cita itu, maka kita akan hilang akar umbi yang menjamin pertumbuhan Parti dan Kerajaan.

Dengan keinsafan ini, saya sudahi ucapan saya, sambil berdoa mudah-mudahan Allah Subhanahu wataala akan tunjukkan jalan yang benar bagi kita meneruskan tugas-tugas kita terhadap bangsa, ugama dan tanah-air. Kita bersyukur kepada Tuhan Yang Maha Esa kerana, selama dua puluh lima tahun bagi UMNO dan sepuluh tahun bagi USNO, mencururkan rahmatnya kepada Negara dan rakyat Malaysia dan kepada kita sekalian. Allah memberkati segala usaha kita.

Saya yakin dengan taat setia dan perpaduan yang terdapat di antara rakyat Malaysia dari berbilang kaum dan dengan kejujuran dan saling mengerti yang erat dari pemimpin-pemimpin di semua peringkat, Malaysia akan melihat zaman baru yang lebih cerah dan gilang-gemilang.

Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Mesyuarat Agung USNO yang ketujuh ini dengan harapan dan doa semua Mesyuarat ini akan berjaya sepenuh-penuhnya.

Sebelum saya duduk saya suka hendak menyampaikan tanda mata yang tidak sepertinya daripada UMNO kepada USNO sempena ulangtahunnya yang ke sepuluh dan doa serta harapan semua USNO terus subur dan maju pada masa akan datang.



Tun Abdul Razak bin Hussein kelihatan sedang menerima "Scroll" di Kongres Perubatan Malaysia-Singapura yang ke tujuh di Hospital Besar, Kuala Lumpur pada 4hb Ogos, 1972.

(Gambar The New Straits Times)

SPEECH BY THE PRIME MINISTER AT THE
OPENING OF THE SEVENTH MALAYSIA-
SINGAPORE CONGRESS OF MEDICINE AT
THE AUDITORIUM OF THE GENERAL
HOSPITAL, KUALA LUMPUR ON 4TH
AUGUST, 1972

Mr. President, Professor Seah Cheng Siang; Master of the Academy of Medicine, Malaysia, Datuk K. A. Menon; Dr. J. L. Frew, President of the Royal Australian College of Physicians; Distinguished Delegates and Guests, Ladies and Gentlemen.

I wish first of all, to thank the Academy for giving me the honour and the opportunity to address you and subsequently to declare open this Congress. On behalf of the Government and people of Malaysia, I wish to extend a very warm welcome to all the delegates and participants from Singapore and overseas and I hope that you will enjoy our hospitality during your brief stay here.

I am deeply touched by your kind gesture in electing me an honorary Member of the Malaysian Academy of Medicine, an honour which I accept with humility.

This is the second occasion I had the honour and privilege of addressing this august body. I would like to take this opportunity to express my warm congratulations to all concerned in holding this Congress in our Capital, which brought together again not only leading medical personalities from Singapore and Malaysia but also from other Southeast Asian countries, Japan and Australia. It is without doubt that the deliberations of this Congress would be of great value of the progress and development of medicine in our respective countries.

Distinguished Delegates,

We in Malaysia were fortunate to inherit a sound health service system at the time of independence fifteen years ago. However, the system had one basic weakness in that it was largely an urban-based delivery system. In a situation where nearly 80% of the

population lived in rural areas, this large section of the population were denied the benefits of modern medicine. As a result, they had to rely on the Bomohs or Medicine-men, on traditional medicine and spiritualists or the roadside pill-peddler.

It is with the object of correcting this imbalance, that the Government embarked upon a massive Rural Health Service programme aimed at providing an integrated medical, health and dental service to our far-flung rural communities. By now, we have had three five-year plan periods, and I am pleased to see that a vast network of health centres has been established, some in the remote area of the country. It is now for us to ensure that the highest standard of medical service is made available through these units, so that our rural community will enjoy a high standard of health which is an essential factor for increasing their economic productivity.

The current Five-Year Plan which embodies the New Economic Policy will see further advances in the provision of medical and health services and to achieve a more balanced distribution of such services between the urban and the rural areas.

Ladies and Gentlemen,

I am especially proud to address you today in this auditorium which is a part of our new General Hospital. This complex when completed in a couple of years, would be the symbol of our high aspiration in giving the best medical service to our people. Besides having a very modern Radiotherapy Department, a Neurological Institute, a Paediatric Hospital and other super-speciality units, there will also be an Institute of Orthopaedics and the Institute of Urology.

But our attention is not focused on the Kuala Lumpur only. New hospitals have been built in Seremban and in Kuching and new District Hospitals are being built or have been completed in Tanjong Karang, Dungun, Changkat Melintang, Papar and Ranau. Ipoh and Kota Baharu will have new hospitals soon and there will be new District Hospitals at Telok Anson and Kelang. Facilities in Kota Kinabalu and Sandakan will be expanded. There are plans for new District Hospitals in Telok Datuk, Sitiawan, Jerteh, Tanah Merah, Machang, Jerantut, Jengka, Beluran, Temunan and Beaufort in Sabah and Limbang and Serian in Sarawak.

We appreciate the fact that residential treatment is a heavy consumer of resources especially medical manpower. Towards this end our Ministry of Health has expanded its training capabilities immensely in respect of all categories of staff-professional, para-medical, auxiliary and ancillary.

Ladies and Gentlemen,

The objective of manpower planning is not just for the adequate number of physicians but for the right use of physicians. There is a need, in private and public medicine alike, to take a hard critical look at every level of specialisation in the health services, in order to match the right skill with the right function. This presupposes a resolution to undertake a functional analysis within the health service. I am convinced that this is an area where the Members of the Academy, who comprise the leading Senior Consultants in this country, with their vast store of experience and knowledge, of the local health and needs and problems, would contribute most effectively.

I understand the Ministry of Health in conjunction with the Medical Faculty of the University of Malaya and the Academy of Medicine are jointly arranging the holding of post-graduate examinations locally. The holding of examinations leading to higher degrees in Medicine, Surgery, Pathology, Anaesthesia and Public Health, in conjunction with various examining bodies from overseas, would be a precursor to the establishment of our own Royal Colleges. Furthermore, the establishment of post-graduate courses locally is the only way that the country can be assured of a constant supply of specialists.

Ladies and Gentlemen,

Medical Education is a continuing process. I need not emphasise its importance if a high standard of professional practice is to be maintained. Hence, the role of the teacher should not be confined to specialists stationed in the larger general hospitals only. I am in full agreement that it should be the function of every specialist in the country so that our young doctors will attain the necessary skills to serve local needs and problems. I am glad to hear that the facilities for teaching have been improved in all hospitals and I hope that these be utilised to the maximum.

It is gratifying to note that the Academy has grown from strength to strength every year. As mentioned by Datuk Dr Menon just now, the membership has exceeded the 200 mark. I am sure, that with the present leadership your strength will grow rapidly and I wish you all the success.

I must thank you for your assistance to the Government in the past, and I would like to assure you that your Academy has the support of my Government in all its future undertakings.

I look forward to the report of your deliberations which I am sure will be of benefit to us for the planning and development of our medical and health services. Last, but not least, I must thank you again for having bestowed upon me the rare privilege of being an honorary Member of such a distinguished society.

I now have the pleasure of declaring the Seventh Malaysia-Singapore Congress of Medicine open and wish you every success in your deliberations.

PERUTUSAN DARIPADA PERDANA MENTERI KEPADA PERSIDANGAN ODIT PADA 6HB OGOS, 1972

Saya dukacita kerana tidak dapat bersama-sama pada pembukaan Persidangan Kesembilan Jabatan Odit ini. Walau bagaimanapun, saya sukacita dapat kesempatan untuk menyampaikan perutusan kepada saudara-saudara sekalian sempena Persidangan yang penting ini.

Seperti dimaklum, dalam negara demokrasi seperti negara kita, wang awam mustahak dipertanggungjawabkan kerana orang ramai patut tahu bagaimana wang itu dibelanjakan. Oleh itu, Kerajaan memerlukan pemerhati yang tidak menyebelah kemana-mana pihak serta mempunyai hak melapurkan hasil-hasil penyiasatan mereka kepada pucuk pimpinan negara. Hal ini ada termaktub dalam Perlembagaan Negara dan Akta Odit yang mewajibkan Juru Odit Negara melapurkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja. Lapuran-lapuran ini akan dibentangkan dalam Dewan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri masing-masing. Kita yakin hakikat ini adalah penting untuk mendapatkan penilaian yang bebas dan tidak condong ke mana-mana pihak tentang kecekapan dan kejujuran ajensi-ajensi Kerajaan dalam menguruskan wang orang ramai.

Peranan Odit biasa dalam ekonomi negara yang sedang berkembang tentulah tidak sesuai dengan kehendak-kehendak hari ini. Tugas Odit bukanlah semata-mata tujuan mengelakkan berlakunya salah-peraturan dalam penggunaan wang awam, tetapi patutlah meluaskan peranannya menilai cost-effectiveness rancangan-rancangan Kerajaan dalam mencapai matlamat-matlamatnya. Pembaharuan yang dibuat dalam menyediakan dan mengemukakan belanjawan dan dalam sistem accounting dengan sendirinya menghendaki perubahan-perubahan dasar mengenai tugas dan peranan Odit.

Oleh yang demikian, Juruodit tidaklah harus dianggap sebagai mengganggu pengurusan hari-hari tetapi sebaliknya membantu kerja-kerja pengurusan. Dengan berkembang dan bertambah complex birokrasi Kerajaan, maka sudah tentu pemeriksaan dan nasihat

yang bebas semakin diperlukan, lebih-lebih lagi untuk meninggikan kecekapan. Pendeknya, Odit hendaklah diterima oleh pihak pentadbir sebagai pendapat kedua dalam perurusan.

Di masa akhir-akhir ini Kerajaan telah menubuhkan banyak badan-badan berkanun, pada peringkat Negeri dan Persekutuan bagi menampung kehendak-kehendak yang kian bertambah dalam ekonomi negara. Oleh kerana Kerajaan Persekutuan dan Negeri membelanjakan wang begitu banyak dalam kegiatan badan-badan berkanun ini, maka wajiblah wang ini dipertanggungjawabkan kepada Parlimen dan Dewan-Dewan Undangan Negeri atas wang awam itu. Kebanyakan daripada badan-badan ini diudit oleh Juru Odit Negara, tetapi ada juga yang tidak. Maka itu amatlah mustahak disemak kaji kecekapan kegiatan dan usaha-usaha Sektor Awam setiap masa. Andaikata Juru Odit Negara tidak dilantik sebagai Juru Odit badan tersebut, maka bolehlah dibuat pertimbangan, seperti yang dilakukan oleh setengah-tengah negara Commonwealth untuk membuat peruntukan dalam undang-undang yang membolehkan joint audit dengan firma-firma swasta, atau pun menyalurkan semua laporan odit daripada Juru-juru Odit swasta itu melalui Juru Odit Negara yang berkuasa membuat ulasannya kepada Parlimen dan Dewan Undangan Negeri mengenai akaun badan-badan tersebut.

Adalah satu langkah yang tepat meletakkan semua agensi yang menerima biaya Kerajaan supaya tertakluk kepada pengoditan Kerajaan. Tetapi badan ini patutlah mempunyai kakitangan yang sempurna bukan saja bilangannya tetapi yang lebih penting lagi, ialah kakitangan yang memiliki pengetahuan dan kemahiran ikhtisas. Pertimbangan mestilah diberi bagi mengambil pegawai-pegawai professional seperti Pakar Undang-undang, Pengator-Cara dan Jurukur Kuantiti supaya Jabatan Odit menjadi sebagai badan yang benar-benar dinamis dan berkesan. Dalam keadaan tertentu, pakar-pakar dalam lapangan lain juga boleh diambil secara "ad hoc"—Pegawai-pegawai Odit perlu mendapat latihan dalam lapangan-lapangan yang khusus, di dalam dan di luar negeri, bahkan yang lebih penting lagi untuk mengekalkan pegawai-pegawai yang berkemahiran serta meningkatkan professionalism, organisasinya mestilah wujud sebagai satu jabatan yang tertutup pada semua peringkat.

Dalam menghadapi cabaran-cabaran masa hadapan, Kerajaan hendaklah berjalan sama seperti badan-badan perniagaan yang besar dengan sistem akaun yang teratur, pengawalan yang baik dan oditan dalam yang cukup. Perhatian hendaklah diberikan pada semua peringkat pengurusan dan mengambil tindakan segera atas kritik-kritik dan cadangan-cadangan odit supaya mengelakkan kelemahan pentadbiran. Kerajaan berazam hendak menjayakan pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunannya dan sikap "tidak apa" dipihak mana-mana agensi Kerajaan tidak akan di-maafkan. Juru Odit Negara boleh memainkan peranan yang aktif dalam framework ini dengan menarik perhatian Kerajaan kepada kejadian itu di mana berlaku. Tidak dapat dinafikan bahawa tanggungjawab dan beban kerja Jabatan Odit telah bertambah dengan banyaknya sejak merdeka, tetapi pengawasan Jabatan ini atas wang awam mestilah sentiasa dipertahankan. Oleh sebab itu, adalah mustahak Jabatan ini mendapatkan tenaga pegawai dan peruntukan yang wajar untuk memastikan bahawa odit mempunyai kecekapan yang paling tinggi.

Saya mendapat tahu, Persidangan ini diadakan dari semasa ke semasa untuk membincangkan masaalah-masaalah pejabat dan menimbangkan idea-idea baru dilapangan akaun dan odit. Adalah mustahak menentukan supaya setiap matlamat itu dicapai dengan sepenuhnya. Walau pun Jabatan Odit tidak begitu diketahui oleh orang ramai, namun sumbangannya kepada pentadbiran sangatlah penting. Hakikat bahawa setiap langkah perjalanan pentadbiran akan diteliti oleh Juru-juru Odit yang berpengalaman dengan sendirinya mencegah berlakunya kecuaiian atau penipuan, perbuatan membelanjakan wang berlebih-lebihan daripada yang dibenarkan dan menyalahgunakan kuasa. Tetapi hingga hari ini masih ada Jabatan-jabatan yang tidak memandang berat sedikit pun tentang kelemahan-kelemahan mereka dalam accounting system, pengawalan dan pentadbiran yang dibawa kepada pengetahuan mereka dalam Pemerhatian dan Lapuran Odit. Penipuan boleh berlaku disebabkan pengawalan dan pengawasan kakitangan bawahan tidak dijalankan dengan sempurna oleh pegawai-pegawai kanan. Kecuali kalau langkah-langkah positif diambil bagi mengatasi hal ini dengan segera, bolehlah dianggap sebagai satu kecuaiian dalam menjalankan tugas.

Saya berharap semoga perbincangan saudara-saudara selama tiga hari ini akan membawa hasil-hasil yang bermunafaat kepada Jabatan Odit dan Negara, Juru Odit hari ini tidak lagi bertindak sebagai Polis yang semata-mata menjalankan undang-undang mengikut kebiasaan, walau pun mereka faham bahawa undang-undang hendaklah dipatuhi. Peranannya tidaklah terbatas kepada mengkritik semata-mata, walau pun critical acumen ini patut dikekalkan. Tegasnya, Juru Odit adalah seorang pemerhati yang adil dan mempunyai wibawa (authority) disamping menjadi alat yang berguna kepada pentadbiran negara yang jujur dan demokratik.

Saya mengucapkan selamat bersidang!

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS
PELANCARAN "GERAKAN PEMBAHARUAN"
SEMPENA PEMBUKAAN PESTA PEMBANGU-
NAN NEGERI TRENGGANU, DI DUNGUN,
TRENGGANU PADA 6HB OGOS, 1972

Saudara Pengerusi Majlis, saudara-saudara sekalian,

Saya bersyukur ke hadrat Allah kerana dengan izinNya dapat datang ke Dungun hari ini untuk bersama-sama pada Pesta Pembangunan yang pertama kali diadakan di Negeri Trengganu ini. Saya juga sangat terharu di atas sambutan yang begitu hangat dan meriah kepada saya dan ucapan terimakasih kepada Jawatan-kuasa, Pegawai-pegawai yang mengambil bahagian. Saya juga ucapkan terimakasih kepada saudara-saudara sekalian yang telah datang dari dekat dan jauh, tua muda, besar dan kecil.


Saudara-saudara,

Tujuan utama kita mengadakan Pesta seperti ini ialah supaya orang ramai dapat menyaksikan sendiri akan keazaman Kerajaan dan mengukur setakat mana kita sudah berjaya melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan untuk memberi kehidupan yang lebih baik, makmur dan bahagia kepada rakyat.

Pesta yang meriah ini bukan saja merupakan satu peristiwa yang besar maknanya untuk rakyat Trengganu bahkan juga menandakan satu titik penting dalam sejarah pembangunan di Negara kita, khasnya dalam bidang pembangunan masyarakat atau "community development".

Saudara-saudara sekalian,

Sebagaimana yang kita maklum, rancangan pembangunan masyarakat telah mulai dikenal semenjak Kerajaan melancarkan Rancangan Pembangunan Luar Bandar dulu. Pada masa itu didapati sedikit benar kemudahan-kemudahan untuk rakyat luar bandar bahkan di setengah-setengah tempat tidak ada kemudahan-kemudahan samasekali. Kerajaan telah mengutamakan projek-projek jalan, parit, taliair, kelinik, api letrik dan lain-lain yang



Tun Abdul Razak bin Hussein kelihatan sedang menaiki sebuah bot yang ditarik oleh belia-belia Trengganu ketika beliau melancarkan Pesta Pembangunan Negeri Trengganu pada 6hb Ogos, 1972.

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)

benar-benar diperlukan oleh rakyat. Seluruh strategi pembangunan ditumpukan bagi membasmi penyakit-penyakit yang dihidapi oleh masyarakat kita iaitu kemiskinan, kurang kesihatan, buta huruf dan sikap tidak apa.

Saudara-saudara sekalian,

Peristiwa 13 Mei membawa masyarakat kita kepada crucial cross-road atau persimpangan jalan yang memaksa kita mengambil kata putus menentukan arah dan haluan negara pada tahun-tahun akan datang.

Hasil dari pemikiran-pemikiran dan pendapat-pendapat bagi mengenai masyarakat kita ialah Rukunegara yang menegaskan cita-cita dan aspirasi negara, corak masyarakat Malaysia untuk zaman berzaman. Untuk menentukan tercapainya cita-cita ini, semua dasar dan rancangan yang menyentuh kehidupan politik, ekonomi, sosial atau kebudayaan hendaklah berpegang kepada prinsip Rukunegara. Rancangan Malaysia Kedua yang berlandas kepada Dasar Ekonomi Baru merupakan rancangan pembangunan yang pertama kali diselaraskan menurut prinsip-prinsip Rukunegara.

Saudara-saudara sekalian,

Saya rasa waktunya sudah tiba bagi kita menilai semula konsep dan objektif rancangan-rancangan pembangunan masyarakat. Selaras dengan hasrat dan cita-cita membentuk masyarakat yang progresif dan dinamik, mustahaklah kita memikirkan cara-cara baru untuk membaiki rancangan-rancangan pembangunan serta melicinkan pelaksanaannya, khasnya mengenai rancangan-rancangan pembangunan masyarakat.

Pada hemat saya, kedua-dua pihak yang terlibat iaitu rakyat di satu pihak dan pegawai-pegawai Kerajaan di pihak lain hendaklah benar-benar menyedari tanggungjawab dan peranan mereka. Di pihak rakyat, saya sungguh berharap mereka akan lebih responsive kepada seruan-seruan Kerajaan dan receptive kepada idea serta pemikiran baru. Dan di pihak pegawai-pegawai Kerajaan pula, adalah mustahak mereka mempunyai semangat dan motivation dalam melaksanakan dasar-dasar Kerajaan.

Pegawai-pegawai yang merancang dan mentadbirkan projek-projek pembangunan terutamanya hendaklah sentiasa ingat bahawa matlamat segala usaha pembangunan ialah kebahagiaan dan kesempurnaan hidup rakyat. Rancangan dan projek-projek hanyalah semata-mata alat atau jambatan untuk mencapai tujuan kita.

Oleh itu, janganlah hendaknya mereka lebih mementingkan projek-projek daripada rakyat yang akan menerima munafaatnya jika semata-mata dengan tujuan hendak meninggikan imej diri atau Jabatan masing-masing. Mereka hendaklah faham bahawa memenuhi kehendak-kehendak rakyat adalah lebih penting daripada hanya mengadakan projek-projek tertentu.

Walau bagaimanapun, bagi menentukan kejayaan sesuatu projek itu, kerjasama dan ko-ordinasi di semua peringkat kerja sangatlah mustahak, baik di peringkat perancangan mahupun di peringkat pelaksanaannya. Kecenderungan hendak berlawan satu sama lain semata-mata kerana hendak meninggikan imej Jabatan masing-masing hingga mengeneipkan matlamat kebahagiaan rakyat tidaklah diingini samasekali. Sikap ini, kalau ada, hendaklah dikikis dan dihapuskan. Sebelum sesuatu projek dirancangan, sangatlah penting meninjau dan mengkaji terlebih dulu akan kehendak-kehendak rakyat di tempat itu, dan kemudian barulah dirancang dan seterusnya dilaksanakan bersama-sama. Inilah approach baru dan cara yang lebih berkesan bagi menjamin kejayaannya.

Buat masa hadapan ini, Kerajaan akan menugaskan seorang Penolong Pegawai Daerah khusus untuk memastikan kerjasama dan ko-ordinasi rancangan-rancangan pembangunan masyarakat kita di peringkat daerah. Di peringkat negeri, Pegawai Kemajuan Negeri akan bertanggungjawab dan di peringkat Persekutuan, satu Jawatankuasa Penyelarasan Pembangunan Masyarakat telahpun dilantik untuk mengawasi pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan masyarakat.

Dengan cara ini, saya yakin segala rancangan ekonomi dan sosial yang dirancangan oleh Kerajaan dapat dilaksanakan secara berpadu, yakni dengan "integrated approach" serta menjamin kejayaannya.

Saudara-saudara sekalian,

Di samping membetulkan jentera pentadbiran Kerajaan, rakyat sendiri mestilah sedar akan tanggungjawab mereka dan memberikan kerjasama yang sepenuhnya kepada rancangan-rancangan pembangunan masyarakat. Kejayaan sesuatu rancangan itu tentulah sukar dicapai jika kesemuanya diserahkan bulat-bulat kepada Kerajaan. Kerjasama dan rasa sefahaman mestilah wujud antara kedua-dua pihak—rakyat dan Kerajaan.

Bagi mencapai tujuan ini, Kerajaan telah membentuk semula atau "reactivate" Jawatankuasa-jawatankuasa Kemajuan Kampung. Sebagai badan yang berakar umbi kepada rakyat, Jawatankuasa Kemajuan Kampung mempunyai peranan penting kerana mereka diharap dapat mempengaruhi dan melibatkan masyarakat setempat dalam rancangan pembangunan masyarakat. Maju mundurnya usaha-usaha pembangunan masyarakat di satu-satu tempat bergantung kepada Jawatankuasa tersebut.

Saudara-saudara sekalian,

Saya lihat ada beberapa langkah yang perlu dibuat untuk menjadikan Jawatankuasa Kemajuan Kampung ini lebih berkesan. Pertama sekali, keanggotaannya hendaklah diperluaskan serta mutu pimpinannya diperbaiki lagi. Memandangkan keadaan masyarakat kita hari ini, patutlah ada wakil-wakil wanita dan belia duduk dalam Jawatankuasa ini. Tidak syak lagi, peranan yang lebih luas boleh diberikan kepada wanita dan belia dan saya percaya mereka dapat memberikan sumbangan positif kepada usaha-usaha pembangunan.

Saya fikir konsep "kampung" berkaitan dengan Jawatankuasa Kemajuan Kampung diperluaskan takrifnya. Pada masa-masa yang lalu, istilah "kampung" itu dimaksudkan khusus pada kampung tradisional Melayu di luar bandar. Tetapi sekarang, dengan hasrat menyusun semula masyarakat, istilah "kampung" tidaklah dihadkan kepada satu kaum ataupun kawasan luar bandar sahaja.

Oleh kerana semakin ramai rakyat luar bandar yang berhijrah ke bandar-bandar dan pekan-pekan kecil, maka mustahaklah Jawatankuasa Kemajuan ditubuhkan juga di kawasan-kawasan perumahan dalam bandar dan pekan-pekan kecil itu. Dengan strategi baru ini, rancangan-rancangan pembangunan masyarakat dapat meliputi semua lapisan rakyat di seluruh Negara, baik di

luar bandar mahu pun di bandar, sementara Kerajaan boleh meluaskan scope rancangan-rancangan pembangunan untuk memenuhi kehendak-kehendak rakyat di mana-mana.

Saudara-saudara sekalian,

Tetapi di atas segala-galanya ini, perkara yang amat penting sekali ialah sikap dan keazaman ahli-ahli Jawatankuasa itu sendiri. Saya mahu mereka memainkan peranan pelopor masyarakat dengan memberikan contoh-contoh yang baik kepada masyarakat yang dipimpinnya. Dengan lain-lain perkataan, ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan Kampung di samping mempunyai pemikiran yang bernaş dan progresif, hendaklah juga bertugas dengan penuh tanggungjawab dan dedikasi.

Sebagaimana yang kita maklum, salah satu strateji untuk mem- peribadikan ekonomi antara kaum dan kawasan ialah dengan cara memodenkan sektor luar bandar. Proses modenisasi ini amat- lah luas tafsirannya. Rakyat mestilah memodenkan cara hidup mereka, tidak kira samada mereka bergantung pada usaha per- tanian, perniagaan kecil atau apa-apa lapangan jua. Istilah "modern" di sini pembaharuan cara berfikir dan bertindak supaya kita tidak ketinggalan zaman. Mereka hendaklah menjenterakan pertanian, mengendalikan perniagaan dengan cara sistematik, dan juga menggunakan pendapatan yang lebih untuk menyertai modal saham seperti dalam Kompleks Kewangan MARA.

Saudara-saudara sekalian,

Adalah perlu juga melibatkan lebih banyak lagi badan-badan awam serta pertubuhan-pertubuhan sukarela dalam aktiviti- aktiviti pembangunan masyarakat. Hingga kini, ada beberapa pertubuhan sukarela dan badan kebajikan yang merancang aktiviti-aktiviti mereka khusus untuk tujuan mereka sendiri, yang lazimnya terpisah dari matlamat-matlamat pembangunan negara. Saya ingin melihat badan-badan seperti ini menyesuaikan aktiviti- aktiviti mereka dengan matlamat-matlamat pembangunan Negara dan masyarakat seperti mana yang telah ditetapkan.

Inilah antara beberapa tindakan untuk memberikan nafas baru kepada pembangunan masyarakat. Dalam pada itu, kita hendaklah memikirkan strateji baru yang boleh membawa kita lebih cepat mencapai matlamat-matlamat yang ditujui.

Pada kesimpulannya, semua pemikiran-pemikiran baru mengenai masyarakat kita, pandangan-pandangan baru mengenai matlamat Negara dan "approach" baru dalam perumusan dasar serta rancangan-rancangan Negara boleh digabungkan dalam satu konsep saya fikir amat tepat dengan nama GERAKAN PEMBAHARUAN.

Gerakan Pembaharuan bukanlah sesuatu yang asing dan menjelma secara sendirian bahkan ialah satu lagi strateji untuk memperhebatkan rancangan pembangunan masyarakat di seluruh negara. Dalam hubungan ini, kedua-dua pihak iaitu rakyat dan pegawai-pegawai Kerajaan hendaklah bertindak dengan motivation dan penuh commitment untuk mencapai matlamat pembangunan masyarakat sepenuhnya. Gerakan Pembaharuan ini mengingatkan dan menegaskan kepada semua pihak yang terlibat bahawa matlamat terpenting dalam semua rancangan pembangunan ialah kebahagiaan hidup rakyat semata-mata.

Saudara-saudara sekalian,

Akhir sekali, saya ingin bercakap tentang Pesta Pembangunan yang kita saksikan di depan kita. Pesta ini dirancangan menurut aliran fikiran dan pandangan baru mengenai rancangan pembangunan masyarakat kita, dan cuba mengarahkan tujuan pembangunan mengikut keadaan hari ini. Selain dari itu, Pesta ini juga menunjukkan bagaimana cara "integrated" approach yang saya katakan tadi dapat diamalkan oleh semua pihak yang berkenaan untuk menjamin kejayaan sesuatu projek itu.

Berhubung dengan Pesta Pembangunan ini juga, saya berkehendak supaya diadakan hanya di peringkat negeri dan daerah setahun sekali, dan di peringkat kebangsaan dua tahun sekali. Saya berharap semua pihak akan memberikan sepenuh kerjasama kepada Kerajaan Negeri dan Pusat bagi mengadakan Pesta-pesta Pembangunan seperti ini pada masa-masa yang sesuai.

Dengan ini, saya dengan sukacitanya membuka Pesta Pembangunan ini, dan seterusnya merasmikan pelancaran GERAKAN PEMBAHARUAN. Semoga Allah memberkati usaha kita ini.

UCAPAN PERDANA MENTERI MENGENAI GERAKAN PEMBANGUNAN MELALUI RADIO/TV MALAYSIA PADA 6HB OGOS, 1972

Saudara-saudara sekalian.

Hari ini kita memulakan satu babak baru dalam bidang pembangunan masyarakat. Petang tadi, di Dungun, saya telah melancarkan satu gerakan yang dikenal sebagai Gerakan Pembaharuan, serentak dengan Pesta Pembangunan yang sedang berlangsung di situ sempena peristiwa yang penting ini.

Gerakan Pembaharuan ini meliputi semua aspek kehidupan di seluruh Negara dan akan melibatkan rakyat dari semua golongan baik yang diam di bandar dan lebih-lebih lagi di luar bandar. Saya rasa amatlah penting pada saat ini kita menggerakkan rakyat ke arah haluan yang ditetapkan sesuai dengan konsep dan pandangan baru mengenai hari depan masyarakat kita.

Tujuan kita mengadakan Gerakan Pembaharuan ialah semata-mata hendak mengemaskan lagi pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan masyarakat yang sedang berjalan sekarang. Gerakan Pembaharuan ini diharap akan memberikan nafas baru kepada usaha-usaha pembangunan dalam erti kata gerakan ini menghendaki penglibatan penuh kedua-dua pihak iaitu rakyat dan Kerajaan.

Kejayaan rancangan-rancangan pembangunan masyarakat bergantung pada dua faktor—iaitu peranan pegawai-pegawai Kerajaan yang bertanggungjawab dan sambutan serta kerjasama dari rakyat. Dalam hubungan ini peranan pegawai-pegawai Kerajaan sangatlah penting kerana mereka diharapkan memberi pimpinan yang jujur dan ikhlas kepada rakyat.

Oleh yang demikian, pegawai-pegawai Kerajaan di semua peringkat hendaklah fully motivated dalam melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan masyarakat serta memainkan peranan mereka dengan jujur dan penuh dedikasi. Mereka mestilah

menyesuaikan sikap dan pemikiran mereka dengan kehendak-kehendak membina satu masyarakat Malaysia baru yang sanggup menghadapi cabaran-cabaran zaman moden ini.

Haruslah diingat bahawa ukuran kejayaan dalam segala usaha pembangunan ialah kebahagiaan dan kesempurnaan hidup rakyat. Rancangan-rancangan dan projek-projek hanyalah jalan atau jambatan ke arah matlamat tersebut, dan dengan yang demikian, janganlah mereka mementingkan projek-projek yang mereka anjurkan di atas kepentingan rakyat kerana hendak meninggikan imej Jabatan atau Kerajaan. Kadang kala didapati projek-projek yang lapis berlapis dan tindih bertindih. Ini akan hanya mengelirukan orang ramai dan hendaklah diatur semula dengan sempurna menurut keutamaan-keutamaan yang ditentukan.

Kesimpulan dari itu, amatlah mustahak pegawai-pegawai yang terlibat dengan pembangunan sentiasa memastikan adanya penyelarasan pada setiap peringkat dalam perancangan dan pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan masyarakat di daerah masing-masing.

Saudara-saudara sekalian,

Saya seringkali berkata Kerajaan akan terus memberikan bimbingan dan bantuan serta membukakan peluang baru kepada mereka yang memerlukannya. Bagaimanapun, segala ini tidak bermakna kecuali kalau rakyat sendiri sama-sama bertanggungjawab dan bertindak memberikan sokongan yang sepenuhnya.

Dalam beberapa Rancangan Lima Tahun yang lepas, dan semenjak Rancangan Pembangunan Luar Bandar dijalankan, sudah begitu banyak kemudahan dan bantuan yang disediakan oleh Kerajaan untuk pembangunan terutama dalam lapangan pertanian. Peluang-peluang sentiasa terbuka kepada sesiapa yang sanggup tampil ke hadapan menggunakannya bagi kebajikan mereka.

Kerajaan telah mengambil langkah-langkah tegas bagi mencapai matlamat-matlamat pembangunan menerusi badan-badan seperti FELDA, FELCRA serta rancangan-rancangan raksaksa di Pahang Tenggara, Johor Tenggara, Trengganu Tengah dan Jengka. Di bidang lain, Kerajaan menyediakan kemudahan-kemudahan menerusi MARA, PERNAS, Lembaga-lembaga Ekonomi Negeri, Bank Pertanian dan sebagainya.

Saya hairan kenapa ada orang-orang kita yang masih mengerjakan kebun atau sawah yang kecil di kampung-kampung, hidup dalam keadaan kais pagi makan pagi tanpa memberi harapan atau pun jaminan hidup untuk anak isteri mereka bagi masa hadapan. Orang-orang seperti itu hendaklah mengubah sikap, mengubah cara berfikir dan tampil ke muka merebut peluang-peluang baru yang terbuka untuk kebaikan mereka sendiri. Kerajaan tidak dapat berbuat lebih daripada itu; hanya terpulanglah kepada rakyat supaya menggunakan peluang-peluang yang disediakan itu dengan sebaik-baiknya.

Saudara-saudara sekalian,

Sebagai manusia zaman moden, mustahaklah kita menitikberatkan penggunaan sains dan teknololi dalam pembangunan masyarakat. Saya rasa tidak ada jaminan masa depan yang lebih positif kecuali kita berjaya mengubah structure ekonomi negara dari ekonomi pertanian atau agraria kepada ekonomi perindustrian. Oleh itu, rakyat hendaklah berusaha mengejar dan mengambil munafaat dari kemajuan sains dan teknologi serta menggunakannya bagi kebahagiaan hidup mereka.

Adalah penting bagi orang-orang kita mengubah cara hidup dan lebih berdisiplin kerana hanya dengan ini kita boleh bertukar corak menjadi masyarakat perindustrian dan dapat setanding dengan masyarakat-masyarakat yang maju. Konsep pertanian termasuk cara bertani, menangkap ikan dan sebagainya perlu dipermodenkan supaya menjadi lebih cekap dan menguntungkan.

Bahkan amatlah mustahak orang-orang kita memahami dan mengamalkan konsep ekonomi kewangan dalam kehidupan hari ini bukan saja setakat berjimat cermat tetapi menggunakan wang untuk memasuki lapangan ekonomi moden. Inilah syarat-syarat penting supaya orang-orang kita tidak ketinggalan dalam perlumbaan hidup di zaman ini.

Bidang pelajaran dan pendidikan adalah asas utama bagi kejayaan pembangunan masyarakat, kerana masyarakat yang berpelajaran merupakan sumber kekayaan tenaga bagi negara. Dalam hubungan ini, saya hendak menyentuh sedikit tentang masaalah keciciran murid-murid sekolah terutamanya di kawasan luar bandar.

Masalah ini telah pun dikaji dan ada bukti-bukti yang menunjukkan bahawa sebab-sebab keciciran itu bukanlah oleh kerana anak-anak itu bodoh atau pun ibu bapanya tidak mampu hendak memberi pelajaran kepada mereka. Bahkan salah satu daripada faktor yang nyata ialah sikap ibu bapa sendiri terhadap anak-anak mereka iaitu tidak mengambil berat tentang mustahaknya pelajaran sebagai persediaan hidup mereka di masa hadapan. Sikap seperti inilah yang mesti dikikis menerusi Gerakan Pembaharuan ini. Keutamaan hendaklah juga diberi kepada kesihatan anak-anak supaya kita dapat membangunkan jenerasi baru yang sihat dan sempurna—jasmani dan rohani.

Saudara-saudara sekalian,

Saya suka menegaskan sekali lagi Gerakan Pembaharuan ini terutama sekali menghendaki orang-orang kita berfikir cara baru dan bergerak mengikut perubahan-perubahan masa dan zaman. Rakyat baik di kampung atau pun di bandar hendaklah menggunakan kesempatan yang disediakan oleh Kerajaan untuk memberikan erti yang sepenuhnya kepada Dasar Ekonomi Baru. Kalau mereka masih enggan atau pun segan segala-gala ini akan terlepas dengan percuma kerana peluang seperti masa tidak menunggu sesiapa.

Tegasnya, mereka hendaklah bergerak maju menghadapi cabaran-cabaran hidup dengan penuh azam, keyakinan diri dan kejujuran. Kalau tidak, saya bimbang kita tidak dapat mencapai sepenuhnya matlamat yang kita tujui khasnya mengenai pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru itu.

Marilah kita bersama-sama menyingsing tangan dan berganding bahu untuk mencapai kejayaan yang dicita-citakan itu, yang akan membawa kebahagiaan dan kemakmuran kepada rakyat dan Negara.

Selamat malam.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA
MERASMIKAN PELANCARAN PERBADANAN
KEMAJUAN PELANCUNGAN (TOURIST DEVE-
LOPMENT CORPORATION) DI BILIK GERAKAN
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERIN-
DASTRIAN WISMA DAMANSARA, KUALA
LUMPUR PADA 10^{HB} OGOS, 1972

Y.B. Encik Mohd. Khir Johari, Menteri Perdagangan dan Perin-
dastrian; Encik Burhanuddin, Pengerusi, Tourist Development
Corporation; Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Saya mengucapkan berbanyak terimakasih di atas jemputan
untuk merasmikan pelancaran Tourist Development Corporation
ini. Penubuhan ini adalah satu langkah yang positif yang diambil
oleh Kerajaan untuk memajukan pelancungan di negara kita
supaya segala usaha-usaha dari pihak Kerajaan dan juga dari
kalangan swasta dapat digembelngkan untuk mencapai tujuan
yang mustahak ini.

Saya suka mengambil peluang ini menyatakan penghargaan dan
terimakasih saya kepada Ahli-ahli Majlis Perbadanan atau Tourist
Development Council ini. Saya harap dengan kerjasama daripada
semua pihak, khasnya ahli-ahli Majlis Perbadanan ini, usaha-
usaha di lapangan pelancungan akan dapat dijalankan dengan
lebih giat dan berkesan lagi.

Tugas utama Majlis ini ialah untuk menyedia dan menggubal
suatu dasar baru mengenai tourism atau to formulate our national
policy on tourism dan juga menentukan strateji dan guidelines
atau garis-garis panduan dan tindakan bagi meningkatkan promo-
tional activities dalam lapangan tourism dengan cara co-ordinated
approach bagi seluruh negara kita.

Malaysia adalah mempunyai potential yang besar dengan kein-
dahan alam semula jadi atau natural beauty dan kemudahan-
kemudahan perhubungan darat, laut dan udara—serta hotel
accommodation yang baik. Pada fikiran saya, semua ini mustahak
"dijual" dalam bentuk dan cara yang menarik di luar negeri

terutama sekali kepada negara-negara yang mempunyai pelancong-pelancong atau tourists yang ramai atau tourist generating countries seperti Amerika Syarikat, Eropah Barat, Jepun, Australia dan New Zealand.

Sungguhpun begitu, saya dukacita mendengar bahawa sehingga hari ini tourist promotion di negara kita belumlah berjalan dengan memberi kesan yang memuaskan. Malaysia adalah tertinggal di belakang dalam perlumbaan menarik pelancongan atau tourists berbanding dengan negara-negara jiran kita seperti Indonesia, Thailand dan Singapura. Saya diberi tahu dalam tahun 1971, lebih dari 600,000 pelancong telah datang ke Singapura berbanding dengan 100,000 yang melawat Malaysia. (In 1971, more than 600,000 tourists came to Singapore compared to about 100,000 visiting Malaysia). Oleh itu dengan tertubuhnya Perbadanan atau Corporation ini, saya harap keadaan ini akan dapat dibaiki dan kita semua dapat menumpukan perhatian yang penuh dan lebih giat lagi untuk menjadikan negara kita tempat tumpuan pelancong-pelancong.

Pelancongan atau tourism adalah satu industri yang boleh memberi faedah yang banyak kepada kita. Kita lihat banyak negara-negara di dunia seperti Eropah, dan di Asia juga yang telah mendapat faedah yang banyak dengan menumpukan usaha dalam lapangan pelancongan ini. Oleh itu saya harap kita tidak akan terkebelakang dalam lapangan ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Kita bernasib baik kerana dalam tahun 1972 ini kita telah dapat memperkenalkan negara kita kepada dunia dengan adanya PATA Conference di Malaysia. Saya fikir tahun 1972 ini bolehlah dijadikan starting point yang mustahak dalam usaha kita untuk memajukan pelancongan di Malaysia. We should now take full advantage and reap the fullest benefit from the PATA Conference with effective follow-up programmes. Dengan rancangan-rancangan berkesan yang dilaksanakan hasil dari Persidangan PATA itu maka tidaklah akan timbul sungutan-sungutan dari Hoteliers bahawa bilik-bilik hotel mereka tidak berisi kerana kekurangan pelancong-pelancong.

Saya menaruh kepercayaan kepada Perbadanan ini dan kepada Pengerusinya, Encik Burhanuddin, supaya dapat melaksanakan matlamat-matlamat Perbadanan ini bagi mencapai tujuan negara.

dalam lapangan pelancungan—to achieve our national goals in the field of tourism. This Corporation is being given authority to deal with all aspects of tourism and I would therefore like to stress to you that there is need for co-ordinated efforts and team-work by all concerned to achieve our goals. I have always stressed that the Government which I lead wants to see results. We want action and we want to see that our national goals in all fields of activities are achieved. Therefore, all of us will not only have to work together as a team but to have a new approach and new outlook in order to be able to forge ahead.

I have just launched the Gerakan Pembaharuan on the sixth of this month and this Gerakan Pembaharuan means that we have to change our out-look and approach in all aspects of national life and more so in Government. We who are serving this Government have to carry out our work with motivation and dedication; in the same way that the people are required to respond in the same spirit.

I have no doubt that with the establishment of this Corporation, we will see better results soon in this important field of tourism. Saya berharap Perbadanan ini bukan sahaja akan menumpukan usaha kepada tempat-tempat yang besar dan terkenal seperti Pulau Pinang dan Kuala Lumpur, akan tetapi akan menolong juga Perbadanan-perbadanan Ekonomi Negeri atau SEDC seperti di Trengganu dan di Pahang di mana saya tahu ada Holiday Complexes seperti di Sura dan di Lanjut yang boleh dijadikan "Butlin Holiday Camp" untuk pelancung-pelancung dari luar negeri ataupun dalam negeri. Saya juga berharap Perbadanan ini akan memberi pertolongan dan bantuan kepada Persatuan-persatuan Pelancungan diserata daerah di negara kita.

Sambil menggalakkan pelancung-pelancung dari luar negeri, kita mustahak juga menggalakkan pelancung-pelancung dari dalam negeri dan menambahkan pelancung-pelancung dalam negara kita kerana dengan bertambahnya pelancung dalam negara kita adalah satu dalil yang menunjukkan bahawa taraf hidup rakyat telah meningkat tinggi.

Saya berharap kepada Perbadanan ini juga supaya menumpukan perhatian kepada usaha-usaha mengadakan kemudahan-kemudahan yang lebih baik dan daya penarik negara kita bagi menggalakkan pelancungan. Perbadanan ini diharap akan dapat mengadakan

new strategies untuk menggalakkan to attract bigger flow of tourists from the immediate region besides the well-known tourist generating countries.

Begitu juga saya harap Perbadanan ini akan menggalakkan Regional Tourism sebagaimana yang disyorkan oleh ASEAN Committee on Tourism. Syarikat Penerbangan kita, MAS, juga diharap akan "menjual" image yang baik bagi Malaysia di luar negeri. Dengan sebab itu, untuk mencapai matlamat-matlamat dalam lapangan ini, mustahaklah Perbadanan ini bekerjasama dan menyelaras usaha-usahanya dengan Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan seperti Kementerian Perhubungan, Kastam, Imigresyen, Penerangan dan lain-lain. Pendeknya, co-ordinated approach dan co-ordination yang rapat dari semua pihak adalah mustahak untuk mencapai tujuan-tujuan serta matlamat-matlamat kita.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Saya sekali lagi menegaskan bahawa negara kita adalah kaya dengan seni dan kebudayaan serta alam semula jadi—pantai yang indah terbentang, pulau-pulau taman rimba di Gunung Tahan dan Kinabalu—disamping hotel-hotel of international standard yang semakin banyak. Semua ini boleh diexploit dengan sepenuhnya dengan kerjasama semua pihak. Saya percaya dengan tertubuhnya Perbadanan ini, kemajuan pelancungan kita akan meningkat dan semua pihak khususnya pihak swasta akan dapat bersama-sama menerima faedah.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Sekali lagi saya menaruh harapan penuh kepada Perbadanan ini untuk melaksanakan dasar dan matlamat kita dalam lapangan pelancungan. But you have a heavy task ahead especially to make up for the loss of time and opportunities in the past. Akan tetapi, saya yakin dengan adanya Encik Burhanuddin sebagai Pengerusi Perbadanan ini yang telah mempunyai banyak pengalaman sebagai Trade Commissioner di New York dan di London, akan dapat memberi ketuaan atau leadership yang dinamik dan imaginative yang dikehendaki oleh Perbadanan ini. Saya percaya Encik Burhanuddin akan menjalankan tugasnya dengan penuh minat dan dedikasi.

Dengan harapan dan pesanan ini, saya sukacita merasmikan pelancaran Tourist Development Corporation ini.



Tun Abdul Razak bin Hussein kelihatan sedang memberi hadiah kepada Tunku Abdul Rahman di Sri Taman pada 12hb Ogos, 1972.

(Gambar Jabatan Penerang Malaysia)

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA PENUTUP EXPO PENDIDIKAN 1972 DI STADIUM NEGARA, KUALA LUMPUR PADA 12HB OGOS, 1972

Y.B. Menteri Pelajaran¹, Y.B. Menteri-menteri, Saudara-saudara
sekalian.

Terlebih dahulu suka saya menyatakan penghargaan dan
terimakasih kepada rakan saya, Y.B. Encik Hussein Onn, kerana
menjemput saya berdua petang ini. Lebih-lebih lagi atas kesudian-
nya memberi saya penghormatan menutup Expo Pendidikan ini
dengan rasimnya dan juga bagi isteri saya untuk menyampaikan
hadiah kepada pemenang-pemenang dalam peraduan-peraduan
yang telah diadakan berhubung dengan Expo ini.

Saudara-saudara sekalian,

Expo Pendidikan 1972 ini mempunyai makna yang besar dan
penting kepada kita semua. Inilah pertama kali kita mengadakan
Expo besar-besaran seperti ini, yang bermula pada peringkat
negeri hingga membawa kepada peringkat kebangsaan. Oleh itu
suka saya menyatakan setinggi-tinggi tahniah kepada Y.B.
Menteri Pelajaran, Kementerian Pelajaran dan kepada Jabatan-
Jabatan Pelajaran Negeri yang telah menyusun rancangan Expo
ini dan mempersembahkan kepada orang ramai dalam bentuk yang
begitu menarik hati.

Sesungguhnya kita merasa bertuah kerana Duli Yang Maha
Mulia Yang di-Pertuan Agung² telah berkenan merasmikan pem-
bukaan Expo ini dan hakikat ini dengan sendirinya membuktikan
betapa pentingnya Expo ini di mata Kerajaan. Seperti yang dapat
kita lihat, Expo ini menunjukkan semua aspek pendidikan dalam
negara kita—dari segi sejarah semenjak awal-awal perkembang-
annya hingga masa kini; dari taman kanak-kanak membawa ke
peringkat Universiti; dari pelajaran yang dikatakan tiga "R"
meliputi bidang pendidikan sains, teknikal, vocational dan agama.

¹ Y.B. Encik Hussein Onn.

² D.Y.M.M. Tuanku Abdul Halim Muadzam Shah ibni Almarhum Sultan
Badli Shah.

Pendek kata, tidak satu pun yang bersangkutan dengan pendidikan ditinggalkan supaya orang ramai khasnya ibu bapa kanak-kanak dapat melihat dan mengukur setakat mana kita telah berjaya mencapai matlamat-matlamat negara dalam bidang pendidikan.

Saudara-saudara sekalian,

Dalam masa lebih kurang dua minggu dari sekarang, kita akan merayakan Hari Kebangsaan atau hari ulang tahun ke lima belas kemerdekaan negara yang kita kasihi. Sudah lazimnya, menjelang hari yang berbahagia itu kita meninjau semula ke belakang, taking stock of our performance, serta mengambil pengajaran dari kelemahan-kelamahan atau kekurangan di masa lalu dengan tujuan supaya dapat memperkemaskan lagi pelaksanaan rancangan-rancangan di masa hadapan.

Kita boleh berbangga bahawa sejak mencapai kemerdekaan, kita telah melihat kemajuan yang sangat pesat di bidang pendidikan, apa lagi kalau dibandingkan dengan kedudukan pendidikan sebelum itu. Buat diri saya sendiri lapangan ini mempunyai arti yang paling istimewa kerana inilah portfolio yang julung-julung saya pegang semasa tempoh persiapan menjelang hari merdeka dulu. Saya gembira kerana dapat menyumbangkan satu bingkisan kepada negara dalam bentuk Penyata Pelajaran Kebangsaan 1956³ yang mana antara lain-lain menentukan garis-garis untuk dasar pendidikan kebangsaan negara yang merdeka dan berdaulat. Penyata itu yang kemudiannya disusul pula oleh Penyata Rahman Talib ada-lah menjadi tapak dan tiang seri sistem pendidikan kebangsaan Malaysia hari ini.

Saudara-saudara sekalian,

Sepertimana yang dikatakan oleh Y.B. Menteri Pelajaran tadi, objektif utama kita ialah perpaduan negara—perpaduan sejati yang seperti kata pepatah “tak lekang oleh panas dan tak lapok oleh hujan”. Dengan yang demikian, sangatlah mustahak bagi kita sekalian terutama sekali para guru dan pendidik benar-benar memerhatikan iaitu sistem pendidikan kita bukanlah semata-mata bertujuan mengisi ilmu pengetahuan bahkan lebih penting menanam serta memupok rasa cinta dan taat setia kepada negara.

³ Penyata Pelajaran Razak.

Malaysia adalah negara yang muda bukan saja dalam pengertian umurnya baru setahun jagong bahkan juga dalam hakikat bahawa bahagian terbesar penduduknya kanak-kanak dan belia. Sebagai bangsa yang muda, memang sepatutnya kita mempunyai cita-cita mulia dan harapan tinggi untuk masa hadapan. Lebih-lebih lagi kita mempunyai penuh keyakinan serta kepercayaan atas kebolehan kita menentukan arah haluan dan untung nasib sendiri.

Menerusi sistem pendidikan kebangsaan yang berjalan sekarang, kita berharap serta penuh yakin membentuk bangsa Malaysia yang progressive dan dinamik, mampu dan bersedia untuk menghadapi cabaran-cabaran dunia moden. Falsafah hidup kita iaitu Rukunegara memperteguhkan lagi tekad dan azam untuk menguasai pengetahuan sains dan teknologi kerana kedua-dua ini adalah synonymous dengan konsep manusia zaman moden dan bertamaddun. Inilah sebabnya sistem pendidikan kebangsaan menitik-beratkan bidang sains dan teknologi oleh kerana mengingat kekurangan atau kelemahan dalam kedua-ke dua bidang ini merupakan halangan yang besar untuk mencapai matlamat-matlamat pembangunan.

Dalam contex ini kita memandang **pendidikan ialah anak kunci** kejayaan bangsa dan negara Malaysia—Education is the key to our nation's progress. Pendidikan menurut pengertian yang luas meliputi seluruh lingkungan usaha kita dalam memperbaiki serta meninggikan nilai-nilai hidup. Inilah yang menjadi ukuran tinggi atau rendahnya tamaddun bangsa kita yang bakal diwariskan kepada jenerasi-jenerasi akan datang.

Saudara-saudara sekalian,

Meski pun kita telah mencatatkan kemajuan cemerlang dalam bidang pendidikan, masih ada masalah yang kita hadapi. Dan yang paling berat ialah masalah keciciran atau dropout terutama pada peringkat sekolah rendah atau primary education. Seperti yang saya katakan beberapa hari lepas semasa melancarkan Gerakan Pembaharuan, masalah ini berpunca pada sikap ibu bapa kanak-kanak sendiri yang kurang mengambil berat terhadap pelajaran anak-anak mereka.

Memang ada setengah-setengahnya berpendapat oleh kerana mereka ditakdirkan hidup bertanam padi atau sebagai nelayan atau sebagai buruh kasar, maka anak-anak mereka akan menempuh

hidup masa depan yang sama. Ada ibu bapa lebih suka anak-anak mereka berhenti sekolah selepas dua atau tiga tahun dan duduk membantu di rumah mengasuh adik-adik kecil atau pun menjaga kerbau lembu di sawah.

Saya tidak fikir mereka itu terlalu daif dan tidak mampu memberi anak-anak mereka peluang menyambung pelajaran yang sewajarnya. Tambahan pula, hari ini Kerajaan membawa kemudahan-kemudahan pelajaran menengah atau secondary education ke kampung-kampung dengan mengadakan sekolah-sekolah berasrama atau hostel. Lagi pun menurut penyiasatan anak-anak kampung tidak kurang IQnya berbanding dengan anak-anak dari bandar. Bahkan, bukanlah satu hal yang ganjil bahawa kebanyakan anak-anak Melayu yang berjaya hari ini berasal dari kampung dan besar dalam environment kampung.

Saudara-saudara sekalian,

Tugas mengubah sikap ibu bapa ini hendaklah sama-sama di tanggung oleh kaum guru dengan mengadakan hubungan yang lebih rapat dengan ibu bapa kanak-kanak. Melalui dailog dan kalau boleh melawat rumah ibu bapa kanak-kanak dan membincangkan kemajuan mereka di sekolah, terutama anak-anak yang berbakat, saya percaya angka dropout ini dapat dikurangkan bagi tahun-tahun akan datang.

Saya memuji langkah Kementerian Pelajaran memperkemaskan susunan Persatuan Ibu Bapa Guru-guru dan menjadikannya mandatory bagi tiap-tiap sekolah. Dengan ini saya harap hubungan antara ibu bapa dan guru-guru akan lebih erat dan memberi kesan yang baik kepada anak-anak seterusnya kepada masyarakat. Begitu juga saya harap guru-guru terutama guru-guru muda akan diam di kampung tempat mereka mengajar untuk dapat bersama-sama memberi pimpinan kepada masyarakat setempat sebagaimana guru-guru di masa lalu. Dengan ini juga sungutan orang-orang kampung bahawa tendency guru-guru menjauhkan diri dari masyarakat dan rumah-rumah guru yang ada disediakan terbiar begitu saja tidak timbul lagi.

Tegasnya, saya ingin melihat satu pembaharuan yang melibatkan semua pihak—ibu bapa, guru-guru dan anak-anak sekolah—yang pasti membawa natijah baik bagi masyarakat kita, bagi bangsa dan negara.

Saudara-saudara sekalian,

Berbalik semula kepada Expo Pendidikan ini, dari apa yang telah saya saksikan amatlah tepat tema yang dipilih iaitu "Kemajuan menerusi Pendidikan atau Progress through Education". Exhibit-exhibit yang terpilih di sini mencerminkan kemajuan setiap lapangan pendidikan dan saya sungguh kagum dengan kebolehan penuntut-penuntut kita hari ini terutama dalam lapangan applied science. Saya yakin kalau anak-anak sekolah hari ini mengekalkan standard yang begitu baik, kemajuan di masa akan datang tentu meningkat lebih tinggi lagi.

Akhirnya, saya mengambil kesempatan ini menyatakan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada murid-murid sekolah, guru-guru dan pihak-pihak berkenaan sama ada Kerajaan mahu pun swasta yang turut menjayakan Expo Pendidikan ini. Saya gembira mendengar sambutan yang begitu hangat dari orang ramai bukan saja terhadap Expo bahkan juga kepada acara-acara lain seperti Pertandingan Mambaca Al-Quran, Schools Band Display, Drama dan Music Festival yang menjadi acara kemuncak Expo ini.

Dengan kata-kata itu, saya secara rasmi menutup Expo Pendidikan ini dan sambil menyatakan harapan semoga usaha yang baik ini akan disambung lagi pada masa akan datang.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MESYUARAT
PERTAMA JAWATANKUASA PUSAT PERTAN-
DINGAN AL-QURAN TAHUN 1972, DI BILIK
GERAKAN PERDANA MENTERI, KUALA
LUMPUR PADA 14HB OGOS, 1972

Y.B. Tan Sri Syed Nasir, Pengerusi, Jawatankuasa Pusat Pertan-
dingan Al-Quran 1972; saudara-saudara sekalian.

Saya bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan IzinNya, saya dapat merasmikan mesyuarat pertama Jawatankuasa Pusat Pertandingan Membaca Al-Quran 1972 yang juga dihadiri oleh wakil-wakil daripada negeri seluruh Malaysia pada pagi ini.

Sukalah saya pada kesempatan ini mengucapkan selamat datang dan terimakasih kepada saudara-saudara.

Sebagaimana kita maklum, Pertandingan Membaca Al-Quran telah menjadi suatu amalan tradisi yang dijunjung tinggi oleh rakyat dan negara kita. Pada tahun ini Pertandingan Peringkat Kebangsaan akan dimulakan pada 24 dan 25hb Oktober, 1972 dan disusul pada 26, 27 dan 28hb Oktober untuk Peringkat Antarabangsa. Menerusi Pertandingan ini, setiap tahun, Malaysia mendapat nama yang harum di sisi negara-negara Islam khususnya dan dunia amnya.

Pertandingan Antarabangsa tahun ini ialah kali yang ke empat belas dan sambutan daripada negara-negara Islam akan bertambah luas lagi dengan adanya beberapa negara sahabat baru yang ikut serta bersama-sama. Saya percaya dengan kerjasama negeri-negeri dan dengan usaha yang bersungguh-sungguh daripada Jawatankuasa Pusat pada tahun ini kita akan melihat suatu pertandingan yang lebih besar dan lebih meriah daripada tahun-tahun yang sudah-sudah.

Kerajaan memandang bahawa perbelanjaan yang diuntukkan bagi pertandingan ini tiap-tiap tahun merupakan suatu pelaburan modal yang suci maksudnya menyemai benih-benih ajaran Al-Quran dan rasa kasih kepada Al-Quran dalam jiwa dan hati segenap umat Islam.

Saudara-saudara sekalian,

Saya sungguh berterimakasih atas segala usaha dan kerjasama yang telah diberikan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri di seluruh Malaysia untuk menjayakan Pertandingan ini setiap tahun. Saya percaya bahawa usaha kita pada tahun ini akan berlipat ganda daripada tahun yang sudah-sudah dan diharapkan demikian pula hasilnya.

Di samping menjalankan pertandingan seperti di masa-masa lampau, saya suka juga menyeru Kerajaan-kerajaan Negeri supaya memberi perhatian kepada syor mengadakan pertandingan untuk kanak-kanak dan juga belia. Dengan berbuat demikian, benih ajaran Al-Quran itu boleh disemaikan dan tumbuh dengan subur di kalangan kanak-kanak dan belia.

Dalam hubungan ini, langkah Kementerian Pelajaran baru-baru ini menganjurkan Pertandingan Al-Quran dan Tafsiran di peringkat kanak-kanak sekolah sebagai acara Expo Pendidikan patutlah dipuji. Saya harap usaha menggalakkan bacaan Al-Quran melalui Pertandingan Membaca Al-Quran di kalangan anak-anak dan belia ini diberikan perhatian yang lebih besar di setiap negeri untuk menjadi satu feature baru dalam Pertandingan Tahunan bagi seluruh negara.

Saudara-saudara sekalian,

Saya sukacita mendapat tahu bahawa jemputan telah pun dikirim kepada dua puluh satu buah negara sahabat untuk mengambil bahagian dalam Pertandingan Peringkat Antarabangsa tahun ini. Antaranya ada negara-negara baru termasuk Bangladesh, Mauritius dan Fiji selain dari negara-negara yang biasa diundang pada masa yang sudah-sudah. Saya gembira lima belas buah negara-negara Arab telah pun dijemput untuk menjadi pemerhati dalam Pertandingan tahun ini. Dengan yang demikian, pertandingan ini menjadi suatu jambatan penghubung di antara negara-negara Islam dan negara-negara lain di mana terdapat ramai penduduk-penduduk beragama Islam. Tegasnya, pertandingan ini menjadi tali muhibbah antara negara-negara yang berkenaan itu.

Patut juga saya katakan di sini iaitu pada satu masa dahulu ada cadangan hendak menukar-nukarkan tempat pertandingan ini di antara ibu-ibu negeri di Malaysia dan tidak hanya ditumpukan

kepada Ibu Negara Kuala Lumpur. Tetapi memandangkan kepada beberapa kesulitan yang sukar hendak diatasi maka cadangan itu tidaklah dapat dijalankan dan pertandingan tahun ini kenalah diadakan di Kuala Lumpur juga. Pertama sekali, memandangkan kepada kemudahan-kemudahan yang diperlukan oleh peserta-peserta dan dif-dif seperti tempat kediaman, pengangkutan dan lain-lain lagi supaya pertandingan ini sempurna kejayaannya.

Saya juga bersetuju dengan cadangan Pengerusi Jawatankuasa Pusat Pertandingan Al-Quran supaya kadar hadiah-hadiah untuk pemenang-pemenang ditimbang semula dan disesuaikan dengan taraf Pertandingan Bacaan Al-Quran ini yang kita tahu telah mencapai mutu yang tinggi. Dari itu, amatlah wajar diutuskan hadiah yang lebih besar supaya menjadi perangsang dan galakan serta membesarkan minat peserta-peserta pertandingan ini untuk memperbaiki dan meninggikan mutu bacaan mereka.

Saudara-saudara sekalian,

Dalam masa negara kita sedang giat dengan usaha-usaha pembangunan besar-besaran pada masa ini, maka amatlah sesuai Pertandingan Membaca Al-Quran ini dijalan dengan cara besar-besaran sesuai pula dengan taraf dan suasana negara. Ini bermakna dalam masa mengejar kemajuan dan pembangunan material bagi masyarakat, kita serentak memupuk pembangunan moral dalam jiwa rakyat dan umat Islam seluruhnya. Inilah tujuan dan hikmat yang besar daripada Pertandingan Membaca Al-Quran ini dan saya berharap bahawa pertandingan ini akan memberi sebanyak-banyak ilham kesedaran kepada seluruh rakyat kita khasnya kaum Muslimin. Mereka akan insaf betapa pentingnya pembinaan moral yang berdasarkan kepada ajaran Tuhan itu menjadi asas dan tapak bagi pembangunan masyarakat Malaysia masa hadapan yang berpegang kepada prinsip-prinsip Rukunegara.

Akhirnya saya sukalah mengambil kesempatan ini untuk menyatakan sekali lagi ucapan terima kasih bagi pihak Kerajaan Pusat kepada Kerajaan-kerajaan Negeri yang telah memberi kerjasama yang penuh dalam menjayakan Pertandingan Membaca Al-Quran ini di peringkat Negeri. Dengan kerjasama mereka itulah maka pertandingan di Peringkat Pusat ini dapat dijalankan dengan jayanya.

Marilah kita berdoa mudah-mudahan dengan berkat Allah dan petunjuk Al-Quran kita akan terus berjalan di atas jalan yang benar sehingga negara kita dan seluruh umat Islam mencapai cita-cita yang diredai Allah di bawah sinar ajaran-ajaran Al-Quran yang maha suci itu.

Terimakasih.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA
PELANCARAN RASMI TABUNG PELABURAN
PERWIRA DI KEMENTERIAN PERTAHANAN,
KUALA LUMPUR PADA 14HB OGOS, 1972

Y.B. Tengku Ahmad Rithauddeen,¹ Tan Sri Jeneral Ibrahim.

Saudara-saudara sekalian,

Saya sukacita atas usaha pihak Amanah Saham MARA membentuk Tabung Pelaburan Perwira khas untuk Anggota-anggota Angkatan Tentera. Tujuan utama mengadakan Tabung ini ialah untuk membuka jalan kepada saudara-saudara menyertai dalam lapangan perusahaan dan perniagaan dengan melaburkan sebahagian daripada arrears dan juga gaji menerusi Amanah Saham ini. Saya rasa tindakan ini tepat dengan masanya oleh kerana sebahagian besar dari anggota angkatan tentera—darat/laut dan udara—akan menerima munafaat dari tangga gaji baru yang direkomen oleh Jawatankuasa Abdullah.²

Sepertimana yang sedia dimaklum, Kerajaan melalui ajensi-ajensi seperti MARA, UDA, FELDA dan lain-lain sedang menyusun beberapa rancangan khas untuk anggota-anggota tentera yang bakal bersara atau berhenti supaya melengkap dan menyesuaikan diri sebelum masuk ke bidang kehidupan baru dalam masyarakat awam.

Kerajaan akan berbuat apa yang boleh membantu anggota-anggota tentera kita dengan menyediakan rancangan-rancangan latihan untuk serba-serbi lapangan pekerjaan. Bagaimanapun, anggota-anggota angkatan tentera sendiri mestilah berusaha untuk faedah masa depan mereka dan anak isteri mereka—seperti kata orang tua-tua “sediakan payung sebelum hujan”. Inilah peluang dan jalan yang baik lagi terjamin untuk berbuat demikian dengan melaburkn sebahagian daripada wang arrears yang bakal diterima tidak lama lagi dalam Tabung Pelaburan Perwira.

Seperti yang saya katakan tidak lama dulu, mereka hendaklah membuat rancangan-rancangan yang berguna yang akan memberi munafaat kepada mereka dan seterusnya kepada keluarga mereka

¹ Y.B. Timbalan Menteri Pertahanan.

² Tan Sri Shaik Abdullah bin Abu Bakar.

di masa hadapan. Kalau hendak berbelanja lebih sedikit tentulah boleh tetapi janganlah membazirkan wang untuk membeli barang-barang mewah yang tidak memberi apa-apa faedah. Jimatkan sebahagian daripada arrears dan gaji bulanan untuk kepentingan diri dan keluarga.

Saudara-saudara sekalian,

Langkah menubuhkan Tabung Pelaburan Perwira ini adalah selaras dengan usaha-usaha Kerajaan untuk menggalakkan lebih ramai lagi orang-orang Melayu menceburkan diri dalam lapangan perniagaan dan perusahaan secara langsung atau tidak langsung. Dengan membeli saham beramai-ramai kita akan menimbus jurang perbezaan ekonomi yang terdapat di antara kaum-kaum di negara ini. Penyertaan yang lebih cergas dalam perusahaan dan perniagaan sajalah yang akan memperkukuh kewangan orang-orang kita serta menjamin kehidupan yang stable dan maju.

Di masa yang sudah-sudah tidak ada rancangan khas seumpama ini yang disediakan oleh Amanah Saham MARA kecuali atas inisiatif saudara-saudara sendiri untuk membeli saham dalam stock exchange. Rancangan pelaburan modal melalui Tabung Pelaburan Perwira adalah langkah pertama secara teratur yang disediakan oleh MARA untuk membantu anggota-anggota tentera menceburkan diri secara tidak langsung dalam bidang ekonomi kewangan moden. Dengan sambutan yang memuaskan dari semua peringkat—pegawai dan bawahan—saya percaya matlamat Kerajaan dan negara dalam penyusunan semula masyarakat akan berjaya.

Dengan pesanan dan harapan itu saya melancarkan Tabung Pelaburan Perwira ini. Semuga Allah memberkati usaha kita.

**SPEECH BY THE PRIME MINISTER AT THE
OPENING OF WAY ASIA CONFERENCE AT THE
AUDITORIUM OF THE UNIVERSITY KEBANG-
SAAN, KUALA LUMPUR ON 14TH AUGUST, 1972**

Mr Chairman, Honourable Ministers, General Ali Moertopo,
Distinguished Delegates, Ladies and Gentlemen.

It is a very happy occasion indeed for me to be with you and I wish to thank you most sincerely for the honour you have given me. I would like to welcome the overseas delegates to our country and I am sure your Malaysian counterparts are only too eager to show you around and see how our people go about with their daily life.

It is now almost twenty three years since I attended, as a representative of Malaysia, the WAY Conference held in Brussels which ratified the Charter of WAY. It was at this Conference that give birth to WAY. In this long period, many changes have taken place in WAY, both in its role and activities. Nevertheless, I noted that the objectives are still the same. They still give hope to the aspirations of responsible and progressive youths of the world. WAY is still pointing the way to peace and progress.

In the world of today, where international relations are no longer exclusively relations among governments, WAY in its own way, have made many successful attempts to bring about closer relations among people as individuals and in voluntary associations. These relations comprise the exchanges of youth leaders and other young people, the distribution of literature and books, international contacts in culture, sports and international gathering such as this. These activities, when properly co-ordinated would help to spin the threads that bind people together.

Ladies and Gentlemen,

In our generation, where science and technology have shrunk our physical neighbourhood, no event is wholly unrelated to us, and no crisis is wholly foreign to us. Today, inter-dependence has replaced solitary individualism as the central fact of our lives. In the context of the vast ideological distances which divide us, the path pursued by WAY has special significance.

I would just emphasize one point—the ideological camps have become more responsible today than ever before. The people in all these camps have shown a greater desire for peace than for war, for co-existence than confrontation. They have reflected the need for co-operation than isolation. WAY, I believe, could play its role in helping the governments of the world to realise this objective through a greater co-operation among the youths of the world.

During the last three decades, we in Asia have seen with despondency and despair continuous dark clouds looming across the horizon. We have witnessed so many conflicts and tragedies. We have been victims of super-power conflicts; in some cases of our own miscalculation or misadventure. Nevertheless, after each tragedy, we become more concerned of the need for peace. In fact, Khmer, Laos and Vietnam had never known peace at all since the ending of the Pacific War. Undoubtedly, peace could not emerge if we are not prepared to rationalise our similarities; and if we are not interested to narrow our differences. Yet, history need not repeat itself if we are determined enough to find our own solution. We must have a new approach to this age-old problem.

I have on many occasions repeated that need to neutralize the region of Southeast Asia as a region of freedom, peace and stability. The people, and particularly the young men and women of this region, and for that matter of Asia and the world, long for peace and the taste of its sweet fruits. I am sure the delegates present here share the view of the people of Malaysia that we are always prepared to go with you onto the fields of peace, so that all our Asian brethren will one day share together a new era of happiness and enlightenment in this world. Let us, therefore, proceed on our way, with careful but imaginative planning that is necessary to ensure peace and justice and progress for all the peoples of Asia.

Ladies and Gentlemen,

I do not wish to waste your time with the exposition of the need to have a decent world order. In our view, the issue is essentially whether an organisation like yours will be able to play a more positive role to help other world organisations to bring about peace and maintain it for all times. An organisation of this nature has opportunities to serve youth of Asia and the world which are limited only by the capacity of its members to work together and to keep on working together. And in this respect, you have a limitless scope.

Asia is a paradox. It is a conglomerate of young nations, yet at the same time, it is the centre of many old civilizations. The youthfulness of Asia is perhaps reflected in the magnitude of its problems—economics, politics and social. Many of the nations of Asia have just liberated themselves from colonial rule. Most of them aspire for “better standards of life in larger freedom”. These aspirations are the goal of their rising expectation and the promise of their political independence.

In a decade and half since Asia has been liberated from the yoke of colonialism, the search for the answer to the revolution of rising expectations has taken many different paths with many different results. Some have succeeded even if somewhat limited. Not a few followed the path to disaster and ruin. Amidst this search, the new Asia is confronted with yet another problem—that of a growing youth population. With this comes the inevitable paradox where the youthful expectations have risen faster than the capacity of their respective governments to solve the existing aspirations.

Ladies and Gentlemen,

I believe the time has come for us to review the situation and to draw a line between the needs and passions of man. It is not an easy line to draw. The principle that the state is responsible for providing the basic needs of the individual would perhaps be a useful guide in determining the formula to meet the revolution of the rising expectations. At the same time, it is vital that the revolution of the rising expectations should be adequately matched with the “revolution of rising responsibility”.

The need for a rising standard of responsibility is more evident today because of the complex problems facing every Asian nations, coupled with the “youthness” of the population of these nations. These young people who would be in charge of their national governments tomorrow must realize the danger of diminishing responsibility in a world of increasing expectation. I am sure you all agree with me that nothing could be solved through negative actions and decisions. I am sure you all agree with me that rising expectations of youth cannot be solved through shortsightedness, indifference and lack of imagination. I am sure that we all are in agreement that the success of any nation depends on responsible leadership and actions.

Ladies and Gentlemen,

The ugly book burnings in Nazi Germany a generation and half ago as a political instrument are things of the past. Today our young men and women are saddled with greater responsibility to help their country's young government to solve the almost insoluble problems of development. The participation of youth in Consultative Council as in Malaysia is a rationalisation of responsibility and leadership. This is, in a nutshell, the issue facing youth organisations of the world today. I am positive if WAY could initiate a "revolution of rising responsibility" to match the "revolution of rising expectations" unleashed by political independence, the prospects for the better and more balanced development will take place. This need is more urgent in a multi-racial country, diverse in social system, in economic orders and in political creeds such as found in Malaysia.

On this note, Ladies and Gentlemen, I declare open the 1972 WAY Asia Conference.



Tun Abdul Razak bin Hussein kelihatan sedang menerima Dokumen Ejaan Baharu daripada Y.B. Menteri Pelajaran Encik Hussein Onn pada 16hb Ogos, 1972 di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA PELANCARAN SISTEM EJAAN BAHARU DI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KUALA LUM- PUR PADA 16HB OGOS, 1972

Tuan Haji Sujak, Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Y.B. Encik Hussein Onn, Y.B. Menteri-Menteri, Tuan-tuan Yang Terutama, Saudara-saudara sekalian.

Saya mengucapkan syukur kehadiran Allah Subhanahu Wataala kerana dengan petunjukNya kita berjaya mencipta suatu sistem ejaan baharu bagi bahasa Malaysia-Indonesia.

Sebagaimana yang dikatakan oleh Y.B. Menteri Pelajaran tadi, usaha hendak mengadakan sistem baru ini telah lama dijalankan mengingat bahawa sistem baru itu sangat penting bagi kemajuan Bahasa Malaysia terutama bagi masa hadapan. Kita sama-sama bersyukur kerana pada pagi yang bersejarah ini kita mengisytiharkan sistem ejaan baru itu serentak di Jakarta dan di Kuala Lumpur.

Sepertimana yang kita sedia maklum, sejarah perkembangan bahasa kita melalui tiga zaman pengaruh bahasa asing, iaitu Sanskrit, Arab dan Ingeris. Bahasa Malaysia telah mengalami berbagai perubahan dan penyesuaian (adaptation), terutama sekali di peringkat perbendaharaan katanya (vocabulary). Perkataan-perkataan asing biasanya mempunyai bentuk yang tidak sama dengan bentuk perkataan Melayu. Sistem bunyi bahasa asing juga tidak sama dengan sistem bunyi bahasa Malaysia, dan ada beberapa jenis bunyi bahasa asing yang tidak terdapat sama sekali dalam bahasa Malaysia. Oleh kerana ini, maka apabila bahasa Malaysia cuba mengambil atau meminjam perkataan-perkataan dari bahasa asing, kenalah kita membuat beberapa perubahan yang sesuai dengan sistem bahasa Melayu. Bagaimanapun kita sedar bahawa perubahan itu mestilah mengikut peraturan-peraturan yang tertentu. Membuat perubahan secara sembarangan saja sudah tentu akhirnya akan membawa kerosakan dan akibatnya tentulah buruk. Bukan saja kita akan menghadapi kesukaran mengawal perkembangan bahasa itu seterusnya, tetapi pengguna-pengguna bahasa itu akan mengalami kesukaran yang besar untuk memahami dan mempelajari.

Oleh kerana memikirkan hal inilah, maka kita merasa perlu berusaha memperbaiki sistem ejaan Rumi bahasa Malaysia. Tujuan utama kita ialah untuk menyesuaikan ejaan Rumi bahasa kita dengan unsur-unsur dan perkembangan-perkembangan baharu yang telah mempengaruhi bahasa Melayu sejak beratus tahun.

Bahasa Malaysia sedang mengalami zaman perkembangan yang pesat pada masa ini. Pengaruh dari bahasa-bahasa asing terutama sekali pengaruh dari bahasa Inggeris, akan terus berlaku pada bahasa Malaysia. Istilah-istilah baru yang telah kita cipta beribu-ribu banyaknya dalam masa yang singkat saja selama ini, akan terus kita cipta lebih banyak lagi di masa hadapan. Ini bererti jika masalah ejaan yang kita hadapi sekarang tidak diselesaikan dengan segera, mungkin sekali masalah-masalah ini akan bertambah berat lagi di masa hadapan.

Saudara-saudara sekalian,

Saya menganggap sistem ejaan baru ini sebagai suatu kejayaan yang besar dalam usaha kita hendak memajukan bahasa Malaysia dan juga dalam usaha hendak mencapai penyelarasan dengan bahasa Indonesia. Bagi kita di Malaysia, masalah besar yang kita hadapi di masa akhir-akhir ini ialah akibat penyelewengan dari sistem ejaan Zaaba yang dianggap standard selama ini. Ada pihak-pihak cuba mempopularkan sistem ejaan baru yang teratur baik tetapi banyak pula yang tidak menggunakan sebarang sistem yang diakui. Akibatnya berbagai cara ejaan digunakan oleh berbagai pihak dan ini menimbulkan banyak keraguan dan kesukaran bukan saja bagi orang-orang dewasa termasuk saya sendiri, tetapi lebih-lebih lagi bagi murid-murid sekolah dari berbagai keturunan bangsa.

Dalam proses Bahasa Malaysia berkembang menjadi bahasa yang utama iaitu bahasa yang digunakan dalam semua bidang kegiatan negara, keadaan ejaan yang tidak teratur itu sudah tentu boleh merosakkan imejnya. Selain daripada itu, perkembangan bahasa Malaysia boleh terganggu oleh keadaan ejaan yang tidak standard. Bagi orang-orang yang baru hendak mempelajari Bahasa Malaysia ejaan yang tidak standard itu menjadi satu penghalang pula. Tetapi syukurlah dengan adanya sistem ejaan baru segala masalah tersebut kita harap tidak akan timbul lagi. Mulai dari hari esok kita akan menggunakan satu sistem ejaan yang standard bagi seluruh negara.

Pada pandangan saya, ejaan baru ini bukan sahaja penting bagi bahasa Malaysia di Malaysia tetapi juga bagi seluruh wilayah Asia Tenggara di mana penduduk-penduduknya menggunakan bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan masing-masing. Gabungan Bahasa Indonesia dan Bahasa Malaysia merupakan salah sebuah bahasa yang terbesar di dunia dengan jumlah pengguna-penggunanya lebih dari 120 juta orang. Akan tetapi disebabkan oleh peristiwa-peristiwa sejarah di masa lalu, perkembangan kedua-dua bahasa itu tidak berjalan dengan selaras bahkan mengikut arus haluan masing-masing.

Kita merasa syukur dengan kerjasama dan rasa sefahaman negara sahabat kita Indonesia, dapatlah dipersetujui satu sistem ejaan standard yang akan dipakai di seluruh kawasan bahasa Malaysia dan bahasa Indonesia di Asia Tenggara. Ejaan baru ini akan bertugas sebagai alat yang akan mengawal perkembangan serta pertumbuhan bahasa Malaysia selanjutnya di masa hadapan. Ini adalah suatu kejayaan yang amat besar maknanya bagi masa depan kedua-dua bahasa Malaysia-Indonesia. Kita yang hidup dalam kurun yang ke dua puluh ini mungkin tidak akan sempat melihat kesan-kesan masa depan ejaan baru ini dengan sepenuhnya, tetapi saya percaya jenerasi-jenerasi akan datang akan membaca sejarah kita dan pasti akan mengucapkan kesyukuran yang tidak terhingga kerana usaha yang telah kita jalankan hari ini.

Saudara-saudara sekalian.

Ejaan sebenarnya hanyalah alat perakam bahasa. Bahasa boleh ditulis dalam apa jua sistem ejaan, asalkan sistem itu mudah bagi pengguna-penggunanya dan ada peraturan yang tertentu. Pada masa sekarang Bahasa Malaysia ditulis dalam dua jenis huruf atau sistem tulisan yang berlainan, iaitu tulisan Rumi dan tulisan Jawi. Kebanyakan daripada kita faham kedua-dua tulisan Rumi dan Jawi. Ini menunjukkan bahawa apa pun sistem tulisan atau ejaan yang kita gunakan tidak menjadi masalah. Masalah hanya timbul jika sistem ejaan itu tidak teratur dan sukar diikuti.

Saya sudah melihat sepintas lalu sistem ejaan baru ini dari buku kecil yang diedarkan kepada kita semua pagi ini. Saya dapati sistem ejaan baru ini tidak begitu banyak bezanya dari sistem yang lama, dan saya percaya akan dapat mempelajari sistem baru ini dengan mudah sahaja, Insya Allah. Cuma huruf *c* yang menggantikan

huruf *ch* dan *sy* yang menggantikan *sh* dalam ejaan lama sahaja yang barangkali akan menimbulkan sedikit kekok kepada kita, terutama sekali orang-orang tua seperti saya yang telah lama sebat dengan cara lama. Tetapi perkara seperti ini memang telah menjadi adat. Setiap perkara yang baru tentulah akan menimbulkan kekok tetapi lama kelamaan tentu akan hilang dan dapat dikuasai sepenuhnya.

Sebagai seorang "layman", saya lihat usaha mengubah atau memperbaiki ejaan adalah jauh lebih mudah daripada usaha mencipta istilah-istilah baru bagi bahasa kita atau usaha hendak menyelaraskan istilah-istilah yang dipakai di Malaysia dengan istilah-istilah yang dipakai di Indonesia. Kita tahu ejaan mempunyai skop yang terbatas dan tertutup. Saya lihat dalam buku kecil sistem ejaan baru ini, jumlah huruf vokal atau vowel hanya lima sahaja dan jumlah huruf konsonan hanya dua puluh empat. Huruf-huruf vokal yang lima itu tidak akan bertambah sampai bila-bila pun kerana sebanyak itulah sahaja jumlah huruf vokal yang ada dalam bahasa kita. Begitu juga dengan huruf-huruf konsonan. Huruf-huruf inilah yang akan kita pakai selama-lamanya.

Tetapi istilah-istilah tidak ada batasnya; kita tidak tahu berapa banyakkah lagi istilah-istilah baru yang akan masuk ke dalam Bahasa Malaysia di masa hadapan. Kita terpaksa terus mencipta istilah-istilah baru selagi bahasa kita masih tetap berkembang. Oleh kerana ini saya berharap usaha-usaha menyelaraskan istilah-istilah Bahasa Malaysia hendaklah dijalankan dari sekarang juga. Janganlah kita tunggu sampai jumlah istilah-istilah baru yang terus-menerus akan masuk ke dalam Bahasa Malaysia di masa hadapan, baik di Malaysia mahupun di Indonesia, menjadi begitu banyak sehingga usaha dan kerja-kerja penyelarasan akhirnya menjadi lebih sukar lagi.

Saya percaya sistem ejaan baru ini merupakan suatu asas yang baik bagi memulakan usaha untuk menyelaraskan istilah-istilah Bahasa Malaysia. Dan saya percaya juga kebanyakan dari istilah-istilah yang ada sekarang yang ditulis atau dieja menurut sistem lama yang tidak standard itu dengan sendirinya akan diubah dan disesuaikan dengan sistem ejaan baru. Ini bererti bahawa ejaan baru ini akan dapat menyelesaikan bukan saja masalah ejaan tetapi juga yang lebih penting lagi masalah kesulitan mengeja istilah-istilah. Di sinilah letaknya faedah besar ejaan baru kita.

Saudara-saudara sekalian,

Mulai dari hari esok, kita akan menggunakan ejaan baru ini di seluruh negara. Saya akan mengeluarkan arahan kepada semua Kementerian, Jabatan-jabatan dan Pejabat-pejabat Kerajaan di seluruh negara supaya mula menggunakan ejaan baru ini dalam tulisan hari-hari mereka. Kalau sudah mula digunakan dengan luas, pada satu masa kelak bolehlah ditentukan "dateline" seperti dalam soal bahasa dulu.

Saya suka juga menyeru syarikat-syarikat perniagaan dan badan-badan swasta yang lain supaya mencontohi langkah-langkah yang akan diambil oleh badan-badan Kerajaan. Tentang cara-cara menyebarkan penggunaan ejaan baru ini saya suka mengesyurkan supaya pertubuhan-pertubuhan sosial dan perkhidmatan yang ada di negara ini turut serta dalam usaha menggalakkan penggunaan ejaan baru ini di kalangan ahli-ahli pertubuhan masing-masing. Mereka boleh meminta nasihat dari Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Penerangan boleh memberi petunjuk menerusi program TV dan Radio. Begitu juga surat-surat khabar tempatan. Saya suka menegaskan bahawa tugas melaksanakan ejaan baru ini bukanlah tugas Kerajaan semata-mata. Semua pihak harus membantu dan memberikan kerjasama untuk menjayakan pelaksanaan sistem ejaan baru ini.

Saya tidak dapat melupakan segala inisiatif tentang pembaharuan sistem ejaan kita yang bermula dari Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga pada tahun 1956 dulu. Saya suka menyatakan penghargaan kepada kerja-kerja yang dijalankan oleh Jawatankuasa-Jawatankuasa Ejaan Melindo, Ejaan Bersama Malaysia-Indonesia serta Jawatankuasa yang ada sekarang yang semuanya menjadi alat amat penting kepada tercapainya sistem ejaan baru ini. Bagi pihak Kerajaan dan rakyat, saya ingin menyampaikan ucapan setinggi-tinggi terimakasih kerana jasa-jasa mereka itu.

Saudara-saudara sekalian,

Mulai dari hari dan saat ini, marilah kita isytiharkan keseluruhan negara bahawa sistem ejaan baru kita yang telah disempurnakan dengan kata muafakat antara dua negara yang berjiran dan berbahasa satu ini diguna dan diabadikan sebagai ejaan rasmi Bahasa Malaysia bagi selama-lamanya.

SPEECH BY THE PRIME MINISTER AT THE
OPENING OF THE INAUGURAL CONFERENCE
OF THE INTERNATIONAL ISLAMIC NEWS
AGENCY (IINA) AT DEWAN TUNKU ABDUL
RAHMAN, KUALA LUMPUR ON 16TH AUGUST,
1972

Assalam mualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Mr Chairman, Secretary General of Islamic Secretariat,¹
Distinguished Delegates, Ladies and Gentlemen.

It is indeed a privilege and an honour for me to be here at this auspicious occasion—the inauguration of the International Islamic News Agency.

On behalf of the Government and people of Malaysia, I wish to extend a warm welcome to all Distinguished Delegates to Kuala Lumpur. Your presence at this August gathering is indeed a source of pride and inspiration to our people.

We in Malaysia are proud for being given this singular honour to play host to this historic Conference but the fact that impresses me most is that many of you have come from far and near to uphold the torch of enlightenment for the sake of Islam. May I, therefore take this opportunity to convey through you, to your respective governments that the Government and people of Malaysia are overwhelmed by the trust and confidence which you have placed upon us.

Distinguished Delegates,

The Islamic Secretariat has made significant progress since its inception nearly three years ago. Today's event is another milestone in its onward progress to promote the interests of Islam. We all realize that the successful pursuit of our ultimate objectives can only stem from our realization and awareness of the constraints and impediments that confront us, as well as the hopes and ideals for which we aspire. It is imperative that we should foster close

¹ Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj.

co-operation among the constituent member nations which ultimately constitute the sum and substance of the objectives as enshrined in the charter of the Islamic Secretariat.

In this context, I believe IINA can play a positive role in helping to realize the said objectives which would bind not only the leaders and Governments of fraternal Muslim nations but more so the respective peoples of all walks of life.

I am sure you will all agree with me that in this present world of ours, there is an urgent need to strengthen the role of news media in our respective countries. The direct interlink between socio-economic progress and the growth of news media has been recognised. Thus, the setting up of IINA is a clear recognition of this need which, besides enhancing the common bonds of religion, would help speed up changes consistent with the process of modernization in Islamic Society.

Distinguished Delegates,

IINA has a heavy and difficult task ahead. We would only indulge in self-delusion if we think that it can achieve its objectives within a span of a few years, for a cohesive and progressive IINA can only be built on a solid and durable foundation. In our case, we are a young nation and so is our national news organisation BERNAMA. In view of this, there should be close and sustained collaboration and co-ordination between member states to ensure that the policies and objectives would be aligned towards achieving the common goal.

Having expressed our resolve and determination with the establishment of IINA, it is important to see that this resolve of ours should not fail owing to lack of support. Unless we add meaning and substance to our determination, I am afraid the future of the Islamic Secretariat and for that matter the Islamic world, would remain in a state of indifference of each other's problems and aspirations.

Ladies and Gentlemen,

It is not only the sentiment of religion and the socio-cultural heritage that have bound us but more so is our realization of the common objectives and goals founded on common interests and

aspirations. The best and enduring manner in which we can symbolise our solidarity is by fostering greater understanding both among ourselves as well as the world at large.

Since we achieved independence in Malaysia, we feel humbly proud to have made our little contribution to the cause of Islam. Islam is our national religion and in our National Ideology—the Rukunegara—Belief in God is our first principle. This principle has guided the actions of our Government, both in domestic and in international affairs.

It is this concern that has underlined our policy for the Middle-East, or to us here, West Asia. We support fully the cause of the Arab countries, most especially, the cause of the Palestinians, who have been driven out of their homes to exist on the goodwill of their brothers in the Arabic and other Muslim nations. We support all efforts to bring peace to this region, but not peace without justice. Justice calls for the return of the people of Palestine to their homeland. We pledge our full support to the peoples of Palestine and to the Arab nations in their efforts to achieve this end.

Distinguished Delegates,

I full share the view expressed by the Tunku on the negative attitude of some Western News Agencies in respect of reporting events in Muslim nations. It is therefore the duty of IINA to make up for these inadequacies and counter the preicious propaganda of our common enemy whose sole aim is to disrupt the Muslim unity. At the same time, I feel IINA has a prime duty not only to galvanise public opinion in Muslim countries but also to bridge the communication gap between Muslim countries which would ultimately reduce the area of differences and create an atmosphere of better understanding and co-operation among Muslim and Non-Muslim nations.

I am convinced that with the guidance of Almighty Allah, the task before you would be successfully discharged. The success of this Conference will be a significant contribution to the realization of the noble objectives of IINA and the Islamic Secretariat.

But, your task does not end with the establishment of a strong, viable and competitive news agency. The news agency that you will inaugurate and establish will have the task of correcting the

centuries of misinformation and distortion that have been the burden of Islam and Islamic Nations. IINA will have to be historians dedicated to the task of telling the true story of Islam and its nations to the rest of the world. You have to establish a crop of newsmen dedicated to telling the truth about the progress and the development of the Muslim peoples. IINA will have to be more than just another news agency. It will have to be the voice of the nations of Islam, in the full sense of the word, speaking out to all nations from the heart and soul of Islam.


Distinguished Delegates,

On this memorable occasion, I would like to invite you to join me and the people of Malaysia in paying tribute and appreciation to the Secretary General of the Islamic Secretariat, Y.T.M. Tunku Abdul Rahman. In spite of the onerous task before him, and his advanced age he discharged his duties with zeal and devotion, with humility and modesty, and above all, with sagacity and love.

It was at his initiative that the first Islamic Conference was held in Kuala Lumpur in 1968, bringing together the nations of Islam. We are happy that this first meeting was an unqualified success which led to the establishment of the Islamic Secretariat. It is also his idea which today brought this Conference and the birth of IINA.

I earnestly pray that Allah bestows His grace and blessings upon him and upon you all at this Conference to guide and inspire us and to crown our efforts with success.

With these words, I now have much pleasure to declare open this Inaugural Conference of the International Islamic News Agency.



Tun Abdul Razak bin Hussein kelihatan sedang memerhati salah satu bahagian Jentera Kilang di Syarikat Mega Chemicals Berhad di Shah Alam, Selangor pada 19hb Ogos, 1972.

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)

UCAPAN PERDANA MENTERI DI PEMBUKAAN RASMI KILANG SYARIKAT MEGA CHEMICALS DI SHAH ALAM, SELANGOR PADA 19^{HB} OGOS, 1972

Y.M. Raja Ayub. Pengerusi Mega Chemicals, Encik J. D. Murdock, Encik Lim Kwan Hua, Y.B. Menteri-menteri, Tuan-tuan dan Puan-puan.

Terlebih dulu sukalah saya mengucapkan borbanyak-banyak terimakasih kepada Pengerusi Syarikat Mega Chemicals dan seterusnya kepada syarikat-syarikat anak iaitu Besimega dan Chemetics Mega atas jemputan kepada saya petang ini.

Saya rasa inilah satu peristiwa yang unique atau istimewa kerana sekali gus merasmikan dua buah syarikat yang baru dan kilangnya.

Seperti yang dikatakan oleh Pengerusi tadi, Besimega dan Chemetics Mega ini adalah hasil usaha syarikat induknya setelah berjalan enam tahun lebih. Saya sukalah mengambil kesempatan ini mengucapkan terimakasih kepada Chemetics International Canada yang turut serta menjayakan projek ini. Saya sukacita juga bahawa Pernas turut mengambil bahagian meskipun secara kecil sahaja.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Seperti yang pernah saya katakan di masa lalu, hari depan Malaysia bergantung pada kejayaan kita menukarkan corak traditional ekonomi kepada corak ekonomi moden. Dengan kata-kata lain, meskipun buat beberapa lama negara akan bergantung pada ekonomi pertanian atau agrarian economy, lambat laun kita mestilah berubah menjadi masyarakat perindustrian atau industrial community, hidup sebagai modern industrial society. Hanya dengan demikian, barulah kita dapat maju ke depan seimbang dengan masyarakat negara-negara moden seperti di Amerika, Eropah dan Jepun.

Bagaimanapun, usaha meningkatkan taraf kita menjadi industrial nation bergantung bukan saja pada kesediaan dan kesanggupan local entrepreneurs. Kita masih memerlukan investment dari luar dan lebih-lebih lagi technical know-how dan expertise

pada kedua-dua jurusan iaitu production dan marketing. Barangkali sudah banyak ditegaskan bahawa perindustrian negara kita telah mula berubah daripada import substitution stage kepada export-oriented stage supaya dapat bersama-sama mengambil bahagian dalam bidang external trade yang semakin meluas. Saya percaya potential investors di dalam dan luar negeri tentulah memaklumi sepenuhnya kemudahan dan incentives yang terbuka kepada mereka dalam hubungan ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Selaras dengan pandangan baru ini, Kerajaan telahpun memperkemaskan susunan dan langkah yang berkait dengan perindustrian. Peraturan telahpun dipersetujui dengan Kerajaan-kerajaan Negeri supaya pengurusan industrial estate dijalankan oleh SEDC atau PKEN masing-masing dan dengan demikian FIDA akan diperkuatkan dengan menambah tenaga pegawainya, terutama professional dan teknikal. FIDA sedang bertindak lebih dinamis berusaha menyalurkan investment yang lebih banyak ke negara kita.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Berpaling semula kepada Syarikat Mega Chemicals dan syarikat-syarikat anaknya, saya sukacita bahawa salah sebuah kilang ini memberi sumbangan besar kepada pembangunan pertanian dengan mengeluarkan bahan-bahan chemical yang perlu iaitu chlorate.

Besimega Sdn. pula ialah sebuah syarikat terulung di negara ini yang membuat "expanded steel structural elements". Kilang ini adalah satu-satunya kilang pembuat bahan besi ini di rantau ini yang berdasarkan kepada satu proses yang direka oleh Professor Hideyo Watanabe dari Tokyo Institute of Technology. Keluaran-keluaran syarikat ini adalah untuk kegunaan perusahaan-perusahaan pembinaan dan ianya adalah ekonomikal daripada rangka-rangka besi waja biasa yang digunakan.

Tetapi yang lebih menarik kepada saya ialah cara pengeluarannya yang moden dan dengan ini memberikan peluang latihan kepada pekerja-pekerjanya. Peluang latihan amat perlu pada peringkat kita sekarang ini supaya memberikan persediaan tenaga terlatih yang lebih ramai bagi bidang perindustrian masa depan.

Tidak syak lagi, kesetabilan politik, suasana aman dan ekonomi yang berkembang pesat dalam negara telah membolehkan banyak syarikat-syarikat yang melabur modal di negara ini maju dalam

perusahaan mereka. Malah banyak di antaranya yang mendapat keuntungan yang amat besar. Saya berharap syarikat-syarikat yang mendapat keuntungan besar itu melaburkannya semula dalam negara ini untuk mempercepatkan perkembangan ekonomi negara ini.

Begitu juga saya berharap syarikat-syarikat yang besar dan maju akan mengambil peranan yang cergas melalui sponsorship programmes dalam usaha-usaha kebajikan rakyat.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Tidak berapa lama lagi negara kita akan menyambut hari ulang tahun yang ke lima belas. Kita telah sampai pada peringkat dan kemajuan negara. Kita boleh memandang kepada masa depan yang cerah, membawa harapan baru ke arah kemakmuran dan kebahagiaan.

Dengan kata-kata itu, saya dengan sukacita merasmikan Kilang Besimega dan Chematics mega ini.

SPEECH BY THE PRIME MINISTER IN HIS
CAPACITY AS PRESIDENT OF OUTWARD
BOUND TRUST OF MALAYSIA AT THE ANNUAL
GENERAL MEETING OF THE TRUST, AT
BANGUNAN GETAH ASLI, JALAN AMPANG,
KUALA LUMPUR ON 28TH AUGUST, 1972

Gentlemen,

First of all, I would like to welcome you and to thank you for your presence at our Annual General Meeting. We are grateful to the Bangunan Getah Asli for making available this Board Room for our meeting today and I invite you all to express our thanks to MRFB for their kind gesture.

I would like to begin by reviewing the work of the Trust and the School's progress during the year.

Firstly, the enrolment: we had 449 trainees attending various courses in 1971. This is a slight drop compared to 458 in 1970, but the trainees maintained the usual high standard.

Up to date there are 548 places booked for the current year—the highest number of bookings in the history of the School. This is well above our target figure of 500 per year but slightly below the capacity of the School which can accommodate an average of 60 trainees per course or 600 per year.

Last year, we introduced courses for girls the first time. The first batch of forty one young ladies sponsored by PERTAMA underwent the course from 2nd-19th October. I am told it was a tremendous success. The girls took to the training with great enthusiasm and their only disappointment was that the course lasted only eighteen days instead of the normal twenty five days for boys. We have agreed that, in future, courses for girls would be twenty five days—same as boys.

With the success of the second girls course from 26th February to 21st March this year, the Committee of Management decided that there will be at least one girls course per year in future.

Gentlemen,

I am glad to note that the Management Committee met regularly during the year to deal with the many administrative and other problems. One of these meetings was held at the School itself so as to give the members a first hand view of the situation. I am sure that all members will join me in expressing appreciation for their good work.

Today, the School has a strong and highly qualified staff of Malaysian Instructors, two of whom were formerly Army P & T Instructors. The curriculum is now completely Malaysian in character and is drawn up to fulfil the needs of our society and our environment. I am happy to say that the School is in excellent condition and is well equipped to provide the youth of this country with the special type of training offered by the Outward Bound.

We are indeed fortunate in having a group of enthusiastic young men with clear sense of dedication and other qualities necessary for this important work. I would like to place on record, our thanks to the Warden and the staff for the high degree of efficiency with which they have carried out their duties throughout the year. The future of the School depends on the dedication and efficiency of the staff and we can depend on them to maintain the high standards set so far.

The audited accounts for the year have been with you for some time. You will note that we again have an excess of income over expenditure and this is most heartening. After many years in the "red", this is the fourth year that our accounts have kept a favourable balance, notwithstanding the fact that a number of improvements have been done to the School during the year.

I am sure you would all like to join me in congratulating the Committee of Management on their prudent management of the School funds.

Gentlemen,

Our young people today faces greater challenges compared to our generation. The process of growing up is more "existing" than ever been. With better food, better health and medical facilities, our children are bigger, healthier and better educated. But, side by side with this, there is also the growing pattern of juvenile

delinquency. The long accepted moral values of the older generation are being questioned and to some extent this has affected our younger generation. Partly this is due to rapid communications; so what is currently popular among the youth in the United States or Europe will inevitably find its way here. I suppose we cannot completely be free from such phenomena as Hippies or Woodstocks but we must take necessary measures to control them.

In view of this, it is of vital importance that our schools, universities and other places of learning should direct their energies towards producing a nation of educated, young people, imbued with the spirit of self-respect and self-reliance to face present day realities and the challenges of future. Our young people ought to be always disciplined and guided by the Rukunegara in their daily life.

Gentlemen,

The Outward Bound School is a very important adjunct to our national education system. It provides the necessary facilities to give our young people an opportunity to accept responsibility, to bring ours the best in them, and it guides them in the most practical methods to fulfil their obligations.

I would like to appeal to those involved with young people, particularly employers in both Government and Private Sectors, to make full use of the facilities at our Outward Bound School. By doing so, they will be giving our youths an opportunity to find the best in themselves, to instil in them the spirit and determination and prepare themselves to be responsible citizens and potential future leaders of our country.

Last year, I appealed particularly to the service clubs in this country to sponsor young men and women for courses at the School. The response has been good but could be much better. I am sure the Rotary Clubs, the Jaycess, the Lions and all similar groups can sponsor at least one or two young people each year from their districts to attend courses at the School. By doing so, they will be making a really worthwhile contribution to the Second Five Year Plan and progress of our country.

I would like to take this opportunity to thank everyone who has helped the Trust over the past year, in particular, I would like to thank Messrs Barlow Boustead Estates Agency Sendirian Berhad, the Secretaries and Treasurers, for their efficient service.

Gentlemen,

As you know, the Government is planning for the development of a Naval Base at Lumut. This will necessarily affect the present site of the School and therefore a new site has to be found for the School. I understand the Management Committee is looking into this matter and I would like them to plan for a really modern school with better facilities. The character and tradition of the School should be retained but should be properly integrated with the national policy in youth training.

Before I end, I have the pleasant duty of announcing the winner of the Tunku Abdul Rahman Award for 1971. You will recall that the Award is given to any ex-trainee who most exemplifies the Outward Bound spirit by a single outstanding act or by a series of acts, living up to the motto "To serve, to strive, and not to yield".

The winner of this coveted award for the year 1971 is A.S.P. Y.M. Raja Lope Ahmad bin Raja Razman.

Raja Lope attended course No. 25 in the year 1957. He was then a Probationary Police Inspector. He did a very good course and obtained a Merit Award.

Ever since, he has maintained a unusual interest in promoting the School by giving talks on the Outward Bound Movement and by encouraging young men to take part in the training. He is a very sound and responsible young man with a pleasant personality and those who know him have always found him to be forthright, thoughtful and obliging.

The Staff at the School have followed his activities and have been very much impressed by his bearing, conduct and behaviour, and feel that he is worthy of this Award.

I now call on Raja Lope to come forward and receive his Award.

UCAPAN PERDANA MENTERI MELALUI
RADIO/TV MALAYSIA SEMPENA ME-
NYAMBUT ULANGTAHUN HARI KEBANG-
SAAN YANG KE LIMA BELAS PADA 30HB
OGOS, 1972

Saudara-saudara sekalian,

Besok kita merayakan Hari Kebangsaan menyambut ulang tahun ke lima belas Kemerdekaan negara kita Malaysia. Marilah kita bersama-sama bersyukur kepada Allah Yang Maha Kuasa atas petunjuk dan inayahNya kepada kita sekalian, melimpahkan kemakmuran dan memberikan perlindunganNya kepada kita semua.

Semasa kita semua menyambut peristiwa yang penting ini dan merayakannya dengan apa cara yang patut, sukalah saya mengucapkan selamat kepada saudara-saudara sekalian serta terimakasih di atas kepercayaan terhadap Kerajaan dan sumbangan serta kerjasama dalam usaha-usaha negara. Sambil itu, saya ingin mengajak saudara-saudara merenungkan sebentar keadaan negara dan masyarakat kita hari ini serta memikirkan adakah kemajuan setakat ini memuaskan dan apakah yang patut dititikberatkan bagi tahun-tahun akan datang.

Dengan mengetahui pokok-pokok kejayaan yang telah dicapai dan menyedari pula kelemahan serta kekurangan yang perlu diperbaiki, saya yakin kita sekalian akan bersedia mengorak langkah baru dan memasuki tahun kerja yang baru dengan penuh keyakinan dan keazaman meneroka masa depan yang lebih cemerlang bagi kita dan untuk jenerasi akan datang.

Saudara-saudara sekalian,

Sebenarnya tempoh lima belas tahun bukanlah lama dalam kehidupan suatu bangsa. Kalau diibaratkan dengan hidup manusia, kita baru hanya mencapai taraf dewasa. Bagaimanapun, kita boleh berbangga bahawa dalam jangka waktu yang singkat itu, kita telah dapat mencatatkan beberapa banyak kemajuan dalam semua lapangan, khasnya dalam usaha hendak memberikan rakyat jelata kehidupan yang sempurna dalam keadaan rukun damai baik di kampung maupun di bandar.

Saudara-saudara sekalian,

Tidak siapa yang boleh menafikan hakikat bahawa kejayaan usaha pembangunan negara selama lima belas tahun yang lepas ini membawa kita jauh kedepan dari masa kita mula-mula mencapai kemerdekaan dulu. Bahkan kalau kita tinjau semula kebelakang, memutar balik rangkaian peristiwa semenjak 31 Ogos, 1957, akan lebih jelas betapa banyak usaha dan tenaga yang telah dicurahkan oleh rakyat dari semua golongan menjadikan negara Malaysia seperti yang kita ketahui hari ini.

Akan tetapi kita tidak harus lupa bahawa kemajuan yang kita capai itu bukanlah dengan cara mudah, berlaku dengan lancar dan licin tanpa sebarang kesulitan atau rintangan. Sebaliknya, berkat ketabahan hati dan keamanan yang teguh di kalangan rakyat dan pemimpin-pemimpin negara, maka kita telah berjaya mengatasi segala kesulitan dan merempuh segala rintangan bagi memenuhi matlamat negara.

Peristiwa bersejarah yang akan dirayakan oleh seluruh rakyat di segenap pelusuk negara, dari Perlis ke Sabah, sudah semestinya membawa rasa paling gembira kepada jenerasi saya yang turut memperjuangkan kemerdekaan dulu dan bersama-sama pula mengisi kemerdekaan itu. Pada hemat saya, sumbangan bakti untuk mengisi kemerdekaan ini adalah sangat penting kerana inilah yang dapat diwariskan dan untuk disambung pula oleh jenerasi yang akan datang.

Selain daripada sumbangan fizikal dan material, dalam erti-kata kemudahan-kemudahan hidup dan perkhidmatan sosial, sumbangan yang saya anggap besar sekali maknanya kepada negara ialah Rukunegara. Pada perayaan ulangtahun yang ke empat belas tahun lalu, kita telah mengambil "Bersatupadu" sebagai tema perayaan. Tahun ini kita memilih "Masyarakat Adil" sebagai tema Hari Kebangsaan 1972. Saya fikir tema ini sungguh kena pada masa dan tempatnya iaitu semasa kita sedang giat dengan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan yang telah memasuki tahun keduanya.

Saudara-saudara sekalian,

Tema Masyarakat Adil yang kita titikberatkan ini berhubung erat dengan konsep keadilan sosial atau social justice yang merupakan intisari dari perjuangan hidup setiap manusia, terutama sekali

bagi Bangsa kita Malaysia. Hasrat inilah yang menggerakkan kita merancang dan melaksanakan usaha pembangunan besar-besaran, dengan tujuan membawa perubahan kepada rakyat daripada corak masyarakat yang terjajah kepada masyarakat negara yang bebas dan merdeka. Usaha-usaha pembangunan luar bandar dilaksanakan dengan objektif membangunkan rakyat kampung dan desa yang telah terbiar sekian lama dalam zaman penjajahan dulu.

Kita bersyukur bahawa tugas zaman peralihan ini telah pun dijayakan dengan seberapa yang boleh. Perubahan-perubahan yang terdapat di mana-mana, dalam bentuk sekolah dan klinik, jalan kampung dan jambatan, bekalan air dan letrik dan projek rancangan tanah adalah bukti yang nyata dan tidak siapa yang boleh menafikan.

Saya ingin saudara-saudara faham bahawa langkah-langkah setakat ini hanya untuk memenuhi objektif zaman peralihan sebagai batu asas untuk membentuk masyarakat adil yang dicita-citakan itu. Sebagaimana bangsa-bangsa lain di dunia, kita juga ingin menjadi bangsa yang maju dan bertamaddun dan kerana itu mustahaklah kita mempunyai pandangan yang jauh, memikir dan menimbang rupa bentuk masyarakat bangsa Malaysia bukan untuk seratus atau dua ratus tahun bahkan untuk selamalamanya. Garis untuk masyarakat masa depan kita telah pun ditentukan dengan jelas dalam Rukunegara, yang pada hemat saya, meliputi seluruh aspek fizikal dan spiritual sesuai dengan kehendak-kehendak bangsa kita. Keperluan-keperluan masyarakat moden yang bergantung pada kemajuan sains dan teknologi diimbangi dengan keperluan-keperluan rohani sebagai memenuhi tamaddun dan kebudayaan yang tinggi.

Saudara-saudara sekalian,

Tugas utama kita hari ini ialah memberi makna kepada hasrat dan cita-cita ini. Tiap-tiap seorang warganegara Malaysia yang mengakui cinta kepada bangsa dan negara ini mestilah memenuhi tanggungjawab masing-masing dengan khidmat dan bakti, bukan semata-mata pada bibir mulut sahaja. Baik apa jua lapangan hidup yang kita pilih, adalah menjadi kewajipan kita bersama-sama memastikan supaya hikmat Rukunegara itu benar-benar menjadi kenyataan. Inilah pengertian yang penuh dari Dasar Ekonomi Baru.

Mengenai Dasar Ekonomi Baru khususnya, saya telah seringkali menegaskan bahawa inilah langkah muktamad yang akan menentukan untung nasib bangsa dan negara di masa akan datang. Objektif Dasar Ekonomi Baru adalah meliputi semua rakyat warganegara Malaysia dan bukan untuk satu kaum kelompok atau golongan. Hakikat inilah yang saya mahu difahami sepenuhnya oleh setiap orang dan janganlah ada lagi syak wasangka bahawa hanya kaum Bumiputra yang mendapat munafaat dari pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru itu. Kerajaan adalah melaksanakan Dasar Ekonomi Baru itu dengan cara adil kepada semua golongan rakyat Negara ini.

Negara kita ini adalah unique atau istimewa kerana pembahagian penduduknya yang sedemikian rupa serta cara hidup kita yang saling bergantung satu sama lain. Oleh kerana itu amatlah mustahak difahami oleh semua bahawa segala peluang yang terbuka ialah untuk semua dan bagi kebajikan bersama.

Saya suka menegaskan, terutama kepada orang-orang Melayu dan Bumiputra, bahawa Kerajaan hanya dapat menyediakan peluang-peluang menerusi rancangan besar-besaran, samada di bidang perindustrian. Begitu juga dengan kemudahan-kemudahan latihan dan persediaan bagi menyesuaikan diri untuk merebut peluang-peluang yang terbuka itu. Inilah hakikat yang saya tegaskan semasa melancarkan Gerakan Pembaharuan awal bulan ini yang pada pokoknya menghendaki perubahan sikap dan keberanian menghadapi cabaran supaya hasrat kita membina masyarakat makmur dan adil tercapai dengan penuh kejayaan.

Saudara-saudara sekalian,

Perkembangan-perkembangan yang berlaku di sekeliling kita, baik di dalam maupun di luar negeri, menunjukkan natijah-natijah yang baik bagi negara. Suasana politik dalam negeri jauh sudah meninggalkan tempuh-tempuh pergolakan di mana setengah-setengah pihak lebih mengutamakan kepentingan parti daripada negara. Hari ini kita melihat suasana yang semakin sihat kerana kecuali satu golongan politik yang kecil, ternampak kemungkinan dalam masa yang tidak lama membentuk satu barisan kebangsaan yang luas atau national front di kalangan parti-parti politik untuk menghadapi masalah-masalah negara bersama-sama. Saya percaya seluruh rakyat akan mengalu-alukan perkembangan ini yang akan membawa kita lebih dekat kepada matlamat perpaduan dan seterusnya mencipta masyarakat adil dan makmur.

Perkembangan terakhir dalam arena politik luar negeri menunjukkan tanda-tanda ke arah suasana yang lebih cerah dengan semakin berkurangnya ketegangan antara kuasa-kuasa besar. Lebih hampir kepada kita ialah pergolakan di kawasan Indo Cina dan di sinipun kita mengharapkan semoga usaha-usaha semua pihak untuk memulihkan keamanan di kawasan itu akan tercapai.

Bagi kita Malaysia khususnya, bersama-sama dengan negara-negara sahabat dan jiran, akan terus mengusahakan peluasan konsep menjadikan rantau Asia Tenggara ini kawasan damai, bebas dan berkecuali, daripada satu ideal yang patut diusahakan untuk merupakan hakikat kenyataan sebenarnya. Saya percaya dengan sokongan dan kerjasama dari semua, dan atas keyakinan serta kejujuran kita hasrat suci ini akan tetap tercapai.

Saudara-saudara sekalian,

Hari Kemerdekaan adalah besar maknanya bagi semua rakyat mengukuhkan tekad dan membaharui azam berusaha dengan lebih giat membina masyarakat adil dan makmur. Saya ingin saudara-saudara memandang ke dalam secara introspective dan bertanya pada diri sendiri apakah satu sumbangan bererti yang telah kita berikan untuk masyarakat dan negara selama setahun yang lalu ini. Kalau pun sudah ada, saya percaya tentulah kita sanggup dan bersedia memberikan bakti yang lebih lagi di masa depan. Bagi mereka yang belum, saya ingin mengingatkan lagi bahawa Kerajaan menghendaki sambutan positif dari mereka menyumbangkan bakti demi kebaikan mereka sendiri, masyarakat dan negara. Kebahagiaan hidup tidak datang sendiri kepada kita kecuali kita sendiri sanggup mengambil kesempatan yang disediakan itu.

Saudara-saudara sekalian,

Mengingat bahawa Rancangan Malaysia Kedua baru dalam pelaksanaan, masanya terlalu awal bagi kita mengukur setakat mana matlamat yang telah dicapai hingga kini. Biasanya orang mengukur kejayaan dengan per capita income tetapi buat kita ini tidaklah bermakna. Kita sedang membangun dan hasil usaha-usaha pembangunan ini akan mengambil masa. Bagaimana pun, rakyat yang turut melibatkan diri sudah pun dapat menikmati faedah darinya samada dalam bentuk rancangan tanah FELDA atau pun di kilang perindustrian, sama ada biasiswa di Perguruan Tinggi

dalam negeri atau pun untuk latihan iktisas di sebarang laut, samada nelayan di laut lepas atau pun pekerja balak di hutan rimba.

Inilah bukti bahawa kita sedang bergerak dan akan terus bergerak dengan penuh keyakinan dan kepercayaan bahawa setiap rakyat Malaysia akan merasai kehidupan yang sempurna dan bahagia dalam negara aman dan makmur selama-lama.

Semuga Allah memberkati kita semua. Selamat malam.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA PELANCARAN RASMI INSTITIUT TADBIRAN AWAM NEGARA, PETALING JAYA PADA 1HB SEPTEMBER, 1972

Yang Berbahagia Ketua Setiausaha Negara,¹ Yang Berbahagia Pengerusi Lembaga Penasihat Institiut Tadbiran Awam Negara,² Yang Berhormat Menteri-menteri, Saudara-saudara sekalian.

Saya berasa sukacita kerana dapat bersama-sama pada pagi ini dan juga untuk merasmikan Institiut Tadbiran Awam Negara atau National Institute of Public Administration ini.

Pistiwa hari ini sungguh besar maknanya kepada kita semua bukan saja bagi Dewan Latihan ini khasnya tetapi bagi perkhidmatan awam negara pada keseluruhannya. Pada hemat saya, perubahan nama dan taraf Dewan Latihan Pegawai-pegawai Kerajaan ini kepada Institiut Tadbiran Awam Negara sudahlah tepat dengan waktunya.

Dalam keadaan negara kita semakin maju, maka sudah tentulah bidang tugas Institiut ini semakin luas pula serta rancangan latihan semakin pesat supaya dapat mewujudkan satu pentadbiran awam yang cekap dan lebih dinamis bagi menghadapi masa depan negara.

Sebagaimana sedia dimaklum, Kerajaan dan pentadbiran bukanlah satu perkara baru dalam masyarakat kita. Semenjak kita menjadi bangsa yang bertamaddun, telahpun ada bentuk Kerajaan dan pentadbiran sendiri. Pentadbiran awam yang ada sekarang bermula dari pemerintahan kolonial dan telah menempuh berbagai perubahan dan cabaran-cabaran. Akan tetapi pentadbiran awam moden di zaman merdeka mempunyai beberapa ciri yang membezakannya dari konsep pentadbiran awam sebelum merdeka dulu.

Pertama, objektifnya telah mengalami reorientasi dan tugasnya bertambah berlipat ganda dari berbagai aspek. Begitu pula methodologynya telah meningkat dari peringkat trial and error kepada satu disiplin yang mempunyai gabungan ilmu pengetahuan yang teratur dan semakin berkembang setiap masa.

¹ Tan Sri Abdul Kadir bin Shamsuddin.

² Dato Abdullah bin Ayob.

Saudara-saudara sekalian,

Objektif pentadbiran awam negara kita sayugia mengalami reorientasi oleh kerana negara sedang mengalami satu revolusi atau perubahan yang pesat. Pentadbiran negara hari ini hendaklah menjadi penggerak ataupun accelerator perubahan ekonomi dan sosial. Dalam menyempurnakan tugas pentingnya sebagai penggerak dan pendorong utama pembangunan negara, maka semestinya pula pentadbiran dapat menyebarkan faedah-faedah kemajuan ekonomi dan sosial kepada rakyat. Tegasnya, pentadbiran mestilah, in its ultimate analysis, memenuhi aspirasi rakyat mengisi cita-cita kemerdekaan di samping menjunjung rule of law dan hak-hak asasi manusia.

Zaman kita sekarang ini memerlukan Kerajaan meluaskan fungsinya melebihi apa yang berjalan pada masa lampau. Selain dari memberikan perkhidmatan yang sewajar, Kerajaan patutlah bersedia memenuhi tanggungjawab mengarah dan menggunakan tenaga manusia, sumber-sumber alam dan teknologi dunia moden bagi mencipta sebuah negara yang aman, makmur dan bahagia.

Rakyat menghendaki kemudahan dan layanan yang lebih bermakna. Mereka tidak lagi rela hidup dalam keadaan daif dan jahil. Mereka tidak harus berpeluk tubuh saja di tengah-tengah pergolakan yang berlaku sekeliling mereka, lebih-lebih pula dalam negara yang sedang membangun seperti kita ini. Rakyat memandang tinggi kepada Kerajaan bagi memenuhi kehendak dan tuntutan mereka dan ini memerlukan jentera pentadbiran awam yang benar-benar boleh mengatasi masalah sosial dan ekonomi serta menjamin masa depan yang lebih cemerlang untuk mereka.

Dalam keadaan tertentu, masalah masyarakat kita memerlukan langkah dan strategi yang realistik bagi mengatasinya. Kadang kala masalah ini menimbulkan kelemahan dalam kemampuan pentadbiran atau "administrative lag" iaitu keadaan tidak seimbang di antara cita-cita dan pelaksanaan—between aspiration and performance. Tegasnya, antara tuntutan yang perlu dipenuhi dengan kemampuan jentera pentadbiran melaksanakannya. Keadaan tidak seimbang ini merupakan halangan yang besar terhadap pembangunan negara.

Untuk menghadapi tanggungjawab yang semakin bertambah itu kita mestilah memperkuat keupayaan pentadbiran untuk menjayakan rancangan kemajuan ekonomi dan sosial. Dalam konteks

ini, pentadbiran awam merupakan jentera yang mustahak dalam menyusun rancangan dan program pembangunan serta melaksanakannya. Penggunaan kekayaan negara secara berkesan bergantung pada pelaksanaan program ekonomi dan sosial yang hanya boleh terjamin kejayaannya pada perkhidmatan awam yang benar-benar cekap dan berkesan.

Oleh kerana menyedari hakikat inilah maka Kerajaan memberi keutamaan yang tinggi kepada usaha mewujudkan satu perkhidmatan awam yang cekap dalam rancangan pembangunan negara. Kita sedar ini adalah satu syarat mutlak sekiranya matlamat negara hendak dicapai sepenuhnya.

Saudara-saudara sekalian,

Kita semua maklum bahawa usaha mewujudkan pentadbiran awam yang baik sudah semestinya mengambil masa yang tidak singkat dan melalui berbagai proses perubahan. Negara-negara yang sudah maju pun mendapati tugas ini tidak mudah dan tidak pernah selesai.

Kita syukur bahawa meskipun negara ini masih muda, sistem pentadbiran yang kita punyai sekarang boleh dibanggakan oleh kerana adanya semangat baru atau "a new sense of direction" dan keazaman kita membaikinya dari semasa ke semasa. Pembaharuan kepada bidang pentadbiran menghendaki pimpinan yang bermutu tinggi, penumpuan perhatian yang terus menerus dan juga dedikasi dari semua pihak dan golongan, dari pegawai atasan ke peringkat bawah.

Seperti yang saya sebutkan tadi, dalam keadaan di mana Kerajaan sentiasa menghadapi permintaan dan tuntutan yang mendesak daripada rakyat, kita terpaksa menentukan keutamaan atau "priorities". Kerajaan tidak dapat melakukan semuanya dengan serta merta; sebaliknya kita tidak boleh pula menangguhkan tindakan yang sepatutnya. Sekiranya kita cuba membuat terlalu banyak dengan sekali gus, tidak pula terjamin pelaksanaannya dibuat dengan sempurna.

Tidak syak lagi Instituit Tadbiran Awam Negara atau INTAN ini mempunyai tempat penting serta mustahak. Dalam keadaan kita mengejar masa untuk memenuhi matlamat pembangunan negara, pegawai-pegawai mestilah mempunyai fahaman yang jelas

mengenai masalah utama dan penting serta perkembangan baharu bagi menggubal dasar yang sempurna, membuat keputusan yang bijak dan mengarahkan rancangan secara berkesan.

Dalam hubungan ini, amatlah perlu kemahiran dan specialisation dalam Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik kerana memandangkan bahawa tidaklah munasabah mengharapkan seorang pegawai PTD itu menjadi pakar dalam semua bidang pentadbiran. Kerajaan telah bersetuju supaya Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik berkembang ke arah specialisation dalam bidang-bidang tertentu seperti Pengurusan Pentadbiran (Administration Management), Perhubungan Antarabangsa dan Hal Ehwal Luar Negeri (International Relation and Foreign Affairs), Pentadbiran Ekonomi (Economic Administration), Pembangunan Desa dan Pertanian—Pentadbiran Tanah dan Daerah (Rural and Agricultural Development—Land and District Administration), Pembangunan Masyarakat (Social Development), Keselamatan Dalam Negeri dan Pertahanan (Internal Security and Defence) dan Hal Ehwal Bandar dan Kerajaan Tempatan (Urban Affairs and Local Government).

Sesungguhnya specialisation dalam pentadbiran Awam hari ini menjadi tambah penting kerana kita telahpun membentuk beberapa badan atau Authority baharu bagi mempercepat pertumbuhan ekonomi yang merupakan "a new dimension" dalam pembangunan negara.

Saudara-saudara sekalian,

Saya sukacita mendengar dari Ketua Setiausaha Negara sebentar tadi bahawa Instituti Tadbiran Awam Negara ini telah pun menyusun semula kursus-kursus yang dijalankannya mengikut specialisation di bawah beberapa bidang pengajian seperti Pengurusan Sains, Tadbiran Pembangunan, Tadbiran Kewangan, Tadbiran Kerajaan Tempatan dan Tanah, dan lain-lain lagi.

Di sini saya suka mengambil peluang hendak menyentuh sedikit berkenaan dengan latihan dalam Tadbiran Tanah kerana masalah tanah ini benar-benar merupakan satu hal yang rumit di semua negeri. Kecekapan dalam Tadbiran tanah hendaklah dipertingkatkan lagi dalam keadaan pembangunan sekarang ini. Soal tanah adalah satu-satunya faktor yang utama dalam mencapai pendapatan ekonomi dan taraf hidup yang tinggi untuk rakyat.

Tingkatan pembangunan yang akan dicapai bergantung pada hakikat ada atau tidaknya tanah untuk mengeluarkan hasil pertanian, hasil bumi atau untuk kegunaan yang lain. Kalau jentera pentadbiran tanah berjalan licin, tentulah dapat mempercepatkan lagi pengeluaran tanah. Oleh yang demikian, kakitangan yang bertugas di Pejabat Tanah hendaklah menerima latihan dari peringkat atasan sehingga ke peringkat paling bawah sekali mengikut keperluan tugas mereka, supaya jentera pentadbiran berjalan sempurna setiap masa.

Saya diberi faham bahawa latihan Tadbiran Tanah di Instituit ini akan terhad kepada pengajian secara luas dan mendalam berkenaan tadbiran tanah. Oleh yang demikian, saya sudah pun mengarahkan beberapa bulan dahulu supaya Kementerian yang berkenaan mengambil alih tanggungjawab berhubung dengan latihan untuk pegawai dan kakitangan tanah. Latihan itu hendaklah secara lebih detail meliputi undang-undang dan peraturan-peraturan tanah dan juga teknik-teknik pengeluaran tanah yang sedang digunakan. Memang sudah kena pada tempatnya Kementerian yang berkenaan menjalankan latihan ini kerana ianya lebih dekat mengawasi perjalanan Pentadbiran Tanah di peringkat negeri dan daerah.

Saya juga berharap Instituit ini dapat memajukan ilmu pengetahuan dan keahlian dalam bidang pengurusan dan pentadbiran serta membina dan memupuk semangat pimpinan yang progresif dan dinamis di kalangan cadre perkhidmatan awam. Untuk mencapai perubahan ekonomi dan sosial yang segera, pentadbiran awam hendaklah mengikis sikap dan peraturan yang usang dan menggantikannya dengan sikap dan peraturan yang baru. Dengan demikian saya percaya Instituit ini akan dapat melahirkan "a new breed of civil servants" yang bukan saja mempunyai keupayaan (capacity) bagi menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka dengan penuh berkesan tetapi juga "fully committed to the cause of national development."

Saya juga berharap supaya Instituit ini dapat mengambil inisiatif menyelaraskan latihan pengurusan di Malaysia. Disamping itu sudah sewajarnya pula Instituit ini menjadi pusat pertukaran ilmu pengetahuan, fikiran dan pengalaman bukan saja di antara pegawai-pegawai perkhidmatan awam tetapi juga di antara mereka dengan kalangan swasta dan pusat-pusat pelajaran tinggi di dalam negeri mahu pun di luar negeri.

Selain dari memberi latihan atau mengajar, saya rasa satu tugas penting yang harus dijalankan oleh Instituit ini ialah menjalankan penyelidikan. Dengan memulakan penyiasatan mengenai masaalah pentadbiran dan menerbitkan hasil-hasil kajian itu serta perakuan untuk mengatasi masaalah yang dikaji, Instituit ini akan membuat sumbangan yang besar memperbaiki dan meninggikan quality pentadbiran awam negara.

Di samping menjalankan penyelidikan, patut juga Instituit ini mengadakan perkhidmatan perundingan atau consultancy service bagi projek pembangunan yang dijalankan oleh Kerajaan atau pun Badan Berkanun. Saya percaya dengan tenaga keahlian yang ada padanya, Instituit ini boleh memberikan perkhidmatan perundingan yang bermutu dengan kerjasama dari badan-badan lain seperti Pusat Daya Pengeluaran Negara, Universiti-universiti dan pertubuhan-pertubuhan lain, seperti Institute of Management dan Institute of Public Relations. Usaha seperti ini, disamping membantu mencapai matlamat pembangunan negara, akan memberi erti yang besar dari segi memberi pengalaman kepada pegawai-pegawai tempatan dalam bidang perkhidmatan perundingan.

Saudara-saudara sekalian,

Bagi penutupnya, saya berharap agar Instituit ini dapat mencapai segala cita-cita dan objektifnya dan dengan demikian dapat memberi sumbangan langsung kepada pembangunan ekonomi dan sosial negara ini. Saya mengambil kesempatan di sini menyeru Ketua-ketua Jabatan dan segenap lapisan pegawai Kerajaan supaya memberi kerjasama penuh kepada Instituit ini dalam menjalankan tugasnya serta menggunakan peluang-peluang latihan yang terbuka di Instituit ini.

Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Instituit Tad-biran Awam Negara, semoga ia akan terus berjasa kepada rakyat dan negara.



Tun Abdul Razak bin Hussein kelihatan sedang melawat Kilang India Malaysia Textiles di Mak Mandin, Pulau Pinang pada 2hb September, 1972.

(Gambar The New Straits Times)

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA
PEMBUKAAN RASMI SYARIKAT INDIA-
MALAYSIA TEXTILES BERHAD DI MAK
MANDIN, SEBERANG PERAI PADA 2HB
SEPTEMBER, 1972

Y.M. Tunku Tan Sri Mohamad, Pengerusi India-Malaysia Textiles Berhad, Y.B. Dr Lim Chong Eu, Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.B. Menteri-menteri T.Y.T. Pesuruhjaya Tinggi India di Malaysia¹, Tetamu-tetamu terhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan.

Terlebih dulu sukaiah saya mengucapkan berbanyak-banyak terimakasih kepada Pengerusi dan Lembaga Pengarah Syarikat India-Malaysia Textiles kerana sudi menjemput saya kemari untuk merasmikan pembukaan kilang syarikat ini. Saya sungguh gembira kerana dapat menunaikan tugas ini dalam bidang lawatan saya ke Pulau Pinang kali ini, lebih-lebih pula mengingat bahawa syarikat India-Malaysia Textiles merupakan satu usaha joint-venture yang terbesar antara kedua negara—Malaysia dan India.

Dari apa yang saya fahamkan projek ini memang pun telah lama dirancangkan tetapi baru menjadi kenyataan dalam tempoh setahun lepas. Malaysia sungguh merasa untung kerana dapat membawa kemari the famous House of Birla, salah satu kumpulan perindustrian yang lama terkenal, bukan saja di benua kecil India bahkan juga di dunia. Gabungan kerjasama yang terjalin dalam organisasi ini melahirkan perusahaan textiles yang moden dan sophisticated, dengan pengeluaran products yang bermutu tinggi setanding dengan jenis material yang lazimnya diimport ke negara kita.

Tuan-tuan dan puan-puan.

Pada kesempatan ini, sukaiah saya menyatakan penghargaan dan terimakasih kepada Kerajaan Negara sahabat kita, India, yang telah memberikan bantuan dan kerjasama bagi melahirkan syarikat ini. On this pleasant and memorable occasion, I should like to thank the Government of India for their understanding and co-operation which makes this venture a reality. To my mind, this

¹ T.Y.T. Avtar Krishna Dar.

is a clear proof that as Asian nations we are well aware of the problems of one another, and that a less industrially-developed country like Malaysia can depend for technical assistance and industrial expertise from a more industrially advanced nation like India.

Needless to say, the India-Malaysia Textiles Berhad will stand as a landmark of joint-endeavour between two nations which have had long historical links, going back for several hundred years.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Dasar negara ini mengenai pengembangan ekonomi dan perlunya melipatgandakan usaha perindustrian telah pun sedia diketahui terutama dalam context Dasar Ekonomi Baru atau New Economic Policy. Saya telah pun menegaskan tidak lama dulu bahawa keteguhan ekonomi dan sosial negara bergantung pada berapa segeranya kita mengubah corak ekonomi tradisional menjadi sebuah masyarakat perindustrian. Our take off point depends on how soon or how successful we can restructure our traditional economic sector which is by and large agrarian and transforming the society into a modern industrial community.

Dalam hubungan inilah terutamanya saya menganggap penting sekali usaha membuka dan memperluaskan lagi bidang perindustrian seperti India-Malaysia Textiles ini. Masalah pokok yang kita hadapi hari ini ialah masalah memberikan pekerjaan kepada golongan belia yang semakin ramai bilangannya setiap tahun. Tetapi oleh kerana keadaan negara ini agak istimewa terutama sekali dalam imbangan penduduknya, maka sangatlah mustahak corak pembahagian pekerjaan mencerminkan keadaan masyarakat berbilang bangsa—the pattern of employment should truly reflect the racial composition of the nation at all levels. It is my earnest hope that this important policy of the Government will be followed and respected by all concerned in the true interest and unity of the country.

Saya percaya setakat yang mengenai syarikat India-Malaysia Textiles ini, langkah-langkah tegas hendaklah diambil untuk membetulkan imbangan pekerja-pekerjanya supaya memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan. Begitu juga saya fikir patutlah ada satu under-study programme supaya jawatan-jawatan

yang penting di peringkat pengurusan atau managerial—professional and non-professional—can be progressively taken over by Malaysians within a reasonable period of time.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Mengambil pandangan yang lebih luas khususnya mengenai kemajuan perindustrian di Pulau Pinang, saya sukacita dan amat berpuas hati dengan perkembangan yang begitu pesat di sini. Berbanding dengan lawatan saya kemari tahun sudah, jauh sekali bezanya dengan keadaan hari ini. This tremendous change is evident not only here in Mak Mandin and Prai, but also on Penang Island itself. Many new and labour intensive industries have now come to the Bayan Lepas Free Trade Zone. All these undoubtedly is due to the imaginative and dynamic leadership of the Chief Minister, Dr Lim Chong Eu.

Tidak syak lagi kemajuan Pulau Pinang sebagai pusat perindustrian menjadi contoh yang baik kepada negeri-negeri lain. Saya sentiasa menggesa supaya negeri-negeri yang belum begitu maju mencontohi Pulau Pinang. Walaupun barangkali kerana ada inherent factors mereka tidak dapat maju ke depan dengan rhythm tempo yang sama, namun saya percaya mereka dapat mempercepatkan sedikit lagi perkembangan industry menuju matlamat yang telah ditentukan itu.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Berbalik semula kepada India-Malaysia Textiles ini, saya sukacita mendapat tahu bahawa hasil productnya yang dikenal dengan IMATEX sudah pun mula diperdagangkan oleh beberapa department stores dan tailoring establishments di Pulau Pinang dan tempat-tempat lain dengan mendapat sambutan yang agak memuaskan. I hope the popularity of IMATEX products will continue to grow as time goes by and this will open prospects for export as well. In due course, I am sure Malaysian consumers will be proud of their immaculate Imatex suits rather than the imported materials, given good quality and reasonable price.

Saya lihat prospects bagi pengusaha-pengusaha luar negeri menanam modal di negara ini semakin cerah dengan penyusunan semula FIDA yang telah pun menyediakan list of potential industries di samping memberi bantuan nasihat yang diperlukan. Tidak lama lagi, Industrial Training Institute yang dibiayai oleh Kerajaan Federal Republic of Germany di Prai akan mulai

mengambil pelatih-pelatih yang bakal menjadi operator lathe dan mesin, menjalankan jentera dan sebagainya. Pusat-pusat latihan kemahiran lain akan mengeluarkan tenaga terlatih dan tidak perlu ada kebimbangan mengenai pekerja-pekerja mahir. Modal mudah didapati dari punca-punca dalam negeri. Hanya yang dikehendaki ialah technical expertise dan industrial know-how dari negara-negara maju untuk digabungkan dengan faktor-faktor yang sedia ada itu.

Saya harap industrialists dari negara-negara sahabat selain dari India akan sudi datang dengan lebih ramai lagi untuk bersama-sama mengambil bahagian in meaningful collaboration membawa lebih banyak industry ke negara ini supaya membolehkan kita mencapai matlamat masyarakat adil dalam negara yang maju, aman dan bahagia.

Sebelum saya mengakhiri kata, sukalah saya sekali lagi menyatakan penghargaan dan terimakasih kepada pihak syarikat ini, khususnya kepada para pegawai dan pekerja yang telah mengaturkan acara keramaian yang gilang gemilang dan meriah ini. Peristiwa ini sungguh besar maknanya kepada mereka dan akan menjadi ingatan dan kenangan kepada semua.

Dengan itu, saya dengan beberapa sukacita merasmikan Syarikat India-Malaysia Textiles Berhad ini dan berharap semua usaha ini akan terus maju dan berjaya.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI PEMBUKAAN RASMI PERSIDANGAN PERWAKILAN MCA DI HOTEL MERLIN, KUALA LUMPUR PADA 2HB SEPTEMBER, 1972

Y.B. Tun Tan Siew Sin,¹ Ahli-Ahli Majlis Kerja Tertinggi MCA,
Para perwakilan, Saudara-saudara sekalian.

Saya sungguh gembira dan bangga kerana sekali lagi dapat penghormatan untuk merasmikan Persidangan Perwakilan MCA ini. Sukalah saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Tun Tan dan ahli-ahli Majlis Kerja Tertinggi MCA kerana memberi saya peluang keemasan menemui ahli-ahli perwakilan MCA dari seluruh negara, jauh dan dekat menghadiri Persidangan yang penting ini.

Setahun telah berlalu sejak saya berucap kepada saudara-saudara dan kita telah menyaksikan banyak perkembangan terutama dalam kehidupan politik tanah air. It is more than a year since I addressed you all and during the intervening period we have seen considerable developments in the political life of the country.

Satu peristiwa yang tidak kita lupakan hari ini ialah kehilangan rakan seperjuangan kita, mendiang Tan Sri Khaw Kai Boh, Naib Presiden yang telah banyak berjasa kepada MCA dan juga kepada Perikatan. Saya ingin mengambil kesempatan ini menyatakan setinggi-tinggi penghargaan atas khidmat bakti beliau kepada Parti dan Kerajaan selama hayat beliau. Nama mendiang Tan Sri Khaw akan dicatitkan dalam sejarah negara sebagai seorang tokoh nasional setaraf dengan pemimpin-pemimpin agung MCA seperti mendiang Tun Tan Cheng Lock dan Tun Leong Yew Koh.

Dalam beberapa bulan yang lepas ini, kita telah mengadakan beberapa perjumpaan penting iaitu Persidangan Perwakilan UMNO bulan Jun dan kemudian itu ulangtahun ke sepuluh Parti USNO Sabah. Saya memandang Persidangan Perwakilan MCA ini penting dalam hubungan yang sama kerana parti kita bergabung dalam Perikatan dan seterusnya dalam Grand Alliance.

¹ Y.B. Menteri Kewangan Malaysia dan Presiden MCA.

Adalah jelas kepada kita sekalian bahawa masa depan negara bertali erat dengan kekuatan parti kita kerana disinilah letaknya punca kekuatan yang menggerakkan jentera Kerajaan dan menggembelngkan tenaga rakyat untuk pembangunan. Kemampuan parti kita memberikan bimbingan dan ketuaan yang jujur dan dinamis akan menentukan sama ada kita boleh berjaya mencapai matlamat pembangunan negara dengan sepenuhnya.

Sidang Perwakilan,

It is of utmost importance that everyone of us, every party member, be he in the MCA or MIC or UMNO, should fully recognise his duties and fully realise his obligations to the Party and the people and to fulfil these duties and obligations with sincerity, with determination and with dedication.

I have repeatedly reminded members of UMNO, particularly the leadership at all levels, how vital it is for them to keep close to the people, to understand their problems and endeavour to assist them in whatever way possible. It is by maintaining this close and cordial relationship that we develop a greater degree of rapport and better co-operation from them which will bring about more effective result in terms of party-people relationship. Only then will we be able to carry them along with us in whatever projects government has planned within the framework of our development programme. This is indeed the essence of party leadership.

Saudara-saudara sekalian,

Saya sangat berterimakasih kepada pimpinan MCA dibawah Tun Tan Siew Sin kerana memahami baik langkah-langkah yang telah saya ambil untuk memperkukuh lagi perpaduan di kalangan rakyat. Langkah-langkah dan rundingan-rundingan yang saya jalankan vi-a-vis Parti Gerakan di Pulau Pinang dan kemudian dengan People's Progressive Party di Perak adalah semata-mata dengan tujuan hendak memperkukuh lagi perpaduan rakyat serta mempercepatkan tempo pembangunan. Tidak syak lagi, dengan kerana ada titik-titik sefahaman di kalangan Parti yang pernah dulu menentang kita, dan sanggup bekerjasama melaksanakan dasar-dasar ekonomi, sosial dan politik negara, maka lebih besarlah kemungkinan matlamat-matlamat negara akan tercapai dengan penuh kejayaan.

Politik tanah air kita hari ini adalah jauh lebih maju daripada keadaan selepas pemulihan demokrasi berparlimen pada tahun lalu dan sudah jauh meninggalkan lembaran-lembaran hitam 13 Mei dahulu. Saya percaya, selagi ada keyakinan atas kemampuan kita menyelesaikan masalah kita sendiri dan selagi ada keazaman kita mencari penyelesaian yang sebenar, negara ini akan menghadapi masa depan yang amat cerah dan penuh harapan buat kita dan jenerasi-jenerasi akan datang. Saya percaya saudara-saudara mempunyai keyakinan yang sama.

Today we can proudly tell our erstwhile critics in their face where they have gone wrong in their analysis of our society. No doubt some will continue to entertain their wild hopes and prophecy of doom about impending communal conflicts and racial disintegration. However, on our part, we must always be vigilant and on the guard against any attempt from within and without to destroy the social fabric of our nation. So long as we are able to maintain our social cohesion, and with our growing resilience, I am confident we shall be able to triumph through the future.

Saudara-saudara,

Dua hari yang lepas kita telah bersama-sama menyambut ulang-tahun ke lima belas Kemerdekaan negara dan merayakan hari sakti itu dengan penuh gembira dan meriah. Tetapi yang lebih penting dari perayaan itu, yang lebih utama dari perbarisan dan acara-acara perayaan itu, ialah hasrat kita bersama hendak mendirikan masyarakat adil, makmur dan bahagia, di negara ini.

Saya telah seringkali menegaskan keazaman Kerajaan dan juga keazaman Parti Perikatan kita hendak memberikan kehidupan yang sempurna kepada rakyat kita dengan tidak mengira kaum atau keturunan, atau samada mereka duduk di kampung atau di bandar. Cita-cita ini bukanlah terlalu tinggi ataupun terlalu sukar bagi kita hendak mencapainya tetapi haruslah diakui bahawa jalan ke arah itu adalah masih jauh dan tentulah mengambil masa sampai kepada matlamat itu.

Bagaimana pun, saya yakin bahawa kita sekalian adalah bersama-sama mendukung hasrat ini dengan penuh tekad berusaha ke arah cita-cita murni ini. Kita menghadapi tugas besar ini dengan rasa pengabdian kepada bangsa dan negara serta berikrar akan

memenuhi tugas itu dalam tempoh hayat kita. Apa jua yang kita usahakan pada hari ini, akan menjadi warisan yang bakal disempurnakan oleh anak cucu kita akan datang.

Saudara-saudara,

Our nation is now faced with the task of modernisation. The goal of our New Economic Policy is to accomplish this task and in accomplishing this task, each of us will have to discard his selfishness and unite for the common good. It is our responsibility to first create the mood for modernisation. Only with the existence of this mood could the twin objectives of our Second Malaysia Plan be achieved.

I would like to remind all Malaysians that the colonial organisation of our society had left a deep imprint in the minds of our people. This has resulted in among us a tenacious habit of thinking that the inherited conditions, especially economic, cannot be changed. The people have been led to believe that only one group could be successful in commercial activities, while another group was only suitable for agricultural activities. As a result, healthy economic concepts have not developed and, for a time, the people were deprived of all will for rebuilding their society.

However, the New Economic Policy is aimed to free us all from this skewed belief. What is important today is to realign the minds of our people to the new environment—an environment where all of us could determine its movement—thus enabling them to take a positive attitude toward economic development and progress. Only with this realization could we ensure our people of their social responsibility.

A proper sense of social responsibility is also a pre-condition for the success of democracy, especially when our democracy lacks its roots. Belatedly, we have recognised the necessity for adapting democracy to our Malaysian way of life. Since democracy does not mean the satisfaction of individual or sectional interest but more the satisfaction of the majority or national interest; therefore, those who aspire for leadership, like we in the Alliance, who are entrusted with it now, must strive to be exemplary and remain above sectional or individual interest. We do not want the past to repeat itself. What we want is the continuous growth of enlightenment of our people at all levels, in order to ensure the successful modernisation of our society under a democratic system.

Consequently, we cannot afford to allow dangerous tendencies to mar the growth of our democratic wisdom nor can we afford to allow political apathy and indifference to co-exist. Irresponsible action under the guise of democratic tradition especially in a multi-racial environment of ours could only lead us to disaster. Therefore, there is only one choice before all of us—either to allow ourselves to be led by unhealthy democratic practice or to steer away from this pattern and to follow a path that would give us maximum benefit as enshrined in the Rukunegara. On our choice, at this juncture, depends the survival of our people and nation.

The realities faced by us today are by no means easy or comfortable. The jagged economic and social configuration would live with us for sometime to come, but let us all make it on a diminishing scale. Let us not allow the jubilant enthusiasm of independence and the fifteen year efforts of consolidation evaporate like a morning dew in the face of sectional or communal pressures. Let us be alive to the threat that comes under the various guises to undermine our responsibility and rationality. Let us isolate them and prevent them from confusing us to the extent of not being able to distinguish a sectional or communal issue from a national issue.

There is no doubt that the Alliance is very strong today, but it is precisely because of its towering strength that provocative elements could make their inroads more easily. They could agitate and propagate on issues that could stir the emotion of a certain section of the Alliance; and if this is allowed unchecked, the national unification efforts could be highly jeopardised. In the same way, if we allow ourselves to be subjected to disintegrative pressures, as experienced in the past, again the future of our people would be gloomy and dark.

It was to prevent disintegrative tendencies from getting their upper hand that the Sedition Act was legislated two years ago; but sometimes the enemies of this Act operate under the cover of democratic process, which makes it more difficult for us to identify them. But, as I said earlier, if we are all united and committed to our common goal, they would inevitably be alienated.

However, I think it is important for us all to remember that we in the Alliance, be it UMNO, MCA or MIC, is the biggest political party in the country and as such our members should

not easily succumb to any particular issue or become victim of circumstances arising out of political manipulation by irresponsible opportunists. We cannot avoid having issues from time to time, but we should always have the resolve to overcome them in a positive manner, and not allow them to divide us and break the strong bond we have established and nurtured for the past twenty years.

Saudara-saudara,

Akhirnya saya suka mengulangi lagi satu perkara yang telah saya tegaskan pada Persidangan Tahunan UMNO bulan Jun lalu mengenai penggunaan Bahasa Malaysia dikalangan pekedai dan business houses.

Keadaan hari ini masih dapat diperbaiki lagi dan saya sukalah melihat semua yang berkenaan bekerjasama tanpa memerlukan kuatkuasa undang-undang. Inilah cara yang sebaik-baiknya bagi kita semua memupuk keperibadian bangsa dengan menghormati dan menjunjung tinggi Bahasa Malaysia. Bahkan kita harus berbangga dengan perkembangan baru-baru ini iaitu persetujuan antara kita dan pihak Indonesia menggunakan sistem ejaan baru yang disempurnakan. Saya percaya seluruh rakyat akan menerima perubahan ini dengan sebaik-baiknya demi kemajuan dan keutuhan Bahasa Kebangsaan kita.

Saudara-saudara,

Sekianlah pesanan saya kepada Persidangan Perwakilan ini dan saya akhiri dengan harapan semoga persidangan ini menghasilkan keputusan-keputusan yang membawa kita selangkah lagi ke depan untuk membina masyarakat adil dalam negara yang makmur, aman dan bahagia.

SPEECH BY THE PRIME MINISTER AT THE
OPENING OF THE THIRD CONFERENCE ON
THE "MODERNIZATION OF ASIA" AT DEWAN
SRI PINANG, PULAU PINANG ON 3RD
SEPTEMBER, 1972

Prof. Tan Sri Hamzah, Vice Chancellor of University of Science,
Y.A.B. Dr Lim Chong Eu¹, Distinguished Delegates, Ladies and
Gentlemen.

It is both an honour and pleasure for us to have this Assembly
of Asia's distinguished academics here in Penang. To us, the
choice of island-city is symbolic since it is the site of our University
of Science and the fact that science is synonymous with
modernization.

I would like to take this opportunity to welcome you all
distinguished delegates and I sincerely hope that you will have a
pleasant stay in our country and this island-city of ours.

I am delighted to be associated with this conference on the
"Modernization of Asia" which is the third in a continuing series
of conferences dealing with a similar basic theme.

As Professor Hamzah said just now, the first conference was
held in Seoul in 1966 where philosophers, historians, political
scientists, economists and sociologists met to discuss subjects
ranging from profound philosophical issues to concrete practical
problems. Because modernization is inherently a complex set of
inter-related processes of change, it is understandable that there
was no consensus on the problems of modernization in Asia but
there was a widespread consensus on the basic importance of
the main theme.

The second conference in Honolulu in 1970 expanded the
scope to include modernization problems of the Pacific Ocean
area as well as Asia, giving a new emphasis of approach from
the tetrospective perspective to a futuristic perspective.

¹ Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang.

Distinguished Delegates,

I am told by your President that this conference is to focus specifically on Asia in the year 2001 which is about a generation from now. It is indeed a pleasant thought that many of us here might still be around to usher in the new millenium perhaps no longer as active participants but at least as interested bystanders.

I would like to congratulate the National Organising Committee for having chosen a time span that is close enough to allow for meaningful development programmes. Within the context of our development planning in Malaysia, this would mean the beginning of the ninth Malaysia Plan. It means a future that we can make to happen today.

We are aware that the future cannot be known; it will be different from what exists now and from what we now expect. Although "the future is not ours to see" as the popular song goes, I think we can still anticipate the future effects of events which have already happened and which in some instances we have planned and are responsible for bringing them about. Precisely because the future of some thirty years from today is going to be different and cannot be predicted, it is possible to make the unexpected to come by so long as we have the resolve, foresight and vision to make this happen.

I do not think that to plan and mould the future is an irrational activity. Governments all over the world do it everyday; planners absorb themselves in it and I myself am no less involved for, in devising practical and constructive strategies for the welfare of my people, we have accepted to work systematically on what should be done today for a better tomorrow.

(I believe therefore that making the future happen today is much more rational than coasting along on a comfortable assumption that nothing is going to change. Things will change if we are determined to make them change.)

Distinguished Delegates,

In my view, there are two complementary approaches on how to make the future happen today. The first approach is to anticipate a future that has already happened by taking advantage of the time lag between a major social, economic or cultural event and its full

impact. A sharp drop today in the birthrate through family planning practices, for example, will have its impact tomorrow. The change has happened, albeit small to begin with, and only a catastrophe could prevent its impact on social and economic planning tomorrow. Although we cannot really know how fast the impact will take place but we can say with a high degree of assurance that it will occur.

We are aware too that major cultural changes also operate over a fairly long period. This is particularly true of the subtlest but most pervasive cultural change brought about by urbanization. While it is by no means certain that every city will provide the desired changes but the fact remains that urban environment will accentuate the possibility of and need for better efficiency. Another field that always should be searched for a future that has already happened is that of knowledge, since new knowledge is likely to have impact not only on the form and content of education but also on teaching and learning materials, on teaching equipment and its design and even on research organization and research management. A wider range of opportunities exist in the future for those who first perceive the power of that new knowledge.

The second approach to what should be done today to have a modern tomorrow is to impose upon an unborn future a new ideal which tries to give direction and shape to what is to come. This, one might call, is making the future happen. It means making a different society and the embodiment in that society of an idea of a different economy and different technology. It need not be a big idea but it must be one that differs from the norm of today.

To mould the future demands also a willingness to look beyond ideas, doing something today to bring about the kind of future we want to make happen. It demands courage; it demands work and it also demands faith. Since tomorrow always arrives, we have no alternative but to accept the responsibility for making the future happen today.

On this point, I believe every Asian nation today is committed to the objective of creating a new society that will endure the challenges not only of the next three decades but going further into the next millenium. Only the approach and the underlying philosophy must essentially differ.

We in Malaysia, having formulated our nation's guiding principles—the Rukunegara—are deeply involved in this change process inspired by the ideal of a united Malaysian society in which a nation of diverse races, religions and cultures would endure and flourish. Only three days ago, we celebrated the fifteen anniversary of our Independence and once again we Malaysians dedicate ourselves to creating a just society in which the wealth of the nation shall be equitably shared and to building a progressive society which shall be oriented to modern science and technology.

Ours is a modest beginning towards modernization. In economic terms, the immediate objective is to bring about a change in a reasonably short period from the traditional society and its inherent characteristics of agrarian, subsistence economy to a modern industrial community.

We hope to accomplish this by urging our people to adopt new value systems while at the same time preserve and develop the finer aspects of our culture because a modern industrial society without culture will, to put it bluntly, be an ugly society. It will be a society that in the end will destroy itself.

It is an interesting point to note that of the two nations which underwent economic miracle in the postwar years, namely Germany and Japan, it is the latter which, to all indications, will be "the country of the future". The revolutionary change toward a new "Information Society", the introduction of "Levitrians" capable of clipping at 250-300 miles per hour and bright robots for manless factories, are some of the things which we Asian nations may hope to benefit from Japan's success story.

Ladies and Gentlemen,

As this Conference is about tomorrow, I would like to suggest that distinguished delegates present here this evening will make some realistic statements about the desired course and direction of Asian development towards the year 2001, assess the situation within which the developers must operate and indicate strategies for implementing the goals. I trust practical recommendations would emerge that will serve as guidelines to the government and planners of the countries of Asia.

I have great pleasure, therefore, to declare open the Third International Conference of the Modernization of Asia.

**SPEECH BY THE PRIME MINISTER AT THE
OPENING OF THE SEMINAR ON "THE ROLE OF
PUBLIC RELATIONS IN THE IMPLEMENTATION
OF THE NEW ECONOMIC POLICY" AT DEWAN
TUNKU ABDUL RAHMAN, KUALA LUMPUR
ON 8TH SEPTEMBER, 1972**

Tuan Pengerusi, Y.B. Menteri-menteri, Para Peserta Seminar,
Saudara-saudara sekalian.

Terlebih dahulu sukalah saya menyatakan ucapan terimakasih kepada Jemaah Pentadbir Institute of Public Relations Malaysia kerana menjemput saya kemari dan diberi penghormatan merasmikan Seminar dua hari ini.

Seminar ini yang akan membincangkan masalah-masalah perhubungan awam dalam konteks Dasar Ekonomi Baru khususnya mengenai pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua sangat-sangatlah dialu-alukan. Dialog di antara peserta-peserta dari sektor awam dan swasta akan membolehkan kedua-dua pihak lebih memahami masalah-masalah yang mereka hadapi.

Pihak Kerajaan berharap hasil-hasil perbincangan Seminar ini akan meningkatkan lagi kecekapan dan kesan strategi dan taktik perhubungan awam terutama dalam pelaksanaan jangka panjang Dasar Ekonomi Baru dan pelaksanaan jangka pendek Rancangan Malaysia Kedua.

I am happy to be here today and to be given the honour of opening your Seminar on "The Role of Public Relations in the Implementation of the New Economic Policy".

It is of tremendous interest to me personally to know that your Seminar today and tomorrow will discuss the problems of communication within the context of the New Economic Policy, particularly with regard to the implementation of the Second Malaysia Plan.

I am glad to note that the public sector and the private sector are evenly represented at this Seminar. The dialogue will, I am sure, enable both to understand better the problems that each

encounters. But more important, the resultant exchange of views and experience will, I hope, produce a balanced picture of the problems facing this country in the public relations field.

The Government would welcome suggestions from this Seminar that would increase the efficiency and effectiveness of our public communication strategy and tactics, particularly in relation to the long-term implementation of the New Economic Policy and the short-term implementation of the Second Malaysia Plan.

With only three years to go, we are now at a crucial stage of the implementation of the Second Malaysia Plan, which is the most ambitious development plan yet undertaken by our country.

As I said in the Dewan Rakyat recently, the Second Malaysia Plan would be reviewed in the middle of next year, and I think your Seminar today, which could be a prelude to many more on the problems of communication, is timely.

Ladies and Gentlemen,

I have on numerous occasions emphasised the fact that the success of the New Economic Policy will determine our very survival as a nation. The various development projects now being implemented under the Second Malaysia Plan are intended to give our people of all races, especially the less fortunate or the have-nots, a better life and a new sense of purposeful endeavour with the aid of science and technology.

The primary task of public relations in terms of national endeavour is not only to inform but to get people to action. In this context, the Government attaches great importance to the role of public relations in making the objectives of the New Economic Policy, particularly with regard to the restructuring of our Malaysian Society, as fully and as widely understood by all sections of our multi-racial population.

People do not act or respond favourably to any idea unless they understand. And our people cannot be expected to understand our national objectives and aspirations and act accordingly, unless they are well-informed. This must surely call for effective communication.

An urgent problem facing us today is how to make public communication more effective so that Government policies and actions are well-understood and favourably accepted by all our people, with a view to persuading them to accept changes in their environment and adopt new attitudes to fit themselves in the new scheme of things.

You will agree with me that no matter how persuasive a message seems to be from the point of view of the communicating source, there is no guarantee that the message will have the desired effect.

Ladies and Gentlemen,

For this reason, the task of informing the public cannot be left to the Government alone. Public communication, to be effective, must be the result of a concerted effort of both the Government and those non-government groups in our society, who are in position of leadership, particularly those involved in moulding public opinion and changing public attitudes.

I refer particularly to such groups as public relations practitioners and other mass communicators in the private sector, other professionals and professional institutions, and the non-government press, who must also play their part and contribute to the enlightenment of our public.

But effective communication has to go beyond just keeping the public informed of the reasons behind Government policy decisions. It has to go beyond the mere interpretation of Government policy in terms of its effects on the daily lives of our people. Most important, it must have an effective system of feedback.

The Government must be able to know the implications of each policy in terms of its social impact. The Government must be able to check its performance to see if it has not gone off the track. The Government must also be able to know public reactions, overt or covert.

When billions of dollars of public money are being spent, and the future of Malaysians at stake, we cannot afford to play a guessing game on our performance in the implementation of the New Economic Policy. Our communication must be able to produce adaptive behaviour. It must be able to help us constantly to refine our performance in the interest of our national survival.

For this reason, effective communication has become imperative in ensuring that the policy of restructuring our Malaysian society produces the desired results. You will immediately recognise this as not only a formidable but a highly professional challenge. And for this, we need all the specialist talent and help we can get. This is where public relations practitioners and other mass communicators can play their vital role in the national community by accepting an element of public service as an extension of their job.

Ladies and Gentlemen,

The Government is aware that the people, particularly the Malays and other Bumiputras, place high hopes on the New Economic Policy. But these hopes cannot be fully realised, without doubt and prejudice, unless there is widespread awareness throughout the nation, of the meaning and promise of the New Economic Policy, which is designed to benefit all our citizens.

We also realise that the success of the New Economic Policy rests as much on the attitudes and responses of our people as well as the implementors. It is in this connection that last month I launched the Gerakan Pembaharuan or the Reform Movement which calls on everyone—the padi farmers, the rubber smallholders, the inshore fishermen, the village headmen, government officials and planners—to adopt a new attitude and be fully motivated in performing their task.

It is important that planners and implementors should be fully briefed on conditions “on the ground” and place the people’s interest above all things. The Malaysian Centre for Development Studies is now making a pilot study on “The Attitudes and Aspirations of the Rural Population”. Further studies in depth will follow with the collaboration of other Ministries involved.

These studies would enable the Government to know with a measure of certainty the real attitudes of the rural population within the context of national development and consequently to formulate firm measures that might be necessary to change the attitudes and value system of the rural population along more progressive lines in order to enable them to work with greater vigour in pursuit of a more purposeful and richer life.

But this would give us at best only a partial view of current social attitudes toward the New Economic Policy. There is still an uneven recognition among our non-bumiputra population of the changes that are taking place generated by the New Economic Policy.

Ladies and Gentlemen,

It must be realised by all that great and far-reaching changes are taking place today to alter the character and quality of Malaysian life. These changes are being generated by a process of democratisation of our economic system. The private sector of our economy—and I include state-owned corporations within this sector—must recognise this fact and accordingly must gear its policies and operations to democratic ends.

The private sector must recognise now that it cannot operate in isolation, solely preoccupied with the business of manufacturing, selling and making profit. Under the New Economic Policy, the private sector is required to be an integral part of the new emerging economic structure. It is required to be an integral part of the national decision-making process. Investment for profit alone is no longer enough. The private sector must also become a major motivator of social change. Not in terms of changing public taste or habit in relation to products entirely, but in terms of creating new social values and habits calculated to move our multi-racial people to discover new forms of their common national identity.

We cannot, for instance, gloat over high per capita income figure which hides the existing fact of economic and social inequalities. As of this moment, our national identity is divided on racial basis into economic, occupational, locational, professional, and cultural areas, among other things. The private sector must help the Government in finding ways and means to make our national identity indivisible.

In this connection, the private sector must also voluntarily assume responsibility for non-corporate interests. Its corporate strategy must include recognition of the moral aspects of its strategic choice. Corporate management must be able to fit its own view of right and wrong with what society has a right to expect of business. It must be responsive to the needs of the new Malaysian society in the making.

The private sector will be judged not only on its management objectives to fit the national plan but also its positive contribution to the levelling of rural and urban economic and social differences.

Ladies and Gentlemen,

There are vast and profitable opportunities waiting in the transformation of a predominantly traditional agrarian economy into an industrial-agricultural economy. And this transformation could be made with less social and political stress if industrial projects and enterprises were programmed to take full advantage of the great rural economic and social potentials that are still largely untapped.

This is where an imaginative and dynamic corporate management can exercise its public relations judgement in the planning of its policy and objectives and play a decisive role in the democratisation of our national economy.

What has to be remembered is that the old economic order is disappearing and a new economic order is taking shape before our eyes, and with this new economic order will emerge a new social order and a new set of ethical and moral values and standards to ensure social justice for all.

The Government is determined to see the gradual but systematic disappearance of economic and social differences between our rural and urban sectors. We want to bring urban patterns of life and values to the countryside. We want to make farming in this country a business, not a way of life. In short, we want to see the rise of a new kind of rural man, with a new and dynamic way of thinking and approach to life, proud of his new-found status as an equal citizen in a just society.

This is the new spirit of our time. This is the spirit which motivated the formulation of the New Economic Policy. And this is also the spirit which will carry us through to our cherished goal of economic equality and social justice.

Every stratum of our society must be urged to recognise this new spirit that is moving across our land and to seize upon the opportunities now being offered to improve the quality of life in this country.

This is an urgent communication problem of immediate relevance to determine the success of the Second Malaysia Plan, for without early widespread public recognition of this new spirit the Plan may very well fall behind target, creating fresh problems and delaying the course of the New Economic Policy.

This calls for a social engineering task of a high order, making effective communication the more urgent as we move toward the second half of the Second Malaysia Plan.

Ladies and Gentlemen,

We in the Government are most interested to know your views, your assessments, your findings of the various communication problems in implementing the Second Malaysia Plan and restructuring our Malaysian society.

We will be interested to know how we can persuade the various segments of our multi-racial population to accept the challenges of the New Economic Policy. We will be interested to know whether the Government has done enough in putting across its message both to the general and specific publics concerning the fundamental aims behind the New Economic Policy.

We will be interested to know if there has been a communication failure or information gap in the federal-state-district-mukim-kampung link; between the political leadership, the planners and the implementors; between the bureaucrats and the technocrats; between the public and private sectors.

We will be interested to know whether there are still doubts and uncertainties in the private sector over the activities and aims of state-owned corporations; whether the private sector is fully aware of its new role in helping to restructure our Malaysian society; whether the non-Bumiputra segments of our population fully recognise the need for restructuring our society.

We will be interested to know, in view of the urgency of effective communication in the effort to restructure Malaysian society, whether there is any need for the setting up of a Communication Research Council to advise Government on communication problems and recommend their solution.

We need to know the answers because we cannot afford a failure in the Second Malaysia Plan, which is the first but most vital step along the road to economic equality and social justice for all our people.

Saudara-saudara sekalian,

Saya harap saya telah dapat menghuraikan sedikit sebanyak langkah-langkah yang perlu dijalankan dan peranan yang boleh dimainkan oleh pakar-pakar perhubungan awam dalam menjayakan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru sebagai yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Kedua.

Sebagai yang telah saya tegaskan berulang kali, Rancangan Malaysia Kedua merupakan rancangan pembangunan yang terbesar pernah diusahakan bagi negara kita. Kejayaannya akan menentukan "survival" negara dan rakyat Malaysia di masa akan datang.

Bagaimana pun, saya yakin dengan penyertaan semua pihak yang berkenaan dan dengan kerjasama dan sumbangan oleh Institute of Public Relations Malaysia menerusi Seminar ini dan juga kegiatan-kegiatanannya, Rancangan Malaysia Kedua akan mencapai matlamat-matlamatnya.

Ladies and Gentlemen,

Having posed these questions for your consideration, I have now great pleasure in declaring your Seminar open and wishing it all the success it deserves.

Thank you.



Tun Abdul Razak bin Hussein dan Perdana Menteri Soviet Alexei Kosygin sedang menandatangani perjanjian kerjasama dalam bidang ekonomi, kebudayaan, sains dan teknologi pada 6hb Oktober, 1972 di Soviet Russia.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA
PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN
MEMBACA AL-QURAN ANGKATAN TENTERA
DI STADIUM ANGKATAN TENTERA, JALAN
PADANG TEMBAK, KUALA LUMPUR PADA
20HB OKTOBER, 1972

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Saudara-saudara sekalian,

Syukur Alhamdulillah, dengan izin Allah kita dapat menyambung usaha suci mengadakan Peraduan Membaca Al-Quran dan Berzanji di kalangan anggota angkatan tentera.

Pada kesempatan ini, sukalah saya menyatakan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua pihak yang berkenaan kerana usaha dan penat lelah mereka mengaturkan Peraduan ini dari peringkat batalian hingga sampai pada kemuncaknya. Begitu pula saya sangat berterimakasih atas kehormatan yang diberi untuk saya menyampaikan hadiah kepada pemenang-pemenang yang telah berjaya.

Saudara-saudara,

Sebagai umat Islam adalah menjadi kewajipan bagi setiap kita mengerjakan suruhan Allah dengan penuh taqwa. Lebih-lebih pula dalam bulan Ramadhan yang mubarak ini, patutlah kita melebihi amalan yang saleh. Kecuali mereka yang menjalankan tugas-tugas atau pun melakukan gerakan berat di kawasan sempadan, saya fikir sayugialah kita menjunjung tinggi ajaran yang dikehendaki oleh ugama Islam dan berusaha menjadi seorang Islam yang sempurna dan taat kepada Tuhan.

Tahun ini saya telah pun mengarahkan supaya waktu bekerja di pejabat-pejabat Kerajaan kekal seperti biasa dan tidak ada lagi waktu bekerja Bulan Puasa seperti di masa yang sudah-sudah. Peraturan ini mendapat sambutan baik serta penuh pengertian dari semua Kerajaan Negeri dan saya sungguh berterimakasih atas kerjasama yang diberikan mereka dalam hal ini.

Saya rasa soal yang ditimbulkan oleh setengah-tengah pihak seperti CUEPACS yang berpendapat seolah-olah Kerajaan tidak menghormati Islam sebagai agama rasmi tidaklah timbul. Kita tetap menghormati agama akan tetapi jentera pentadbiran negara mestilah berjalan terus, terutama sekali semasa kita melakukan pembangunan dalam melaksanakan Rancangan Malaysia Kedua ini. Sayugia diingat bahawa usaha untuk membangun bangsa dan negara selain dari merupakan kewajipan kebangsaan juga merupakan kewajipan agama. Sambil kita menjalankan kehendak-kehendak dan hukum-hukum Allah untuk bekalan kita di akhirat, mustahak kita bersama-sama giat berusaha untuk kebahagiaan hidup di dunia.

Saudara-saudara,

Saya sungguh berpuas hati dengan adanya sikap baru di kalangan anggota angkatan tentera kita hari ini. Khasnya berhubung dengan Amanah Saham Angkatan Tentera¹ yang dilancarkan untuk mereka tidak lama dulu, saya mendapat tahu sambutan pada amnya sangat baik dan ini sudah tentu akan menjamin hari depan yang cerah untuk mereka sendiri dan juga keluarga mereka. Saya berharap mereka yang belum membuat satu-satu keputusan akan berbuat demikian dengan segera menurut tauladan rakan-rakan mereka itu.

Di samping perubahan atas tingkatan gaji untuk uniformed personnel, Kerajaan sedang juga menimbangkan kedudukan Nazir-nazir Ugama Angkatan Tentera dan Guru-guru Ugama Tentera. Memang sudah sepatutnya mereka mendapat perhatian dalam hal ini dan saya harap pelaksanaan tangga gaji yang baik bagi mereka akan dapat dibuat seberapa segera.

Saudara-saudara,

Berbalik semula kepada Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran ini, kita semua maklum bahawa tidak berapa hari lagi akan bermula Pertandingan pada peringkat kebangsaan dan akan disusul dengan Pertandingan pada Peringkat Antarabangsa Berkat usaha keras pihak-pihak yang saya tugaskan untuk menyelenggarakan Pertandingan tahun ini, saya sukacita menyatakan sambutan dari negara-negara sahabat adalah lebih dari yang sudah-sudah. Antara lain-lain saya suka menyebut sebuah

¹ Amanah Saham Angkatan Tentera telah dilancarkan pada 14hb Ogos, 1972.

negara sosialis yang ramai penduduk Islamnya iaitu Yugoslavia telah pun menyatakan kesudian untuk turut serta dalam Pertandingan tahun ini. Kehadiran negara-negara sahabat yang baru itu patutlah kita alu-alukan.

Tidak syak lagi, usaha-usaha yang kita jalankan untuk meninggikan syiar Islam adalah memberikan imej yang lebih baik bagi negara kita Malaysia. Tetapi yang lebih penting daripada itu ialah hakikat bahawa dalam melakukan pembangunan, membangun bangsa dan memberikan kemakmuran kepada rakyat, kita tidak ketinggalan membangun bidang rohani atau spiritual development dan dengan demikian membangun manusia Malaysia baru yang lengkap dan sempurna.

Adalah penting dalam peringkat pembangunan yang berlangsung sekarang ini, kita meletakkan perhatian yang sama berat kepada kedua-dua bidang material dan spiritual itu supaya terdapat perseimbangan pemenang-pemenang pada tahun ini dan seterusnya menggesa supaya mereka terus membaiki mutu pembacaan mereka. Begitu juga tahniah saya kepada Jawatankuasa di bawah Jeneral Wan Ismail yang telah mengaturkan majlis yang meriah serta gilang gemilang untuk meraikan peristiwa ini dan memberikan kebesaran kepada kitab suci Al-Quran dan Bulan Ramadhan yang mulia ini.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA
PEMBUKAAN RASMI PERTANDINGAN MEM-
BACA AL-QURAN PERINGKAT KEBANGSAAN,
DI STADIUM MERDEKA, KUALA LUMPUR
PADA 24^{HB} OKTOBER, 1972**

Assalmualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Y.B. Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri-menteri, Tuan-tuan Yang Terutama, Dif-dif Yang Dihormati, Saudara-saudara sekalian,

Alhamdulillah, kita bersyukur kepada Allah s.w.t. kerana dengan izin dan taufikNya, kita dapat meneruskan lagi pada tahun ini amalan dan bakti kita kepadanya dengan mengadakan Pertandingan Membaca Kitab suci Al-Quran Peringkat Kebangsaan yang bermula pada malam ini. Dan akan diikuti pula dengan Pertandingan pada Peringkat Antarabangsa selama tiga malam berturut-turut.

Saya ingin mengulangi kata-kata Tuan Pengerusi tadi mengalu-alukan kehadiran dif-dif dari negara sahabat yang sudi menyambut jemputan kita untuk menyerikan majlis ini.

Perkara yang sesungguhnya menarik hati di negara kita ini ialah bahawa sambutan yang diberikan kepada pertandingan ini menyeluruh datangnya dari semua kalangan, termasuk juga kalangan orang-orang yang bukan Islam. Maka dengan sendirinya Pertandingan ini telah menjadi suatu tradisi nasional kita di Malaysia yang dapat diterima oleh semua golongan masyarakat dan lambat laun menjadi manifestasi kebudayaan nasional kita.

Saudara-saudara sekalian,

Seperti di masa-masa lalu, kita menetapkan malam bermulanya Pertandingan Membaca Al-Quran pada malam ini untuk serentak dengan malam Nuzul Al-Quran yang jatuhnya pada malam ini. Dengan demikian, pertandingan ini merupakan pula sambutan kita memuliakan malam Nuzul Al-Quran sehingga jadilah Pertandingan ini kesempatan bagi kita untuk menghormati Kitab

Al-Quran serta keluhuran ajaran-ajarannya, di samping mem-
pertingkatkan mutu bacaan Al-Quran di kalangan umat Islam
sebagai mematuhi firman Allah yang maksudnya "Bacalah
Al-Quran dengan bacaan dan tartil yang baik."

Saya sangat bersetuju dengan tema pertandingan pada tahun
ini, iaitu "Pembangunan". Tema ini sungguh sesuai sekali dengan
kehendak dan matlamat negara pada masa ini kerana kita sedang
hebat melaksanakan rancangan pembangunan raksaksa dalam
usaha menyusun semula masyarakat dan membawa kemakmuran
kepada rakyat.

Ugama Islam ialah ugama pembangunan, dan Al-Quran ialah
obor atau "torch" yang membawa panduan bagi pembangunan
material dan rohani, untuk kebahagiaan dan kesejahteraan
manusia di dunia dan akhirat. Al-Quran dengan tegas menyata-
kan bahawa Allah tidak mengubah nasib sesuatu umat selagi
umat itu sendiri tidak berusaha mengubah nasib mereka. Jadi
manusia hendaklah berusaha memperbaiki keadaan hidup mereka
sendiri jika mereka ingin kepada Kemakmuran dan kesem-
purnaan hidup dalam ertikata yang sebenar.

Kita mengerjakan puasa pada bulan Ramadan yang mulia ini
sebagai menunaikan ibadat kita kepada Tuhan. Dan kita wajib
pula berusaha mengubah nasib kita dan memperbaiki kehidupan kita
sebagai sebahagian dari amal sallah kita kepada Allah, kerana
dengan penghidupan yang baik dan sempurna sahaja dapat kita
beribadat dan berbakti kepada Allah dengan baik dan sempurna
pula. Hanya dengan mengerjakan itu seluruhnya kita dapat
mencapai mertabat orang Islam yang sempurna.

Saudara-saudara sekalian,

Mulai tahun ini suatu gerakan untuk mempercepatkan tempo pem-
angunan ekonomi umat Islam sedang dijalankan iaitu dengan
terlancarnya "Tabung Pembangunan Ekonomi Islam" sebagai
hasil dari rumusan Kongres Ekonomi Islam Yang kedua¹ tidak
lama dahulu. Rancangan ini telahpun dipersetujui oleh Majlis
Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia dan oleh Kera-
jaan-kerajaan Negeri yang telah diberi penjelasan mengenai
strategi Tabung Pembangunan ini.

¹ Kongres Ekonomi Islam yang kedua pada 7hb April, 1972.

Tujuan Tabung Ekonomi Pembangunan Islam ini ialah untuk mengumpulkan permodalan umat Islam di Malaysia supaya dapat dilaburkan dalam projek-projek tertentu. Kutipan untuk tabung ini dimulai tahun ini bersekali gus dengan kutipan Fitrah dengan ditetapkan kadar \$1 bagi tiap-tiap ketua keluarga dan lima puluh sen bagi orang perscorangan yang belum berumahtangga. Semua kutipan tabung ini adalah kembali kepada Majlis Ugama tiap-tiap negeri.

Saya berseru kepada semua golongan umat Islam supaya memberi sokongan penuh kepada Tabung Pembangunan Ekonomi Islam ini sambil mengerjakan ibadat Fitrah tahun ini. Mudah-mudahan kebajikan akan diperolehi berlipat ganda di masa ini dan di masa hadapan.

Saudara-saudara sekalian,

Dalam usaha kita hendak mengukuhkan kedudukan Islam patutlah kita mengambil berat dalam soal penyebaran ajaran agama Islam atau Dakwah. Soal Dakwah ini saya anggap penting terutama di kalangan belia Islam kita sendiri, kerana ini akan memberi haluan yang baik dalam membentuk akhlak dan keperibadian mereka.

Saya sukacita menyatakan bahawa Institiut Dakwah yang dijalankan di bawah kelolaan Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Islam setakat ini telah mengadakan tiga kursus perkadiran Islam kepada para mahasiswa dan para pelajar di pusat-pusat pengajian tinggi kita. Syukur Alhamdulillah kesan dari kursus itu sangatlah baik dalam penghidupan masyarakat di kampus pengajian tinggi itu. Saya percaya dengan meluaskan lagi scope kursus ini, tidak dapat tiada gejala-gejala yang tidak diingini di kalangan belia Islam akan dapat dihindarkan.

Saya suka melihat supaya usaha-usaha dakwah di kalangan belia dan pusat-pusat pengajian tinggi ini dipergiatkan lagi oleh semua pihak yang berkenaan. Langkah yang diambil oleh Institiut Teknologi Kebangsaan dalam hal ini patut dijadikan tauladan oleh semua pihak.

Saudara-saudara sekalian,

Sebagaimana diketahui ramai, usaha menyediakan tafsir Al-Quran dalam Bahasa Kebangsaan sedang diuruskan oleh Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam dan jilid yang

akhirnya sudah pun siap sekarang. Dengan siapnya tafsir pengertian Al-Quran itu, maka sempurnalah projek besar untuk mendekatkan Al-Quran kepada umat Islam di Malaysia ini khasnya.

Untuk meneruskan usaha yang baik ini, saya telah mengarahkan supaya projek yang kedua dijalankan pula, sebagai lanjutan yang mustahak dijalankan dalam soal ini iaitu usaha menterjemahkan hadis-hadis Nabi Besar kita Muhammad s.a.w. Kumpulan hadis-hadis sahih yang lengkap dan dipilih dengan teliti, yang mengandungi panduan dalam segi-segi hukum syarak, hikmat-hikmat Islam dan panduan-panduan kemajuan dan kesopanan serta kesusilaan yang dibawa oleh Islam akan diusahakan terjemahannya dan Insya Allah dapat memenuhi cita-cita kita.

Untuk menggalakkan lagi pengajian Al-Quran di kalangan umat Islam di Malaysia, saya telah juga bersetuju supaya ditubuhkan Instituit Pengajian Al-Quran di Masjid Negara. Pada masa ini telah ada kelas menghafaz Quran di Masjid Negara dan ada antara pelajar-pelajar itu yang sedang dihantar melanjutkan pengajian mereka di Kahirah. Instituit Pengajian Al-Quran ini manakala ditubuhkan kelak akan merupakan sebuah Instituit yang lengkap dan diharapkan akan dapat menjadi Pusat Pengajian Al-Quran yang dapat memupuk dan mengembangkan pengajian Al-Quran serta mendalami kajian segala perkara yang berhubung dengan Al-Quran.

Inilah satu lagi sumbangan bakti untuk lebih mendekatkan lagi Al-Quran dan ajaran-ajarannya kepada umat Islam di negara kita. Mudah-mudahan Allah memberkati segala usaha kita itu.

Saudara-saudara sekalian,

Akhirkata, sukalah saya mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi terimakasih dan tahniah kepada Jawatankuasa Pertandingan Membaca Al-Quran tahun ini, terutama kepada Pengerusinya, Y.B. Tan Sri Syed Nasir bin Ismail yang telah berusaha bersungguh-sungguh menjayakan Pertandingan tahun ini. Jawatankuasa Pertandingan telah membuat beberapa pembaharuan yang menarik hati yang saya percaya memberi semangat dan inspirasi kepada kita sekalian, terutama dalam upacara pembukaan ini.

Saya juga mengucapkan sebanyak terimakasih kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan kepada pegawai-pegawai di semua peringkat yang telah memberikan khidmat dan kerjasama bagi menjayakan Pertandingan tahun ini. Mudah-mudahan dengan berkat Allah, pertandingan tahun ini akan mencipta lagi satu sejarah yang meninggalkan kesan gemilang dalam jiwa kita sekalian.

Dengan nama Allah dan dengan rasa penuh tawaduk, saya merasmikan Pertandingan Membaca Al-Quran Peringkat Kebangsaan Tahun 1972 ini.

Wasalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA
PENUTUP DAN PENYAMPAIAN HADIAH PER-
TANDINGAN MEMBACA AL-QURAN PERING-
KAT ANTARABANGSA DI STADIUM MERDEKA,
KUALA LUMPUR PADA 29^{HB} OKTOBER, 1972

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung¹ dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agung.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun.

Patik menjunjung kasih yang amat sangat terhadap ke bawah Duli Tuanku berdua kerana sudi berangkat mencemarkan duli ke majlis penyampaian hadiah-hadiah kepada pemenang-pemenang Pertandingan Membaca Al-Quranul-Karim peringkat Kebangsaan dan Antara-bangsa pada malam ini.

Sesungguhnya patik-patik pacal yang berada di sini merasa sangat bertuah dan gembira kerana Duli Tuanku telah pun berkenan merasmikan Pertandingan pada peringkat antara-bangsa tiga malam yang lalu.

Berkat daulat Duli Tuanku, Pertandingan Membaca Al-Quranul-Karim tahun ini adalah lebih meriah daripada masa-masa yang lalu dengan adanya sokongan dan sambutan yang hangat dari negara-negara sahabat. Adalah nyata daripada hakikat ini bahawa Kerajaan Duli Tuanku mempunyai tempat dan mertabat yang semakin tinggi di kalangan negara-negara Islam khususnya dan dunia internasional amnya.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, patik memohon izin meneruskan ucapan kepada hadirin di Majlis ini.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Menteri-menteri, Y.B. Tuan Pengerusi, Y.A.B. Menteri-menteri Besar, Dif-dif yang terhormat, Saudara-saudara sekalian,

¹ D.Y.M.M. Tuanku Abdul Halim Muadzam Shah.

Syukur Alhamdulillah, dengan berlangsungnya Majlis malam ini sampailah kita pada upacara terakhir dalam Pertandingan Membaca Al-Quran hijrah 1392 ini.

Selama lima hari berturut-turut Stadium Merdeka ini telah menjadi tumpuan rakyat Malaysia yang beragama Islam dan juga yang bukan Islam, dari jauh dan dekat. Selain dari mereka yang datang membanjir Ibu Negara, ratusan ribu pula bahkan jutaan bilangan rakyat yang memusatkan perhatian dan pandangan mereka ke Stadium ini melalui TV dan Radio masing-masing kerana tidak mahu ketinggalan menyambut dan mengingati peristiwa Nuzul Al-Quran.

Sebagaimana dapat diperhatikan, susunan Majlis Pembukaan Pertandingan telah pun disulami dengan acara yang menarik termasuk pantomin kemegahan Islam sebagai agama yang progresif serta menggalakkan perkembangan sains dan teknologi. Ini jelas membuktikan bahawa agama kita tidaklah mengkongkong kemajuan bahkan sebaliknya menghendaki umat Islam berusaha melengkapi diri dengan ilmu pengetahuan untuk kebahagiaan hidup.

Semasa pembukaan Pertandingan peringkat Kebangsaan dulu, saya telah juga menyebut tentang pelancaran Tabung Ekonomi Islam sebagai satu usaha mengumpulkan modal Bumiputera dan dengan itu dapat memperkukuh kedudukan kewangan kita untuk pelaburan di bidang perniagaan dan perusahaan. Dalam hal ini, saya berharap setiap Kerajaan Negeri akan bertindak dengan cergas supaya matlamat Tabung ini dapat dicapai sepenuhnya.

Pada kesempatan ini, sukalah saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Qari-qari dan Qariah-qariah yang telah berjaya di dalam pertandingan ini. Kepada peserta-peserta yang tidak bernasib baik saya harap mereka akan bersungguh berlatih dan berusaha muda-mudahan mereka akan berjaya pada masa akan datang. Begitu juga suka mengucapkan terimakasih kerajaan kepada Ahli-ahli Jawatankuasa Pertandingan atas usaha mereka yang tidak mengenal penat lelah selama beberapa bulan ini, kepada Kerajaan negara-negara sahabat yang menghulurkan tangan ikhlas membantu bagi menjayakan Pertandingan sama ada dengan menghantar para Hakim, para peserta dan pemerhati, serta tidak ketinggalan juga kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan semua pihak yang berkenaan atas sumbangan mereka.

Begitu juga terima kasih saya kepada orangramai dari kaum Muslimin dan lain-lain yang memberikan sambutan meriah selama Pertandingan ini berlangsung tanpa mengira hujan dan sebagainya. Segala ini memberikan inspirasi dan dorongan yang kuat kepada saya dan rakan-rakan saya buat masa akan datang.

Saya sukalah juga mengumumkan di sini keputusan yang diambil oleh Kerajaan untuk memberikan galakan dan dorongan kepada peserta-peserta Pertandingan Membaca Al-Quran ini. Adalah dicadangkan bahawa Johan Qari dan Qariah akan diberi hadiah istimewa iaitu menunaikan Fardhu Haji di Makkatul Mukarramah atas perbelanjaan Kerajaan. Andaikata mereka sudah pun mengerjakan Haji, mereka boleh pula membuat lawatan ke negara-negara Islam di Asia Barat dan Afrika supaya mereka dapat meluaskan pandangan dan mempeljari perkembangan serta kemajuan negara-negara Islam itu.

Akhirnya saya berdoa kehadiran Tuhan mudah-mudahan segala-gala usaha-usaha kita bagi meninggikan syiar Islam akan diberkati Allah Subhanahu Wataalla kepada Para Hadirin, peserta-peserta dan pemerhati dari Negara sahabat-sahabat pulang ke Negara masing-masing. Mudah-mudahan kita dapat berjumpa lagi pada tahun hadapan.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun,

Patik menjunjung kasih mempersilakan Tuanku menyampaikan hadiah-hadiah kepada pacal-pacal pemenang dalam Pertandingan Membaca Al-Quranul-Karim tahun 1972.

UCAPAN PERDANA MENTERI MELALUI TV/ RADIO MALAYSIA SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI PADA MALAM 6HB NOVEMBER, 1972

Saudara-saudara,

Malam ini dari setiap masjid dan surau seluruh negara akan bergemalah suara takbir dan tahmid menandakan terbitnya awal bulan Syawal dan dengan itu kita merayakan Hari Aidilfitri besok.

Mengambil sempena hari yang berbahagia itu, saya dan isteri saya mengucapkan Selamat Hari Raya kepada saudara-saudara kaum Muslimin dan Muslimat jauh dan dekat, sambil berdoa mudah-mudahan Allah memberikan pertunjuk dan perlindungan-Nya kepada kita serta memberkati usaha-usaha yang kita jalankan pada setiap masa.

Sebagai umat Islam yang taqwa, kita telah selamat menunaikan Fardhu Puasa sepanjang bulan Ramadan dan berikutnya mengeluarkan Zakat dan Fitrah sepertimana yang dikehendaki oleh Allah. Saya berharap pengajaran yang kita dapati dari amal saleh ini, iaitu menempuh ujian lapar dan dahaga, bertekun dan bersabar akan tambah meneguhkan iman dan azam kita di samping meninggalkan rasa keinsafan terhadap penderitaan hidup mereka yang kurang bernasib baik dan memerlukan kasihan serta bantuan.

Saudara-saudara,

Hari yang mulia ini sewajarnya kita sambut dengan amalan baik sambil bersukaria bersama kaum keluarga dan sahabat handai sekalian menandakan kesyukuran kepada Allah atas rahmatNya. Dalam pada itu, patutlah juga kita mengenangkan mereka yang telah mendahului kita ke alam baqa khususnya pemimpin dan pahlawan bangsa yang telah berkhidmat dan berbakti kepada negara hatta berkorban jiwa raga. Pengajaran ini amatlah penting terutama sekali kepada anak-anak jenerasi muda supaya tertanam di hati sanubari mereka keinsafan dan kesedaran akan sejarah kebangkitan bangsa untuk diwarisi selama-lamanya.

Saudara-saudara,

Saya sungguh sukacita Hari Raya Puasa tahun ini dapat dirayakan dalam suasana gembira dan meriah oleh kaum Muslimin di tanah air dengan disertai oleh sahabat handai dari ugama-ugama lain.

Baru beberapa hari yang lalu kaum Hindu di seluruh Malaysia merayakan Pesta Cahaya atau Deepavali dan kira-kira sebulan lagi kaum Keristian pula akan menyambut Hari Natal atau Krismas. Kemudian Kaum China akan menyambut Tahun Barunya. Inilah satu keistimewaan masyarakat kita yang berbilang bangsa di mana kekuatan terletak pada wujud dan kekalnya perpaduan rakyat, semangat muhibbah dan saling mengerti antara satu dengan lain tanpa mengira kepercayaan ugama atau aliran politik masing-masing.

Sambil merayakan hari-hari kebesaran, kita patut juga sentiasa sedar dan mengambil tahu keadaan sekeliling kita khasnya yang bersangkutan dengan keselamatan dalam negeri dan situasi politik antarabangsa Syukur Alhamdulillah, keadaan keselamatan pada amnya adalah semakin baik terutama di kawasan sempadan dengan adanya kerjasama dari negara-negara sahabat kita Indonesia dan Thailand.

Pada hari ini kita sayugianya mengingat dan berterima kasih kepada anggota-anggota Pasukan Keselamatan yang menjalankan tugas di baris hadapan dan tidak dapat bersama berhari raya dengan kaum keluarga mereka. Mudah-mudahan Allah memberikan mereka perlindungan dan dipelihara dari segala angkara musuh.

Suasana politik antarabangsa dewasa ini khasnya untuk rantau Asia Tenggara ini menunjukkan tanda-tanda cerah dengan harapan tercapainya keamanan tidak berapa lama lagi. Dengan adanya usaha-usaha positif mencari penyelesaian sengketa di Vietnam Selatan dan seluruh Indo China membuka jalan kearah perdamaian antara pihak-pihak yang berkenaan dan memulihkan keamanan yang berkekalan. Hakikat ini memperkukuhkan azam kita hendak meneruskan usaha menjadikan rantau ini kawasan damai, bebas dan berkecuali seperti yang dicita-citakan itu.

Saudara-saudara,

Dalam bulan September lalu, saya telah membuat lawatan ke beberapa buah negara Eropah iaitu Switzerland, Austria, Poland dan Soviet Union. Hasil-hasil yang saya dapati dari lawatan itu sangatlah memuaskan kerana selain dari mempereratkan tali persahabatan dengan negara-negara tersebut, saya menyaksikan sendiri ketabahan dan azam rakyat mereka membangunkan ekonomi negara serta bandar-bandar yang ranap musnah semasa Perang Dunia dulu sama seperti keadaan sediakala. Hubungan baik dengan negara-negara itu membuka lembaran baru dalam bidang kerjasama ekonomi dan sosial.

Pada hemat saya, inilah pelajaran yang patut dijadikan tauladan oleh rakyat kita terutama sekali orang-orang Melayu dan Bumi-putra. Kejayaan hidup hanya boleh didapati dari usaha yang ber-sungguh-sungguh yang dilakukan dengan penuh jujur dan dedikasi. Pokok yang utama ialah kemahuan untuk berusaha dan keazaman hendak berjaya dalam satu-satu lapangan hidup. Inilah intisari dari usaha-usaha pembangunan besar-besaran yang di lakukan oleh Kerajaan hari ini, yang menghendaki semua pihak dan golongan mengambil bahagian dan melibatkan usaha masing-masing.

Saya ingin mengingatkan orang-orang kita supaya menentukan sikap hari ini sama ada hendak maju ke hadapan supaya sama setanding dengan kaum yang lain di negeri ini dan bangsa-bangsa lain di dunia antarabangsa. Peluang yang baik hanya datang sekali dan kalau kita tidak segera merebutnya maka tentulah akan ketinggalan di belakang dalam perlumbaan hidup zaman ini.

Saudara-saudara,

Saya suka mengulangi lagi pesanan tentang perlunya orang-orang kita memahami hakikat ekonomi kewangan dalam kehidupan hari ini yang bermakna meninggikan pendapatan sambil menyimpan sebahagian dari pendapatan untuk dijadikan modal laburan atau lain-lain. Syukur Alhamdulillah, seruan saya kepada anggota-anggota angkatan tentera supaya menjimatkan wang arrears mereka mendapat sambutan yang memuaskan. Saya harap golongan lain yang akan menerima arrears pula iaitu guru-guru dan guru-guru agama akan berbuat demikian untuk kebajikan mereka di masa hadapan.

Dalam hubungan ini, sukaiah saya berseru lagi kepada kaum Muslimin supaya memberikan sokongan kepada Tabung Ekonomi Islam yang dilancarkan serentak dengan kutipan fitrah tahun ini. Dengan cara ini, kita berharap akan dapat mengukuhkan lagi kedudukan ekonomi orang-orang Islam dengan merancang projek yang boleh membawa kemakmuran dan kesejahteraan hidup mereka. Akan tetapi, syaratnya mereka juga hendaklah melibatkan diri dalam usaha-usaha itu dan tidak hanya berpeluk tubuh menunggu bulan jatuh ke riba.

Saudara-saudara,

Saya ingin juga menegaskan lagi tentang perlunya perpaduan rakyat kalau kita hendak terus hidup dan maju sebagai satu bangsa. Adalah menjadi kewajipan setiap rakyat memahami serta mengamalkan prinsip-prinsip Rukunegara. Ini amatlah penting terutama sekali semasa kita sedang menentukan keperibadian bangsa Malaysia dan mencari bentuk corak kesenian dan kebudayaan yang tahan, dan bakal diwariskan kepada jenerasi akan datang. Cita-cita kita ialah membentuk serta membina bangsa Malaysia baru yang dipupuk dengan semangat kesusilaan dan mempunyai tamaddun sains dan teknologi.

Akhir kata, scmpena hari-hari kebesaran yang menjelang tiba, saya berharap rakyat seluruhnya akan membaharui azam dan tekad untuk bergerak dengan lebih giat lagi untuk mencapai cita-cita kita bagi mendapatkan taraf hidup yang bahagia dan makmur dalam negara yang aman dan tenteram.

Mudah-mudahan Allah memberkati segala usaha-usaha kita yang suci dan kita sentiasa berada dalam peliharaan Allah.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI PEMBUKAAN
PAMIRAN PERUSAHAAN BUKU ANTARA-
BANGSA DI STADIUM NEGARA, KUALA
LUMPUR PADA 9HB NOVEMBER, 1972

Tuan Pengerusi, Dif-dif terhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan.

Terlebih dahulu saya suka mengucapkan terima kasih kepada Persatuan Penerbit Buku Malaysia atas jemputan mereka merasmikan Pamiran Perusahaan Buku ini.

Seperti yang kita maklum, Persidangan Agung UNESCO tahun lepas telah mengisytiharkan tahun 1972 sebagai Tahun Buku Antarabangsa atau International Book Year. Perisytiharaan ini merupakan satu peristiwa bersejarah dan tidak syak lagi akan meninggalkan kesan yang besar terhadap perkembangan perusahaan buku dan melaluinya kemajuan di bidang pendidikan dan pelajaran. Tema "Buku untuk Semua" (books for all) menekankan tentang pentingnya buku dalam kehidupan kita sehari-hari dan dengan itu pentingnya menyebarkan buku seluas-luasnya di kalangan orang ramai.

Kemajuan kita sebagai manusia moden adalah bergantung kepada ilmu pengetahuan dalam segala bidang. Maka itu kegemaran membaca merupakan satu usaha yang paling utama bagi kita baik orang dewasa mahupun anak-anak kecil. Dalam artikata bahawa buku mengandungi perihal manusia, oleh manusia dan untuk manusia maka buku adalah sumber ilmu pengetahuan, pengalaman hidup dan cita-cita manusia yang tinggi. Penulis-penulis yang terkemuka dalam apa jua lapangan, samada ia seorang pujangga atau sastrawan, ahli ekonomi atau sejarah akan cuba menyumbangkan karya mereka yang terbaik untuk diwarisi oleh masyarakatnya.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Kita di Malaysia ini sungguh beruntung kerana perbendaharaan ilmu pengetahuan yang telah dibukukan itu dapat dinikmati oleh orang ramai samada dalam bahasa asalnya ataupun dalam terjemahan. Dalam hubungan ini sukalah saya menyatakan penghargaan kepada semua pihak yang berkenaan seperti Dewan Bahasa

dan Pustaka, Oxford University Press, Pustaka Antara dan lain-lain yang telah banyak menyumbangkan usaha menterjemahkan buku-buku ke dalam Bahasa Malaysia dan juga menerbitkan naskah-naskah lama atau reprint untuk dinikmati oleh jenerasi hari ini.

Di pihak Kerajaan, suka saya nyatakan di sini bahawa langkah-langkah telah pun dijalankan bagi memajukan Perpustakaan Awam atau public Libraries dan School Libraries di seluruh negara. Begitu juga adalah diharapkan perpustakaan Negara yang sedang dirancangkan sekarang ini akan menjadi lambang abadi penghargaan kita kepada buku dalam pembangunan bangsa dan pembentukan identiti nasional.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Sepanjang zaman, buku adalah menjadi perbendaharaan yang paling besar bagi warisan kebudayaan segala bangsa. Bagaimanapun, sepanjang masa itu kekayaan kebudayaan ini menjadi milik dan keistimewaan bagi segelintir golongan elite sahaja. Kini semua ini dapat dicapai oleh setiap anggota masyarakat kita. Inilah cabaran yang paling ulung yang harus dihadapi oleh penganjur Pamiran ini dan juga Kerajaan serta rakyat Malaysia, dan cabaran yang sama juga hruslah dihadapi oleh seluruh negara membangun di dunia puluhan tahun akan datang.

Pamiran ini adalah gerak pertama dalam langkah besar usaha mencapai matlamat ini, dan kerana itu saya ingin mengucapkan selamat berjaya.

Besok penerbit-penerbit Asia Tenggara akan mengadakan persidangannya. Saya percaya Persidangan ini dapat memberi sumbangan sedikit sekalipun terhadap matlamat persefahaman dan kerjasama serantau dan saya merasa sukacita bahawa UNESCO memberikan segala sokongannya kepada Persidangan ini. Saya berharap dengan segala usaha yang tidak mengenal penat lelah dari segala yang terlibat, maka matlamat Persidangan ini akan tercapai untuk kepentingan perkembangan perusahaan buku di seluruh rantau ini, dan melaluinya, pembangunan fikiran setiap anggota masyarakat kita terhadap penghormatan dan pemenuhan nilai-nilai manusia yang sebenarnya.

Dengan harapan itu, saya dengan sukacitanya merasmikan pembukaan Pamiran Perusahaan Buku Antarabangsa ini.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA
MERASMIKAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN
YANG KETUJUHBELAS BANK KERJASAMA,
DI DEWAN TUNKU CANSELAR, UNIVERSITI
MALAYA, KUALA LUMPUR PADA
11HB NOVEMBER, 1972

Y.A.B. Tuan Yang Dipertua Bank Kerjasama¹, saudara-saudara
sekalian.

Terlebih dahulu, sukalah saya mengambil sempena hari dan bulan yang berbahagia ini mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada saudara-saudara, sambil berdoa semoga apa jua usaha yang kita kerjakan mendapat hidayah Allah dan membawa kepada kejayaan yang sempurna.

Hari ini juga membawa erti yang besar kepada Bank Kerjasama Malaysia dan ahli-ahlinya di seluruh negara dengan berlangsungnya Mesyuarat Agung Tahunan ke tujuh belas ini. Ibarat seorang gadis, ianya telah menjadi perawan remaja yang mempunyai daya penarik istimewa di kalangan orang ramai kerana sekitarnya terhimpun tenaga ratusan ribu anggota-anggota koperatif perseorangan dan syarikat kerjasama yang bergabung dengan Bank ini.

Seperti yang sama-sama kita maklum, Bank Kerjasama telah memulakan lembaran sejarahnya secara sederhana dalam tahun 1954 dan hari ini merupakan sebuah credit institution yang terkemuka dengan modal saham hampir-hampir \$6 juta. Dengan simpanan tetap dan savings account meningkat lebih \$16 juta, kemajuan yang dicapai oleh Bank ini dalam masa sebegitu singkat bolehlah dibanggakan.

Saya sukalah mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pimpinan Bank ini, terutama Encik Abu Mansor dan rakan-rakannya tua dan muda yang telah bekerja kuat memajukan Bank ini dan menaikkan imejnya dalam sektor kewangan negara khasnya kalangan swasta. Dalam hubungan ini, sukalah saya menyebut langkah bersejarah iaitu mengadakan Perjanjian Kerjasama dengan Bank Chase Manhattan bulan Jun dulu di mana

¹ Y.B. Dato Harun bin Haji Idris.

kedua-dua bank bekerjasama membiayai projek-projek pertanian, perdagangan dan perindustrian. Saya percaya dengan adanya peraturan ini, Bank Kerjasama boleh mengambil peranan utama sebagai pelupur rural credit demi perkembangan ekonomi luar bandar.

Saudara-saudara,

Seperti yang seringkali saya sebutkan di masa sudah-sudah, saya ingin supaya gerakan koperasi di negara kita ini benar-benar menjadi alat untuk revolusi ekonomi di kalangan rakyat luar bandar khususnya orang-orang Melayu. Demi tujuan inilah saya menggesa supaya pertumbuhan-pertumbuhan koperasi luar bandar bergerak dengan sikap baru dan lebih dinamis memberikan pimpinan kepada masyarakat tempatan supaya mereka benar-benar memahami matlamat Dasar Ekonomi Baru dan menyertai kegiatan-kegiatannya.

Pada amnya, gerakan kerjasama luar bandar telah mencapai banyak kemajuan misalnya melalui syarikat kerjasama kilang padi, kedai runcit, pengangkutan dan lain-lain. Bagaimanapun, lapangan yang masih luas lagi dan dalam hubungan ini saya rasa credit institution seperti Bank Kerjasama ini boleh memainkan peranan penting—identifying projects, planning, financing dan co-ordinating kegiatan-kegiatan pertumbuhan kerjasama supaya mendapat faedah besar. Umpamanya, dalam briefing yang diberikan kepada saya beberapa hari lalu, ada rancangan Bahagian Belia meningkatkan kegiatan Farming Youths atau Belia Tani di lapangan cash-crop farming seperti bertanam sayur-sayuran dan sebagainya. Mereka ada kemahuan, ada tenaga dan sudah adapun projek yang ditentukan tetapi mereka perlukan modal. Saya fikir sangatlah baik bagi banking institution yang rural-oriented menumpukan perhatian kepada usaha-usaha seperti ini dan dengan itu membantu belia kita supaya berdikari dan mengurangkan tekanan pengangguran di kalangan mereka.

Saudara-saudara,

Meskipun perkara ini telah seringkali saya katakan di masa lalu, namun perlu saya mengulangi lagi hasrat Kerajaan hendak mengubah structure masyarakat sebagai jaminan untuk masa depan yang lebih cerah bagi negara kita. Prinsip utama dalam proses penyusunan semula atau restructuring of society ini ialah perubahan sikap orang-orang kita supaya menerima norm atau ukuran hidup

baru sesuai dengan keperluan masyarakat moden. Dalam ertikata yang lain, masyarakat negara ini khususnya masyarakat Melayu menghendaki proses perubahan sikap yang lambat laun menjadikan mereka masyarakat moden atau urbanised kedua-dua dari segi pemikiran dan juga penghidupan.

Urbanisation atau pembandaran yang saya maksudkan itu bukanlah bermakna semata-mata membawa orang-orang kita berhijrah ke bandar atau pun dengan membawa keadaan hidup moden bandar ke kampung semata-mata. Proses berhijrah memang tetap berlaku terutama belia mencari pekerjaan. Tetapi perubahan yang kita kehendaki ialah dalam bentuk pemikiran yang sesuai dengan keadaan hari ini di mana setiap orang hendaklah berusaha ber-sungguh-sungguh meniggikan pendapatannya supaya dapat menikmati taraf ekonomi yang lebih baik daripada keadaan dalam masa yang lalu. Dengan keadaan ekonomi dan sosial yang lebih baik maka dapatlah mereka memberikan jaminan kehidupan yang lebih baik pula kepada anak-anak mereka yang mewarisi kehidupan mereka kelak.

Berhubung dengan ini, maka mustahak orang-orang kita yang diam di kampung menerima dan mengamalkan konsep ekonomi kewangan dan menjimatkan sebahagian daripada pendapatan mereka samada disimpan di bank seperti Bank Kerjasama ini ataupun bank-bank yang lain untuk digunakan sebagai modal pelaburan dalam projek-projek yang disusun oleh Kerajaan seperti Amanah Saham MARA dan sebagainya.

Bentuk masyarakat hendaklah diubah dan kehidupan secara subsistence yang lama itu sudah tidak sesuai lagi dengan kehendak-kehendak kita hari ini. Sebaliknya, mereka itu hendaklah dipimpin supaya lebih mementingkan usaha-usaha pendapatan atau income oriented kerana dengan cara ini sajalah mereka dapat mengumpulkan harta pendapatan yang lebih kekal dan bermunafaat kepada mereka dan kaum keluarga mereka di masa hadapan.

Begitu juga Kerajaan sedang memperhebatkan proses memajukan pekan-pekan kecil dan sederhana sebagai new growth centres, termasuk kawasan-kawasan baru di Pahang Tenggara, di Jengka Tiga Segi, di Johor Tenggara dan lain-lain. Saya berharap dalam masa beberapa tahun yang akan datang ini, pusat-pusat pertumbuhan baru ini akan menjadi tumpuan sebahagian besar daripada orang-orang kita sebagai tempat atau tapak kehidupan baru mereka di

mana mereka akan diam dalam suasana masyarakat perindustrian dan perdagangan. Pusat-pusat baru ini akan membuka peluang dan kesempatan yang lebih luas terutama bagi kalangan belia yang terlatih dalam jurusan kemahiran samada bekerja di kilang-kilang perindustrian atau di dalam lapangan pertanian moden mahupun sebagai pengusaha sendiri.

Bagaimanapun, bagi sebahagian terbesar orang-orang kita yang kekal diam di kampung, mereka akan ketinggalan zaman jika tidak sama-sama terlibat atau melibatkan diri dalam proses pembandaran ini. Saya rasa dengan panduan dan pimpinan melalui gerakan koperatif, persatuan peladang, belia tani dan lain-lain, perubahan ini dapat dilancarkan meliputi seluruh negara dan melibatkan semuanya.

Inilah tujuan muktamad Dasar Ekonomi Baru Kerajaan yang bukan hanya setakat mengadakan peluang-peluang bekerja, memajukan kawasan-kawasan baru dan membina new growth centres. Bahkan yang lebih penting dan utama kepada saya ialah membentuk manusia Malaysia baru yang bakal menjadi anggota masyarakat Malaysia baru untuk zaman berzaman sesuai dengan kemajuan sains dan teknologi.

Saudara-saudara,

Berbalik semula kepada Bank Kerjasama ini, inginlah saya mengulangi harapan semuga ianya meneruskan usaha-usaha besar terutama di bidang perindustrian moden seperti rancangan Paper dan Pulp Industry di samping kegiatan-kegiatan biasanya. Pengalaman menjadi underwriter seperti dengan syarikat Unilite baru-baru ini adalah menggalakkan dan patutlah dilipatgandakan di masa akan datang.

Malaysia masih dapat mencari pengalaman di bidang koperatif dari negara-negara Barat yang membangun. Kegiatan-kegiatan koperatif di negara seperti Denmark dan Sweden patut kita tau-ladani dan diubahsuaikan menurut keperluan kita di sini.

Begitu juga saya perhatikan konsep koperatif yang berjalan di negara-negara lain di Eropah Timur sangat berkesan dan patut benar disesuaikan dengan gerakan koperatif di sana yang maju dan progresif memasuki lapangan perniagaan dan perindustrian secara besar-besaran, di mana ahli-ahli koperatif sendiri ikut serta dalam kegiatan-kegiatan dan tidak hanya menjadi ahli yang pasif

sahaja. Pada pendapat saya, konsep penyertaan atau participation ahli-ahli ini patut benar dijalankan dengan lebih luas lagi khususnya di bidang consumer trade dan consumer service. Umpamanya, dengan mengadakan satu rangkaian kedai-kedai atau a chain of consumer shops di merata-rata tempat maka ahli-ahli koperatif akan berpeluang melibatkan diri mereka ataupun menempatkan anak-anak mereka bekerja dan belajar berniaga di situ. Inilah cara yang benar-benar memberi kesan kepada ahli-ahli koperatif supaya menumpukan minat mereka kepada kegiatan koperatif dan menarik lebih ramai orang-orang kita memasuki gerakan itu. Konsep inilah saya fikir dapat menggerakkan koperatif kita melangkah maju dengan lebih pesat lagi di masa akan datang. Jadi, tegasnya janganlah bimbang mempelajari kemajuan negara-negara lain asal saja mendatangkan munafaat kepada kita semua.

Saudara-saudara,

Dengan harapan semua Bank Kerjasama ini mencapai kejayaan yang terus menerus, saya dengan sukacitanya merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Bank ini dengan ucapan selamat bersidang.

SPEECH BY THE PRIME MINISTER AT THE
DINNER GIVEN IN HIS HONOUR BY THE
NATIONAL CHAMBER OF COMMERCE AT
LAKE CLUB, KUALA LUMPUR ON 15TH
NOVEMBER, 1972

Y.M. Tengku Razaleigh, Yang Dipertua Dewan Perniagaan Kebangsaan, Dif-dif Terhormat, Tuan-tuan sekalian.

Terlebih dulu sukaiah saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas jemputan menghadiri majlis yang permai ini dan lebih-lebih pula sebagai tetamu kehormat pada malam ini.

Sebenarnya, sukaiah saya mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada ahli-ahli Dewan ini sempena genap dua tahun usianya sejak perubahan nama kepada Dewan Perniagaan Kebangsaan Malaysia. Saya mempunyai penuh harapan semoga di bawah pimpinan Yang Dipertua baru, yang muda dan cergas pula, Dewan ini akan melihat kemajuan-kemajuan cemerlang dan menggembirakan.

Gentlemen,

It is both an honour and pleasure for me to be with you again this evening. This occasion is all the more auspicious since it is only a few days apart from our Hari Raya festivities. This is more than a coincidence and I have a suspicion that your Chairman really meant it to be another Hari Raya Party.

I am happy to know that the National Chambers has made significant stride and progress. In particular, I note with pleasure your contribution and your role in forming the ASEAN Chamber of Commerce and Industry at the Jakarta Meeting earlier in the year. This is indeed a laudable effort and goes a long way to achieve the aspiration of ASEAN.

In view of this, I would like to assure you all that the Government will give its full support to the proposed Conference of ASEAN-CCI and I shall direct the relevant government departments and agencies to render fullest co-operation.

On this auspicious occasion too, I would like to take the opportunity to pay tribute to your past Chairman for his sincere and diligent efforts to promote the interests of the Chamber and thereby the Nation. Although on the last occasion, he was only an ordinary Mr Wood, I am sure you all will agree with me that Tan Sri Wood richly deserves the honour that the King has bestowed on him. This is both a personal honour to him as well as for your Organisation.

At the same time, I rejoice in the sure knowledge that your present Chairman, who is both young and active, will lead the Chamber into fulfilling its tasks with vigour and dedication for the good of the business community and the Nation. I wish him all success.

Ladies and Gentlemen,

Talking in general economic terms, this year, 1972, has not been very favourable to us. Like other developing countries, we are naturally very sensitive to difficulties in international monetary and trade relations and are particularly concerned that these problems should be resolved. Although we achieved satisfactory progress in economic development, our share in international trade has declined, and our access to the markets of advanced countries has not increased.

The dominant position of the industrially advanced countries in international trade and monetary relations cast a shadow on the position and interests of the developing and under-developed countries. This was particularly evident during the recent monetary crisis which brought about readjustments in the exchange rates of American dollar and the British pound. This episode affected us considerably as is the case with other primary producing countries. However, due to the prudence and foresight of our Minister of Finance,¹ we incurred only small losses in our monetary reserves which are more than offset by reductions in our debt liabilities, but we suffered somewhat greater losses in export earnings particularly of our primary products.

Fortunately for us, and especially for our smallholders, the price of rubber improved considerably during the past month, breaking the \$1 mark just before the Hari Raya. I earnestly hope

¹ Y.B. Tun Tan Siew Sin.

this trend will continue for a long time to come and thereby sustain the economy of the Nation which is still very much dependent on our major export commodities such as rubber and oil palm.

I am gratified to note that the monetary problems are being resolved and we can look forward to brighter years ahead. In point of fact, even before the US Presidential elections, all pointers seem to indicate better economic prospects for the world. However, I would like to express the hope that in formulating their fiscal and monetary policies, developed nations should consider the position of developing and underdeveloped countries.

As I have said elsewhere before, in our case we are not seeking aid but trade. In this context, I trust that our friends in the E.E.C. and also Japan and the United States, will not only be outward looking but will adopt a more liberal trade policy so as to enable the developing countries to enjoy a fair share of the international market.

Ladies and Gentlemen,

Despite the setbacks resulting from the monetary crisis, I am happy to say that we have achieved significant results in our national development. I need not elaborate on this since your Chairman has already spoken on the subject in his address. My visit to the United States last year has resulted in attracting several major electronic firms into the country, most of which are in the Bayan Lepas Free Trade Zone in Penang. A significant number has started operations is Sungai Way Industrial Estate and I understand another Free Trade Zone is being planned in Ulu Klang area. Some others are going to Kuantan, Melaka and other parts of the Country.

Indeed, the prospects seem even brighter, and to borrow the words of FIDA Chairman,² Malaysia is now poised for an export-oriented industries. The new wave of export industries have come because of the facilities we are able to offer and the existence of a healthy economic environment that can sustain export-industries. It is worthwhile noting that at the end of August, more than \$M700 will have been invested by 300 foreign corporations in Malaysia.

² Encik Jamil Jan.

As you all know, I have only recently returned from a visit to Europe which embraced Switzerland, Austria, Poland and the Soviet Union. For part of the trip, I was accompanied by your Chairman whose counsel and advice I very much appreciated. As a result of this visit, we can expect a greater tempo of participation by these countries in our economic activities. We are expecting an Economic Mission from Poland to arrive here in the middle of December. In my view, it is of great advantage to us to have greater participation by smaller developed nations in our economic programmes and it is equally in the interest of these Nations too.

Ladies and Gentlemen,

When I addressed you all last year, I mentioned the scope for true partnership between the public sector and private sector in commercial and industrial ventures in the interest of the Nation. I am now happy to see that the positions and functions of PERNAS and SEDCs are now properly understood and appreciated by the private sector as evident by the PERNAS-Sime Darby venture. I hope there will be many more of such ventures in due time not only with PERNAS and SEDCs but among the private sector itself which, I am sure, will be for the benefit of everyone.

Your Chairman earlier on mentioned the need to send more trade missions abroad in our effort to promote the sale of Malaysian manufactured products. I cannot agree with him more and I believe we must be more aggressive in our trade promotion efforts and in our industrialisation programmes.

However, while the Government will do all it can to expand our frontiers of friendship and economic co-operation, there is a limit to what we can do. I feel the industrialists themselves are in the best position to promote the sale of their goods. I, therefore, look to them to intensify their efforts in trade promotion and expand markets of our manufactured products as an essential part of our economic development efforts. As we develop, as we clear more jungle land to plant crops, and as we industrialize, we produce more goods which need markets.

Therefore, the sale and marketing of our goods form an essential and vital part of our economic efforts to achieve our National objectives.

Ladies and Gentlemen,

Looking at the overall picture, I am satisfied with the progress of the Second Malaysia Plan up to now in so far as its physical aspects i.e. the vital economic infrastructure. However, there is still much to be expected in the industries to the depressed and less developed areas of the country.

I have often stressed the necessity of diversifying our agro-based industry and making the fullest use of other agricultural and marine products. It is for this purpose that FIMA was established and I would like to see new entrepreneurs among members present tonight not to hesitate to seek possible avenues for joint venture efforts in establishing industries in the East Coast states.

I am throwing open this challenge in the hope and belief that you will readily respond to it and thereby participate in the national economic development. No one will lead us to the promised land but ourselves and therefore everyone of us should be fully committed to this noble endeavour to achieve the objective of the New Economic Policy and build a strong, prosperous and united Malaysian society.

Ladies and Gentlemen,

This year, 1972 can be regarded as a momentous year in the history of mankind. We have seen the relaxation of tensions among the super-powers with the detente' between the United States and the Soviet Union and the United States and China, and also recently with the agreement to establish diplomatic relations between the People's Republic of China and Japan.

Now, as we approach the end of the year, we can expect further relaxation of international tension with the impending peace in Vietnam. At long last, the dark clouds which have been looming across the horizon of Indo China for more than two decades are beginning to clear away and the people there who have long suffered the agonies of the war will be able once again to live in peace and security.

It is our hope and prayer that all these developments will not only bring peace and stability to the world but will enable mankind to devote their energy, resources and technological advancement towards bringing about progress and happiness instead of misery and destruction.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Saya berasa gembira kerana dapat bersama-sama tuan-tuan dan puan-puan pada majlis malam ini dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih atas jemputan ini dan mendoakan semoga Dewan Kebangsaan ini terus maju jaya.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA
PEMBUKAAN PAMIRAN LUKISAN PEMANDA-
NGAN DI BALAI SENI LUKIS NEGARA, JALAN
AMPANG, KUALA LUMPUR PADA 17HB
NOVEMBER, 1972

Pengerusi Lembaga Amanah Balai Seni Lukis Negara,¹ Dif-dif yang terhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan.

Saya sangat sukacita kerana dapat bersama-sama petang ini menyaksikan Pamiran Lukisan Pemandangan atau Landscape Painting ini dan merasmikannya.

Awal minggu ini saya berpeluang memerhatikan makhluk alam semula jadi di Aquarium baru dan kali ini pula menikmati pemandangan alam semula jadi yang dipindahkan kebudayaan di masa yang lampau dan sekarang. Karya-karya yang dipamirkan hari ini adalah hasil usaha penting dan bernilai.

Langkah Balai Seni Lukis Negara mengembalikan minat kita kepada alam semula jadi sungguh kena pada masanya. Masa ini kita mengalami perkembangan yang pesat dalam usaha meninggikan taraf hidup rakyat dan semasa kita mencapai kemajuan kebendaan yang lebih tinggi, kita tidaklah seharusnya kehilangan minat terhadap alam semula jadi dan natural environment kita yang biasanya diabaikan keselamatannya oleh desakan-desakan kemajuan.

Kita semua maklum, negara-negara yang tidak memperdulikan environment mereka pada suatu masa dulu menghadapi ancaman pencemaran alam atau pollution yang telah dibiarkan berlaku terlalu lama. Soal menyelamatkan environment ini bukanlah tanggungjawab Kerajaan semata-mata. Dan bukan menjadi bebanan ahli sains, ecologist dan sebagainya. Seharusnya masalah ini patutlah menjadi tanggungjawab semua rakyat yang cintakan negara kita dan yang ingin menjamin alam yang lebih bersih dan nyaman untuk jenerasi akan datang. Saya berbarap seniman kita yang

¹ Professor Ungku Aziz

sensitif dan yang sentiasa sedar tentang keperluan rohaniah kita akan memainkan peranan yang penting dalam membawa kesedaran tentang pentingnya environment yang bersih kepada kita semua.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Peranan Balai Seni Lukis amat penting dalam sebuah negara yang membangun. Semasa Balai ini menimbangkan soal-soal melibatkan masyarakat dari semua golongan, ia juga bertanggungjawab memandu dan menetapkan standard yang wajar dalam tugas-tugasnya seperti menghakimkan pameran ini. Ini adalah satu peranan yang agak bertelingkah, kerana standard yang ditentukan oleh Balai ini mesti menerima kepercayaan dan keyakinan bukan saja di kalangan pelukis-pelukis di negara kita sendiri, tetapi juga di luar negeri apabila negara kita mengambil bahagian dalam pameran antarabangsa. Tegasnya, Balai Seni Lukis Negara tidak harus mengecualikan sesiapa pun.

Oleh kerana itu, kekuatan pertubuhan ini adalah bergantung kepada kebijaksanaan dan keahlian anggota Lembaga sendiri. Saya sukacita mendengar bahawa Lembaga ini mengutamakan peranan mendidik dan mengurangkan Seni Lukis Negara tidaklah dapat dinafikan. Oleh itu tanggungjawab ini hendaklah dipikul bersama oleh masyarakat supaya statusnya adalah benar-benar bermakna.

Satu daripada perkara-perkara yang ingin ditekankan ialah tidak bermakna sekiranya Balai ini semata-mata bergantung kepada Kerajaan dalam soal kewangannya. Semua Balai Seni Lukis Negara yang maju di dunia ini adalah mendapat penyertaan yang penuh oleh masyarakat. Sumber wangnya datang daripada sumbangan orang-orang hartawan yang membina Trust Fund atau Tabung Khas untuk satu-satu projek yang tertentu seperti untuk pembelian karya-karya dan sebagainya. Bagi pihak Kerajaan, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada suatu Foundation yang telah menderma sebanyak \$250,000 untuk tabung bangunan Balai Seni Lukis Negara manakala satu Foundation yang lain menjanjikan \$300,000 bagi tujuan yang sama. Saya berharap lebih banyak lagi hartawan-hartawan yang akan tampil ke hadapan untuk mengikuti contoh ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Sebelum saya mengisytiharkan pembukaan pameran ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua mereka yang berjaya memasuki pameran ini sama ada mereka memenangi hadiah atau tidak. Kepada mereka yang tidak berjaya untuk memasuki Pameran kali ini, saya harap mereka tidak akan putus asa tetapi akan sentiasa berusaha dengan lebih giat lagi dalam masa yang akan datang.

Seterusnya saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Lembaga Amanah Balai Seni Lukis Negara yang telah menjemput saya untuk membukanya. Saya berharap pameran yang penting ini akan mendapat sambutan yang baik daripada penuntut-penuntut bukan saja dari sekitar Kuala Lumpur tetapi juga dari seluruh negara. Dengan itu, saya dengan sukacitanya mengisytiharkan Pameran Pemandangan Alam Malaysia ini dibuka.

SPEECH BY THE PRIME MINISTER AT THE
OPENING OF THE SEMINAR ON FARM
MECHANIZATION IN SOUTHEAST ASIA AT
THE UNIVERSITY OF SCIENCE MALAYSIA,
PENANG ON 27TH NOVEMBER, 1972

Pengerusi MADA,¹ Para peserta Seminar, Tuan-tuan yang hadir.

Saya sungguh gembira kerana dapat bersama-sama di sini pagi ini di samping mendapat penghormatan merasmikan Seminar ini. Sukalah saya mengambil peluang ini menyatakan penghargaan dan tahniah kepada MADA atas langkahnya yang bijak mengadakan Seminar ini di mana tenaga-tenaga ahli dari beberapa negara di rantau ini berhimpun untuk membincangkan masaalah yang kita hadapi bersama.

Saya turut mengucapkan terima kasih kepada Naib Chanselor Universiti Sains² atas kesediaan pihaknya memberikan kemudahan dan membantu menyelenggarakan Seminar yang penting ini.

Mr Chairman, Gentlemen,

I would like, first of all, on behalf of the Government and our people, to welcome all participants to this Seminar of Malaysia particularly to Penang. We are indeed happy with the privilege of being the host country and Penang is even luckier for being chosen as the venue of the Seminar.

From the Seminar programme, I note that you will have the opportunity of seeing something of the country, particularly our rice-bowl region which is directly relevant to this Seminar. All in all, I wish you a pleasant and fruitful stay in our country.

Gentlemen,

As we all know, the current agricultural revolution that is taking place in most developing countries calls for radical changes both in technique and technology of agricultural production. The phenomena increases in crop-yields resulting from recent success

¹ Y.B. Dato Syed Nahar bin Tun Syed Sheh Shahabuddin.

² Tan Sri Hamzah Sendut.

in rice research, for instance, have increased the farmers' income and thereby provide possibilities for more intensive mechanization in agriculture.

It is in this context that I have been looking forward to this Seminar because many of the problems which you will examine in the next few days will have deep significance for Malaysia. I am sure they will be equally relevant to other countries moving rapidly into agricultural modernisation.

Mechanization does not take place in a vacuum. It profoundly influences all aspects of life. Its very existence gives, and will continue to give rise to numerous problems of social, economic and political magnitude. This is very true with most countries of this region where traditional agriculture is characterised by small farm holdings, low farm incomes and cheap labour.

Attempts have been made to mechanise tropical agriculture with equipment originating from the industrialised countries but such equipment is basically developed for different conditions of either larger farm holdings and higher labour costs as in the U.S. or for smaller holdings and higher incomes from a subsidised agriculture as in Japan. Such equipment has not been well accepted under the prevailing agro-economic conditions and consequently mechanisation in our region is slow with a very limited scope.

Malaysia, like most other States in the region, is still a frontier country. We are still in the fortunate position of being able to push back enormous areas of jungle, converting lands for human habitation and agricultural development, planning and implementing the emergence of new communities which will be modern in character.

But, we are not so large nor is our population so small, that we can afford to spend our natural resources with reckless abandon. We are a young nation, but it is desirable for us to exercise mature judgements so that the utilization of our natural and human resources are directed toward the greatest common good.

It is on this concept that the MUDA Agricultural Development Authority or MADA was established some years ago to ensure there would be double-cropping in the area and the farmers can obtain higher yields in rice. This is now being done, and in the process, agricultural mechanisation is being introduced on a modest scale. I seriously doubt that without mechanisation, these

goals would have been achieved, and it is a fact which we can take pride in that our experiment in mechanisation has met with considerable success.

But, that is not the end of the road. Side by side with our success, we have also created problems. We can think of a number of questions arising out of the new situation. For instance, what effect will mechanisation have upon displacement of labour in the Muda region? Does the mechanization necessary for double-cropping have aggravating effects upon the unemployment situation especially among the youth, let alone the more easily hidden under employment?

These are questions obvious to the agricultural economists and other specialists among you and ever present to the MADA staff. We would like to know the answers and see whether these are applicable to the other regions of the country where the agricultural and social situations are very different. And, if the answers are not satisfactory or encouraging, what are the practical alternatives?

Many economists have pointed to the dangers of displacing farm labour with large agricultural machines. The adverse effects would be even more serious if the tools used to mechanise agriculture are from non-indigenous sources or, in other words, imported from abroad. To minimise the problems, it is essential that the agricultural sector should generate new employment by using labour-intensive practices and by developing agriculture-oriented and other related industries.

The adverse socio-economic implications of introducing imported agricultural machines necessitate the indigenous production of relatively simple, small power-operated equipment. On a closer analysis of the problem, we can only conclude that it would be improbable to mechanise agriculture in our region without a parallel growth of local production of tools and equipment necessary for mechanization. This is the positive contribution, as I see it, of the local assembly plants which are specialising in agricultural machinery in the country.

Gentlemen,

I do not doubt that you will go into details about these and other related questions in the course of your deliberations. But I cannot leave this set of questions without stressing that the problems are by no means academic ones, to be treated as an

interesting intellectual exercise. They are of profound importance to the well-being of a nation. Research personnel of Government agencies and universities **must** assume responsibility by studying situations, analyzing findings and then, providing those who make or implement policy with their conclusions, hopefully practical recommendations—at least, possible alternative paths for the administrator and policy maker to consider.

In this increasingly man-made world of ours, our most difficult problem is to find a way by which we can live with the technological advances man has devised. Each development in technology, each accepted invention or innovation, solves some problems and, at the same time, creates new ones.

I should add at this point that research on mechanization and its consequences should embrace not only present and immediate years ahead. We normally plan five years in advance. To be concerned with trends in mechanization and technology for the next decade or two might very well prove to be useful. But I must hasten to add that projecting too far ahead over an unlimited time, as it were, makes me uneasy. Statistics themselves may be convincing, but the messages attending them are not always conclusive.

For Malaysia in the future, there is one planning facet or reasonable certainty. With large programmes like Jengka Triangle, Pahang Tenggara, Muda River or Kemubu Scheme well on their way, there will be a need to plan on a smaller scale—smaller insofar as land area, numbers of population involved, and suitable technology for programmes to be implemented. Engineers, economists and planners will have to learn how to "think small" as someone has put it. Grandiose plans and liberal budgets will not be feasible. Whether machines themselves will have to be scaled down or new forms of social organization developed to accommodate technical needs to modest situations remains to be seen. Nevertheless, the prospects for engaging in lesser enterprises, I dare say, are challenging; and it is likely that they will be more difficult to execute than larger programmes.

Gentlemen,

It is inevitable that mechanization will bring us face to face with other problem areas as consequences or derivatives of mechanization. Properly speaking, we should expect that machines

free people to do other things—*increase their productivity, engage in activities which will enhance family income and level of living, save time and energy and, some, to consider new activities in their lives.*

Machines take the jobs of men but also can make life more pleasurable. There is more time for *leisure*. But the question is how shall our farmer spend his leisure time? Now that he is freed from some shores and labour, there ought to be opportunity for personal growth and participation in community affairs and thereby channel his leisure for a more satisfying social life.

The question of values is a difficult one. Development, as we understand it, means progress in improvement of the state of affairs in our society by increasing the standard of living for all, providing a variety of services, and working toward a reasonable attainment of various ideals shared by most of the population.

We look to an increase in scientific and intellectual skills in the coming decades, but at the same time, hope to retain those values which we consider important. Will mechanization and technological advances affect our social values?

The introduction of cash and wage labour has made incisive inroads into traditional forms of mutual labour exchange in our rural communities. Some studies have been made on our rural communities shift in their structures and internal relationships.

One understands the basis of reluctance to move from tradition, though there may not be agreement with this position. The study of values and ideals in our more traditionally oriented community is essential to understanding and careful planning for constructive change. The link between these and the problems of this Seminar may not be readily apparent, but it is real one. Generally speaking, mechanization is regarded as synonymous with over-emphasis on the material aspects of life. This in itself may give rise to anxiety especially among our less sophisticated rural community.

The problems which we are likely to encounter are by no means insurmountable. Our farmers are pragmatic as well as persistent and their sense of the good things in life need not be shaken. Where mechanization has been emphasised, the response has been excellent. Nevertheless, it is well to bear in mind that value systems differ in many respects between the urban and rural sectors of a nation and this fact cannot be ignored.

Gentlemen.

I would venture to suggest that we must consciously seek appropriate political, economic and social methods for dealing with the forces set loose by new technologies. We recognise that machines provide us control over nature, but we do not wish that machines have power over man as well. To effect the necessary social controls will be no easy task; it must be done wisely and well; it must be done justly.

I have not talked about tractors or paddy-dryers. Some, among you, I am certain will discuss these with better expertise and experience. I have not weighed the relative merits of the two-wheeled tractor and the water buffalo. I leave that to you. The machinery I know best is Government and here I have had more than my share of diagnosing friction points, the need for injecting new sources of energy, of check and balance and so on.

I have not touched on the question of policy *per se*. To do so would be misleading; policy is the sum total of many intricate facets of life. I would not wish to state a "policy on mechanization" blithely, because as such we have none.

What we do have is a policy on agricultural development and mechanization plays its part within the programmes we have in the field, varying with conditions of land use, intensity of labour, nature of crops and all of those other factors relevant to whether mechanization will be used and to what degree. I have chosen to discuss a number of questions which recur in our own deliberations on development policy, in varying degrees of significance, and trust they will provide some guides to you in your deliberations.

One often hears that the general condition of a country is best determined by the state of its agriculture. I would add that for ourselves, we examine that state continually, evaluating the direction it takes not only for the part that it plays in the national economy, but among food producers and food consumers as well. We have made many gains and great strides in recent years but realize full well that the road to progress is long and never ending.

On that note, Gentlemen, I have much pleasure in declaring open the Seminar of Farm Mechanization in South-east Asia and I wish you success in your deliberations.

SPEECH BY THE PRIME MINISTER AT THE
DINNER OF THE FEDERATION OF MALAYSIAN
MANUFACTURERS AT THE LAKE CLUB,
KUALA LUMPUR ON 30TH NOVEMBER, 1972

Y.B. Tan Sri Nik Ahmad Kamil, Presiden, F.M.M., Dif-dif terhormat, Saudara-saudara sekalian.

Saya beserta isteri saya sangat berbesar hati atas jemputan saudara-saudara menghadiri majlis malam ini, lebih-lebih lagi menjadi tetamu kehormat Federation of Malaysian Manufacturers ini. Kami berdua mengucapkan berbanyak terima kasih kepada saudara-saudara sekalian, terutama kepada Y.B. Tan Sri Nik Kamil yang telah dipilih sekali lagi memimpin badan ini bagi tahun hadapan.

Sukalah saya mengambil peluang ini juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada belau atas perlantikannya itu dan saya percaya di bawah pimpinannya, F.M.M. akan mencatatkan banyak lagi kemajuan di masa akan datang.

Mr Chairman, Ladies and Gentlemen,

Only yesterday evening, members of our Club—the Lake Club—met in this very same place to elect the Club's officers for the coming year. I am very happy to say that your President was unanimously elected to be my Deputy, and I can think of no better choice than him to assist me with the Club as well as to lead the Federation of Malaysian Manufacturers. The most important thing to me is the knowledge that I can rely on him to take a greater share of the burden in running the Club's affairs in the face of increasing demand for better facilities from its members. I can assure you that they are more difficult to please than the electorates in my Constituency.

Ladies and Gentlemen,

I am indeed happy with the performance of your Organisation and particularly its efforts in accelerating the pace of industrial development in the country. When I addressed the National Chambers of Commerce sometime ago, I drew attention to the urgent

need of bringing more industries into the smaller towns and countryside in the less developed states. The same challenge is open to you. As your President pointed out just now, there is still considerable concentration in the West Coast States i.e. Selangor, Penang and Johor even to the detriment of other States like Negeri Sembilan and Melaka. This state of affairs is not desirable if we are to see a more balanced economic growth in the country.

The Government is fully aware of this and I am personally concerned if the existing policy and policy instruments are inadequate to meet the situation. To this effect, I have already directed a Committee under Tan Sri Raja Mohar to study ways and means of inducing industrialists to go to rural depressed areas by providing suitable incentives considering the location and prevailing circumstances.

I am happy to note that F.M.M. has already submitted recommendations on this same subject which I am sure will be given serious consideration by the Government. Once the matter has been finalised and necessary legislation made, I expect a new surge of activities in our rural towns.

On this point, I have great satisfaction in what I saw during my visit to Negeri Sembilan a few days ago, not only with the progress in the Senawang Industrial Estate but also in the town of Kuala Pilah and the Bahau area. Several new industries will begin operation in the very near future. This is the pattern I would like to see emerging in every state and to that end every State Government has been made aware of the need not only to expedite applications for industrial projects but also to provide the necessary infrastructure facilities for the industries to get launched off the ground without undue delay. If, inspite of this, any of your members or potential investors still encounter problems with regard to their projects, they are welcome to take up the matter with my Office for immediate action.

Ladies and Gentlemen,

We are fortunate that at a time when our traditional export commodities are facing problems of market and prices, we have been able to attract new industries into the country. There is a sudden electronics boom. The situation is very striking considering that at the beginning of the year, we did not have even one export-oriented electronics project in operation anywhere.

Within the past eight months, seven electronics factories have started production and nine are in various stages of implementation. More are on the way, not only for Penang and Kuala Lumpur but to other towns like Seremban, Melaka, Kuantan and even Pontian in Johor. We also have precision industries like the BOSCH in Penang.

However, while we gladly welcome this encouraging development, I am somewhat concerned with the rising cost of living as reflected by the price of locally manufactured goods. Admittedly, and to some degree, this is a problem of supply and demand but what seems equally important in the case of local manufacture is that our consumer public should be given satisfaction not only in terms of quality but also in terms of price.

It is understandable that in his operation, every manufacturer or industrialist would try to maximise profit in order to recover his capital investment within good time. While this is admittedly a reasonable proposition, I should like our Malaysian consumers to be really conscious of Malaysian made goods and thereby change their taste or habit to our own manufacture. Given good quality and reasonable price, I am sure this objective can be achieved. I hope F.M.M. members will give due consideration to this matter.

Ladies and Gentlemen,

Your President also touched on a number of other matters. The idea of having a permanent exhibition centre is an excellent proposition and as our manufacturing sector grows and expands, Stadium Negara will no longer be able to accommodate your future exhibitions satisfactorily. I am sure Datuk Harun, who is with us here tonight, will give you every assistance in this matter.

Fortunately also the episode at Port Klang has been resolved at least temporarily and the Government is considering on long-term measures to ensure the continuous smooth operation of this vitally important lifeblood of the nation. In this connection, I want to emphasise that the Government's policy in regard to employers and employees relations is well-known. While we expect employers to treat their employees justly and ensure fair rewards for their services, we also expect employees to play their part. Government will not hesitate to take firm measures against those who are found to be acting clearly against the true interest of the country.

I hope with the development of new ports in Johor Baharu and Kuantan, and with the improvement to our existing trunk roads besides the new highways, Malaysian Manufacturers will be better served with regard to transportation and marketing facilities.

Ladies and Gentlemen,

I thought I would also use this occasion to reiterate what I have said before on the need for a more aggressive trade policy especially finding new markets for our manufactured products. The Government will do its best to assist our manufacturers in this direction, for example, sending trade missions or holding exhibitions overseas. You will, of course, agree that Government cannot do very much in the way of trade promotion; the manufacturers must necessarily play a bigger role here since you are in a better position to literally sell your products. I am sure with persistent efforts and determination, you will succeed.

Ladies and Gentlemen,

In a month's time, we shall see the end of the year and welcome the new. This is going to be a busy month with Parliament and the Budget which I am sure most of you anticipate with interest if not anxiety. Whatever the outcome may be, I would like to take this opportunity to wish you all the best for the coming year with the hope and confidence that it will be another year of continued solid progress and better prospects for all.

UCAPAN PERDANA MENTERI MERANGKAP
PENGERUSI MAJLIS PENASIHAT PERPADUAN
NEGARA DI MESYUARAT MAJLIS PENASIHAT
PERPADUAN NEGARA, DI DEWAN TUNKU
ABDUL RAHMAN, KUALA LUMPUR PADA
30HB NOVEMBER, 1972

Y.B. Menteri-Menteri, Saudara-saudara Sekalian.

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih atas kehadiran saudara-saudara di sini pagi ini, terutama kepada ahli-ahli baru Majlis iaitu Y.B. Datuk S. P. Seenivasagam, Y.B. Dr Tan Chee Khoon, Encik Liew Sip Hon dan Encik Alex Lee, yang telah menerima jemputan saya untuk berkhidmat dalam Majlis ini. Saya percaya keempat-empat tokoh politik ini boleh memberi sumbangan besar kepada kerja-kerja Majlis di masa akan datang.

Seperti dimaklum, Majlis ini tidak bersidang sekian lama dan dalam tempoh itu saya telah membuat perubahan Kabinet dengan membentuk Kementerian Perpaduan Negara¹ yang mengambil alih tugas-tugas Jabatan Perpaduan Negara dan Majlis Muhibbah Negara dulu. Dengan penyusunan semula itu, saya telah melantik Tun V. T. Sambanthan sebagai seorang Menteri yang kanan mengetuai Kementerian ini dan seterusnya melantik beliau menjadi Timbalan Pengerusi Majlis ini mengambil tempat Tan Sri Lee Siok Yew dan Tan Sri Ghazali Shafie yang mempunyai tugas-tugas tertentu sebelum Kementerian ini ditubuhkan.

Saudara-saudara,

Dalam mesyuarat ini, saya bercadang hendak membentuk beberapa buah Jawatankuasa Majlis yang akan bertanggungjawab atas perkara-perkara tertentu. Kita semua maklum Majlis dalam bentuknya sekarang ini adalah besar dengan senarai lima puluh satu orang ahli. Sungguhpun banyak faedah yang didapati dari bertukar fikiran dan pendapat dalam sidang Majlis, saudara-saudara tentulah bersetuju bahawa tugas-tugas yang detail lebih berkesan dan

¹ Ditubuhkan pada 1hb Jun, 1972.

sempurna dijalankan oleh Jawatankuasa Kecil yang dapat bersidang kerap dari semasa ke semasa. Dengan itu sebahagian besar dari kerja-kerja kita akan dijalankan menerusi Jawatankuasa ini yang akan membuat laporan dan syor kepada Majlis ini untuk persetujuannya dan tindakan selanjutnya.

Dengan penyusunan semula Majlis ini dan juga dengan adanya Kementerian Perpaduan Negara, saya yakin dan percaya tugas-tugas Majlis akan dilaksanakan dengan lebih berkesan. Saya berharap ahli-ahli majlis ini akan berazam memberikan kerjasama dan menyumbangkan tenaga serta fikiran mereka untuk mencapai tujuan dan cita-cita Majlis ini. Sebagaimana di masa sudah-sudah, saya berharap ahli-ahli akan mengeluarkan buah fikiran mereka serta membincangkan masalah-masalah di hadapan kita dengan jujur, serious dan penuh bertanggungjawab. Hanya dengan demikian, barulah perbincangan Majlis ini benar-benar berfaedah kepada kita semua, demi kepentingan negara.

I expect members to speak their minds seriously and frankly. This Council is not an arena for political-party or pressure-group conflicts. This Council is a forum in which concerned and responsible citizens representing a broad spectrum of our society have the responsibility of contributing to the important objectives of national unity, on which the ultimate survival of this country must rest.

Ladies and Gentlemen,

In carrying out our tasks, I would like members of the Council to be constantly aware of the broad considerations which must guide us. It is not our business to question the basic rights, obligations and assumptions of our society. Our task is to build on the basic agreements of the past in order to achieve national unity.

We are not, as it were, starting out afresh. A lot has been achieved both in the N.C.C. which preceded this Council and which considered and accepted two very important documents, namely the Rukunegara and the New Economic Policy, as well as in the general political arena in the years of our independence struggle as well as since. The basic elements of rights and responsibilities are all there in the Constitution, which we have all accepted.

It is, therefore, no use now to talk about our rights on the basis of particular racial groups: that time is over. It is now our responsibilities to see how the various racial groups fit into a cohesive whole, how to unite to achieve the objectives which have been agreed upon.

Let me take the basic objectives of the New Economic Policy as an example. It is no use going over again the arguments and the debate which led to the formulation of these objectives. We have agreed that we must help the have-nots and we must rectify the economic imbalances in our society. Let us now examine in specific terms how we can achieve these objectives, how we can achieve unity through development.

In the same manner, if I may take another example, let us examine how we can achieve unity through the national language. Everyone accepts that Bahasa Malaysia is the national language of this country in the same way that everyone accepts that there is a place for the other languages, such as English, Mandarin, Cantonese, Hokkien, Tamil and so on. In considering the question of language today, let us consider it from the point of view of national unity. Bahasa Malaysia is the national language and there is a legitimate place for the other languages. The question of fighting for language rights, therefore, no longer exists. The question for us now is how to achieve national unity through the national language.

Ladies and Gentlemen,

In considering this matter, let us take into account the historical point in time of our nation. The time has now past to achieve national unity by seeking the unity of particular racial groups first. Likewise, it is no longer relevant to talk about achieving the unity of any particular racial group through the use of its language. There must instead be two sincere desire on the part of everyone to promote national unity through national means. What we want to achieve now is not the unity of particular racial groups but the unity of all Malaysians. Our objective is national unity, the unity of all Malaysians, through the national language, namely Bahasa Malaysia.

Let me repeat it here, lest I be misunderstood, that this is not to deny the legitimate place of the other languages. This is already entrenched in the Constitution. Let us not confuse the two. It is one thing to keep an eye to ensure that these legitimate rights are observed. The task before us is to achieve National unity and this can only be done through National mean i.e. National Language.

Related closely to the question of language is the question of culture. I would like members of the Council—and indeed everyone else who consider these questions—to take a long-term view of the history and identity of our nation. Where do we stand in the broad pattern of nation-states and in the general flow of history and culture? Let us not be too obsessed with immediate and transient issues, which in any event we cannot solve unless we read history and current developments correctly.

We must have a sense of our history and a sense of our own identity. We must read our history in the broad perspective of what has happened and what is happening around us. We must develop our own identity, based on our own history and on what we are today. Malaysia is in many ways unique in that we are the meeting point of many of the great cultures of the world. But this does not mean that we should lose our own cultural identity. Rather it means that these elements should influence our own culture so that we will see in time the emergence of a new native-based culture which is enriched and enlivened by the different cultural elements which have come to our country.

It is not, therefore, a question of preserving these cultural elements in their original form—indeed, it is worthwhile to remember that often in their own countries of origin they are not being preserved. What is important is to use these elements to contribute to the growth of a truly Malaysian culture based on the traditions and history of our own country.

Saudara-saudara.

Saya telah menyentuh beberapa masalah pokok dan penting yang mana akan dikaji dan dibincangkan lebih lanjut oleh Majlis ini menerusi Jawatankuasanya. Secara ringkas saya cuba menggariskan dasar am dan haluan yang perlu diturut oleh Majlis ini

dalam melaksanakan tanggungjawabnya memupuk perpaduan negara. Adalah mustahak bagi kita mencari perspektif yang sebenar supaya penghuraian masalah akan mempercepatkan lagi tercapainya objektif-objektif negara.

Saya percaya sidang kita kali ini akan menghasilkan fikiran-fikiran dan pendapat-pendapat yang membina dan dengan itu saya ucapkan selamat bersidang.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA MENYAMPAIKAN DIPLOMA KEPADA PEGAWAI-PEGAWAI TURUS DI MAKTAB TURUS TENTERA KEMENTERIAN PERTAHANAN, KUALA LUMPUR PADA 1HB DISEMBER, 1972

Saya sungguh sukacita kerana pagi ini dapat menyaksikan hasil usaha yang kita jalankan selama sebelas bulan semenjak saya merasmikan Maktab Turus Angkatan Tentera ini bulan Januari dulu. Saya turut merasa gembira dengan saudara-saudara sekalian terutama sekali angkatan pertama pegawai-pegawai tentera yang julung kali lulus dari Staff College kepunyaan kita dan diselenggarakan oleh orang-orang kita sendiri.

Sukalah saya mengambil peluang ini mengucapkan tahniah kepada saudara-saudara sekalian yang sekarang layak menyanggah tugas pegawai turus atau staff officer, dan di samping itu juga kepada Brig. Jeneral Arul serta pegawai-pegawai Maktab ini atas kejayaan yang cemerlang ini.

Seperti yang saya katakan semasa membuka Maktab ini dulu, amatlah mustahak bagi kita sebagai bangsa yang merdeka dan berdaulat mempunyai pegawai-pegawai terlatih di peringkat menengah untuk menghadapi perkembangan-perkembangan sekeliling kita khasnya setakat yang menyentuh keperluan dalam negeri. Saya percaya saudara-saudara sendiri tentu merasa bangga dengan hakikat bahawa saudara-saudara adalah local products in the true sense of the word dan tidak kurang bahkan saya fikir lebih istimewa dari pegawai-pegawai latihan di luar negeri.

In this connection, I am reminded of the present Indian Chief of General Staff, General Maneckshaw, who happened to be the first viceroy-commissioned officer as distinct from king-commissioned officer to assume that high office in the Indian Military establishment. There was a lot of scepticism since his predecessors were from Sandhurst. Incidentally, we have the same equivalent in our own CAFS, General Tan Sri Ibrahim, who was also a graduate of Dehra Dun. That was the time when we had neither army nor training institutions of our own, and, for that matter, only Johore

had the foresight to send her officers overseas. Today, I am glad to say that except for a token number who are sent overseas, all Cadet Officers for the various branches of the service are trained at the Royal Military College.

In a given time, most of you here will be holding responsible top positions in our Armed Forces, side by side with those who have gained knowledge elsewhere in Britain, Indonesia or the United States.

Saudara-saudara,

Saya berharap, samada dalam menjalankan tugas di baris hadapan ataupun di Markas Briged atau Battalion, saudara-saudara akan menggunakan sebaik-baiknya segala pengetahuan yang diperolehi semasa di Maktab ini, baik dari segi keselamatan maupun keperluan awam. Tambahan pula, susunan pelajaran atau syllabi Maktab ini khusus dirancang bagi keadaan sekeliling atau local environment sendiri. Dengan itu saya percaya saudara-saudara menyedari betapa pentingnya mengadakan hubungan dan ko-ordinasi yang erat dengan pihak pentadbiran awam dan Polis terutama semasa kecemasan seperti bencana banjir dan sebagainya.

Saudara-saudara,

Seperti dikatakan oleh Tan Sri General Ibrahim tadi, buat masa akan datang, selain dari menambah pengambilan pegawai-pegawai tentera Maktab ini akan juga mengambil pegawai-pegawai Polis dan Perkhidmatan Awam untuk menjalani kursus di sini. Ini bukanlah perkara baru kerana di negara-negara lain juga pegawai-pegawai awam mengikuti kursus seperti di Lemhanas dan di Imperial Defence College, London.

Buat masa ini Maktab Turus belum boleh mengambil bilangan yang ramai. Tetapi manakala ianya pindah ke kawasan baru dekat Rawang kelak bukan saja dapat ditambah pengambilan bahkan boleh diperbesarkan fungsinya menurut garis Lemhanas atau IDC itu. Pada masa itu kelak bolehlah ditimbangkan samada kita akan membuka pintu Kolej ini kepada negara-negara lain dalam bidang kerjasama pertahanan. Hubungan dan kerjasama antara negara-negara sahabat khasnya negara tetangga sangatlah mustahak untuk kepentingan bersama.

Saudara-saudara.

Hari ini kita menghadapi tugas-tugas berat dari segi keselamatan. Meskipun keadaan pada amnya di kawasan sempadan Thailand dan Indonesia terkawal baik, namun ancaman komunis bersenjata akan terus wujud untuk beberapa lama. Kita akan menjalankan apa juga langkah yang perlu di segi politik dan military, secara physical dan psychological untuk mengembalikan keamanan dan ketenteraman yang berkekalan. Sebahagian besar dari tugas ini terletak di atas bahu saudara-saudara dan saya percaya tiap-tiap seorang di sini akan menjalankan tanggungjawabnya dengan penuh keyakinan, kejujuran dan dedikasi.

Akhirnya, saya suka mengucapkan selamat berjaya kepada saudara-saudara dalam menjalankan tugas masing-masing.

SPEECH BY THE PRIME MINISTER AT THE
OFFICIAL LAUNCHING OF BUMIPUTRA MER-
CHANT BANKERS AT THE HARLEQUIN, HOTEL
MERLIN, KUALA LUMPUR ON 2ND DECEMBER,
1972

Y.M. Tengku Razaleigh,¹ Mr. Evelyn Rothschild,² Ladies and
and Gentlemen,

I am happy to be with you this evening on this auspicious occasion of the launching of Bumiputra Merchant Bankers Berhad. Although as Tengku Razaleigh said just now this will be the third Merchant Bank in Kuala Lumpur, it is the first to be established by a Malaysian Bank i.e. Bank Bumiputra. It is indeed a significant step forward on the part of Bank Bumiputra which has only been in operation for six years to venture into the sophisticated area of merchant banking.

As we all know, the concept of Merchant Banking is quite new to Malaysia. The term Merchant Bank is even somewhat baffling since to most laymen like me bankers are also merchants. Someone described it by analogy as the "commandos of banking" since its task is to reconnoitre and pioneer new terrain, free from the heavy apparatus of the major clearing or commercial banks. But in the light of industrial development potentials in the near future, I think its entry into the Malaysian stage is very timely. Bank Bumiputra is indeed fortunate in this instance, to be in association with the most famous name in international merchant banking—Rothschild.

As I see it, Merchant Banks in Malaysia should be able to make a substantial contribution to the development of our financial system by complementing and supplementing the services already provided by the existing financial institutions. They should function primarily as a financial intermediary in the short-term money and capital market in order to provide financial expertise and technical know-how in various aspects of financial investment and management. In this way, merchant banks would play a very

¹ Pengerusi dan Pengarah Bank Bumiputra.

² Pengurus Bank N. M. Rothschild & Sons Ltd, London.

important role in assisting the development of a strong and healthy money and capital market to service the needs of corporate companies and individuals engaged in commercial and industrial ventures.

Up to now, our financial institutions which include commercial banks, borrowing companies, Post Office Savings Bank, insurance companies and other have been very successful in mobilising funds. What is more urgent is the optimum utilisation of the funds available in the whole financial system to accelerate the growth of economic activities in line with the New Economic Policy they would bring optimum benefit to the country in terms of returns on capital invested, greater employment opportunities and fairer distribution of income among our people.

I have no doubt that the growth of merchant banking in this country would be extremely beneficial to us since their basic function is to fulfil and where possible anticipate the needs of industry over the whole spectrum of financial services. This is a new and exciting field and as more and more of our young people are entering the banking profession, I would expect quite a few of them will prefer this sector dealing with mobilization and management of money and its strategic deployment based on specialist knowledge of national and international financial markets. This is more challenging than the traditional banking practice by merely acting as lender of money or custodian of deposit.

Ladies and Gentlemen,

Once again, on behalf of the Government, I wish to thank N. M. Rothschild and Sons Ltd for their firm confidence in us by their presence and association in this venture.

I now have great pleasure in officially launching the Bumiputra Merchant Bankers Berhad and wish you every success.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI PERHIMPUNAN MAJLIS KEBANGSAAN PARTI PERIKATAN DI DEWAN TUNKU ABDUL RAHMAN, KUALA LUMPUR PADA 9^{HB} DISEMBER, 1972

Saudara-saudara sekalian,

Terlebih dahulu, sukaiah saya mengalu-alukan kedatangan saudara-saudara semua serta mengucapkan terima kasih kerana dapat hadir bersama-sama pada pagi ini. Terutama sekali saya ingin menyatakan setinggi penghargaan kepada Y. B. Datuk Ong Kee Hui, Ketua Parti SUPP., Y.A.B. Dr Lim Chong Eu, Ketua Parti Gerakan; dan Y.B. Datuk Sri S.P. Seenivasagam, Ketua P.P.P. yang ada bersama-sama kita dalam Mesyuarat Majlis Kebangsaan Parti Perikatan.

Sesungguhnya saya merasa bangga dan gembira kerana inilah pertama kali kita berada dalam perhimpunan seperti ini, mewakili bahagian terbesar rakyat Malaysia sebagai satu keluarga. Bahkan buat diri saya sendiri, peristiwa hari ini amat besar artinya kerana inilah sidang Majlis Kebangsaan atau Convention yang pertama semenjak saya mengambil alih teraju pimpinan Parti Perikatan dari Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dua tahun lalu. Oleh yang demikian, sukaiah saya pada kesempatan ini mengucapkan penghargaan dan terima kasih atas sokongan dan kerjasama saudara-saudara semua terutama kepada rakan-rakan baru kita dari SUPP, PPP dan Gerakan.

This is the first time we are assembled together in such an important occasion, representing a very major section of our people. The significance of our meeting today would be best understood and appreciated especially in the context of spearheading the idea of a National Front of Malaysian political parties, dedicated to goodwill and a united, multi-racial Malaysia.

Sepertimana yang kita semua maklum, gagasan coalition ini bukanlah baru bila kita mengingat bahawa konsep Perikatan yang kita dukung lahir dari pokok yang sama. Saya sungguh berterima kasih kepada pemimpin SUPP di bawah Y.B. Datuk Ong Kee Hui yang sedia berkerjasama membentuk Kerajaan Campuran

di Sarawak selepas Pilihanraya Negeri tahun 1970. Kemudian perkembangan-perkembangan di arena politik di Malaysia Barat sangatlah menggalakkan. Kita telah mendapat kerjasama daripada Kerajaan Parti Gerakan di Pulau Pinang sehingga tertubuhnya Kerajaan Campuran di Pulau Pinang. Kemudian Kerajaan Campuran ini telah berikuit pula di Negeri Perak. Saya sangat berterima kasih kepada Y.B. Dr Lim Chong Eu dan Y.B. Datuk S.P. Senniwasagam di atas kebijaksanaan dan pandangan yang jauh (their wisdom and farsightedness) dengan mempersetujui menubuhkan kedua-dua Kerajaan Campuran itu. Kita semua sungguh bangga bahawa Coalition Government di ketiga-tiga tempat ini berjalan dengan baik dan memuaskan hati.

Saudara-saudara sekalian,

Hari ini kita berada di ambang pintu kejayaan yang lebih besar bagi menghasilkan tujuan kita mengadakan National Front dari parti-parti siasah di negara ini untuk bekerjasama bagi menubuhkan satu negara yang kuat dan bersatupadu. Dengan adanya persetujuan pada dasarnya mengadakan Kerajaan Campuran dengan Parti PAS, dengan izin Tuhan, cita-cita ini akan menjadi kenyataan dalam masa yang singkat ini.

Saudara-saudara sekalian,

Tujuan kita berhimpun pagi ini ialah untuk bertukar-tukar fikiran mengenai hal-hal yang bersangkutan dengan dasar Kerajaan dan ko-ordinasi jentera Parti supaya kita dapat mengekalkan lagi kerjasama dan persahabatan di antara satu dengan lain. Saya sukalah menyentuh terlebih dahulu tentang dasar Kerajaan kita setakat yang berhubung dengan usaha meningkatkan perkembangan ekonomi negara dan pertaliannya dengan matlamat perpaduan negara.

Pada keseluruhannya, pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan hari ini adalah memuaskan meskipun ada beberapa faktor di luar dugaan kita yang melambatkan proses pelaksanaan seperti sepatutnya. Saya telah pun mengarahkan supaya Mid-Term Review Rancangan Malaysia Kedua dibuat sekarang supaya kita dapat memastikan setakat mana kita dapat memenuhi matlamat yang ditentukan dan memperkemaskan lagi jentera pelaksanaan untuk jangka waktu selanjutnya hingga tahun 1975 kelak.

Bagaimanapun, saya ingin saudara-saudara di sini bersama-sama memberikan perhatian berat dan mengawasi jentera pelaksanaan terutama di peringkat negeri dan daerah supaya kalau ada kelemahan atau kepincangan dapat diperbetulkan segera untuk mencapai matlamat yang ditentukan. Hanya dengan kejayaan matlamat ekonomi baru dapat terjamin cita-cita perpaduan negara.

Begitu juga usaha-usaha yang kita jalankan berhubung dengan national unity programme sedang berjalan dengan baik di bawah pimpinan Tun Sambanthan. Majlis Penasihat Perpaduan Negara yang bersidang baru-baru ini telah pun membentuk Jawatankuasa Khas untuk mengkaji dengan mendalam hal-hal yang bersangkutan dengan langkah membentuk keperibadian nasional atau national identity, pelajaran dan pekerjaan. Saya percaya langkah-langkah yang diambil oleh Jawatankuasa Khas ini akan mempercepat lagi tercapainya matlamat perpaduan yang dicita-cita itu.

Saya suka mengulangi di sini apa yang saya tegaskan dulu ia-itu hendaklah kita sama-sama sedar dan dengan penuh kejujuran mendorong cita-cita perpaduan kebangsaan melalui jalan kebangsaan atau national means. Hakikat ini hendaklah sama-sama didukung dan dilaksanakan dengan penuh rasa tanggungjawab dan dedikasi.

Saudara-saudara,

Mesyuarat kita akan juga membincangkan hal-hal yang bersangkutan dengan dasar luar negeri dan pelaksanaannya hari ini. Barangkali tidak perlu saya mengulang kata lagi bahawa dasar bebas dan berkecuali yang kita amalkan itu mendapat penghormatan dari semua negara termasuk kuasa-kuasa besar dunia. Hal ini lebih-lebih saya rasakan semasa lawatan saya ke Switzerland, Austria, Poland dan Soviet Union tidak lama dahulu di mana saya telah diberi sambutan yang meriah dan negara-negara itu menunjukkan kesediaan mereka menghulur tangan persahabatan dan kerjasama dengan kita. Ini adalah menggambarkan bahawa Malaysia adalah mempunyai imej yang tinggi di negara-negara dunia termasuklah negara-negara socialist yang mempunyai cara pentadbiran yang berlainan daripada kita. Perkara ini adalah menunjukkan iaitu dasar luar kita yang bebas dan berkecuali itu telah mendatangkan hasil yang memuaskan dan memberi nama yang baik kepada negara kita.

Kita sukacita dan bersyukur ke hadrat Tuhan iaitu perkembangan-perkembangan di Vietnam khususnya dan di seluruh Indo Cina adalah membawa harapan yang baik untuk memulihkan keamanan di Wilayah itu. Dengan adanya keamanan di Indo China, cita-cita kita untuk menjadikan Tenggara Asia ini kawasan bebas dan aman adalah menjadi lebih cerah dan ternyata. Begitu juga kita patut gembira dengan hubungan baik antara kita dengan negara-negara jiran serta adanya kerjasama yang lebih rapat untuk kepentingan bersama bagi masa hadapan.

Saudara-saudara,

As I have said earlier, we are now on the threshold of a new era which brings with it prospects of enduring peace and stability for the whole region of Southeast Asia of which we are part of. During the past two years, we have charted the course of the long journey which will take us and the later generations of Malaysians to ultimate goal—the new Malaysia that we fondly cherish.

For the moment, there is a lot to be done and I am sure everyone of us here today will feel as committed as I do to the task before us and will face the challenges with faith and determination. Three years after the greatest test of our life time—the May 13 Incident—we find ourselves here grouped together thinking and working in unison, for the upliftment of our people of various races, for their betterment and wellbeing. This I think is in essence the main reason which impels us to work and co-operate together. It is my hope and prayer that this co-operation and partnership will endure for all time.

Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih atas kehadiran saudara-saudara di sini, terutama yang datang dari jauh, dan dengan azam dan keyakinan kita bersama, akan terus membawa rakyat dan negara ini ke zaman yang cerah dan gemilang di masa hadapan.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI PEMBUKAAN
RASMI PERSIDANGAN AGUNG KESATUAN
GURU-GURU MELAYU MALAYSIA BARAT DI
DEWAN HANG TUAH, BANDAR MELAKA,
MELAKA PADA 16HB DISEMBER, 1972

Tuan Pengerusi, Saudara-saudara sekalian,

Saya sungguh merasa gembira kerana dapat hadir bersama-sama pada Persidangan Agung Kesatuan Guru-guru Melayu Malaysia Barat di samping mendapat penghormatan untuk merasmikannya.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada ahli-ahli Kesatuan yang telah datang dari jauh dan dekat berhimpun di sini membuktikan sokongan mereka kepada Pertubuhan ini dan terutama sekali kepada Panitia Sambutan yang telah mengaturkan acara meriah menyambut ketibaan saya sebentar tadi.

Pada hemat saya, selagi ada perpaduan yang kukuh dan sokongan yang tidak berbelah-bagi dari seluruh ahlinya, Kesatuan ini akan dapat terus berbakti kepada masyarakat dan negara serta meneruskan perjuangan yang diwarisnya sejak pertubuhan asalnya—KPGMS—diasaskan tahun 1946 dahulu.

Saudara-saudara sekalian,

Saya menganggap Persidangan kali ini sebagai satu peristiwa yang besar maknanya kepada pergerakan Guru-guru Melayu. Kaum Guru sebagai satu kumpulan merupakan angkatan pelupur yang telah bersama-sama memperjuangkan cita-cita kemerdekaan selepas Perang Dunia Kedua. Beberapa orang daripada tokoh-tokoh pejuang itu masih ada di tengah-tengah kita hari ini dan saya sangat berbesar hati kerana diberi penghormatan menyampaikan Pingkat Emas kepada mereka itu pagi ini.

Tidak siapa yang boleh menafikan bahawa mereka itu telah banyak berjasa dalam usaha memperjuangkan kepentingan pelajaran Melayu dan bahasa Kebangsaan sejak dari zaman kolonial hingga kini menjadi bahasa rasmi yang tunggal dalam negara yang merdeka dan berdaulat.

Saya sungguh gembira kerana mereka adalah rakan-rakan lama yang saya kenal baik semasa memegang portfolio Pelajaran tujuh belas tahun dulu dan sama-sama berganding bahu memperjuangkan kemerdekaan negara yang kita kasihi. Oleh yang demikian, amatlah kena pada waktunya kita hari ini menunjukkan penghargaan atas jasa dan pengorbanan mereka itu, bukan saja sebagai Pahlawan Kesatuan Guru atau tokoh pendidikan, bahkan mengingat khidmat bakti mereka yang tidak ternilai untuk bangsa dan negara.

Saudara-saudara sekalian,

Tahun-tahun enam puluhan telah melihat perkembangan-perkembangan pesat dalam usaha kita memenuhi cita-cita kemerdekaan, meskipun kita terpaksa menghadapi saat-saat genting berikutan dengan pembentukan Malaysia pada tahun 1963.

Satu hal yang amat menggembirakan saya semasa tempuh itu ialah adanya perubahan sikap di kalangan guru-guru Melayu sendiri yang insaf terhadap tuntutan-tuntutan baru sesuai dengan cita-cita dasar pelajaran kebangsaan yang kita gubal bersama menggantikan dasar pelajaran zaman kolonial.

Saya sungguh merasa lega melihat perkembangan ini oleh sebab inilah kemajuan yang saya sangat-sangat ingini berlaku di kalangan guru-guru Melayu khasnya supaya mereka berusaha membaiki dan meningkatkan lagi kelulusan akademik mereka dan dengan demikian dapat menikmati taraf yang selayaknya.

Hari ini kita boleh berbangga kerana jalan yang dirintis oleh pelopor-pelopor tahun limapuluhan itu semakin luas digunakan. Ramai Guru-guru Melayu yang satu masa dulu hanya berkelulusan SITC tidak hanya berpuas hati mengambil Sijil Seberang Laut dan H.S.C. bahkan terus ke Universiti untuk mendapatkan ijazah B.A. (Hons) dan Diploma Pendidikan. Saya berharap trend ini akan berkekalan untuk seberapa lama dan Kerajaan akan bersedia memberi galakan dan bantuan kepada sesiapa yang memerlukannya.

Dalam hubungan ini juga, saya suka memuji usaha Kesatuan ini mengaturkan kuliah dan kursus secara bertulis dengan kerjasama Yayasan-yayasan Perguruan Tinggi di Indonesia seperti Universitits Nasional itu. Apa jua langkah yang bertujuan meningkatkan taraf ilmu pengetahuan akademik sangatlah baik kerana ini dapat pula menjamin mutu pengajian di sekolah-sekolah kita.

Saudara-saudara sekalian,

Saya suka juga mengalu-alukan usaha menerbitkan majallah Guru sebagai media untuk menyebarkan pengetahuan dan pendapat-pendapat baru di bidang pendidikan dan perguruan. Dalam tahun-tahun dua puluhan dan tiga puluhan dulu majallah Guru di kenal sebagai salah satu penerbitan yang terkemuka dan bermutu tinggi. Peranannya sebagai arena sastera mempunyai tempat istimewa dalam sejarah kemajuan sastera Melayu dan saya harap majallah Guru dalam bentuknya sekarang ini akan memainkan peranan yang sama penting di samping penerbitan-penerbitan yang ada dewasa ini.

Saya sukacita juga mendengar bahawa Tabung Biasiswa Kesatuan ini telah berhasil melahirkan ramai lagi tenaga ahli kaum kita yang lulus dalam berbagai jurusan pelajaran tinggi. Langkah seperti ini amat besar maknanya membantu usaha yang dijalankan oleh Kerajaan menerusi Biasiswa Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri dan MARA kerana keperluan tenaga terlatih masih banyak diperlukan untuk beberapa jangkawaktu Rancangan Pembangunan Malaysia.

Saya ingin menegaskan, terutama dalam langkah menyusun semula masyarakat, kita memerlukan sekian ramai tenaga professional di kalangan orang Melayu dan Bumiputra yang lain supaya beransur-ansur dapat mengimbangi jurang perbezaan yang ada hari ini. Lebih-lebih pula dengan bertambahnya tiga lagi pusat pengajian tinggi di tanah air kita—Universiti Kebangsaan, Universiti Pertanian dan Institiut Teknologi Kebangsaan, keperluan sarjana-sarjana sains dan teknologi di pusat-pusat itu akan terus meningkat dan mesti dipenuhi. Saya percaya dan ingin melihat ada antara saudara-saudara di sini yang sanggup menyambut cabaran ini samada mengambil peluang Tabung Biasiswa Kesatuan ataupun sumber-sumber lain.

Saudara-saudara sekalian,

Saya ingin juga mengambil kesempatan ini menyentuh tentang masaalah masyarakat khasnya setakat yang berhubung dengan jenerasi muda di bangku sekolah. Dalam keadaan sekarang disebabkan cepatnya pengaruh sesuatu di Barat umpamanya menular ke sebelah sini melalui alat-alat hubungan moden seperti radio, TV dan filem-filem, saya berpendapat tugas dan tanggungjawab kaum guru semakin berat kalau keadaan ini hendak dikawal

sebaik-baiknya. Memang benar sebahagian daripada tanggungjawab ini patut dipikul bersama oleh ibubapa anak-anak tetapi saya yakin kalau kaum guru memberikan bimbingan yang sempurna dengan penuh dedikasi kita akan berjaya membentuk jenerasi muda yang terdidik dan berdisiplin.

Dalam context ini, saya fikir amatlah mustahak kaum guru mempunyai code of ethics atau tatasusila yang semestinya dijadikan panduan dan amalan. Menurut pengertian ini, kaum guru, sebagaimana juga golongan professional yang lain, mempunyai garis batasan yang patut dipatuhi setiap masa. Ini sangatlah penting kerana mereka diamanahkan untuk membimbing dan mendidik waris negara di masa akan datang. Oleh itu mereka hendaklah mempunyai "code" yang sesuai dengan tugas-tugas mereka sebagai pendidik. Masyarakat akan hanya menganggap dan memuliakan seorang guru itu jika ia mempunyai kualiti-kualiti yang sempurna sebagai seorang pendidik. Untuk menjadi seorang guru yang baik bukan hanya berkehendakkan kelulusan dan ikhtisas sahaja tetapi juga sikap, dedikasi, sifat amanah dan tanggungjawab terhadap profession sebagai seorang guru. Guru-guru hendaklah memahami bukan sahaja dasar-dasar pelajaran dan kaedah-kaedah mengajar tetapi adalah penting bagi mereka itu memahami betul-betul dan bersimpati dengan tujuan-tujuan dan kehendak-kehendak masyarakat dalam segi pembangunan dan sebagainya.

Pembinaan masyarakat Malaysia yang baru bermula di dalam bilik-bilik darjah dari masa kanak-kanak lagi, kerana pengajaran dan pengalaman di bangku sekolah itu akan mencipta keperibadian masyarakat akan datang. Oleh yang demikian, mustahaklah saudara-saudara menyedari betapa penting dan besarnya harapan negara kita terhadap peranan guru-guru kita dan kita berkehendak mereka mempunyai sifat-sifat peribadi yang perlu untuk memenuhi harapan melahirkan masyarakat Malaysia yang cergas, tekun dan berdisiplin.

Saudara-saudara sekalian,

Kita sekarang berada di ambang zaman yang penuh dengan harapan dan keyakinan, memenuhi hasrat dan cita-cita sebagai bangsa yang merdeka. Setelah lima belas tahun kita telah meningkat dewasa dengan mempunyai keperibadian atau identity tersendiri serta kesanggupan menentukan arah haluan yang akan kita tuju. Kita boleh berbangga dengan penghormatan tinggi negara-negara

dunia termasuk kuasa-kuasa besar terhadap kita pada masa ini, terutama dengan peranan yang kita jalankan dalam arena politik rantau ini.

Hari ini kita mempunyai tempat yang mulia di kalangan dunia antarabangsa. Baru-baru ini saya telah melawat beberapa negara di Eropah termasuk Soviet Union di mana saya mendapat sambutan yang lazimnya khas bagi pemimpin kuasa-kuasa besar. Ini adalah penghormatan yang besar bagi negara kita Malaysia yang sepatutnya mendorong semua rakyat supaya menyokong penuh usaha Kerajaan meninggikan nama dan mertabat negara kita untuk menjadi warisan kepada jenerasi-jenerasi akan datang.

Dalam perkembangan-perkembangan yang pesat di bidang politik, ekonomi dan sosial, saya fikir patutlah saudara-saudara kaum Guru membulatkan azam dan tekad meninggikan taraf kedudukan mereka supaya saudara-saudara juga mempunyai tempat sewajarnya dalam masyarakat hari ini. Masanya sudah luput bagi kita berpuashati dengan perjuangan dan kejayaan masa lalu kerana pada hemat saya apa yang diperjuangkan pada masa itu sudah pun tercapai. Dari sekarang dan untuk masa akan datang, kita menghadapi masaalah-masaalah baru dan cabaran-cabaran baru di mana setiap kumpulan atau golongan masyarakat mempunyai tugas dan kewajipan masing-masing. Saya berseru dan berharap semuga saudara-saudara akan tampil kemuka, bersama-sama berganding bahu menghadapi cabaran-cabaran itu yang akan membawa bangsa dan negara kita ke zaman yang lebih gemilang.

Saudara-saudara,

Sekali lagi, saya mengucapkan berbanyak terima kasih atas jemputan untuk saya datang kemari pagi ini dan dengan sukacitanya saya merasmikan Persidangan ini serta berdoa semuga diberkati Allah segala usaha kita untuk kebajikan negara Malaysia dan kebahagiaan rakyat seluruhnya.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI PEMBUKAAN RASMI PERSIDANGAN PERWAKILAN TAHUNAN KE DUA PULUH SATU KONGRES KESATUAN SEKERJA MALAYSIA (M.T.U.C.), DI DEWAN PERSIDANGAN BANGUNAN MTUC, PETALING JAYA PADA 19^{HB} DISEMBER, 1972

Saudara Pengerusi, Y.B. Tan Sri Manikavasagam,¹ Saudara-saudara sekalian.

Saya sungguh gembira atas jemputan pihak MTUC untuk merasmikan Persidangan Perwakilan Tahunan yang ke dua puluh satu ini dan saya ucapkan setinggi-tinggi terimakasih atas penghormatan saudara-saudara itu.

Sebagaimana yang kita semua maklum, MTUC ini boleh dianggap sebagai salah satu lambang kehidupan nasional kita, yang mencerminkan kebebasan rakyat mempunyai organisasi khusus untuk mengendalikan masalah berhubung dengan kaum pekerja. Kerajaan mengiktiraf peranan penting MTUC dengan hakikat ramai antara pegawai-pegawai MTUC diberi penghormatan duduk dalam pelbagai badan-badan berkanun dan badan-badan khas seperti Majlis Penasihat Bersama Buruh Kebangsaan, Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Majlis Keselamatan Sosial dan lain-lain lagi. Hal ini membuktikan keyakinan serta kepercayaan Kerajaan terhadap MTUC supaya dapat bersama-sama menimbang dan menghuraikan masalah buruh yang mempunyai kepentingan negara.

